

Laporan Tahunan 2013

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Kandungan

Perutusan YB. Menteri Dalam Negeri	01
Kata-kata Aluan Ketua Setiausaha	02
Carta Organisasi	05
Teraju Utama	
Pengurusan Tertinggi	09
Visi, Misi, Teras dan Objektif	19
Fungsi Kementerian	20
Peralihan Kepimpinan	21
Laporan Pencapaian	
i. Sektor Ketua Setiausaha	23
a. Bahagian Penasihat Undang-Undang	24
b. Bahagian Perancangan Strategik	28
c. Bahagian Audit Dalam	40
d. Bahagian Komunikasi Korporat	46
e. Institut Keselamatan Awam	54
ii. Sektor Keselamatan	59
a. Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran	60
b. Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam	68
c. Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan	76
d. Bahagian Kepenjaran, Antidadah dan Pertahanan Awam	82
e. Bahagian Urusetia Lembaga Parol	88
f. Bahagian Antarabangsa	92
g. Bahagian Bidang Keberhasilan Utama Negara	102
h. Bahagian Kepolisian dan Keselamatan Sempadan	112
i. Bahagian Keselamatan Siber	116

iii. Sektor Pengurusan	119
a. Bahagian Kewangan	120
b. Bahagian Akaun	124
c. Bahagian Pembangunan	132
d. Bahagian Perolehan	136
e. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	144
f. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat	150
g. Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	154
h. Bahagian Parlimen dan Kabinet	162
iv. Sektor Operasi	167
a. Bahagian Hal Ehwal Imigresen	168
b. Bahagian Pengurusan Pekerja Asing	172
c. Pasukan Sukarelawan Malaysia	178
d. Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan	184
v. Jabatan/Agensi	189
a. Polis Diraja Malaysia	190
b. Jabatan Penjara Malaysia	204
c. Agensi Antidadah Kebangsaan	210
d. Jabatan Imigresen Malaysia	218
e. Jabatan Pendaftaran Negara	222
f. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	238
g. Jabatan Pertahanan Awam	242
h. Percetakan Nasional Malaysia Berhad	252

Perutusan Menteri Dalam Negeri



Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera,
Salam 1Malaysia.

Istilah-istilah yang selama ini menjadi tiang-seri Kementerian Dalam Negeri (KDN) seperti inovasi dan kreativiti, dedikasi dan kompetensi; serta integriti dan loyalti akan terus saya suburi dalam meneruskan kesinambungan kecemerlangan organisasi. Dengan kesedaran bahawa masyarakat Malaysia kini semakin sofistikated dari segi jangkauan dan harapan khususnya dalam aspek kebersamaan dan keterbukaan serta kemunculan media baru maka saya komited untuk mengukuhkan lagi tiang-seri tersebut dalam menerajui keselamatan dalam negeri ala binaan sebuah rumah yang kukuh dan selamat untuk didiami. Adalah menjadi harapan saya agar corak kepimpinan yang tidak bertolak ansur terhadap sebarang anasir yang boleh mengganggu-gugat keselamatan dan ketenteraman awam mendapat sokongan dan kerjasama semua pihak.

Sehubungan itu sukacita dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein serta mantan Timbalan-timbalan Menteri YB Datuk Wira Abu Seman Yusop dan YB Dato' Lee Chee Leong yang telah mentadbir urus KDN dengan cemerlang sehingga menampakkan keyakinan rakyat terhadap aspek keamanan dan kesejahteraan. Sambutan mesra oleh semua lapisan wargakerja diketuai Ketua Setiausaha YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi semasa ketibaan kali pertama saya dan Timbalan Menteri YB Datuk Dr Wan Junaidi Tunku Jaafar dengan sendirinya telah meningkatkan



lagi iltizam saya untuk terus memacu kecemerlangan KDN melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi; khususnya oleh Jabatan/Agensi barisan hadapan seperti Pendaftaran Negara, Imigresen dan Anti-Dadah.

KDN telah pun membudayakan gagasan 1Malaysia: Rakyat DiDahulukan dan Pencapaian DiUtamakan dalam merangka dan seterusnya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti. Pembudayaan kerja yang berteraskan kreativiti dan inovasi juga telah membolehkan KDN beserta Jabatan/Agensi di bawahnya meraih pelbagai pencapaian dan pengiktirafan dari dalam dan luar negara. Alhamdulillah dengan izin Allah SWT dan sokongan semua lapisan wargakerja, tekad utama bagi tahun pertama keberadaan saya di KDN iaitu dalam memastikan kesinambungan kecemerlangan organisasi di samping mempertahankan tahap ketenteraman awam dan keselamatan demi kesejahteraan kehidupan rakyat berjaya direalisasikan.

Begitu cepat masa berlalu, tanggal 21 Mei 2013 seperti baru semalam mendatangi kita dan semoga kita terus dilimpahi Rahmat Allah SWT untuk terus maju di tahun 2014. Ucapan syabas kepada semua lapisan pegawai/kakitangan serta Jabatan/Agensi di bawah seliaan atas sumbangan menjayakan misi yang dipertanggungjawabkan. Juga ucapan tahniah kerana kita mampu bergerak sebagai satu pasukan yang mantap sekaligus merealisasikan agenda bagi tahun 2013 yang kita tetapkan menerusi rancangan jangka panjang lima tahun Pelan Strategik 2010 – 2015 KDN. Tahniah juga kepada Sidang Editorial yang menguruskan penerbitan Laporan Tahunan KDN 2013.

Semoga pencapaian tahun 2013 menjadi pemangkin kepada ciptaan lebih banyak lagi inisiatif penambahbaikan di tahun 2014 untuk KDN terus kekal relevan selari dengan lanskap semasa keselamatan dalam negeri dan antarabangsa; sekaligus memantapkan lagi imej KDN di mata *stakeholders* dan juga para pelanggan. Semoga momentum komitmen kita yang tidak berbelah-bahagi untuk terus bersama kerajaan menguruskan negara yang warganegaranya terdiri dari masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya kekal subur di sanubari dan amalan selamanya.

Sekian. Salam 1KDN. Wassalam.



Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi
Menteri Dalam Negeri



Kata-kata aluan

Ketua Setiausaha



Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Syukur ke hadrat Allah SWT atas izin dan kurniaNya wargakerja KDN diberi kesihatan, kecergasan dan kewibawaan melaksanakan amanah besar negara menerajui ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri dengan berkesan. Juga dipanjatkan kesyukuran atas loronganNya telah membawa kepada wujudnya satu kesatuan kerja amat padu dan komited yang sentiasa mengamalkan ciri-ciri cepat, tepat dan berintegriti dalam melaksanakan tugas harian. Alhamdulillah sumbangan dan perkhidmatan 1KDN mencakupi Jabatan/Agensi berjaya mengotakan janji dan komitmen pemegang taruh dalam mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan lebih tenteram untuk dinikmati rakyat.

Antara pencapaian utama KDN tahun 2013 ialah pada usaha memerangi jenayah yang diterjemahkan melalui pembentangan Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 di mana telah mendapat kelulusan suara majoriti di Parlimen. Kejayaan GPEC Asia 2013 dengan sendirinya menzahirkan keupayaan KDN dalam penganjuran acara-acara besar dan di peringkat antarabangsa. Dalam konteks penyampaian perkhidmatan pula, pelbagai inisiatif merekayasa proses dan sistem penyampaian telah membuahkan hasil dan kemudahan kepada rakyat. Amalan pendekatan Rakyat DiDahulukan ternyata membuahkan hasil menerusi penerimaan Sijil Pengurusan Aduan Cemerlang 2013 daripada Biro Pengaduan Awam JPM.


Ucapan tahniah atas kepimpinan pengurusan mantan Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi atas banyak lagi pencapaian tahun 2013; dan ucapan terima kasih di atas peletakkan satu kesatuan gerakkerja KDN di landasan yang tepat dalam lanskap persekitaran semasa. InsyaAllah dengan asas yang teguh itu, saya berazam untuk meneruskan legasi kecemerlangan KDN amya



dan menjadikan prestasi 2013 sebagai penanda-arasan untuk melonjakkan lagi kecemerlangan organisasi KDN ke tahap yang lebih tinggi. Semoga dedikasi dan kerjasama semua wargakerja seperti mana tahun 2013 dikekalkan dan dipertingkatkan lagi pada tahun 2014 untuk KDN terus maju dan jaya.

Akhir kalam harapan saya ialah agar kita tidak terperangkap dalam sindrom zon selesa dan apa jua pencapaian KDN 2013 juga tidak melekakan kita. Setiap satu kejayaan sewajarnya kita budayakan sebagai hasil usaha kerja berpasukan dan diraikan secara bersama pada kadar sederhana. Semoga setiap apa perkara yang baik-baik dapat kita amal dan paparkan sebagai etika kerja tersendiri KDN, dan di mana terdapat sebarang kekurangan sewajarnya juga kita berusaha untuk mengatasinya. Tahniah juga kepada pasukan editorial yang menyelaraskan penerbitan Laporan Tahunan 2013 dan semoga pelaporan pelaksanaan pelbagai program/aktiviti menjelaskan lagi visi dan misi pewujudan KDN dan Jabatan/Agensi di bawahnya.

Berkhidmat Untuk Negara.



Dato' Mohamad Khalid bin Hj. Sharif

Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri





TIMBALAN MENTERI
YB Datuk Wira Abu Seman Yusop



MENTERI
YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein

KETUA SETIAUSAHA
Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi
UTAMA TURUS III / TURUS II

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
(KESELAMATAN)
Dato' Alwi Haji Ibrahim
UTAMA A

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(OPERASI)
Dato' Wan Ali Besar
UTAMA B

PENASIHAT UNDANG-UNDANG
Othman Yusof
UTAMA C

PERANCANGAN STRATEGIK
Tanasengran Sinnathambi
UTAMA C

AUDIT DALAM
Zaaba Zainuddin
W54

KOMUNIKASI KORPORAT
Nik Ahmad Khusairi Nik Ibrahim
54 (T)

PEMBANGUNAN INSAN
Siti Hasiyah Jusoh
S48

PASUKAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
Dato' Mustafa Ibrahim
UTAMA C

PENGURUSAN PEKERJA ASING
Tengku Mohd Amin Tuan Sulaiman
(M54)

PENDAFTARAN NEGARA DAN PERTUBUHAN
Siti Zauyah Osman
UTAMA C

HAL EHWAL IMIGRESEN
Dato' Zaitun Ab. Samad
UTAMA C

KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM
Dato' Awang Din Husain
UTAMA C

KAWALAN PENERBITAN DAN TEKS
AL-QURAN
Hashimah Nik Jaafar
UTAMA C

KAWALAN PENAPISAN FILEM DAN
PENGUATKUASAAN
Kosong
UTAMA C

KEPENJARAAN, ANTI DADAH DAN
PERTAHANAN AWAM
Habsah Md. Sidek
M54

SETIAUSAHA LEMBAGA PAROL
Mohamad Razin Abdullah
M54

KEPOLISAN DAN KESELAMATAN SEMPADAN
MERANGKAP KETUA PENGARAH UNIT
PENCEGAHAN PENYELUDUPAN
Dato' Ab. Rahim Ismail
M54

ANTARABANGSA
Mohd Khair Razman Mohammed Annuar
M54

NKRA
Dr. Waitchalla A/p R.R.V Suppiah
M54

KESELAMATAN SIBER
Abdul Munir Lutfi Said
M54

Carta Organisasi

Kementerian Dalam Negeri 2013

Sehingga 20 Mei 2013

TIMBALAN MENTERI
YB Dato' Lee Chee Leong



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
(PENGURUSAN)
Dato' Daud Tahir
UTAMA A

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PENGURUSAN)
Hasanah Abd Hamid
UTAMA B

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PEMBANGUNAN & PEROLEHAN)
Dato' Wahab Mohd Yasin
UTAMA B

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
Zulkifli Rahmat
UTAMA C

PEMBANGUNAN
Kamariah Mohd Noah
UTAMA C

PENGURUSAN MAKLUMAT
Dato' Haji Mohmed Rosli Saad
KHAS C

PEROLEHAN
Abd Aziz Md. Nor
UTAMA C

KHIDMAT PENGURUSAN DAN ASET
Dato' Mohmed Asri Yusof
UTAMA C

KEWANGAN
Dato' Nor Ashikin Haji Md. Salim
UTAMA C

PARLIMEN DAN KABINET
Muhamad Sade Mohamad Amin
M54

AKAUN
Manuriani Che Tahir
UTAMA C

SURUHANJAYA PASUKAN POLIS
Urusetia Suruhanjaya
Khairim Shahril Mat Khalid
M52

POLIS DIRAJA MALAYSIA
Tan Sri Haji Ismail Omar
UTAMA TURUS II

JABATAN PENJARA MALAYSIA
Datuk Wira Haji Zulkifli Omar
UTAMA A (T)

AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
Puan Sri Dato' Zuraidah Haji Mohamed
UTAMA B (T) (KUP UTAMA A)

JABATAN IMIGRESEN
Dato' Alias Haji Ahmad
UTAMA B (KUP UTAMA A)

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
Dato' Hajjah Jariah Hj. Mohd Said
UTAMA B

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN
Dato' Abdul Rahman Othman
UTAMA C (KUP UTAMA B)

JABATAN PERTAHANAN AWAM
Dato' Sulaiman Keling
UTAMA C

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Izham Yusoff



TIMBALAN MENTERI
YB Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar



MENTERI
YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi



KETUA SETIAUSAHA
Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi
UTAMA TURUS III / TURUS II

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
(KESELAMATAN)
Dato' Alwi Haji Ibrahim
UTAMA A

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(OPERASI)
Dato' Wahab Mohd Yasin
UTAMA B

PERANCANGAN STRATEGIK
Tanasengran Sinnathambi
UTAMA C

PENASIHAT UNDANG-UNDANG
Othman Yusof
UTAMA C

AUDIT DALAM
Johari Ismail
UTAMA C

KOMUNIKASI KORPORAT
Tuan Haji Azmi Abdul Malek
54 (T)

UNIT INTEGRITI
Mohamad Soib Hj. Abdullah
P54

INSTITUT KESELAMATAN AWAM
Dato' Dr. Hj. Ab. Rahman Hj. Ismail
YA24

PEMBANGUNAN INSAN
Siti Hasiah Jusoh
S48

HAL EHWAL IMIGRESEN
Dato' Zaitun Ab. Samad
UTAMA C

PENGURUSAN PEKERJA ASING
Tengku Mohd Amin Tuan Sulaiman
(M54)

PASUKAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
Dato' Mustafa Ibrahim
UTAMA C

PENDAFTARAN NEGARA DAN PERTUBUHAN
Siti Zauyah Osman
UTAMA C

KAWALAN PENERBITAN DAN TEKS
AL-QURAN
Hashimah Nik Jaafar
UTAMA C

KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM
Dato' Awang Din Husain
UTAMA C

KAWALAN PENAPISAN FILEM DAN
PENGUATKUASAAN
Mohd Zamberi Abdul Aziz
UTAMA C

SETIAUSAHA LEMBAGA PAROL
Tuan Haji Mohamad Hidayat Ali Omar
M54

KEPENJARAAN, ANTI DADAH DAN
PERTAHANAN AWAM
Habsah Md. Sidek
M54

ANTARABANGSA DAN SEKRETARIAT MAPO
Mohd Khair Razman Mohammed Annuar
M54

NKRA
Saadon Haji Othman
M54


KEPOLISAN DAN KESELAMATAN SEMPADAN
MERANGKAP KETUA PENGARAH UNIT
PENCEGAHAN PENYELUDUPAN
Dato' Ab. Rahim Ismail
M54

KESELAMATAN SIBER
Abdul Munir Lutfi Said
M54

Carta Organisasi

Kementerian Dalam Negeri 2013

Mulai 21 Mei 2013



Pengurusan Tertinggi

Sehingga 20 Mei 2013

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Menteri Dalam Negeri

YB. Dato' Lee Chee Leong
Timbalan Menteri Dalam Negeri

YB. Datuk Wira Abu Seman Yusop
Timbalan Menteri Dalam Negeri

Mulai 21 Mei 2013

YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi
Menteri Dalam Negeri

YB Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar
Timbalan Menteri



Pengurusan Tertinggi

1. Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi
Ketua Setiausaha
2. Dato' Daud Tahir
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pengurusan)
3. Dato' Alwi Haji Ibrahim
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan)
4. Hasanah Abd Hamid
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pembangunan dan Perolehan)
5. Dato' Wahab Mohd Yasin
Timbalan Ketua Setiausaha
(Operasi & Pengurusan)
6. Dato' Wan Ali Besar
Timbalan Ketua Setiausaha



Pengurusan Tertinggi Sektor Ketua Setiausaha

1. Tanasengran Sinnathambi
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik
2. Othman Yusof
Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang
3. Johari Ismail
Setiausaha Bahagian
Bahagian Audit Dalam
4. Nik Ahmad Khusairi Nik Ibrahim
Setiausaha Bahagian
Bahagian Komunikasi Korporat
5. Mohamad Soib Hj. Abdullah
Setiausaha Bahagian
Unit Integriti
6. Siti Hasiah Jusoh
Setiausaha Bahagian
Unit Pembangunan Insan



Pengurusan Tertinggi Sektor Keselamatan

1. Hashimah Nik Jaafar
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran
2. Dato' Awang Din Husain
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam
3. Mohd Zamberi Abdul Aziz
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan
Penguatkuasaan
4. Haji Alias Mamat
Setiausaha Bahagian
Urusetia Lembaga Parol



Pengurusan Tertinggi Sektor Keselamatan

5. Mohd Khair Razman Mohammed Annuar
Setiausaha Bahagian
Bahagian Antarabangsa
6. Dato' Ab. Rahim Ismail
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kepolisian dan Keselamatan Sempadan
7. Habsah Md. Sidek
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kepenjaran, Antidadah dan
Pertahanan Awam
8. Abdul Munir Lutfi Said
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keselamatan Siber



Pengurusan Tertinggi Sektor Pengurusan

1. Dato' Nor Ashikin Haji Md. Salim
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
2. Abd Aziz Md. Nor
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan
3. Kamariah Mohd Noah
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan
4. Zulkifli Rahmat
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



Pengurusan Tertinggi Sektor Pengurusan

5. Dato' Haji Mohmed Rosli Saad
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan
Teknologi Maklumat
6. Dato' Mohmed Asri Yusof
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset
7. Muhamad Sade Mohamad Amin
Setiausaha Bahagian
Bahagian Parlimen dan Kabinet
8. Ahmad Fuad Apani
Setiausaha Bahagian
Bahagian Suruhanjaya Pasukan Polis



Pengurusan Tertinggi Sektor Operasi

1. Dato' Zaitun Ab. Samad
Setiausaha Bahagian
Bahagian Hal Ehwal Imigresen
2. Dato' Mustafa Ibrahim
Ketua Pengarah
Pasukan Sukarelawan Malaysia
3. Siti Zauyah Osman
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan



Pengurusan Tertinggi Jabatan / Agensi

1. Tan Sri Khalid Abu Bakar
Ketua Polis Negara
Polis Diraja Malaysia
2. Datuk Wira Haji Zulkifli Omar
Ketua Pengarah
Jabatan Penjara Malaysia
3. Puan Sri Dato' Zuraidah Haji Mohamed
Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
4. Dato' Alias Haji Ahmad
Ketua Pengarah
Jabatan Imigresen Malaysia



5. Dato' Jariah Hj. Mohd Said
Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara

6. Mohamad Razin Abdullah
Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan

7. Dato' Sulaiman Keling
Ketua Pengarah
Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

8. Maamor Che Alias
Pengarah Urusan
Percetakan Nasional Malaysia Berhad



VISI

Peneraju Keselamatan Dalam Negeri

MISI

Mentadbir Urus Keselamatan Dalam Negeri Untuk Menjamin Keamanan Dan Kesejahteraan Rakyat

TERAS

INTEGRITI

KUALITI

INOVASI

PROFESIONALISME

ESPRIT de CORPS

OBJEKTIF KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1. Memastikan keselamatan negara dan ketenteraman awam sentiasa terjamin dan terpelihara melalui kemantapan tindakan penguatkuasaan undang-undang dan kecekapan pelaksanaan dasar-dasar bagi program-program yang berorientasikan perkhidmatan teras KDN. Pengukuran atau penilaian ini perlu berdasarkan indeks jenayah, penyalahgunaan dadah, penerbitan, filem, pertubuhan, kewarganegaraan, pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI).
2. Memastikan rakyat melibatkan diri dalam program-program kesedaran dan pencegahan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kesedaran dan penglibatan orang awam tentang kepentingan keselamatan negara dan ketenteraman awam.
3. Meningkatkan keberkesanan program-program rawatan dan pemulihan bagi penagihan dadah dan pesalah undang-undang. Tindakan-tindakan pencegahan juga dilaksanakan untuk memastikan apa jua niat jahat, ancaman musuh dan kacau bilau dapat dibendung.
4. Menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan berkualiti secara cekap dan berkesan kepada pelanggan yang melibatkan urusan-urusan penting seperti pendaftaran pengenalan diri, passport, pendaftaran pertubuhan, penerbitan, mesin cetak, agensi persendirian, senjata api, filem dan teks Al-Quran.
5. Menjalinkan kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) serta Badan-badan Antarabangsa yang terlibat untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.
6. Memantapkan hubungan kerjasama dan kolaborasi dalaman antara Bahagian-Bahagian dan Jabatan / Agensi di bawah KDN.
7. Memantapkan mekanisme pentadbiran, sistem pengurusan kewangan, pembangunan sumber manusia, penggunaan ICT, perolehan dan pembangunan infrastruktur dalam menyumbang kepada usaha KDN seiring dengan kemajuan teknologi, pertumbuhan sosioekonomi dan keperluan negara semasa serta pencapaian matlamat Pelan Strategik Tujuh (7) Tahun KDN (2009 – 2015).



FUNGSI KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Fungsi KDN boleh dirumuskan kepada 10 bidang utama, iaitu seperti yang berikut:

- 1. Keselamatan dan Ketenteraman Awam**
Memelihara, mengekal dan meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam daripada sebarang ancaman; dan menjalankan penguatkuasaan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri.
- 2. Hal Ehwal Pendaftaran**
Memastikan pengurusan daftar penduduk di negara ini teratur mengikut Perlembagaan negara.
- 3. Hal Ehwal Imigresen dan Pekerja Asing**
Memastikan pengurusan pengeluaran dokumen perjalanan, urusan keluar/masuk warganegara dan warga asing teratur serta pemberian pas yang bersesuaian kepada warga asing yang tinggal di negara ini selaras dengan akta dan peraturan imigresen.
- 4. Pengurusan Pertubuhan**
Memastikan pengurusan pendaftaran pertubuhan serta persatuan-persatuan teratur mengikut undang-undang berkuat kuasa sedia ada.
- 5. Pertahanan Awam**
Memantapkan pengurusan krisis dan bencana serta operasi menyelamatkan; dan Meningkatkan penglibatan rakyat sebagai sukarelawan pertahanan awam dalam mencari dan menyelamatkan mangsa bencana..
- 6. Anti Dadah**
Meningkatkan usaha membanteras bekalan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah; dan Meningkatkan keberkesanan pencegahan, rawatan dan pemulihan penagihan dadah.
- 7. Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran**
Mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti penerbitan, percetakan dan pengedaran bahan-bahan penerbitan; dan Memastikan kesahihan dan mencegah penyelewengan teks dan bahan Al-Quran.
- 8. Kawalan filem**
Mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti penerbitan dan pengedaran filem.
- 9. Pengurusan Sukarelawan**
Memastikan pengurusan sukarelawan yang cekap bagi memelihara keselamatan dan kesejahteraan negara, di samping bertindak sebagai 'mata dan telinga' Kerajaan serta menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sosioekonomi setempat.
- 10. Pemulihan dan Pelaksanaan Hukuman**
Memastikan pelaksanaan hukuman dan penahanan yang selamat terhadap pesalah; dan Meningkatkan keberkesanan program pemulihan terhadap pesalah.



PERALIHAN KEPIMPINAN Selamat Datang Kepimpinan Baru



Terima Kasih Jasamu Dikenang





Sektor Ketua Setiausaha

Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Penasihat Undang-Undang


PENGENALAN

Pejabat Penasihat Undang-undang adalah bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia undang-undang yang berada di bawah tanggungjawab KDN. Penasihat Undang-undang KDN turut mengendalikan kes-kes mahkamah bagi Pencegahan.

Bahagian ini berperanan memberi khidmat nasihat perundangan kepada 26 Bahagian dan 10 Agensi di bawah KDN serta bertindak di dalam perbicaraan kes-kes yang melibatkan Undang-Undang Pencegahan yang difailkan di Mahkamah termasuklah saman pemula, deklarasi dan lain-lain lagi.

AKTIVITI UTAMA

Semakan Draf Perjanjian Sepanjang tahun 2013, sebanyak 764 draf perjanjian telah dibuat semakan dan tindakan sewajarnya. Taburan dan statistik mengikut bulan adalah seperti di Jadual 1.



Jadual 1 : Jumlah Semakan Draf Perjanjian


Kes Habeas Corpus

KDN melalui Pejabat Penasihat Undang-Undang mengendalikan sejumlah 149 kes Habeas Corpus sepanjang tahun 2013. Antara kes-kes bicara yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri adalah seperti berikut :

- i. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (LLPK);
- ii. Akta Pencegahan Jenayah 1959;
- iii. Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 (DD)
- iv. Akta Penjara;
- v. Tahanan 60 Hari Sebelum Tahanan Dikeluarkan Oleh Menteri Dalam Negeri; dan
- vi. Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958

Statistik kes Habeas Corpus mengikut bulan adalah seperti di Jadual 2.





Jadual 2 : Kes Habeas Corpus Yang Dikendalikan 2013

Pandangan Undang-Undang

Pejabat Penasihat Undang-Undang telah menyediakan sebanyak 8 pandangan yang berkaitan untuk tindakan sewajarnya

LAIN-LAIN AKTIVITI

Aktiviti Sosial dan Kemasyarakatan

Program Bersama Anak-Anak Badan Amal Nur Zaharah, Janda Baik Pahang dilangsungkan pada 4hb hingga 6hb Oktober 2013 melibatkan pemberian sumbangan barangan dan kewangan untuk pelaksanaan aktiviti riadah.



Aktiviti riadah bersama-sama anak-anak Badan Amal Nur Zaharah.





Aktiviti mewarna bagi anak-anak di Badan Amal Nur Zaharah.



Aktiviti membalut "zombie" bersama anak-anak Badan Amal Nur Zaharah.



Majlis Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang Bagi Aktiviti Yang Telah Dijalankan.



Mesyuarat Penyelarasan dan Pengemaskinian Laporan Legal Team Pejabat PUU & Agensi Tahun 2013/2014 di Cherengin Hills Convention and Spa Resort, Janda Baik Pahang.

Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Perancangan Strategik

FOCUS GROUP ON SAFETY AND SECURITY



Focus Group on Safety and Security (FGSS) ditubuhkan susulan daripada keputusan Mesyuarat PEMUDAH yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara pada 27 Julai 2012 supaya satu jawatankuasa khas diwujudkan bagi menyelesaikan isu-isu keselamatan yang boleh menjejaskan komuniti perniagaan dari segi reputasi negara, pungutan hasil, kos menjalankan perniagaan dan pelaburan.

FGSS dipengerusikan bersama oleh YBhg Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohd Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan YBhg. Dato' Saw Choo Boon, Lembaga Pengarah Shell Malaysia serta dianggotai oleh Pertubuhan/Syarikat sektor perniagaan (swasta) dan Kerajaan. Mesyuarat pertama FGSS diadakan pada 24 November 2012. Sebanyak tiga mesyuarat FGSS telah diadakan sepanjang tahun 2013 iaitu pada 8 Januari 2013, 18 Februari 2013, dan 19 September 2013.

Keberhasilan daripada mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:-

i. Isu ulat teksi :

SPAD dan PDRM menjalankan kerjasama operasi penguatkuasaan terhadap masalah ulat teksi di KLIA mulai 8 Februari 2013;

ii. Tahap keselamatan di Zon Perdagangan Bebas (FCZ):

Malaysian Airport Holdings Berhad (MAHB) melaksanakan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan kargo KLIA dan usaha untukewartakan kawasan gudang di KLIA sebagai kawasan keselamatan dipertingkatkan; dan

iii. Isu Visa ke atas rakyat Iran :

Kemasukan tanpa visa bagi rakyat Iran dipendekkan daripada 90 hari kepada 14 hari dan berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2013;



KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara. Justeru itu, langkah-langkah efisien telah diambil dan antaranya ialah mengadakan *strategic partnership* bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menerusi kajian dan penyelidikan didalam bidang keselamatan. Antara objektif lain ialah, keperluan untuk menganalisis maklumat sedia ada sebagai rujukan dan penambahbaikan dari masa ke semasa. KDN juga telah melantik kumpulan pakar daripada IPTA yang dikenalpasti berpengalaman dan kompeten untuk menjalankan kajian. Melalui pendekatan ini, golongan akademik juga dapat menyumbang daripada segi cadangan dan pendapat untuk meningkatkan tahap keselamatan dan mengekalkan kesejahteraan sejagat.

KDN melalui Bahagian Perancangan Strategik (PG) telah mengadakan sesi *engagement* bersama-sama IPTA diseluruh negara. Sesi pertama telah diadakan pada 8 Mac 2013 dan taklimat telah diberikan kepada IPTA untuk mengemukakan tajuk kajian yang sesuai dengan situasi semasa.

Susulan itu KDN telah mengadakan tindakan susulan dengan IPTA khususnya UIA (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) USIM (Universiti Sains Islam Malaysia), USM (Universiti Sains Malaysia), UNIMAP (Universiti Malaysia Perlis) UMS (Universiti Malaysia Sabah) dan UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris) bagi membincangkan dengan lebih terperinci cadangan tajuk-tajuk kajian selain mengeratkan hubungan kerjasama di antara KDN dan IPTA.



Penyerahan cenderahati Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sempena lawatan kepada Bahagian Perancangan Strategik, KDN



Sesi Perbincangan Cadangan Kajian Ilmiah bersama IPTA Pada 8 Mac 2013



KDN juga telah menyalurkan geran penyelidikan ilmiah kepada UIA bagi pelantikan kumpulan pakar dalam membuat kajian dan analisa terhadap Cadangan Pelan Strategik 5 Tahun Kementerian Dalam Negeri 2014-2018. Hasil kajian tersebut digunapakai sebagai mengambil pandangan kedua bagi memperbaiki mutu amalan perkhidmatan KDN daripada pelbagai aspek berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam di masa hadapan.



Sesi Perbincangan Cadangan Kajian Ilmiah bersama IPTA Pada 8 Mac 2013

RETREAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Pada 13 hingga 15 Disember 2013 yang lalu, satu sesi retreat yang bertempat di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam telah diadakan. Retreat ini bertujuan untuk menilai semula pencapaian tahun 2013 dan merangka secara holistik strategi KDN bagi tahun 2014 melalui pendekatan 5R; *Revisit*, *Reinforce*, *Reconsolidate*, *Reevaluate*, dan *Reinvent*. Selain itu tujuan retreat ini

ialah mendapatkan input dan ideabaru serta cadangan penambahbaikan secara telus dan terbuka bagi memantapkan operasi dan pengurusan KDN di masa hadapan.

Seramai 60 peserta yang terdiri daripada Pegawai Pengurusan Tertinggi Kemeterian, Jabatan dan Agensi telah hadir menjayakan aktiviti tersebut.

Antara hasil retreat 2013 ialah cadangan mewujudkan semangat 1 KDN, *sense of belonging* dan juga *mutual respect* di kalangan ahli-ahli Pengurusan Tertinggi serta gambaran pemetaan pelan pelaksanaan dan hala tuju KDN bagi tahun 2014.



Ahli-ahli Pengurusan Tertinggi yang turut serta dalam aktiviti 'My Wish My Feelings'



BUSINESS LICENSING ELECTRONIC SUPPORT SYSTEM


Business Licensing Electronic Support System (BLESS) atau Sistem Sokongan Elektronik Perlesenan Perniagaan merupakan portal yang menyediakan maklumat dan kemudahan untuk syarikat memohon lesen atau permit bagi memulakan perniagaan di Malaysia. Ia merupakan sebuah Pusat Perkhidmatan Setempat maya yang membantu syarikat bagi mendapatkan lesen-lesen perniagaan dengan lebih cekap dan teratur.

Di KDN, pegawai yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan BLESS dikenali sebagai BLESS Champion. BLESS dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Alwi Bin Hj. Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Kanan) Keselamatan.

Jabatan/ Agensi/ Bahagian yang terlibat dalam pelaksanaan BLESS di KDN adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Bahagian Kawalan Dan Penerbitan Teks Al-Quran (PQ), Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam (KK), Bahagian Kawalan Penapisan Filem Dan Penguatkuasaan (KF) dan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (IT). Manakala, Bahagian Perancangan Strategik bertindak selaku pemantau pelaksanaan BLESS bagi Jabatan/ Agensi/ Bahagian di KDN. Jumlah lesen di bawah pelaksanaan BLESS di KDN adalah sebanyak 16 lesen. Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan BLESS dilaksanakan sebanyak satu kali setiap dua (2) bulan sekali dan sebanyak enam (6) kali mesyuarat telah bersidang sepanjang tahun 2013.



Logo Rasmi Business Licensing Electronic Support System (BLESS)



Lesen-lesen Awam Di Bawah Inisiatif BLESS di Kementerian Dalam Negeri, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.



STATISTIK KEMENTERIAN DALAM NEGERI 2012

Pada tahun 2013, KDN berjaya menerbitkan buku Statistik Kementerian Dalam Negeri 2012. Buku statistik ini merupakan buku statistik pertama yang dikeluarkan oleh KDN. Tujuan buku ini diterbitkan adalah untuk rujukan KDN dalam mendapatkan maklumat berkenaan data atau statistik termasuk juga fungsi bagi setiap Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah KDN.

Maklumat statistik yang dikumpulkan adalah berbentuk suku tahunan dan disusun pada akhir tahun untuk menghasilkan graf yang bersesuaian dan ianya adalah untuk edaran dalaman sahaja.



*Muka depan
Buku Statistik
Kementerian
Dalam Negeri 2012*

STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy (NBOS)*) telah diperkenalkan sejak tahun 2009 dalam Model Pembangunan Negara bagi mencapai wawasan sebuah negara sejahtera berpendapatan tinggi dengan cukai yang rendah. NBOS juga merupakan salah satu daripada 7 tumpuan dan fokus utama penjawat awam bagi memastikan Bajet 2013 dilaksanakan dengan cekap dan lancar sejajar dengan agenda transformasi Negara. NBOS melibatkan pemikiran dengan mengaplikasikan cara-cara kreatif dan inovatif dalam setiap penyelesaian. Idea di sebalik strategi ini juga memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada di pelbagai Kementerian dan Agensi terlibat agar dapat mencipta lonjakan dalam pembangunan negara pada kos yang minimum dan hasil yang segera.

Persidangan NBOS

Sepanjang tahun 2013, Mesyuarat SUMMIT NBOS telah berlangsung sebanyak 11 kali serta

Mesyuarat Pre-SUMMIT NBOS sebanyak 19 kali. Kedua-dua mesyuarat ini dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) manakala Mesyuarat SUMMIT NBOS turut dihadiri Prof. W Chan Kim yang merupakan penasihat khas kepada YAB Perdana Menteri. Selain itu, YAB Perdana Menteri juga telah mempengerusikan mesyuarat NBOS sebanyak 2 kali.

Strategi Lautan Biru Kebangsaan-Kementerian Dalam Negeri

Sejak 2009, sebanyak 65 inisiatif NBOS telah diperkenalkan dan 23 daripadanya melibatkan KDN. Dalam tahun 2013, KDN dan PDRM telah diberi mandat sebagai peneraju dan peneraju bersama dalam 3 inisiatif NBOS:

- NBOS 8: Kepolisan Lautan Biru (*Blue Ocean Policing*)
- NBOS 8 : Gelombang ke 2, Kepolisan Lautan Biru Fasa (*2nd Wave Blue Ocean Policing*)



- NBOS 8 : Komunikasi Bersama PDRM dan ATM (*Joint Communications Of PDRM and ATM*)

Penilaian Inisiatif

- **NSU**

Mulai tahun 2013 *National Strategic Unit* (NSU) dengan kerjasama Malaysia *Blue Ocean Strategy Institute* (MBOSI) menjalankan penilaian terhadap inisiatif-inisiatif NBOS yang dilaksanakan sejak tahun 2009. Antaranya adalah penilaian terhadap inisiatif Penempatan Anggota Polis Daripada Tugas Perkeranian Kepada Rondaan Keselamatan dan inisiatif Pemulihan Penjenayah Kecil Di Kem Tentera.

- **IPSOM**

Dalam masa yang sama *Institute of Public Security of Malaysia* (IPSOM) menjalankan Kajian impak terhadap inisiatif Rondaan Bersama ATM-PDRM (*Joint Patrol PDRM-ATM*) serta persepsi masyarakat terhadap jenayah. Kajian ini telah dijalankan oleh IPSOM pada Januari 2014 bertempat di Port Dickson.



Pada 11 hingga 13 November 2013, KDN dengan usahasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan IPSOM telah menganjurkan Bengkel Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) KDN pada 11 – 13 November 2013 di INTAN Kampus Utama, Bukit Kiara. Antara objektif kursus ini adalah untuk memberi pengenalan berkenaan konsep Blue Ocean Strategy (BOS) bagi membudaya, menerap dan mengaplikasikan nilai BOS dalam perkhidmatan awam. Selain dari itu, tools yang dikenalpasti dalam kursus juga diharap dapat membantu peserta mengenalpasti inisiatif baru yang boleh diperkenalkan dibawah NBOS di Bahagian/ Jabatan/ Agensi kelak.



Buku NBOS-Strategi Lautan Biru Kebangsaan



KDN telah menerbitkan buku 'NBOS - Strategi Lautan Biru Kebangsaan' bertujuan untuk menyampaikan informasi serta pendedahan terhadap inisiatif NBOS yang melibatkan KDN. Disamping itu, ia bertujuan bagi memupuk kesedaran terhadap kepentingan NBOS dan menerapkan NBOS sebagai budaya kerja di kalangan penjawat awam khususnya kepada warga kerja KDN.

PELAN STRATEGIK 2014-2020

Pada tahun 2013, Kementerian Dalam Negeri telah merangka satu Pelan Strategik 2014-2020 yang lebih dinamik dan fleksibel untuk membolehkan KDN untuk mencapai visi dan misi Kementereian iaitu menjadikan Malaysia negara selamat, aman dan sejahtera dan memastikan keselamatan dan keamanan dalam negara

terjamin serta kesejahteraan rakyat terpelihara. Pelan Strategik 2014-2020 telah dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi pada 18 Disember 2013. Susulan itu, satu Retreat Pelan Strategik 2014-2020 bersama Pengurusan Tertinggi dirancangan pelaksanaannya pada tahun 2014.



PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Pelaksanaan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP) atau *Business Continuity Management* di sektor awam adalah selaras dengan arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 22 Januari 2010. PKP amat penting bagi sektor perkhidmatan awam yang kritikal seperti keselamatan dan ketenteraman serta kesihatan dan utiliti.

PKP bermaksud proses pengurusan holistik yang mengenalpasti ancaman dan risiko terhadap fungsi kritikal agensi dan impak ancaman dan risiko tersebut dalam memastikan perkhidmatan sesuatu agensi atau organisasi tetap dapat diteruskan walaupun berlaku gangguan atau bencana.

Pasukan PKP berperanan menentukan fungsi atau aktiviti yang mana keutamaan pemulihan perlu diberikan apabila berlaku gangguan atau bencana bagi meminimumkan impak atau kesannya serta bagi melindungi keperluan organisasi dan perundangan. Aktiviti dan maklumat ini tidak boleh terganggu sehingga

boleh memberi kesan kepada keupayaan organisasi bagi mencapai objektif minimum kesinambungan perkhidmatan.

Membangunkan pelan PKP KDN

Empat Pelan Utama iaitu;

- Pelan PKP Kementerian Dalam Negeri,
- Pelan Tindak Balas (ERP),
- Pelan Pemulihan Bencana IT (DRP) dan
- Pelan Komunikasi Krisis (CCP)

Pelan-pelan ini telah dibangunkan semasa Lab Model Fastrack (LMF) Pembangunan PKP di Thistle Resort, Port Dickson Negeri Sembilan pada 26 sehingga 31 Mei 2013. Bengkel ini dianjurkan dengan kerjasama Unit Permodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Semua wakil Jabatan/ Agensi dibawah KDN kecuali Jabatan Pendaftaran Negara telah hadir dan seterusnya membangunkan pelan PKP masing-masing.



Penubuhan Pasukan dan Pemandu PKP

Susulan daripada bengkel ini, sebuah Jawatankuasa Pemandu PKP KDN serta ahli-ahli pasukan PKP telah dilantik untuk memastikan pelan-pelan PKP dilaksanakan. Jawatankuasa Pemandu PKP KDN dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato' TKSU Kanan (P) dan telah bersidang sebanyak 2 kali dalam tahun 2013.



Pelaksanaan PKP

PKP adalah aktiviti berterusan dan perlu dibudayakan dalam perancangan kerja warga KDN bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan. Justeru, beberapa tindakan kesedaran telah dilaksanakan oleh CCT seperti menerbitkan video keselamatan, risalah, bunting serta mewujudkan akaun facebook dan twitter PKP KDN. ERT dan DRT juga telah melaksanakan aktiviti simulasi bagi menguji keberkesanan tindak balas kecemasan seperti latihan kebakaran dan simulasi godam.





Pengauditan PKP

Bagi memastikan pelan-pelan PKP kekal relevan dan bersesuaian dengan situasi semasa, pengauditan bagi pensijilan PKP termasuk dalam pelan perancangan pasukan. Kerjasama bersama pihak SIRIM telah diambil bagi mengenalpasti tindakan yang perlu diambil bagi mendapatkan pensijilan ISO 22301.

Roadshow PKP ke Kompleks-kompleks KDN

Pasukan PKP KDN telah mengadakan lawatan kerja ke Kompleks-kompleks KDN di seluruh negara pada bulan September hingga Oktober 2013. Butiran lawatan kerja adalah seperti di Jadual 3.

NO.	KOMPLEKS KDN	TARIKH / MASA
1	Johor	2 September 2013
2	Pahang	10 September 2013
3	Melaka	12 September 2013
4	Kuala Lumpur	18 September 2013
5	Perlis	30 September 2013
6	Langkawi	1 Oktober 2013
7	Perak	9 Oktober 2013

Jadual 3: Butiran Lawatan Pelaksanaan PKP 2013





Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Audit Dalam

Pengenalan

Peranan dan tanggungjawab Bahagian Audit Dalam ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 dan surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 5 Mei 2009. Perkhidmatan teras adalah melibatkan:

- Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman;
- Mengkaji tahap pematuhan terhadap dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;
- Mengkaji program/aktiviti diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan;
- Mengkaji aset dan kepentingan dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;
- Memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk ICT;

- Melaporkan hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan bagi perkara yang dibangkitkan;
- Menyediakan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Audit Tahunan Audit Dalam;
- Menyediakan pemerhatian audit kepada pihak pengurusan kementerian/jabatan/Agensi; dan
- Membentangkan laporan audit dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit

Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya Jawatankuasa Audit (JKA) ditubuhkan di peringkat Kementerian dan peringkat Kerajaan Negeri, serta bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun. Tarikh pelaksanaan Mesyuarat JKA dan butiran pembentangan laporan adalah seperti di Jadual 4:

BIL.	BILANGAN MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	PERKARA DIBINCANGAKAN / PEMBENTANGAN
1.	JKA Bil.1/2013	26 Februari 2013	Pembentangan Laporan <ul style="list-style-type: none"> • Pengauditan Pengurusan Penyenggaraan Kompleks Immigration, Customs, Quarantine And Security (ICQS)
2.	JKA Bil.2/2013	8 Mei 2013	Perbincangan maklum balas Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 tahun 2012 terhadap: <ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan kompleks CIQ dan Jeti penumpang di Muara Sungai Melaka • Perolehan pesawat Beechcraft King Air 350 untuk Pasukan Gerakan Udara • Pengurusan aktiviti pendaftaran pertubuhan
3.	JKA Bil.3/2013	9 Oktober 2013	Pembentangan Laporan <ul style="list-style-type: none"> • Pengauditan Pengurusan Penyenggaraan Kuarters Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) • Pengauditan Berkonsep Strategi Lautan Biru - Penyerahan Bot Marin PDRM kepada APMM • Prestasi Pencapaian Pengauditan Pengurusan Kewangan oleh Bahagian Audit Dalam
4.	JKA Bil.4/2013	10 Januari 2014	Pembentangan Laporan <ul style="list-style-type: none"> • Rancangan Audit Tahun 2014 • Pengauditan Pengurusan Kewangan 2013

Jadual 4 : Butiran Mesyuarat JKA Tahun 2013



PENCAPAIAN KERJA

Pelaksanaan pengauditan tahun 2013 adalah berdasarkan Rancangan Audit 2013 dan pencapaian sasaran kerja tahun 2013 adalah seperti di Jadual 5:

Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan terhadap 60 Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pengauditan pengurusan kewangan bertujuan membantu pihak pengurusan mengenalpasti kawalan dalaman yang perlu ada dan berfungsi seperti yang diharapkan bagi

mengelakkan kehilangan dan pembaziran wang awam. Pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan meliputi enam (6) aspek utama. Pemerhatian dan syor audit secara terperinci telah dikemukakan kepada semua PTJ yang dilawati dan maklumbalas PTJ mengenai tindakan corrective dan preventive telah diterima. PTJ yang diaudit juga telah diberi penarafan prestasi Pengurusan Kewangan berdasarkan markah yang diperolehi terhadap setiap pematuhan kepada peraturan kewangan. Indikator penarafan prestasi pengurusan kewangan bagi PTJ yang telah tahun 2013 adalah seperti di Jadual 6:

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	RANCANG	PENCAPAIAN
1.	Pengurusan Kewangan	68	60
2.	Prestasi/ICT	7	8
3.	Susulan Pengurusan Kewangan / Perolehan Ibu Pejabat Kontinjen PDRM	14	4
4.	SPA/MySPATA	1	-
5.	Siasatan/Khas	10	6
	JUMLAH	100	78

Jadual 5 : Perancangan Dan Pencapaian Kerja Tahun 2013

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN	JUMLAH
90 - 100	Cemerlang (Sangat Baik)	★★★★	19
70 - 89	Baik	★★★	38
50 - 69	Memuaskan	★★	3
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	★	0
	JUMLAH		60

Jadual 6 : Indikator Penarafan Prestasi Pengurusan Kewangan



Pengauditan Prestasi

Pengauditan prestasi yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada projek/program yang dijalankan adalah cekap, berhemat dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Tajuk pengauditan prestasi yang dijalankan oleh Bahagian Audit Dalam pada tahun 2013 adalah meliputi:

- i. Pengauditan Berkonsep Strategi Lautan Biru – Penyerahan Bot Marin PDRM kepada APMM
- ii. Pengurusan Gaji, Polis Diraja Malaysia
- iii. Pengurusan Kemudahan Dan Keselamatan Depot, Jabatan Imigresen Malaysia
- iv. Pengurusan Kenderaan Pasukan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)
- v. Penyenggaraan Kompleks KDN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- vi. Pengurusan Bahagian Pekerja Asing, Kementerian Dalam Negeri
- vii. Pengurusan Pembangunan Dan Perolehan Peralatan ESSCOM

USAHA-USAHA MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN

Bahagian Audit Dalam mempunyai objektif untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti KDN dan agensi di bawahnya. Untuk itu, antara inisiatif bagi meningkatkan kecekapan pengurusan tahun 2013 adalah penerbitan dua (2) buku panduan berikut:


Buku Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan

Buku yang mengandungi garis panduan bertajuk “Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan” berjaya dihasilkan pada bulan Mei 2013. Buku ini bertujuan untuk menjelaskan kepada semua pegawai/kakitangan KDN tentang tatacara


pengendalian dan peraturan yang perlu dipatuhi dalam pengurusan kewangan. Penerbitan buku ini diharap dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai/kakitangan KDN serta jabatan/agensi di bawahnya; serta memastikan semua urusan kewangan dan perakaunan dilakukan dengan tepat, cekap, teratur dan berkualiti. Segala kelemahan dalam pengurusan kewangan, terutamanya isu berhubung pembaziran, pemborosan dan penyelewengan dana awam dapat dikawal dan membantu Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam meneruskan kecemerlangan dalam pengurusan kewangan.

Buku Panduan Pencegahan AP 59 Dalam Pengurusan Perolehan KDN

KDN merupakan antara kementerian yang tertinggi mempunyai kes di bawah AP59. Antara punca berlakunya AP59 adalah disebabkan perolehan dibuat tanpa peruntukan dan tidak mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Oleh itu, Panduan Pencegahan AP59 Dalam Pengurusan Perolehan KDN yang diterbitkan pada bulan Julai 2013 sebagai inisiatif dalam usaha meningkatkan lagi kecekapan pengurusan perolehan dan mencegah berlakunya kes-kes AP59.



Buku Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan



Buku Panduan Pencegahan AP 59 Dalam Pengurusan Perolehan KDN



Seminar Dan Bengkel

KDN melalui Bahagian Audit Dalam juga telah mengadakan Seminar Pengurusan Kewangan Dan Penambahbaikan Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (S3PK) Kementerian Dalam Negeri bagi tahun 2013 secara berperingkat mengikut zon. Seminar ini telah berlangsung selama 2 hari bagi setiap zon yang dilaksanakan mulai bulan Februari 2013 hingga bulan Oktober 2013.

Objektif seminar tersebut adalah untuk memberi penerangan kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan pengurusan kewangan tentang peraturan, arahan dan pekeliling yang berkuatkuasa bagi mencapai penarafan 4 bintang. Seminar ini telah melalui pendedahan kepada amalan-amalan selain memberi taklimat kepada semua PTJ berkaitan penambahbaikan S3PK. Butiran pelaksanaan Seminar/Bengkel Pengurusan Kewangan dan Penambahbaikan S3PK adalah seperti di Jadual 7:

BIL.	ZON / NEGERI	TARIKH	TEMPAT
1.	Utara	4 - 5 Februari 2013	Dewan Kompleks Kementerian Dalam Negeri Perlis
2.	Selatan	4 - 5 Mac 2013	Auditorium Kompleks Kementerian Dalam Negeri Johor
3.	Timur	10 - 11 Jun 2013	Dewan Kompleks Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Kelantan
4.	Sarawak	9 - 10 September 2013	Auditorium Bangunan Sultan Iskandar
5.	Sabah	12 - 13 September 2013	Auditorium Kompleks Kerajaan Persekutuan Sabah
6.	Tengah	21 - 22 Oktober 2013	Dewan Kelab Penjara Kajang

Jadual 7 : Seminar Pengurusan Kewangan 2013



Seminar Di Zon Sarawak



Seminar Di Zon Sabah



Seminar Di Zon Selatan



Sesi Ceramah Di Zon Tengah





Seminar Di Zon Timur



Seminar Di Zon Utara

KEJAYAAN LAIN

Sistem Pengurusan Kualiti

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 KDN menetapkan objektif Kualiti bagi Bahagian Audit Dalam adalah; memastikan sekurang-kurangnya pengauditan Pengurusan Kewangan mencapai 80% daripada Rancangan Audit Tahunan yang diluluskan dan memastikan Laporan Audit dikeluarkan dalam masa 20 hari bekerja selepas pengauditan selesai dilaksanakan. Hasil semakan dan penilaian pelaksanaan SPK MS ISO KDN 2013 mendapati amalan pencapaian adalah Cemerlang dan secara keseluruhan Bahagian Audit Dalam menduduki tempat kedua.

Anugerah Inovasi KDN 2013

Bersempena sambutan Hari Inovasi 2013, inovasi kecemerlangan pengurusan auditan dalaman telah mendapat dua (2) pengiktirafan dalaman berikut:

- Sijil Penyertaan : Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Kaedah 2SB1A;

- Saguhati penyertaan Anugerah Inovasi KDN 2013; dan
- Tempat kedua dengan skor 97.5% penilaian penarafan Bintang MS ISO 9001:2008



Sijil Penyertaan Dan Piala Bagi Pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Dalam Negeri



Sijil Penghargaan Berdasarkan Penarafan Star Rating MS ISO 9001:2008



Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Komunikasi Korporat

PENGENALAN

Perkhidmatan teras utama Bahagian Komunikasi Korporat (UK) ialah menyebarkan maklumat mengenai program/aktiviti inisiatif KDN selaku pemangkin dalam keselamatan dan ketenteraman awan kepada orang ramai melalui paparan promosi dan publisiti sepanjang tahun. Bahagian UK juga adalah peneraju dalam pengurusan pelanggan dan program pemantapan imej Kementerian yang profesional dan berwibawa serta pengurusan media.

PENCAPAIAN UTAMA

Pengurusan Hal Ehwal Korporat

Fungsi unit ini antara lainnya melibatkan aktiviti penerbitan dan produksi korporat bagi meningkatkan imej korporat organisasi. Antara output 2013 adalah:

- Penerbitan Laporan Tahunan Kementerian Dalam Negeri 2012
- Penerbitan Buletin Kementerian Dalam Negeri 2013 sebanyak empat edisi
- Penerbitan Kalendar KDN 2014
- Penerbitan Risalah Maklumat KDN
- Penerbitan Buku Tatacara dan Proses Permohonan KDN
- Penerbitan Video dan Risalah Pengurusan Kesyntambungan Perkhidmatan KDN
- Penerbitan Video Korporat KDN



Pengurusan Aduan Dan Khidmat Pelanggan

Penyelaras Maklumbalas Awan

- Bahagian UK sebagai penyelaras utama kepada Maklumbalas Awan meliputi aduan, pertanyaan, cadangan dan juga penghargaan memastikan ianya ditangani dengan sempurna. Untuk rekod untuk tahun 2013 kesemuanya 100%.
- Maklumbalas Awan yang diterima menerusi Sistem i-SPAAA, Sistem i-ADUAN (Biro Pengaduan Awan), laman web, emel, surat dan faksimili telah diambil tindakan, tindakan susulan di samping memberi maklumbalas dalam tempoh 14 hari bekerja, sekaligus mencapai objektif SPK MS ISO Pengurusan Aduan Pelanggan.

Penerimaan Aduan Melalui Sistem ISPAAA

KDN dalam tahun 2013 telah menerima sebanyak 2,600 aduan dan pecahan mengikut Bahagian/Jabatan/Agensi adalah seperti di Jadual 8:

BIL	BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI	JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA
1	JIM	945
2	AADK	440
3	JPN	243
4	PDRM	144
5	JPAM	71
6	JPPM	23
7	PENJARA	23
8	RELA	53
9	KDN	458
JUMLAH		2,600

Jadual 8: Statistik Penerimaan Aduan Melalui Sistem ISPAAA 2013



Penerimaan Aduan Mengikut Sumber

BIL	KOD	BUTIRAN	TERIMA	%
1	WFM	BORANG LAMAN WEB	1817	75.71
2	LTR	SURAT	324	13.49
3	EML	E-MEL	121	13.49
4	WLK	HADIR SENDIRI	43	1.79
5	TEL	TELEFON	35	1.46
6	NPP	AKHBAR	17	0.71
7	SMS	SMS	12	0.5
8	BPA	BIRO PENGADUAN AWAM	8	0.33
9	OTH	LAIN-LAIN	8	0.33
10	FB	FACEBOOK	7	0.29
11	LW1M	CALL CENTER	4	0.29
12	FAX	FAKSIMILI	3	0.14
13	HBP	HARI BERTEMU PELANGGAN	1	0.04
JUMLAH			2,400	100%

Jadual 9: Statistik Penerimaan Aduan Berdasarkan Sumber

Penerimaan Aduan Melalui Sistem IADUAN

Secara keseluruhan KDN telah menerima aduan melalui Biro Pengaduan Awam (Sistem iADUAN) pula adalah sebanyak 1,186 aduan dan pecahan mengikut Bahagian/Jabatan/Agensi adalah seperti di Jadual 10.

BIL	BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI	JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA
1	JIM	308
2	AADK	6
3	JPN	123
4	PDRM	604
5	JPAM	16
6	JPPM	20
7	PENJARA	8
8	RELA	23
9	KDN	46
JUMLAH		1,186

Jadual 10: Statistik Penerimaan Aduan Melalui Sistem IADUAN 2013

KDN telah berjaya melepasi KPI yang telah ditetapkan oleh Biro Pengaduan Awam, JPM justeruc tersenarai sebagai penerima Anugerah

Cemerlang Pengurus Aduan 2013. Butiran KPI dan prestasi KDN adalah seperti di Jadual 4.

Pengurusan Pelanggan dan Pencapaian KPI BPA

BIL	KPI	PRESTASI KDN (%)
1	Selesai Aduan yang diterima melebihi 80%	100
2	Selesai Aduan dalam tempoh 15 hari melebihi 60%	70

Mesyuarat Pemantauan Aduan

- i. Sepanjang 2013, Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam Bulanan (MPAA) telah diadakan sebanyak 12 kali. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TKSUK (P) KDN dan hasilnya kesemua (100%) aduan telah berjaya ditutup dalam tempoh yang ditetapkan





- ii. Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam Mingguan pula telah diadakan sebanyak 45 kali. Mesyuarat ini diadakan bagi memantau dan memastikan diberi maklumbalas dengan kadar segera dalam minggu yang sama apabila aduan diterima. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Komunikasi Korporat atau dari Biro Pengaduan Awam.

Pengurusan Promosi Dan Publisiti

Sepanjang tahun 2013, pelbagai liputan media dalam program KDN mengikut arahan dari semasa ke semasa. Antara program yang mendapat liputan media melibatkan Menteri Dalam Negeri, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Pengurusan Tertinggi KDN, dan juga Bahagian/Jabatan/Agensi yang menganjurkan program.

Pengurusan Kandungan Laman Web MOHA dan Portal Berita IKDN

- Bahagian UK bertanggungjawab mengurus pengemaskinian laman web MOHA dan juga Portal Berita IKDN.

- Untuk laman web MOHA, *Content Manager* untuk portal MOHA telah ditubuhkan. Semua kemaskini dilaksanakan oleh mereka yang telah dilantik mengikut bahagian masing-masing. Kandungan dalam laman web MOHA merangkumi maklumat umum mengenai Kementerian Dalam Negeri dan juga maklumat urusan utama (*core-business*) Bahagian, Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.
- Manakala untuk Portal Berita iKDN, ia sentiasa dikemaskini. Portal ini mengandungi berita-berita dan isu-isu semasa berkaitan Kementerian Dalam Negeri
- Pemantauan kandungan laman web rasmi telah dibuat secara berkala berdasarkan tujuh (7) perkara yang ditetapkan oleh MAMPU, JPM. *Outcome* kepada pemantauan yang teliti telah menyumbang kepada penarafan 5 Bintang melalui Malaysian Government Portal Website Assessment 2013 oleh pihak Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC)

Menguruskan Sidang Media Berkaitan Kementerian Dalam Negeri

Dari Januari hingga Disember 2013, Unit Media juga menguruskan pelbagai sidang media yang melibatkan Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Pengurusan Tertinggi KDN.



Sidang media yang diaturkan oleh Bahagian UK



Mengemaskini Facebook Kementerian Dalam Negeri

Bahagian UK turut ditugaskan sebagai pentabir akaun (admin) Facebook Kementerian Dalam Negeri. Bahagian UK perlu sentiasa memastikan akaun Facebook ini sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa dan maklumbalas pengguna lain dijawab dengan segera.

Penyelarasan eBOARD

- a. eBoard ialah satu sistem siaraya atau hebahan secara dalaman di setiap aras Bangunan KDN. Bahagian UK bertanggungjawab memastikan maklumat yang dipaparkan di dalam eBoard sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.
- b. Setiap hari, Bahagian UK akan memuatnaik gambar-gambar program KDN yang terkini melibatkan Menteri Dalam Negeri, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ketua Setiausaha KDN, Timbalan Ketua Setiausaha KDN, Setiausaha-Setiausaha Bahagian ke dalam eBOARD di samping gambar-gambar program yang dijalankan oleh Bahagian lain di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Penyelarasan Foto-Foto Rasmi Kementerian Dalam Negeri

Semua gambar yang telah diambil akan dipindah dan disimpan di dalam CD dan juga laman web Portal IKDN. Kini, Bahagian UK sedang dalam peringkat perbincangan untuk menggunakan perisian khas untuk penyimpanan gambar.

Program-Program Perhubungan Masyarakat

Penganjuran program/aktiviti perhubungan masyarakat mempromosi peranan KDN kepada masyarakat seperti pameran adalah bertujuan mempromosi peranan KDN kepada masyarakat. Antara aktiviti pameran 2013 sempena aktiviti utama KDN adalah seperti di Jadual 3.

Selain itu, program mingguan Hari Bertemu Pelanggan turut diadakan di premis KDN di Putrajaya untuk memberikan peluang kepada pelanggan mengemukakan masalah atau mendapatkan penjelasan mengenai apa-apa isu berkaitan perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri serta agensi di bawahnya. Secara keseluruhannya, pameran 2013 telah mendapat kehadiran pelanggan sebanyak 317,000 pelanggan

BIL.	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	PENGUNJUNG
1.	Pameran KDN sempena Program Jelajah Janji Ditepati	Rural Transformation Centre (RTC), Kota Bharu, Kelantan	20 Januari 2013	50,000 orang
2.	Pameran KDN sempena Program Jelajah Janji Ditepati	Dataran Shah Bandar, Kuala Terengganu, Terengganu	23 Februari 2013	40,000 orang
3.	Hari Bertemu Pelanggan KDN Di Parlimen Kampar, Perak	Padang Majlis Daerah Kampar, Perak	2 Mac 2013	2,000 orang
4.	Pameran KDN sempena Program Jelajah Janji Ditepati	Stadium Utama Kangar, Perlis	3 Mac 2013	40,000 orang



BIL.	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	PENGUNJUNG
5.	Pameran KDN sempena Program 1Million Women Purple Walks	Perkarangan Istana Kehakiman, Putrajaya	16 - 17 Mac 2013	80,000 orang
6.	Pameran KDN sempena Program Jelajah Janji Ditepati	Padang MPK2 Kuantan, Pahang	23 Mac 2013	70,000 orang
7.	Hari Bertemu Pelanggan KDN sempena Hari Ulang Tahun Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Ke - 61	Dataran Sejarah, Ayer Keroh, Melaka	24 Mac 2013	3,000 orang
8.	Pameran KDN sempena Program Astro Fiesta Mesra Belia	Padang Awam Rumah PPR Kerinchi, Kuala Lumpur	29 - 31 Mac 2013	2,000 orang
9.	Hari Bertemu Pelanggan sempena Program Himpunan Perpaduan Rakyat	Sutera Mall, Skudai, Johor	3 Mei 2013	4,000 orang
10.	Pameran KDN sempena Persidangan Tahunan PUSPANITA 2013	Hotel Istana, Kuala Lumpur	3 - 4 Jun 2013	3,000 orang
11.	Pameran KDN sempena Hari Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) 2013	Kompleks Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Bukit Kayu Hitam, Kedah	30 Jun 2013	2,000 orang
12.	Pameran KDN sempena Persidangan GPEC 2013	Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya	2 - 4 Oktober 2013	3,000 orang
13.	Pameran KDN sempena Karnival Kedaulatan, Keselamatan & Kesejahteraan (4KN)	Rural Transformation Centre (RTC), Kota Bharu, Kelantan	11 - 12 Oktober 2013	5,000 orang
14.	Pameran KDN sempena Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri	Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya	13 November 2013	3,000 orang
15.	Pameran sempena Hari Inovasi KDN 2013	Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor	26 November 2013	3,000 orang
16.	Pameran KDN sempena Persidangan ILKAP 2013	Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya	26 - 27 November 2013	2,000 orang
17.	Pameran KDN sempena Perhimpunan Agung UMNO 2013	Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur	2 - 7 Disember 2013	5,000 orang

Jadual 11 : Aktiviti Pameran 2013





Pengurusan Lawatan Delegasi

KDN dari masa ke semasa menerima kunjungan ramai pelawat dan delegasi rasmi. Aktiviti ini melibatkan sesi taklimat dan penerangan, lawatan kawasan seperti ke panggung penapisan filem di Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan (KF) untuk melihat sendiri bagaimana filem-filem

ditapis sebelum ditayangkan kepada umum. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 75 delegasi telah membuat lawatan rasmi ke KDN. Majoriti adalah para pelajar sekolah untuk memahami aspek keselamatan negara. Antaranya ialah Ahli Skwad 1Malaysia dan Pemadam AADK Setiu dan pelajar UiTM Sarawak.





Laporan Tahunan 2013

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Institut

Keselamatan Awam Malaysia

PENGENALAN

Institut Keselamatan Awam Malaysia (*Institute of Public Security of Malaysia*) atau secara ringkasnya IPSOM telah ditubuhkan pada 30 Julai 2013. Penubuhan adalah atas keputusan YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri dan penubuhannya adalah mengambil kira kepentingan keselamatan dan kesejahteraan awam berdasarkan situasi semasa serta kemungkinan ancaman atau risiko.

PERANAN

IPSOM berperanan sebagai institusi utama bagi mengurus isu keselamatan dan kesejahteraan awam melalui penyelidikan dan perkongsian ilmu. Sehubungan itu sedang dalam tindakan menjadikan institut ini setara dengan *Malaysian Institute of Defence and Security* (MiDAS) dan juga institut keselamatan luar negara seperti *Homeland Security Study and Analysis Institute* (HSSAI). IPSOM terdiri daripada empat pusat iaitu Pusat Penyelidikan Keselamatan & Kesejahteraan Awam, Pusat Strategi Lautan Biru Kebangsaan, Pusat Pembangunan Modal Insan dan Bahagian Pentadbiran & Kewangan.

PROGRAM DAN AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN TAHUN 2013

Antara program/aktiviti utama IPSOM selepas penubuhan pada 30 Julai 2013 adalah di Jadual 12 berikut:

Bil.	Tarikh/Tempat	Program/Aktiviti
1.	21 Ogos 2013 27 Ogos 2013 10 Sept 2013 10 Oktober 2013 21 Nov 2013 4 Disember 2013/ Kementerian Dalam Negeri	Mesyuarat Pengurusan IPSOM Mesyuarat Pengurusan IPSOM telah diadakan bagi memastikan strategi perancangan dan pelan tindakan IPSOM dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sebanyak tujuh kali mesyuarat telah diadakan 30 Julai 2013 sehingga Disember 2013.
2.	4 September 2013/PDRM Bukit Aman	Taklimat IPSOM Bersama Ketua Polis Negara IPSOM telah mengadakan taklimat kepada YDH. Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara. Tujuan taklimat adalah untuk memaklumkan peranan dan fungsi IPSOM disamping bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai kajian berkaitan isu-isu keselamatan awam bagi meningkatkan persepsi rakyat terhadap keselamatan secara keseluruhannya.
3.	24 September 2013/Kementerian Dalam Negeri	Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah IPSOM Bil. 1/2013 Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri. Mesyuarat kali pertama ini adalah penting bagi memuktamadkan halatuju IPSOM dan peranannya termasuk merangka program serta aktiviti bagi tahun 2013.



Bil.	Tarikh/Tempat	Program/Aktiviti
		Mesyuarat turut dihadiri YB Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri, YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha KDN dan Ketua-ketua Jabatan selaku Ahli Lembaga Pengarah IPSOM.
4.	30 September 2013//Kementerian Dalam Negeri.	Mesyuarat IPSOM-Editor Bersekutu (EB) Bil. 1/2013 Mesyuarat ini telah diadakan bagi membincangkan penerbitan <i>Journal of Public Security and Safety</i> .
5.	11 Oktober 2013/Kementerian Dalam Negeri.	Mesyuarat IPSOM-Editor Bersekutu (EB) Bil. 2/2013 Mesyuarat ini telah diadakan bagi menyelaraskan penerbitan <i>Journal of Public Security and Safety</i> .
6.	28 Oktober 2013/Auditorium D8 Kompleks D Putrajaya	Forum Pencegahan Jenayah Forum ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri yang turut menjadi Moderator sepanjang forum berlangsung. Ahli-ahli Panel terdiri daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri dan YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan. Tema forum ini ialah Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Awam.
7.	7 November 2013 /Kementerian Dalam Negeri	Mesyuarat Editor Bil. 1/2013 Mesyuarat ini telah diadakan bagi membincangkan penerbitan <i>Journal of Public Security and Safety</i> .
8.	11 – 13 November 2013/INTAN Bukit Kiara	Bengkel Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Bengkel ini merupakan anjuran bersama IPSOM-Bahagian Perancangan Strategik (PG) dengan kerjasama INTAN. Ia bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pegawai Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KDN berkaitan NBOS.
9.	18 November 2013 /Auditorium Menara 1, Bukit Aman.	Majlis Penyerahan Surat Lantikan Editor IPSOM Majlis Penyerahan Surat Lantikan Editor telah disempurnakan oleh YDH. Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara kepada seramai 15 orang Editor terdiri daripada 13 pegawai PDRM dan 2 pegawai KDN merupakan pemegang ijazah Doktor Falsafah (PhD)




Bil.	Tarikh/Tempat	Program/Aktiviti
10.	21 November 2013/Kementerian Dalam Negeri	Mesyuarat Editor Bil.2/2013 Mesyuarat ini telah diadakan bagi membincangkan penerbitan Journal of Public Security and Safety.
11.	22 November 2013 di Akademi Koreksional Langkawi	Kursus Pengurusan Ancaman Espionaj Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah KDN mengenai kegiatan espionaj di negara ini.
12.	30 November 2013/Universiti Malaysia Sabah	Seminar Keselamatan & Ketenteraman Awam Malaysia (SEKAM) 2013 SEKAM 2013 merupakan kerjasama pertama antara IPSOM dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS). YAB Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman, Ketua Menteri Sabah telah menyempurnakan Majlis Perasmian dan sebanyak 8 keras kerja yang berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam telah dibentangkan dalam seminar tersebut..
13.	9 Disember 2013/Kementerian Dalam Negeri	Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah IPSOM Bil 2/2013 Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri. Mesyuarat berkenaan telah membincangkan perancangan program/aktiviti yang bakal dirancang untuk pelaksanaan pada tahun 2014.
14.	9 Disember 2013/Kementerian Dalam Negeri	Majlis Penyerahan Surat Lantikan Felo Dan Editor Bersekutu IPSOM Majlis ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri. Seramai 7 orang Felo telah dilantik berdasarkan kepakaran dalam bidang berkaitan. Manakala seramai 6 orang Editor Bersekutu (EB) telah dilantik yang merupakan Profesor dan pemegang ijazah Doktor Falsafah (PhD) daripada universiti-universiti tempatan.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, IPSOM walaupun masih dalam usia setahun jagung telah berjaya melaksanakan sebanyak 14 program/aktiviti yang telah dirancang sepanjang tempoh Ogos-Disember 2013.



Ketenteraman Awam





Sektor Keselamatan

Bahagian

Kawalan Penerbitan & Teks AI - Quran

PENGENALAN

Keadaan melalui Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran (PQ) bertanggungjawab mengawalselia bahan-bahan penerbitan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 (Pindaan) 2012; dan bahan serta teks Al-Quran di bawah Akta Pencetakan Teks Al Quran (APTQ) 1986.

PENCAPAIAN

KDN bertanggungjawab terhadap tujuh (7) bidang tugas utama:

- Memproses permohonan permit penerbitan dan lesen mesin cetak,
- Perakuan prof akhir teks Al-Quran,
- Lesen percetakan teks Al-Quran,
- Pemeriksaan bahan penerbitan di pintu masuk utama negara,
- Kajian bahan penerbitan dalam dan luar negara,
- Naziran premis penerbitan dan
- Lesen mesin cetak serta penguatkuasaan AMCP 1984 (Pindaan) 2012 dan APTQ 1986.

forum yang bertujuan memberi pemahaman dan penerangan kepada masyarakat tentang bahaya ajaran Syiah kepada umat Islam di negara ini. Adalah menjadi harapan agar ruangan/medium seperti ini dapat menghalang umat Islam di negara ini daripada terjebak dengan fahaman Syiah.



Program Bicara Eksekutif berkaitan bahaya ancaman dan fahaman Syiah pada 3 September 2013 di Terengganu.



Taklimat berkaitan bahaya ancaman Syiah pada 11 November 2013 Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu.

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Permohonan Permit Penerbitan	316
2	Permohonan Lesen Mesin Cetak	134
3	Perakuan Prof Akhir Teks Al Quran	280
4	Lesen Pencetakan Al-Quran	7
5	Pemeriksaan Bahan Penerbitan di pintu masuk (tajuk)	2,727,602
6	Pemeriksaan Bahan Penerbitan di pintu masuk (naskhah)	110,188,551
7	Penguatkuasaan AMCP & APTQ (kekerapan)	4,374

Taklimat Ancaman Syiah

Seperti yang diwar-warkan di media perdana dan media sosial, ajaran Syiah dilihat sebagai satu ancaman kepada negara. Sehubungan dengan itu, pejabat cawangan PQ di negeri telah mengambil inisiatif mengadakan seminar /



Operasi Penguatkuasaan

Operasi penguatkuasaan terhadap akhbar-akhbar parti politik atau 'Ops Tabloid' bagi akhbar yang menyalahi syarat-syarat permit & AMCP 1984 (Pindaan) 2012 telah dijalankan secara meluas oleh pejabat cawangan Bahagian PQ di negeri-negeri bermula pada 22 Mei 2013. Aktiviti penguatkuasaan ini melibatkan beberapa akhbar politik iaitu *Suara Keadilan*, *Harakah* dan *The Rocket*.

Tindakan serta merta seperti penahanan akhbar parti politik yang dijual di luar kawasan yang dibenarkan, dan akhbar parti politik yang tidak mempunyai permit penerbitan yang sah telah diambil.

Tindakan penguatkuasaan ini dijalankan dengan kerjasama pihak Cawangan Khas, PDRM di negeri masing-masing dan mendapat liputan meluas di dalam media arus perdana dan media elektronik .



Aktiviti rampasan di Pahang ke atas akhbar parti yang dijual di kawasan yang tidak dibenarkan.



Operasi penguatkuasaan di negeri Pahang.

Promosi / Pameran / Seminar

Sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat, KDN telah mengambil pelbagai inisiatif kawalan samada di peringkat ibu pejabat mahupun negeri. Antara pendekatan tahun 2013 adalah:

- mengadakan sesi dialog bersama golongan sasaran;
- pameran dan promosi samada anjuran agensi kerajaan lain mahupun swasta;
- taklimat penerangan AMCP 1984 (Pindaan) 2012 dan garis panduan penerbitan serta APTQ 1986;
- seminar Rasm Uthmani, dan
- taklimat Rasm Uthmani kepada semua golongan masyarakat.



Penyertaan PQ Pulau Pinang di dalam Pameran Mahababah anjuran AADK Barat Daya, Pulau Pinang di Masjid Al-Huda Sungai Ara pada 29 November 2013.



Penyertaan PQ Pulau Pinang di dalam Pameran anjuran Kelab Sukan & Rekreasi Kampung Nelayan, Teluk Kumbar, Pulau Pinang pada 18 Mei 2013.





Program Rasm Uthmani mula di Dewan Auditorium Kompleks KDN Kangar, Perlis pada 23 Mac 2013.



Sesi perbincangan yang diadakan bersama agensi kerajaan lain oleh PQ Negeri Kelantan.



SUB PQ, Puan Hashimah binti Nik Jaafar menyampaikan sijil kepada wakil peserta program Rasm Uthmani pada 23 Mac 2013.

Jaringan Kerjasama

Di dalam usaha melancarkan pelaksanaan tugas yang telah dipertanggungjawabkan, KDN melalui Bahagian PQ melebarkan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi yang relevan melalui inisiatif seperti mengadakan kunjungan hormat dan sesi interaksi, perbincangan, kerjasama dan operasi bersepadu melibatkan:

- Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN),
- Majlis Agama Islam Negeri (MAIN),
- Jabatan Kebajikan Islam Malaysia (JAKIM),
- Polis Diraja Malaysia (PDRM),
- pejabat Penasihat Undang-undang Negeri (PUU),
- Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan
- Jabatan Penyiaran Negeri.

Lawatan Kerja

Bagi menambahkan ilmu pengetahuan yang ada pada warga kerja Bahagian PQ, satu lawatan kerja ke Yayasan Restu telah diadakan pada 19 Disember 2013. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga PQ tentang penghasilan Al-Quran. Rombongan warga PQ ini telah disambut oleh Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latiff Mirasa dan disusuli dengan sesi penerangan dan lawatan ke kawasan sekitar Yayasan berkenaan.

Daripada lawatan ini, adalah disimpulkan bahawa Al-Quran yang dihasilkan di negara ini telah melalui kawalan yang ketat, teliti serta cermat bagi memastikan kesahihan dan kesuciannya terpelihara. Secara tidak langsung telah menambahkan lagi iltizam dan komitmen delegasi KDN untuk lebih bekerja keras menguatkuasakan APTQ 1986.



Timbalan Setiausaha Bahagian PQ, Encik Mohammad Naim bin Idris bersama Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latiff Mirasa.





Acara Penyampaian cenderahati antara TSUB PQ dan Pengerusi Yayasan Restu.



Penerangan daripada pegawai Yayasan Restu.

Program LPPPQ Dan Lajnah Tasheh Al Quran

Beberapa siri mesyuarat dan perjumpaan secara berkala bersama ahli Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ) serta Bengkel Perbincangan Ahli Lajnah Tasheh Al Quran telah diadakan sepanjang 2013. Antara yang utama ialah sesi perjumpaan YB Menteri Dalam Negeri bersama LPPPQ dan ahli Lajnah Tasheh Al Quran pada 18 Jun 2013.

Sesi tersebut bertujuan mengukuhkan ikatan ukhuwah yang telah terjalin di antara YB MDN dan ahli LPPPQ serta Lajnah Tasheh Al Quran, di samping mendapatkan pandangan dan nasihat daripada ahli Lembaga berkaitan isu semasa. Perjumpaan secara berkala ini juga bertujuan untuk memastikan pemegang Prof Teks Al-

Quran mematuhi segala arahan selaras dengan APTQ 1986, selain membuat pengesahan kelulusan keputusan bagi mesyuarat penilaian dan penyemakan teks Al-Quran, permohonan lesen cetak Al-Quran turut disemak.



Ketibaan YB MDN pada Majlis Perjumpaan bersama ahli LPPPQ dan Lajnah Tasheh pada 18 Jun 2013.



Sesi perjumpaan YB MDN bersama ahli LPPPQ dan Lajnah Tasheh Al Quran 2013.



YB MDN bersama ahli LPPPQ dan Lajnah Tasheh Al Quran di Putrajaya pada 18 Jun 2013.





Sesi perjumpaan YB MDN bersama LPPPQ dan Lajnah Tasheh Al Quran di KLIA pada 9 Spetember 2013.



Pertandingan sukan congkak



YB MDN bergambar bersama ahli LPPPQ dan Lajnah Tasheh Al Quran di KLIA pada 9 Spetember 2013.



Para pegawai dan kakitangan PQ mengaminkan bacaan doa oleh Ustaz Masykuri bin Khamid semasa Perhimpunan Bulanan PQ.

PEMANTAPAN *ESPRIT DE CORPS*

Sebagai usaha memupuk semangat kerjasama dan merapatkan silaturrahim sesama warga kerja, beberapa aktiviti berteraskan sosial dan rekreasi telah diadakan. Antaranya ialah Liga Sukan Indoor PQ pada bulan Disember 2013 melibatkan pertandingan acara sukan iaitu karom, dart, congkak, batu seremban dan ping pong. Hadiah kepada pemenang telah disampaikan sempena Perhimpunan Bulanan Disember 2013.



Para pegawai dan kakitangan PQ yang menyambut hari lahir sedang memotong kek hari lahir masing-masing.



Pertandingan sukan ping pong.



Para pemenang Liga Sukan Indoor PQ 2013 sedang menerima hadiah yang disampaikan oleh SUB PQ sebagai Pengerusi Kelab PQ.



PROGRAM KEMASYARAKATAN

Pejabat PQ Negeri juga telah mengambil inisiatif bagi membantu mangsa banjir dengan tujuan meringankan beban yang ditanggung oleh mereka. PQ Terengganu telah mengambil inisiatif program bantuan bagi mengumpul barangan keperluan harian untuk diagihkan kepada mangsa banjir yang terlibat. Program tersebut telah mendapat kerjasama pelbagai pihak dan berlangsung pada 7 Disember 2013 di Dataran Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu, Terengganu.

Orogram bantuan berbentuk gotong-royong turut diadakan pada 13 Disember 2013 di daerah Kemaman bagi membantu membersihkan kediaman dan mengagihkan barangan keperluan harian kepada penduduk yang terlibat dengan bencana banjir.



Program Kemasyarakatan membantu mangsa banjir pada 13 Disember 2013 di daerah Kemaman, Terengganu.



Para sukarelawan sedang tekun mengira sumbangan yang diterima daripada orang ramai bagi membantu mangsa banjir pada 7 Disember 2013 di Dataran Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu, Terengganu.



Sukarelawan sedang membantu memuatkan bantuan ke dalam lori sebelum diagihkan kepada mangsa banjir di Dataran Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu, Terengganu.





Bahagian

Keselamatan & Ketenteraman
Awam

PENGENALAN

Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam (Bahagian. KK) ditubuhkan pada 16 Mei 1954 bertanggungjawab untuk mentadbir urus dasar keselamatan dan ketenteraman awam yang bertujuan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan kedaulatan negara.

Objektif utama Bahagian KK adalah:-

- Mengekalkan keamanan dan keselamatan Negara.
- Membanteras segala bentuk kegiatan yang menjejaskan demokrasi berparlimen, ekstremis, sabotaj, pengintipan, keganasan dan kekerasan kumpulan jenayah terancang.
- Memastikan keselamatan dan keharmonian rakyat Malaysia terjamin.

PROGRAM UTAMA DAN PRESTASI

Permohonan Baru Lesen Agensi Persendirian

Sejumlah 215 permohonan baru lesen agensi persendirian telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 126 syarikat telah ditemuduga dan sebanyak 85 permohonan telah diluluskan. Secara keseluruhan, jumlah agensi persendirian yang berlesen bagi tahun 2013 adalah sebanyak 772 syarikat.

Penguatkuasaan Akta Agensi Persendirian 1971

Operasi penguatkuasaan bersepadu di seluruh negara sehingga 17 Disember 2013 merekodkan tangkapan seramai:

314 orang (pengawal keselamatan warga asing tanpa izin) melibatkan warganegara India (9), Pakistan (37), Nepal (223), Sri Lanka (4), Bangladesh (3), Indonesia (20), Filipina (15) dan Myanmar (3) dan;

35 orang (pengawal keselamatan yang melakukan kesalahan menggunakan kad pengenalan palsu atau milik orang lain).

Susulan itu, KDN telah mengeluarkan 30 surat tunjuk sebab kepada syarikat kawalan keselamatan yang didapati melanggar peraturan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971. Untuk rekod, sejak tahun 2010 hingga 2013, KDN telah menggantung dan membatalkan lesen 43 buah syarikat kawalan keselamatan kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.

Proses Tapisan dan Ulasan Keselamatan

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 827 permohonan telah dibuat tapisan dan diberi ulasan keselamatan melibatkan sebanyak enam (6) aktiviti utama. Butiran permohonan dan kelulusan adalah seperti di Jadual 12:

BIL.	PERMOHONAN	PERMOHONAN	KELULUSAN
1.	Warganegara Malaysia Memasuki Negara Terlarang dan sebaliknya	192 (2,715 orang)	192 (2,715 orang)
2.	Pelantikan penceramah/ pakar rujuk asing	61	61



BIL.	PERMOHONAN	PERMOHONAN	KELULUSAN
3.	Pelantikan duta/ pesuruhjaya tinggi/atase	71	71
4.	Permohonan pemilikan hartanah oleh kepentingan asing	93 (292 orang)	93 (292 orang)
5.	Lawatan oleh pelajar/pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke luar negara	*399 (3,990 orang)	*399 (3,990 orang)
6.	Waiver of two-year-home residence requirement letter of no obligation oleh warganegara Malaysia di Amerika Syarikat	11 (20 orang)	11 (20 orang)
JUMLAH		827	827

Jadual 12 : Statistik tahap pencapaian sehingga 31 Disember 2013

Triti Ekstradisi

Bagi tahun 2013, satu triti ekstradisi telah berjaya diwartakan iaitu Perintah Ekstradisi (Republik Korea) 2013 pada 3 April 2013 (P.U(A) 126). Manakala bagi triti ekstradisi Malaysia – Republik China dan Republik Iran, ia masih di peringkat perundingan dan akan diteruskan pada tahun 2014.

Sejajar dengan kerjasama serantau berkaitan ekstradisi ini, KDN telah menerima permohonan daripada tujuh (7) buah negara untuk mengekstradisi seramai 38 orang penjenayah buruan dengan empat (4) kes telah berjaya diselesaikan. Lain-lain permohonan masih dalam tindakan Jabatan Peguam Negara (AGC). Butiran permohonan dan ekstradisi dari negara luar adalah seperti di Jadual 13:

NEGARA	BILANGAN PERMOHONAN	STATUS
Amerika Syarikat	7	Dalam tindakan AGC
Australia	2	Selesai
Iran	19	Selesai
Itali	1	Dalam tindakan AGC
Qatar	1	-
Thailand	7	-
Vietnam	1	-
JUMLAH	38	

Jadual 13 : Ringkasan permohonan dari negara-negara luar



Rayuan Permohonan Lesen Senjata Api Di Bawah Akta Senjata 1960

Sepanjang tahun 2013, KDN telah menerima sebanyak 718 rayuan permohonan senjata api. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 152 permohonan telah diberi kelulusan oleh YB Menteri Dalam Negeri dan sebanyak 53 rayuan telah ditolak; manakala baki sebanyak 513 masih dalam tindakan.

Permohonan Mengadakan Pertunjukan Bunga Api (Piroteknik)

Hingga 31 Disember 2013, sebanyak 602 permohonan untuk mengadakan pertunjukan bunga api telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 594 permohonan telah diberi kelulusan, manakala lapan (8) permohonan telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Pelaksanaan Undang – Undang Pencegahan

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 merupakan tindakan pencegahan bagi mencegah sebarang aktiviti yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya yang boleh memudaratkan ketenteraman awam di Malaysia dari terus berlangsung.

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2013, seramai 534 orang dikenakan perintah tahanan, 212 orang dikenakan Perintah Sekatan dan lima (5) orang dibebaskan, diusir ke negara asal serta disenaraihitamkan daripada memasuki Malaysia manakala 11 orang lagi dibebaskan dari tindakan di bawah Akta ini. Daripada

jumlah tersebut seramai 738 orang adalah warganegara Malaysia dan 24 orang lagi bukan warganegara.

Akta Pencegahan Jenayah 1959

Sebanyak 307 nama individu telah dimasukkan ke dalam Buku Daftar di bawah Seksyen 12(2) dan dikenakan Perintah Pengawasan Polis di bawah Seksyen 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang telah diperakukan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri. Individu tersebut merupakan penjenayah tegar '*habitual criminal*' yang kerap melakukan jenayah berulang kali walaupun telah menjalani hukuman penjara sebelum ini.

Program Pemulihan

Program pemulihan bertujuan untuk membimbing semula orang tahanan dan juga orang sekatan berdasarkan nilai-nilai murni yang bermatlamat untuk mencegah dan menyekat mereka daripada bergiat semula dalam aktiviti yang boleh memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Program-program pemulihan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:-

- I. 15 siri Bengkel Kemahiran Solat (peringkat asas, pertengahan dan lanjutan) yang bertujuan untuk melatih orang tahanan melaksanakan ibadat solat dengan betul dan sempurna mengikut kehendak syariaat seperti solat fardu, solat berjemaah, solat jumaat, solat jamak qasar, solat jenazah dan solat-solat sunat.
- II. 15 siri Bengkel Kemahiran Quran (peringkat asas, pertengahan dan lanjutan) yang bertujuan untuk membina keyakinan diri orang tahanan untuk membaca al-Quran



dengan betul ketika menyebut sifat-sifat huruf dan bacaan dari segi hukum tajwidnya.

- III. 12 siri Kursus Kefahaman dan penghayatan Islam kepada tahanan ISA 1960 untuk memupuk kesedaran dan keinsafan diri orang tahanan terhadap perbuatan yang menyalahi undang-undang yang boleh mengancam keselamatan Negara.
- IV. 4 siri Program Khas SOSMA kepada banduan reman yang belum dijatuhi hukum yang bertujuan membentuk jati diri Orang Tahanan supaya lebih bersifat positif ketika berada di penjara.
- V. 12 siri Program Ceramah Hari kebesaran Islam (Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Isra Mikraj, Ambang Ramadan dan Nuzul Quran) untuk memberikan kefahaman kepada erti sebenar konsep peristiwa penting dalam Islam serta mengambil iktibar daripada peristiwa yang berlaku sebagai panduan dan dalam kehidupan.
- VI. 7 siri Program Kesejahteraan Psikologi untuk memberi pelbagai info kesihatan kepada orang tahanan mengenai penyakit HIV/ STI serta AIDS dan penjagaan kebersihan diri mereka semasa dalam tahanan.
- VII. 10 siri Program Tranformasi Minda untuk menerapkan kesedaran kepada orang tahanan tentang kesalahan lalu serta memikirkan peranan sebagai bangsa Malaysia dalam membangunkan kemajuan diri, bangsa dan agama.
- VIII. 6 siri Program *Outreach* orang sekatan dan Penggantungan Perintah Sekatan (PPT) yang bertujuan untuk memberikan pemahaman kepada orang sekatan

tentang undang-undang, peraturan negara, syarat sekatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan untuk orang sekatan dan keluarga.

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Forum Pencegahan Jenayah

Rentetan daripada keputusan Kerajaan untuk mengkaji keberkesanan undang - undang sedia ada dalam menangani permasalahan peningkatan kadar jenayah kekerasan dan jenayah terancang, KDN dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI) serta PEMANDU telah menganjurkan forum bertajuk "Forum Pencegahan Jenayah (Undang- undang Semasa dan Langkah - Langkah Untuk Mencegah Jenayah Kekerasan Secara Berkesan)" pada 24 Ogos 2013 di Sunway Resort hotel and Spa, Bandar Sunway, Selangor.

Forum dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri dan telah mencapai matlamat untuk mewujudkan "*engagement*" dan mendapatkan maklum balas dari pihak- pihak berkepentingan seperti *non-governmental organization* (NGO), agensi penguatkuasaan, ahli- ahli akademik dan lain-lain.

Forum ini dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Michael Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif, *Asian Strategy & Leadership Institute* (ASLI) dan ahli-ahli Panel terdiri daripada tujuh (7) orang pembentang kertas dari latar belakang yang berbeza iaitu:

- I. YDH Dato' Hadi Ho bin Abdullah
Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ),
Bukit Aman
Polis Diraja Malaysia



- II. Encik Andrew Khoo
Pengerusi Bersama
Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Majlis
Peguam Malaysia
- III. Professor Madya Shamrahayu A. Aziz
Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- IV. Puan Farah Intan Burhanuddin
Performance Management and Delivery
Unit (PEMANDU)
- V. YBhg. Datuk Dr Denison Jayasooria
Setiausaha Agung, PROHAM
- VI. Profesor Madya Dr P. Sundramoorthy
Penyelidik Utama, Pasukan Penyelidikan
mengenai Jenayah & KePOLISan, Pusat
Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia
- VII. YDH Datuk Wira Ayub bin Hj Yaakob
Pengaroh Jabatan Pencegahan Jenayah,
Bukit Aman
Polis Diraja Malaysia

Resolusi daripada forum ini merupakan input yang berguna kepada KDN dan Jabatan Peguam Negara dalam proses mewujudkan semula undang-undang pencegahan atau inisiatif-inisiatif lain yang bersesuaian dalam menangani jenayah terancang dan jenayah berat dengan lebih berkesan.

Pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1959

Berikutan peningkatan kadar kes jenayah berat dan jenayah terancang, Kerajaan telah memutuskan untuk mengguna pakai Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan mengkaji semula kesesuaian semasa Akta ini.

Lanjutan itu, dalam usaha untuk memerangi jenayah, Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 2 November 2013 dan oleh Dewan Negara pada 10 November 2013. Akta ini juga telah mendapat perkenan SBP Yang diPertuan Agong pada 25 Oktober 2013.

Antara perkara-perkara substantif di dalam pindaan Akta ini adalah:

- memperluaskan Akta ini ke Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan;
- memindahkan kuasa di bawah Akta ini daripada Menteri kepada Lembaga Pencegahan Jenayah;
- memperkenalkan perintah tahanan pencegahan; dan
- memperkenalkan penggunaan *Electronic Monitoring Device* (EMD) terhadap pesalah yang dikenakan perintah pengawasan polis.



YB Menteri bersama-sama pembentang kertas kerja Forum Pencegahan Jenayah.

<http://portal.ikdn.gov.my>



Mengurusetikan Panel Penasihat Bebas

Susulan daripada insiden perhimpunan di Dataran Merdeka pada 28 April 2012, Kabinet pada 9 Mei 2012 telah memutuskan supaya sebuah Panel Penasihat Bebas ditubuhkan bagi menyasiat serta mendapatkan gambaran sebenar mengenai perhimpunan tersebut, termasuklah dakwaan insiden kekerasan polis semasa mengawal perhimpunan.

Panel Penasihat Bebas dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tun Mohamad Hanif bin Omar telah bersidang sebanyak 37 kali dalam tempoh lebih kurang setahun iaitu bermula dengan mesyuarat pertama pada 25 Mei 2012 dan diakhiri dengan mesyuarat terakhir pada 8 Mei 2013.

Sepanjang tempoh tersebut, seramai 44 orang saksi telah tampil untuk memberikan keterangan terdiri daripada mangsa, petugas media massa, Syarikat Prasarana Negara Berhad, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Ahli Unit Amal Parti Islam SeMalaysia (PAS).

Pada masa yang sama, Panel juga telah meneliti dan menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan seperti *Standard Operating Procedure* (SOP) Polis serta meneliti rakaman-rakaman video dan gambar-gambar yang dikemukakan oleh para saksi, pihak polis dan peserta selain yang diambil dari sumber internet. Panel juga telah mengadakan dua (2) kali lawatan tapak ke Dataran Merdeka dan menyaksikan demonstrasi Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) di PULAPOL, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Laporan Akhir Panel Penasihat Bebas Berkenaan Perhimpunan Di Dataran Merdeka Pada 28 April 2013 mengandungi penemuan dan cadangan-cadangan penambahbaikan telah pun dikemukakan pada 16 Oktober 2013 untuk diteliti oleh Jemaah Menteri.

Program *Roadshow* Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah- Langkah Khas) (SOSMA) 2012

Susulan berkuatkuasanya Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012 pada 31 Julai 2012 bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 yang telah dimansuhkan, KDN telah mengambil inisiatif untuk mengadakan *roadshow* bagi memberikan penerangan mengenai penguatkuasaan SOSMA 2012 kepada stakeholders khususnya Jabatan Penjara Malaysia.

Kesinambungan kepada tiga (3) sesi *roadshow* sepanjang tahun 2012, satu sesi *roadshow* khas juga telah diadakan di Penjara Tawau, Sabah pada 13 Jun 2013. Pemilihan lokasi ini adalah kerana penjara ini terlibat secara langsung dengan tahanan SOSMA 2012 berhubung insiden pencerobohan pengganas bersenjata di Lahad Datu, Sabah.



Ahli-Ahli Panel Penasihat Bebas Berkenaan Perhimpunan Di Dataran Merdeka Pada 28 April 2012. Dari kiri; Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim, Dato' Hussamuddin bin Yaacub, Tan Sri Nik Hashim bin Nik Ab. Rahman, Tun Mohammed Hanif bin Omar (Pengerusi), Prof. Madya Dr. Rozmi bin Ismail, Encik Liew Peng Chuen.





Bahagian

Kawalan Penapisan Filem &
Penguatkuasaan

PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Kawalan Filem dan Penguatkuasaan (KF) bertanggungjawab mengawalselia Lembaga Penapis Filem (LPF) dalam menjalankan aktiviti penapisan filem. Misi KDN adalah untuk memastikan filem-filem dan bahan publisiti filem yang diterbitkan bebas daripada unsur-unsur negatif, berkemampuan mempengaruhi minda dan tingkah laku rakyat; dan seterusnya menyumbang kepada berlakunya gejala yang tidak sihat seperti jenayah secara ketara dan tidak ketara.

PENCAPAIAN

Penapisan Filem

Sepanjang tahun 2013, Unit Penapisan Filem:

- Menerima 1,341 permohonan Tapisan Filem dan 14,898 permohonan tapisan pita. Filem-filem yang dihantar untuk ditapis adalah terdiri daripada filem pengeluar tempatan dan juga eksport yang terdiri daripada pelbagai bahasa dan jenis. Dalam tempoh ini, terdapat lima buah filem, 109 pita dan 109 iklan dalam bentuk filem dan pita yang tidak diluluskan.
- Meluluskan sebanyak 8,668 permohonan tapisan yang terdiri daripada 4,230 bagi publisiti pita dan 4,438 bagi publisiti filem
- Menerima 4,233 Permohonan Permit dan mengeluarkan 6,793,169 unit label Perakuan B; dan
- Mendapat kutipan hasil adalah sebanyak RM 10,026,531.80 berdasarkan kepada kutipan hasil bayaran dari Tapisan Filem, Tapisan Bahan Publisiti Filem, Tapisan Bahan Publisiti Pita dan Penurunan Permohonan Permit.

Penguatkuasaan

Operasi

Secara keseluruhan sejumlah 14,384 operasi penguatkuasaan sepanjang tahun 2013 dan Negeri Sabah mencatatkan pencapaian tertinggi (1,047) diikuti Johor (1,377) dan Kedah (1,225) :

a. Operasi Berkala

Sebanyak 11,794 operasi telah berjaya dilaksanakan secara optimum berbanding dengan perancangan asal sasaran kerja tahunan iaitu 8400 kali. Analisa turut mendapati secara purata setiap negeri telah melepasi sasaran 600 operasi setahun. Secara keseluruhan Negeri Johor telah meduduki tangga teratas dan diikuti dengan Negeri Kedah, Pahang, Perlis, Sabah, Negeri Sembilan, Perak, Wilayah Persekutuan, Selangor, Terengganu, Sarawak, Pulau Pinang, Melaka dan yang terakhir Negeri Kelantan.

b. Operasi Matrix

Sebanyak 161 Operasi Matrix telah berjaya dilaksanakan secara purata semua Negeri di Semenanjung berjaya melepasi sasaran iaitu 1 tahun : 6 operasi dan manakala sasaran di negeri-negeri Sabah dan Sarawak iaitu 1 tahun : 4 Operasi.

c. Operasi Bersepadu

Pada tahun 2013 Unit Penguatkuasa telah berganding bahu dengan 23 agensi. Di antaranya ialah agensi Pos Malaysia, KASTAM, PDRM dan DBKL dalam pelaksanaan Operasi Bersepadu. Sejumlah 154 operasi telah berjaya dilaksanakan dan Negeri Kedah mendahului tangga teratas sebanyak 24 operasi berbanding negeri lain.

d. Operasi Pintu Masuk

Sejumlah 764 operasi berjaya dilakukan pada tahun 2013 dan jumlah ini telah melepasi sasaran kerja tahunan sebanyak



764 iaitu 24 operasi bagi setiap negeri. Tiga negeri yang mencatat operasi yang paling banyak ialah Sabah (370), Sarawak (63) dan Pulau Pinang (42).

e. Operasi Kilang/Stor

Jumlah bilangan operasi di kawasan kilang bagi tahun 2013 ialah 59 operasi melibatkan Negeri Selangor (30) dan Negeri Sembilan (12) dan telah melepasi sasaran kerja tahunan.

f. Operasi Download

Operasi Download pada tahun 2013 ialah sebanyak 487 operasi. Sasaran kerja tahunan Operasi Download ialah 1 bulan : 2 kali. Negeri Johor berjaya melaksanakan sejumlah 71 operasi berbanding negeri lain dan hampir negeri mencapai sasaran kerja tahunan kecuali Negeri Perlis dan Terengganu.

g. Operasi Statik

Sebanyak 941 Operasi Statik telah dilaksanakan dan tiga negeri yang mempunyai bilangan operasi yang paling tinggi iaitu Negeri Pulau Pinang (275), diikuti Negeri Kedah (107) dan Negeri Sembilan (82) operasi.

h. Operasi Flying Squad

Sejumlah 24 operasi telah berjaya dilaksanakan, di mana sasaran kerja tahunan melibatkan 24 operasi dalam tempoh setahun. Bulan Januari adalah bulan yang paling banyak Operasi Flying Squad dijalankan iaitu sebanyak 8 operasi berbanding dengan bulan yang lain.

Tangkapan

Operasi tangkapan menunjukkan sejumlah 417 warganegara Malaysia dan sejumlah 18 bukan warganegara Malaysia berjaya ditangkap. Negeri Selangor dan Johor mempunyai rekod

tangkapan paling ramai iaitu masing-masing sebanyak 79 dan 77 orang.

Orang yang kena tangkap (OKT) ialah 435 melibatkan pesalah juvana seramai 30 orang (6.91 %). OKT Bangsa Cina (290 orang), bangsa Melayu (87 orang) dan bangsa India (30 orang). OKT perempuan seramai 75 orang iaitu (17.24%); dan OKT lelaki seramai 360 orang iaitu (82.76%).

Rampasan

Sebanyak 2,980,453 rampasan telah dilaksanakan, dan 3 negeri yang mempunyai jumlah rampasan melebihi 100 ribu ialah Negeri Selangor (1,194,416), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,322,215) dan Johor (158,040).

Lokasi Operasi

Jumlah keseluruhan lokasi operasi ialah 13,932 tempat, di mana terdiri daripada Premis Filem, Syarikat Pengedar, Pawagam, Kilang / Stor, Premis Telekomunikasi, Premis Perisian Komputer, Kafe Siber, Pusat Mel/Kurier, Pasar Pagi, Pasar Malam, Kaki Lima, Medan Selera, Pintu Masuk, Terminal Bas/Kenderaan dan Lain-lain.

Pendakwaan – Sebutan

Sepanjang tahun 2013, 265 kes adalah merupakan sebutan kes baru, manakala 198 kes pula sebutan lanjutan dan waran tangkap (52 kes), bicara (62 kes) serta jamin (2 kes). Statistik menunjukkan Negeri Selangor mempunyai jumlah kes sebutan yang paling tinggi berbanding dengan negeri lain iaitu 235 kes.

Pendakwaan.

Statistik pendakwaan bagi tahun 2013 mendapati sebanyak 64% kes mengaku bersalah, 2.1% kes pula menang perbicaraan



dan 2% kes kalah perbicaraan. Manakala kes berstatus 'Discharge not amounting to an acquittal' (DNAA) atau dilepaskan tanpa di bebaskan pula mewakili 3 % selain daripada kes pendakwaan ['No further action' (NFA)] atau tiada tindakan lanjut iaitu 30 %.

Hukuman Denda Oleh Mahkamah

Jumlah keseluruhan hukuman denda oleh mahkamah bagi tahun 2013 ialah RM576,700.00. Di mana sebanyak RM 198,500.00 di perolehi melalui kutipan denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 18 (Akta Penapisan Filem 2002). Ia merupakan kutipan denda yang kedua tertinggi berbanding dengan kutipan denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 6 iaitu RM 209,500.00.

Kompaun.

Jumlah kes kompaun yang dikeluarkan sepanjang tahun 2013 ialah 56 kes; dan nilai kompaun yang diterima bagi tahun 2013 ialah RM 415,000.00; dan Perak mencatat nilai kutipan kompaun tertinggi iaitu sebanyak RM 105,000.00.

Pendidikan Pencegahan

Statistik menunjukkan kekerapan Program Pendidikan Pencegahan sepanjang tahun 2013 ialah 656 program.

PROGRAM DAN AKTIVITI

Ujian Kemahiran Menembak Di Lisram

Program Ujian Kemahiran Menembak berlangsung pada 27 Oktober 2013 bertempat di Langkawi International Shooting Range (LISRAM), Langkawi.



Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan), YBhg. Dato' Alwi Ibrahim menyertai Ujian Kemahiran Menembak.

Rampasan DVD Bernilai RM30 Juta

Pada 22 Januari 2013, serbuan telah dibuat di sebuah rumah dua tingkat di Taman Bukit Indah, Sri Petaling hasil daripada risikan yang mendapati rumah tersebut dijadikan sebagai gudang menyimpan DVD haram. DVD haram yang telah dirampas adalah bernilai RM30 juta.

BH 23 JANUARI 2013 @ RABU
FF

"Sindiket ini turut dikesan tidak lagi menyewa rumah kedai, sebaliknya menyewa rumah untuk digunakan bagi mengelak dari dikesan pihak berkuasa"

Noor Aziah Abdullah, Pengarah Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan Selangor

Sebahagian daripada 1.15 juta DVD haram yang disimpan dalam sebuah rumah dua tingkat di Jalan Manisan, Taman Bukit Indah, Seri Petaling, petang semalam.

KDN rampas DVD haram RM30 juta

kera padat video digital (DVD) cetak rompak bernilai RM30 juta dalam serbuan di rumah dua tingkat di Jalan Manisan, Taman Bukit Indah, Seri Petaling, petang semalam.

Serbuan jam 4 petang oleh Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya itu dilancarkan susulan maklumat awam yang sering melihat tujuh lelaki dalam keadaan mencurigakan.

Pengarah Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan Selangor, Noor Aziah Abdullah, berkata hasil risikan seminggu, mendapati rumah terbabit dipercayai dijadikan gudang menyimpan DVD haram dengan berselindung di sebalik kain rentang bertulis 'rumah untuk disewa'.

"Kita percaya sindiket ini yang didalangi lelaki tempatan hun lalu dengan menjadikan rumah terbabit sebagai gudang penyimpanan DVD sebelum diedarkan kepada kedai DVD sekitar Lembah Klang dan seluruh negara.

Sindiket tukar taktik

"Sindiket ini turut dikesan tidak lagi menyewa rumah kedai atau gudang, sebaliknya menyewa rumah terbabit untuk digunakan sebagai stor penyimpanan bagi mengelak dari dikesan pihak berkuasa," katanya di sini, semalam.

Noor Aziah berkata, premis itu turut digunakan untuk melakukan kerja pembungkusan sebelum diedarkan kepada penjual kecil-kecilan.

"Ketika serbuan, anggota kami sukar untuk masuk ke dalam rumah terbabit kerana keadaannya yang sempit," ka-

Oleh Nor Aziah Mokhtar
noraziah@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan, Kementerian Dalam Negeri (KDN)





KDN melalui KF telah mengadakan Hari LPF sempena ulangtahun Lembaga Penapis Filem (LPF) yang ke-59 pada 20 Jun 2013 bertempat di Dewan Gemilang, KDN. Y.Bhg. Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menyempurnakan acara perasmian yang turut melibatkan semua Ahli LPF, para penggiat industri, Ahli Jawatankuasa Rayuan Filem (JKRF) dan produser filem.



Sistem Penguatkuasa

Bagi memudahcara kaedah penarafan premis dan pengumpulan data, satu sistem telah dibangunkan dan dinamakan sistem mPenguatkuasa. Sistem mPenguatkuasa ini adalah satu bentuk konsep penarafan secara online melalui satu aplikasi ringkas dan mudah dengan menggunakan telefon pintar atau android. Aplikasi mPenguatkuasa dimuat turun daripada play store android dan disahkan selamat kerana memerlukan nama pengguna dan kata laluan untuk mengakses.

Melalui aplikasi mPenguatkuasa, anggota penguatkuasa boleh terus memasukkan data penarafan dan pemeriksaan premis secara online di lapangan. Sekiranya tiada akses internet mahupun gangguan pada sistem internet, anggota penguatkuasa boleh menggunakan aplikasi offline di mana data-data disimpan di dalam fail android dan akan dimasukkan secara automatik ke dalam sistem mPenguatkuasa sebaik sahaja mendapat liputan internet.

Data-data daripada sistem mobile penguatkuasa akan disalurkan secara online ke satu pengkalan data mPenguatkuasa yang lebih dikenali sebagai sistem web mPenguatkuasa. Sistem web ini hanya boleh diakses oleh pentadbir sistem di mana melalui sistem web ini keseluruhan data yang dimasukkan oleh setiap pengguna mobile penguatkuasa akan dimuatnaik, dikumpulkan dan dijana kepada maklumat statistik yang dikehendaki secara automatik.





Bahagian

Kepenjaraan, Antidadah &
Pertahanan Awam

PENGENALAN

Bahagian Kepenjaran, Antidadah dan Pertahanan Awam (PDP) ditubuhkan pada 16 Ogos 2008 selaras dengan usaha memperkemaskan peranan KDN melalui urusan penyusunan semula susulan pencantuman Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN), menjadi KDN.

Secara amnya, PDP memantau pelaksanaan dasar di tiga agensi di bawah KDN, iaitu Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

FUNGSI BAHAGIAN

- a. Mengkaji, mencadang, memperaku dan memantau pelaksanaan dasar-dasar di Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia agar memenuhi kehendak stakeholders dan memberi kepuasan kepada pelanggan selaras dengan visi dan misi KDN.
- b. Menggubal dan meminda undang-undang dan peraturan agar memenuhi keperluan semasa agensi dan dasar negara.
- c. Menyediakan maklumbalas dan mengenalpasti tindakan penambahbaikan yang sewajarnya terhadap cadangan, teguran dan aduan berkaitan kepenjaran, antidadah dan pertahanan awam.
- d. Menjalankan tugas-tugas keurusetiaan berkaitan kepenjaran, antidadah dan pertahanan awam.
- e. Menguruskan permohonan bantuan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan

Negara (TAPPN) daripada Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

LAPORAN BAHAGIAN

Lawatan Kerja Oleh Wakil United Nations Office On Drugs And Crime (UNODC), Ke Malaysia Pada 27 – 29 Mei 2013

Wakil dari United Nations Office On Drugs And Crime (UNODC), Hakan Demirbuken, Programme Management Officer, Afghan Opiate Trade Project telah mengadakan lawatan kerja ke Malaysia pada 27 – 29 Mei 2013. Lawatan adalah sempena projek kajian penyelidikan yang dijalankan UNODC ke atas kegiatan penyeludupan opiat Afghanistan. Lawatan kerja ini telah dapat menjalin suatu hubungan kerjasama yang erat antara agensi-agensi penguatkuasaan dengan UNODC. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada Hakan Demirbuken adalah amat bernilai kepada agensi penguatkuasaan Malaysia dalam memperkukuhkan lagi jaringan informasi berhubung trend dan kegiatan penyeludupan dadah di seluruh dunia. Ia juga memberi gambaran yang jelas kepada Hakan Demirbuken berhubung inisiatif yang dijalankan Malaysia untuk membanteras kegiatan penyeludupan dadah serta rawatan dan pemulihan penagih dadah.



Sesi Taklimat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, KDN





Encik Hakan Demirbuken, wakil UNODC di sesi kaunseling bersama Pembimbing Rakan Sebaya



Lawatan wakil UNODC ke Makmal Forensik PDRM

Bengkel Penyelarasan Tindakan Penguatkuasaan Dalam Penyelesaian Masalah Dadah

Bengkel bagi menyelaraskan tindakan penguatkuasaan di antara agensi-agensi penguatkuasaan dalam penyelesaian masalah dadah telah diadakan pada 30 Julai 2013 di Bilik Mesyuarat Sateria, Aras 9, Blok D1, KDN. Bengkel dihadiri oleh Wakil – wakil dari Jabatan / Agensi penguatkuasaan, iaitu Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPF, KKM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Peguam Negara, serta Penasihat Undang-undang dan pegawai dari Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam KDN.

Bengkel ini telah berjaya mengenal pasti mekanisme penyelarasan tindakan penguatkuasaan, selaras dengan peruntukan dalam Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2004 dan Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004. Menerusi bengkel ini juga, isu-isu penguatkuasaan dalam penyelesaian masalah dadah dibincangkan dan kerjasama erat antara Kementerian, Jabatan serta Agensi dapat ditingkatkan.

Lawatan Wakil International Narcotics Control Board (INCB)

Lawatan rasmi International Narcotics Control Board (INCB) ke Malaysia pada 9 – 11 September 2013 diketuai oleh Dr. Sri Suryawati, Naib Presiden Kedua, INCB dan disertai oleh Zhu Li-Qin, Pegawai Sekretariat, INCB. Sesi Pembentangan dan Perjumpaan Wakil INCB dengan wakil Agensi-agensi Penguatkuasaan telah diadakan pada 9 September 2013 bagi membolehkan pihak INCB mendapatkan maklumat daripada pegawai-pegawai agensi penguatkuasaan dadah di Malaysia dari aspek kawalan pengedaran dadah, prekursor dan perundangan. Lawatan rasmi ke negara-negara ahli yang diadakan oleh INCB merupakan aktiviti untuk memantau pelaksanaan 3 konvensyen antarabangsa kawalan dadah United Nations. Lawatan ini telah membantu mengenal pasti kelemahan kawalan dadah dan bahan prekursor di Malaysia, di samping menjalin hubungan kerjasama Malaysia dengan INCB.



Perbincangan antara wakil INCB dan wakil-wakil agensi penguatkuasaan Malaysia.



Lawatan Ke Penjara Industri Jasin, Melaka

Pada 9 September 2013, satu lawatan kerja ke Penjara Industri Jasin, Melaka yang diketuai oleh Mohamad Asa'ad bin Hj Hamzah, KPSU (PDP) K telah diadakan. Lawatan kerja ini bertujuan untuk melihat serta memeriksa keadaan fizikal penjara untuk tujuan pewartaan fasiliti tersebut berdasarkan Sek.3 Akta Penjara dan Sek. 4 dan 5 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959.



Kompleks Penjara Industri Jasin, Melaka

Seminar Anggota Lembaga Hakim Pelawat Penjara / Sekolah Henry Gurney / Pusat Pemulihan Akhlak

Anggota Lembaga Hakim Pelawat (ALHP) Penjara / Sekolah Henry Gurney / Pusat Pemulihan Akhlak dilantik oleh YB Menteri Dalam Negeri berdasarkan Seksyen 64 (1) Akta Penjara 1995, peraturan 100 (1) Sekolah Henry Gurney 1949 dan subperaturan 108 (1) Peraturan-peraturan Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Orang Tahanan) 2012. Antara tugas ALHP adalah melihat keperluan asas, pemulihan dan kebajikan banduan / penghuni melalui:

- lawatan ke institusi penjara;
- menyediakan ulasan lawatan selepas lawatan; dan
- mengkaji kes tahanan limpah kurnia dan membuat pengesyoran.

Tahun 2013 ALHP, seminar telah diadakan sebanyak 4 kali di Zon Utara, Zon Sabah, Sarawak dan WP Labuan, Zon Selatan dan Zon Timur. Seminar ALHP 2013 mendorong pelaksanaan tugas dengan lebih berdedikasi dan menghasilkan penambahbaikan dalam kebajikan banduan dan pengurusan Jabatan Penjara Malaysia.



Sesi bergambar Y.Bhg. Dato' TKSUK (K) dan SUB (PDP) bersama Anggota Lembaga Hakim Pelawat yang dilantik

Bengkel Bagi Menggubal Dan Meminda Akta Penjara 1995

Bengkel Bagi Menggubal dan Meminda Akta Penjara 1995 telah diadakan di Hotel Taiping Perdana, Perak pada 18 - 20 Oktober 2013. Korumnya adalah terdiri daripada pegawai dari Jabatan Penjara Malaysia, Lembaga Hakim Pelawat, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi lain yang berkaitan. Tujuan bengkel adalah untuk membincangkan perkara yang lebih lanjut berkaitan penggubalan dan pindaan Akta Penjara 1995 yang akan dibawa ke parlimen.



Bengkel bagi menggubal dan menilai Akta Penjara 1995



PENCAPAIAN

Tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara

KDN melalui Bahagian PDP berkuat kuasa mulai 4 Jun 2013 berperanan menyelaras permohonan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) bagi jabatan / agensi di bawah KDN (kecuali) Polis DiRaja Malaysia seperti berikut:

- i) Jabatan Penjara Malaysia;
- ii) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK);
- iii) Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM);

- iv) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
- v) Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA); dan
- vi) Unit Pencegah Penyeludupan (UPP).

Sebanyak 13 permohonan TAPPN diterima sepanjang tahun 2013 dan melibatkan dua (2) agensi. Sebanyak dua (2) Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian TAPPN telah diadakan bagi meneliti semua permohonan dan seterusnya membuat pengesyoran kepada YB Menteri Dalam Negeri. Butiran permohonan tersebut adalah seperti Jadual 14:

JABATAN/ AGENSI	JUMLAH PERMOHONAN		KATEGORI KES	JUMLAH BANTUAN
	DILULUSKAN	DITOLAK		
JPAM	12	1	<ul style="list-style-type: none"> • Meninggal dunia • Cedera parah • Cedera ringan 	22,000.00 54,000.00 3,750.00
AADK	1	0	<ul style="list-style-type: none"> • Meninggal dunia • Bantuan nafkah kepada balu • Bantuan nafkah kepada anak-anak • Bantuan Persekolahan 	22,000.00 6,711.84 3,192.00 720.00
JUMLAH	13	1	-	112,373.84

Jadual 14: Permohonan/Kelulusan TAPPN 2013





Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Urusetia

Lembaga Parol

PENGENALAN

Urusetia Lembaga Parol (ULP) diwujudkan di bawah seksyen 46C(2) Akta Penjara (Pindaan) 2008 bagi membantu dan melicinkan Sistem Parol di Malaysia. Fungsi utama ULP adalah mempertimbangkan permohonan pembebasan secara Perintah Parol yang mula berkuatkuasa mulai 30 Jun 2008. Sistem Parol memberi fokus kepada program pemulihan banduan di luar penjara. Ia juga bertujuan bagi merealisasikan hasrat kerajaan mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Objektif Sistem Parol:

- Membantu banduan menyesuaikan diri dalam masyarakat. Outcome sistem parol adalah melalui penerimaan keluarga, majikan dan ahli masyarakat itu sendiri.
- Mengurangkan kadar residivis akibat kesukaran banduan mengasimilasi diri dalam kehidupan bermasyarakat selepas keluar dari penjara.
- Membuka ruang yang lebih luas kepada bekas banduan untuk mendapat pekerjaan di mana banduan yang diparol dibantu oleh dalam aspek khidmat nasihat, bimbingan dan kaunseling bagi meningkatkan keyakinan diri mereka.

- Menggalakkan penglibatan masyarakat dalam proses pemulihan banduan.
- Mengurangkan kesesakan dan kos operasi di dalam penjara

Peranan utama ULP ialah mengeluarkan Perintah Parol iaitu satu dokumen yang memberi kuasa kepada Jabatan Penjara membebaskan banduan berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

PENCAPAIAN

Kejayaan pelaksanaan Sistem Parol di Malaysia telah terbukti pada bulan Mei 2013 mendapat pengiktirafan antarabangsa. Usaha pengintegrasian semula banduan ke dalam masyarakat telah dinilai oleh pihak *United Nations Office On Drugs and Crime* (UNODC) khususnya berhubung pematuhan Artikel 15 – 42 Chapter 111 Criminalization and Law Enforcement dan Artikel 44 – 50 Chapter IV International Cooperation United Nation Convention Againsts Corruption (UNCAC).

Sehingga 31 Disember 2013, Sistem Parol yang mula berkuatkuasa pada 30 Jun 2008, telah membebaskan seramai 7,729 orang banduan. Butiran permohonan/kelulusan bagi tempoh 2008 – 2013 adalah seperti di Jadual 15:

TAHUN	PERMOHONAN	LULUS	PERMOHONAN DITOLAK	TOLAK	JUMLAH PERMOHONAN
	(Bil)	(%)	(Bil)	(%)	
2008	199	21.35	733	78.65	932
2009	746	56.39	577	43.61	1,323
2010	1028	62.53	616	37.47	1,644
2011	1190	63.94	671	36.06	1,861
2012	1912	81.05	447	18.95	2,359
2013	2654	85.28	458	14.72	3,112
JUMLAH	7729	68.82	3502	31.18	11,231

Jadual 15: Permohonan/Kelulusan bagi tempoh 2008/2013



PELAKSANAAN AKTIVITI

Program Outreach

Dua (2) Program Outreach bersama Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan) KDN telah diadakan iaitu pada 11 Oktober 2013 di Zon Timur bertempat di Kuantan, Pahang dan 17 Disember 2013 di Zon Utara bertempat di Sungai Petani, Kedah.



Program Outreach TKSU(K) di Zon Timur

Program ini bertujuan mendekati komuniti Orang Yang Diparol (ODP), ahli keluarga ODP, bekas ODP yang telah berjaya kembali ke pangkuan masyarakat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang banyak membantu Pegawai Parol Negeri dan Daerah, majikan ODP dan Agensi Kerajaan yang terlibat dalam Program Intervensi semasa ODP menjalani Perintah Parol.

Program Outreach Lembaga Parol

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 17 Program Outreach Lembaga Parol telah diadakan di seluruh negara. Pelaksanaan program ini memberi peluang kepada Lembaga Parol mengikuti perkembangan ODP di samping menilai keberkesanan program khususnya terhadap Syarat-syarat Parol yang dikenakan terhadap ODP bagi tujuan penambahbaikan pada masa-masa akan datang.



Pengerusi LP1, Y.A Tn Abdul Rashid bin Daud (baju kelabu) dalam program Outreach di Langkawi

Penambahbaikan Kod Etika Lembaga Parol



Bengkel Penambahbaikan Kod Etika Lembaga Parol telah dilaksanakan pada 4 – 6 September 2013 di Kuching, Sarawak. Tujuan program ini adalah bagi memantapkan Kod Etika Lembaga Parol sediaada yang telah disediakan sebelum Lembaga Parol diwujudkan pada tahun 2008 sesuai dengan syor oleh LRQA semasa urusan Audit ISO pada 5-9, 20-23 & 26-29 November 2012 di semua Bahagian KDN sebelum ini.



Mesyuarat Penambahbaikan Dosir

Mesyuarat Mesyuarat Penambahbaikan Dosir Bersama TKP Penjara (Keselamatan dan Koreksional) telah diadakan di Penjara Sungai Udang, Melaka pada 30 Ogos 2013 bagimembincangkan isu-isu penyediaan dosir iaitu dokumen permohonan pembebasan parol oleh banduan. Isu-isu penyediaan dosir perlu diperhalusi dari semasa ke semasa kerana ianya merupakan dokumen penting yang dirujuk oleh Anggota Lembaga Parol sebelum keputusan pembebasan banduan boleh dipertimbangkan.

Aktiviti Riadah Kelab ULP



Kelab ULP/ALP telah menganjurkan Pertandingan Bowling Tertutup Bahagian pada 3 Julai 2013. Bagi menjalinkan kerjasama erat dan memupuk jalinan silaturahim yang lebih erat di antara Ahli Lembaga Parol dan Urusetia.

Jamuan Hari Raya ULP



Bagi meraikan kemeriahan di bulan Syawal, ULP telah mengadakan Jamuan Hari Raya pada 3 September 2013 yang lalu. Majlis tersebut dimeriahkan dengan kehadiran Pengurusan Tertinggi KDN seperti Dato' Sri KSU dan tetamu-tetamu jemputan yang lain seperti pegawai-pegawai yang pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Parol, pegawai-pegawai dari Jabatan Penjara Malaysia dan Pegawai-pegawai Kanan KDN yang lain.

PENUTUP

Tahun 2013 memperlihatkan kadar pembatalan Perintah Parol adalah pada kadar 2.19% atau 58 orang dari 2,654 orang banduan yang dibebaskan. Walaupun agak rendah, ianya tetap merupakan satu kejayaan memandangkan ULP perlu mematuhi Seksyen 46f(b) sebelum membuat sebarang keputusan yang antara lainnya melibatkan keperluan:

- a. Melindungi keselamatan masyarakat;
- b. Mengekalkan keyakinan orang awam dalam pentadbiran keadilan, dan;
- c. Mengambil kira sifat dan hal keadaan kesalahan banduan yang berhubungan dengan hukuman ke atas banduan.

Kejayaan ini diharapkan dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap bekas banduan dan terus memberi keyakinan terhadap proses pemulihan banduan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan. Penerimaan masyarakat sangat penting bagi mengembalikan keyakinan diri bekas banduan di samping dapat menjamin kejayaan dan keberkesanan sistem ini seluruhnya.



Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Antarabangsa

PENGENALAN

Bahagian Antarabangsa (AB) bertanggungjawab memuktamadkan Perjanjian / Memorandum Persefahaman (MoU) dalam menangani ancaman jenayah rentas sempadan, serta bertindak sebagai Sekretariat kepada Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO). MAPO yang merupakan peneraju di peringkat nasional dalam merancang, menyelaraskan dan memantau segala aspek berkaitan usaha kerajaan dalam menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Isu-isu antarabangsa di bawah tanggungjawab KDN antara lain meliputi jenayah rentas sempadan termasuk pemerdagangan orang dan penyeludupan migran serta isu-isu hak asasi manusia. Ini adalah kerana jenayah ini amat kompleks dan tidak dapat ditangani secara unilateral di samping melibatkan aktiviti jenayah merentasi sempadan negara serta pergerakan manusia di dalam era globalisasi pada masa kini.

PENCAPAIAN DAN AKTIVITI UTAMA

Hal Ehwal Antarabangsa

Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Ke-13 Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (13th Senior Officials Meeting on Transnational Crime – SOMTC)

Delegasi KDN yang diketuai YBhg. Dato' Alwi bin Haji Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan) telah menghadiri SOMTC Ke-13 di Da Nang, Vietnam pada 17-21 Jun 2013. Mesyuarat yang diadakan setiap tahun ini merupakan platform penting bagi negara-negara anggota ASEAN untuk bertukar-tukar maklumat mengenai trend serta perkembangan terkini jenayah rentas sempadan di rantau ini. Penyertaan Malaysia merupakan

kesinambungan kepada siri mesyuarat-mesyuarat terdahulu dan menggambarkan komitmen serta kerjasama Malaysia dalam usaha ASEAN untuk membanteras jenayah rentas sempadan di rantau ini. Kerjasama di peringkat antarabangsa terutamanya di rantau ASEAN adalah amat penting dalam menyokong usaha membanteras jenayah rentas sempadan yang semakin berleluasa.



Ketua Delegasi Negara-negara ASEAN ke Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Ke-13 Mengenai Jenayah Rentas Sempadan

Persidangan Khas (Peringkat Menteri) Bagi Menangani Pergerakan Manusia Secara Tidak Sah

Persidangan tersebut dihadiri oleh Y.B. Menteri Dalam Negeri telah berlangsung pada 20 Ogos 2013 di Jakarta, Indonesia. Pada akhir persidangan, kesemua 14 negara peserta yang terjejas sama ada sebagai negara asal, transit mahupun destinasi telah bersetuju dengan Deklarasi Jakarta bagi menangani Pergerakan Manusia Secara Tidak Sah yang merangkumi 4 elemen utama iaitu pencegahan, pengesanan awal, perlindungan dan pendakwaan. Deklarasi ini menyokong inisiatif serantau melalui mekanisme Bali Process bagi menangani Pergerakan Manusia Secara Tidak Sah termasuk pemerdagangan orang dan penyeludupan migran yang merupakan jenayah rentas sempadan.



Rundingan Kedua Pegawai Kanan bagi Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama dalam Membanteras Perdagangan Orang di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand

KDN menjadi tuan rumah bagi Sesi Rundingan tersebut dari 28 hingga 29 Ogos 2013 di Shangri-La Rasa Sayang Resort and Spa, Batu Feringgi, Pulau Pinang. Delegasi Malaysia diketuai oleh Y.Bhg. Dato' Alwi bin Hj Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan) manakala delegasi Thailand diketuai oleh H.E. Mr. Wanchai Roujanavong, *Director General of International Affairs Department, Office of the Attorney General*. Sesi Rundingan pada kali ini merupakan susulan kepada Rundingan Pertama yang telah diadakan di Songkla, Thailand pada 28 hingga 30 September 2011.

Sesi Rundingan kali ini diadakan bagi membolehkan kedua-dua pihak mengenal pasti aspek kerjasama penting yang perlu dimuatkan di dalam draf teks MoU tersebut seperti perkongsian maklumat, pertukaran amalan terbaik antara agensi penguatkuasaan, perkongsian pengalaman pihak Thailand berhubung proses integrasi semula serta pelaksanaan latihan dan bantuan teknikal mengenai pengesanan dan pengenalan mangsa, kaedah siasatan dan pengumpulan maklumat. MoU tersebut diharap mampu dijadikan sebagai instrumen bagi meningkatkan kerjasama dua hala kedua-dua negara dalam menangani jenayah perdagangan orang.



Delegasi Malaysia ke Rundingan Kedua Pegawai Kanan bagi Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam membanteras perdagangan orang di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand

Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-9 Mengenai Jenayah Rentas Sempadan

Y.B. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar telah mengetuai delegasi Malaysia ke 9th ASEAN Ministerial Meeting On Transnational Crime (AMMTC) Ke-9 di Vientiane, Lao PDR mulai 16 hingga 19 September 2013. Mesyuarat ini diadakan setiap dua (2) tahun sekali dan memberikan fokus kepada lapan (8) bidang utama iaitu:

- i. keganasan,
- ii. penyeludupan dadah,
- iii. perdagangan orang,
- iv. jenayah ekonomi,
- v. pengubahan wang haram,
- vi. pelanunan di laut,
- vii. penyeludupan senjata api dan
- viii. jenayah siber.

Malaysia merupakan negara peneraju bagi aspek pengubahan wang haram dan pelanunan di laut.

Pada tahun 2015, Malaysia bakal menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Ke-10 Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan dan akan mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN.



Delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-Menteri Asean Ke-9 Mengenai Jenayah Rentas Sempadan di Vientiane, Lao PDR, 16 hingga 19 September 2013



Memorandum Persefahaman (MoU) dalam Program Keselamatan Antarabangsa Antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kanada

Kerajaan Malaysia menerusi KDN telah memeterai MoU dalam Program Keselamatan Antarabangsa Antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kanada yang telah ditandatangani pada 6 Oktober 2013 semasa lawatan T.Y.T. Stephen Harper, Perdana Menteri Kanada ke Malaysia. MoU tersebut telah memberikan impak yang besar dan positif dari aspek memperkukuhkan kerjasama di kalangan Kementerian / Agensi domestik serta mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan di peringkat antarabangsa dalam menangani ancaman keselamatan semasa dan akan datang.

Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja Bersama (JWG) Malaysia – United Kingdom (UK) Mengenai Jenayah Rentas Sempadan

Mesyuarat telah diadakan di Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur dari 9 hingga 10 Oktober. Delegasi Malaysia diketuai oleh YBhg. Dato' Alwi bin Haji Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan) KDN manakala delegasi Negara UK diketuai oleh H.E. Mr. Ray Kyles, pemangku Pesuruhjaya Tinggi British, Suruhanjaya British, Kuala Lumpur. Pihak UK akan menghoskan Mesyuarat Kedua kelak. Mesyuarat bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama dua hala kedua Negara terutamanya dari aspek jenayah siber, keselamatan siber dan jenayah fiskal.

Mesyuarat Ke-17 Rekod Penilaian Penggalan Sejahter (UPR Malaysia) Semakan Kedua mengenai Hak Asasi Manusia

Mesyuarat tersebut telah diadakan di Geneva, Switzerland dari 21 hingga 29 Oktober 2013. Delegasi Malaysia diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Hubungan Pelbagai Hala),

Kementerian Luar Negeri (KLN), Y.Bhg. Dato' Ho May Yong. Penilaian Penggalan Sejahter atau Universal Periodic Review (UPR) merupakan mekanisme di bawah Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang ditubuhkan sejak tahun 2006 bagi menilai rekod berhubung hak asasi manusia yang diamalkan oleh 193 negara anggota PBB. Penilaian UPR dilaksanakan setiap empat (4) setengah tahun dan ini adalah merupakan kali kedua Malaysia membentangkan prestasi hak asasi manusia negara. Semakan pertama terhadap negara telah diadakan pada tahun 11 Februari 2009.



Delegasi Malaysia ke Mesyuarat Ke-17 Rekod Penilaian Penggalan Sejahter (UPR Malaysia) Semakan Kedua mengenai Hak Asasi Manusia

Lawatan Kerja T.Y.T. Masagos Zulkifli Masagos Mohamed, Menteri Negara Kanan, Hal Ehwal Dalam Negeri dan Luar Negeri Republik Singapura ke Malaysia

YB. Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri (TMDN) telah menerima lawatan kerja tersebut dari 2 hingga 4 Disember 2013. Lawatan tersebut merupakan sesi timbal balas ke atas lawatan YB TMDN ke Singapura dari 9 hingga 12 November 2013. Tujuan utama lawatan adalah bagi Singapura mempelajari dan memahami sistem pengurusan dan kaedah yang diguna pakai bagi pemulihan dan rawatan penagih dadah di Klinik dan Pusat Servis Cure and Care. Aturcara lawatan kerja TYT. Menteri Negara Kanan Singapura antara lainnya adalah:



- lawatan ke Klinik Cure and Care 1Malaysia, Sg. Besi, Kuala Lumpur dan Pusat Servis Cure and Care, Chow Kit, Kuala Lumpur;
- lawatan ke Penjara Kajang dan Rumah Perantara, Kuala Lumpur bagi memahami secara lebih konstruktif mengenai pemulihan banduan oleh Jabatan Penjara Malaysia; dan
- lawatan ke Kg. Malaysia Raya, Kuala Lumpur bagi mendalami sistem pengurusan Caring Community House.



Kunjungan hormat T.Y.T. Masagos Zulkifli Masagos Mohamed, Menteri Negara Kanan, Hal Ehwal Dalam Negeri dan Luar Negeri Republik Singapura ke atas Y.B. MDN

Lawatan Kerja YB. Menteri Dalam Negeri (MDN) dan YB. Timbalan Menteri Dalam Negeri (TMDN)

Berikut merupakan antara lawatan kerja YB. MDN dan YB. TMDN sepanjang tahun 2013:

- Lawatan Kerja YB. MDN ke Republik Rakyat Indonesia, 13-15 Jun 2013; dan
- Lawatan Kerja YB. TMDN ke Republik Singapura, 9-12 November 2013.

Kunjungan Hormat ke atas YB. Menteri Dalam Negeri

Sepanjang 2013, YB. Menteri Dalam Negeri telah menerima kunjungan hormat dan mengadakan pertemuan dua hala dengan Menteri / Duta Besar dan wakil-wakil Negara asing seperti berikut:

- TYT. Timbalan Perdana Menteri Thailand pada 9 Januari 2013;
- TYT. Kwon Jae Jin, Menteri Keadilan, Republik Korea pada 17 Januari 2013;
- TYT. A.K.M Atiqur Rahaman, Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh pada 27 Mei 2013;
- Head of Secret Intelligence Service (MI6) pada 30 Mei 2013;
- TYT. Menteri Dalam Negeri dan Imigresen Republik Namibia pada 6 Jun 2013;
- TYT. Duta Besar Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 12 Jun 2013;
- TYT. Mohammad Jalal Firauznia, Duta Besar Republik Islam Iran pada 28 Jun 2013;
- TYT. Duta Besar Myanmar pada 9 Julai 2013;
- Mr. Alan Vernon, Wakil United Nations High Commissioner For Refugees (UNHCR) pada 4 Julai 2013;
- TYT. Seyed Rasoul Mohajer, Utusan Khas Republik Islam Iran pada 23 Julai 2013;
- TYT. Mr. Lee McClenny, Kuasa Usaha Sementara, Kedutaan Besar Amerika Syarikat pada 29 Julai 2013;
- TYT. Mr. Miles Kupa, Pesuruhjaya Tinggi Australia pada 30 Julai 2013;
- TYT. Engineer Khandaker Mosharraf Hossain, Menteri Kebajikan Ekspatriat dan Guna Tenaga Luar Negara, Republik Rakyat Bangladesh pada 22 Ogos 2013;
- TYT. Adam Waclaw Jelonek, Duta Besar Poland pada 28 Ogos 2013;
- TYT. Duta Besar Filipina pada 2 September 2013;



- xvi. TYT. U Aye Myint, Menteri Tenaga Kerja, Myanmar pada 10 September 2013;
- xvii. TYT. Liu Zhenmin, Timbalan Menteri Luar Negeri, Republik Rakyat China pada 10 September 2013;
- xviii. TYT. Muhaimin Iskandar, Menteri Tenaga Kerja Dan Transmigrasi, Republik Rakyat Indonesia pada 26 September 2013;
- xix. Sir Kim Darroch, Penasihat Keselamatan UK dan Duta Khas Perdana Menteri UK ke Malaysia pada 22 Oktober 2013;
- xx. TYT. Scott Morrison, Menteri Imigresen dan Keselamatan Sempadan, Australia pada 24 Oktober 2013; dan
- xxi. TYT. Oknha Othman Hassan, Menteri, Cambodia pada 28 Oktober 2013.



Kunjungan Hormat oleh T.Y.T. Muhaimin Iskandar, Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi, Republik Rakyat Indonesia ke atas Y.B. MDN Pada 26 September 2013



Kunjungan Hormat oleh Hon. Scott Morrison, Minister for Immigration and Border Protection, Australia ke atas Y.B. MDN pada 24 Oktober 2013

Kerjasama Strategik dengan Badan-Badan Antarabangsa

International Organization for Migration (IOM)

KDN dengan kerjasama IOM menganjurkan program Bengkel Melatih Jurulatih (TOT) mengenai Teknik Soal Siasat dan Siasatan bagi Pegawai-Pegawai Penguat kuasa. Sebanyak empat (4) siri bengkel telah diadakan melibatkan 80 orang pegawai terlatih yang terdiri daripada pegawai-pegawai penguatkuasa daripada Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja.

BIL	TEMPAT	TARIKH
1	Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur	29 – 30 Januari 2013
2	Hotel Lone Pine, Pulau Pinang	31 Januari - 1 Februari 2013
3	Hotel Hatten, Melaka	4 – 5 Februari 2013
4	Hotel Pullman, Kuching, Sarawak	7 – 8 Februari 2013

Migration International European Union Expert (MIEUX)

Penganjuran secara bersama dengan kerjasama MIEUX bagi program-program berikut:

- i. Document Security, Akademi Imigresen Malaysia (AIM), Port Dickson, 11-14 Mac 2013
- ii. Information Session on EU's Border Management and its Best Practices, KL International Hotel, Kuala Lumpur, 22-25 April 2013
- iii. Information Session on EU's Practices in Combating and Fighting Against Smuggling and Trafficking in Persons, Grand Continental Hotel, Langkawi, Kedah, 24 – 27 Jun 2013



Sekretariat Majlis Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran

Bengkel Pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM 2007)

Bengkel telah diadakan dari 4 hingga 6 Februari 2013 di Hotel Equatorial, Melaka. Pindaan kepada ATIPSOM 2007 akan memberi peluang bagi memantapkan aspek penguatkuasaan, perundangan dan perlindungan. Perkara ini boleh mempertingkatkan imej Malaysia dalam usaha mengekang kegiatan pemerdagangan orang terutamanya kedudukan Malaysia di dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenai Pemerdagangan Orang (US TIP Report). Antara perkara-perkara yang diberi perhatian di dalam proses pindaan adalah Bahagian Perlindungan meliputi penglibatan NGO di dalam aspek perlindungan, tempoh Interim Protection Order (PO) dan kebenaran mangsa untuk bekerja semasa tempoh PO.

Interaksi Bersama-sama Dengan T.Y.T. Ambassador Luis CdeBaca, Duta Besar Amerika Syarikat Mengenai Pemerdagangan Orang Daripada Jabatan Negara Amerika Syarikat

Satu sesi interaksi bersama-sama dengan T.Y.T Ambassador Luis CdeBaca, Duta Besar Amerika Syarikat mengenai Pemerdagangan Orang daripada Jabatan Negara Amerika Syarikat telah diadakan semasa Mesyuarat Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) bilangan 7/2013 yang diadakan pada 30 Julai 2013 di Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya.

T.Y.T. Ambassador Luis CdeBaca yang dalam rangka lawatan beliau selama dua (2) hari ke Malaysia dari 29 hingga 30 Julai

2013 turut mengadakan lawatan ke Rumah Perlindungan 5 yang menempatkan mangsa-mangsa wanita pemerdagangan orang. Beliau turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Y.Bhg. Dato' Alwi Haji Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan) yang mewakili Y.Bhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri merangkap Pengerusi MAPO. Lawatan beliau ke Malaysia adalah susulan daripada Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenai jenayah pemerdagangan orang bagi tahun 2013. Laporan tersebut telah menempatkan Malaysia di Tahap 2 (Pemerhatian) / Tier 2 Watchlist untuk tempoh empat (4) tahun berturut-turut mulai 2010-2013.

Sesi interaksi ini membolehkan Ambassador CdeBaca memberikan pandangan dan perspektif beliau mengenai senario jenayah ini di Malaysia di samping memberi peluang kepada ahli-ahli MAPO yang mewakili pelbagai Kementerian / Agensi termasuk wakil-wakil NGO dan SUHAKAM berinteraksi dan memperjelaskan kepada pihak Amerika Syarikat mengenai cabaran dan kekangan yang dihadapi dalam membanteras jenayah ini. Ianya juga secara tidak langsung memperlihatkan komitmen Kerajaan khususnya MAPO ke arah penambahbaikan usaha secara berterusan dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang melalui kerjasama pintar dengan negara-negara strategik seperti Amerika Syarikat.



T.Y.T. Ambassador Luis CdeBaca menerima cenderamata daripada Y.Bhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri



Lawatan Teknikal MAPO ke Bangkok, Thailand

Lawatan telah diadakan dari 23 hingga 27 September 2013 dengan kerjasama *International Organisation for Migration (IOM)* untuk melihat pengurusan Rumah Perlindungan di negara tersebut. Lawatan tersebut membolehkan MAPO boleh membuat perbandingan amalan terbaik dengan Negara Thailand terutamanya dari aspek perlindungan dan pemulihan mangsa perdagangan orang.

Majlis Pelancaran Prosedur Operasi Standard (SOP) Penguatkuasaan Majlis Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran (MAPO)

Majlis Pelancaran SOP Penguatkuasaan telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB. Datuk Dr. Wan Junaidi Tunku Jaafar pada 21 November 2013 (Khamis). SOP Penguatkuasaan ini diharap dapat membantu agensi penguatkuasaan di bawah MAPO menyeragamkan segala tindakan penguatkuasaan dengan memastikan ianya mengikut prosedur yang telah ditetapkan.



YB. Timbalan Menteri Dalam Negeri melancarkan SOP Penguatkuasaan

Sesi Dialog Bersama Agensi Penguatkuasaan dan Pegawai Pelaksana dalam melaksanakan ATIPSOM 2007

Sesi Dialog diadakan bagi meningkatkan kefahaman berkaitan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Sepanjang tahun 2013, Sekretariat MAPO telah mengadakan tiga (3) sesi dialog iaitu:

- i. Sesi Dialog Bersama Agensi Penguatkuasaan dan Pegawai Pelaksana dalam melaksanakan ATIPSOM 2007 bagi Negeri Melaka bertempat di Hotel Equatorial, Melaka pada 18 Mei 2013;
- ii. Sesi Dialog Bersama Agensi Penguatkuasaan dan Pegawai Pelaksana dalam melaksanakan ATIPSOM 2007 bagi Negeri Sabah bertempat di Nexus Resort & SPA Karambunai, Kota Kinabalu, Sabah pada 28-30 Jun 2013; dan
- iii. Sesi Dialog Bersama Agensi Penguatkuasaan dan Pegawai Pelaksana dalam melaksanakan ATIPSOM 2007 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertempat di Hotel Park Royal, Kuala Lumpur pada 14 November 2013.



Barisan ahli panel Sesi Dialog bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Para peserta Sesi Dialog bersama agensi penguatkuasa



Kempen Kesedaran Peringkat Negeri

Sepanjang tahun 2013, Sekretariat MAPO dengan kerjasama Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) telah mengadakan dua (2) Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Antipemerdagangan Orang iaitu:

- i. Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Antipemerdagangan Orang peringkat negeri Johor pada 22 Oktober 2013 bertempat di Pusat Islam Iskandar, Johor Bahru, Johor; dan
- ii. Kempen Kesedaran Antipemerdagangan Orang Peringkat Negeri Kedah pada 18 Disember 2013 di Dewan Al-Farabi, Kompleks Pendidikan Alor Malai, Alor Setar, Kedah.



YBhg. Dato' Wahab bin Mohd Yasin, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KDN sedang menyampaikan ucapan semasa Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Antipemerdagangan Orang Peringkat Negeri Johor

STATISTIK ANTIPEMERDAGANGAN ORANG

Sepanjang tahun 2013, seramai 323 orang daripada 11 buah negara telah diberikan Perintah Perlindungan Tetap (PO). Mangsa paling ramai yang diselamatkan adalah warganegara Indonesia iaitu seramai 159 orang diikuti oleh Vietnam (80) dan Filipina (18). Jumlah mangsa lelaki adalah seramai 22 orang manakala wanita seramai 301 orang. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 154 tangkapan telah dibuat oleh agensi penguatkuasaan.

Bagi statistik pendakwaan pula, sepanjang tahun 2013, terdapat 124 kes pemerdagangan orang telah dibuat pertuduhan di Mahkamah berbanding 63 kes pada tahun 2012. Daripada 124 kes tersebut, lima (5) kes telah disabitkan, lima (5) kes selesai (lepas / bebas), satu (1) kes dilepas tanpa dibebaskan manakala 113 kes masih di peringkat perbicaraan. Selain itu untuk kes-kes yang telah dibawa ke Mahkamah masing-masing pada tahun 2011 dan 2012. Secara keseluruhan, sabitan bagi keseluruhan 2013 untuk mengedar orang adalah sebanyak 20 kes.





Bahagian

Bidang Keberhasilan Utama
Negara

PENGENALAN

KDN dipertanggungjawabkan untuk menerajui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah adalah meliputi keseluruhan proses memerangi jenayah, daripada peringkat Pencegahan Jenayah, Pengesanan Jenayah dan Tangkapan, Perbicaraan Pelaku Jenayah serta Penjara dan Pemulihan selain daripada inisiatif untuk menambah baik persepsi masyarakat serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bahagian NKRA ditubuhkan pada akhir tahun 2009, bertujuan merancang, menyediakan, menyelaras dan memantau kemajuan inisiatif-inisiatif yang dihasilkan oleh Makmal NKRA Mengurangkan Jenayah. 55 inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah telah dilaksanakan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) Fasa 1 (2010 – 2012). 35 inisiatif perlu dilaksanakan sepanjang Fasa 2 tahun 2013 – 2015.

LAPORAN PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN

NKRA Mengurangkan Jenayah tahun 2013 telah mengenal pasti lima (5) KPI bagi GTP 2.

Aktiviti-aktiviti Lain

Mesyuarat Delivery Task Force Bersama YAB Timbalan Perdana Menteri

Mesyuarat Delivery Task Force (DTF) GTP 2 Bagi NKRA Mengurangkan Jenayah diadakan setiap sekali dalam tempoh enam (6) minggu. Mesyuarat tersebut diurusetikan KDN bertujuan membincangkan kemajuan NKRA Mengurangkan Jenayah dan dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri. Mesyuarat ini dianggotai oleh Jemaah Menteri berkaitan, Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan yang terlibat secara langsung dengan kemajuan bagi NKRA Mengurangkan Jenayah.

Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan

Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah Bil. 1/2013 telah diadakan pada 23 hingga 24 Mac 2013 di Hotel Impiana, Ipoh, Perak dan Bil. 2/2013 pada 22 hingga 23 Jun 2013 di Hotel Seri Malaysia, Genting Highlands, Pahang. Kedua-dua mesyuarat tersebut berjaya memantapkan pelaksanaan inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah dan mencari penyelesaian bagi masalah-masalah yang berbangkit.

NKPI	SASARAN TAHUN 2013	PENCAPAIAN
Pengurangan Jenayah Indeks	-5%	-4.3%
Pengurangan Jenayah Pecah Masuk Rumah	-5%	-6.5%
Peningkatan Indeks Persepsi Keselamatan	Kajian Indeks Persepsi Keselamatan dilaksanakan	Keputusan kajian akan diperolehi pada suku tahun pertama 2014
Peningkatan Kadar Pertuduhan Bagi Kertas Siasatan Yang Dibuka	35%	38.2%
Peningkatan Kepuasan Hati Rakyat Terhadap Prestasi PDRM	70%	Keputusan kajian akan diperolehi pada suku tahun pertama 2014

Pencapaian KPI Bagi NKRA Mengurangkan Jenayah Tahun 2013



Mesyuarat Penyelarasan Bajet

Mesyuarat Penyelarasan Bajet NKRA Mengurangkan Jenayah 2013 telah diadakan pada 29 hingga 31 Mei 2013 di Hotel Avilion, Melaka bertujuan mencari kaedah bagi memastikan peruntukan NKRA Mengurangkan Jenayah Tahun 2013 yang disalurkan kepada Jabatan / Agensi dapat dibelanjakan sepenuhnya.

Pemantauan Program Blue and Green

Kerajaan memandang serius isu keselamatan pelajar di sekolah-sekolah antarabangsa (International Schools) dan sekolah-sekolah tempatan yang terpilih. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Jun 2012 memutuskan supaya program ini dijadikan sub-NKRA di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah. Matlamat utama penugasan adalah untuk menunjukkan kehadiran omnipresence pihak PDRM bersama anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dalam menjaga keselamatan pelajar-pelajar di sekolah tersebut. Sehubungan itu, KDN telah “turun padang” membuat pemantauan ini di sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara secara berterusan.



Pemantauan Program Blue and Green di Sekolah-sekolah

Bengkel “Bagaimana Menghadapi Media?”

Bahagian NKRA dengan kerjasama Jabatan Pencegahan dan Pembanterasannya Jenayah (JPPJ) PDRM telah mengadakan Bengkel “Bagaimana Menghadapi Media” Di Bawah Inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah” pada 13 – 15 September 2013 di Ancasa Allsuites Resort and Spa, Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 57 peserta terdiri daripada Ketua-ketua Polis Daerah dan Timbalan-timbalan Ketua Polis Daerah dari enam (6) negeri hotspot, iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Perak dan Kedah serta pegawai-pegawai dari JPPJ, PDRM dan KDN telah hadir. Penceramah jemputan ialah Prof. Madya Dr. Rahmat Ghazali, Ketua Program Pengajian Pascasiswazah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.



Bengkel “Bagaimana Menghadapi Media” 2013

Kursus Pembangunan Modal Insan

KDN melalui Bahagian NKRA telah mengadakan Kursus Pembangunan Modal Insan pada 15 hingga 17 November 2013 di Akademi Koreksional Malaysia Pulau Langkawi, Kedah. Para peserta didedahkan dengan empat (4) modul, iaitu “Penetapan Matlamat & Motivasi Diri”, “Personaliti & Bijak Urus Stress”, “Komunikasi Berpengaruh Menggunakan Teknik Pengaruh Super” dan “Etika Membina Perhubungan Profesional.”





Kursus Pembangunan Modal Insan 2013

Pameran NKRA Mengurangkan Jenayah

KDN melalui Bahagian NKRA telah menyertai pelbagai pameran NKRA Mengurangkan Jenayah di seluruh negara untuk mendapatkan ikrar “Bersama Membanteras Jenayah” (United Against Crime, UAC) daripada orang ramai. Sehingga 31 Disember 2013, seramai 1,079,950 orang awam telah menyatakan ikrar di laman sesawang.



Laman sesawang UAC untuk awam menyatakan ikrar Bersama Membanteras Jenayah.

-sumber gambar dari www.unitedagainstcrime.com.my

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Majlis Pelancaran Kempen 1AMAN – Go-To-Safety Points

Majlis Pelancaran Kempen 1AMAN – Go-To-Safety-Points telah dirasmikan oleh YB Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri

pada 18 Mac 2013 di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Program ini telah memberi kemudahan kepada orang ramai mendapatkan bantuan awal di premis perniagaan tertentu seperti di kedai serbaneka 24 jam 7-11 dan Pos Malaysia sementara menantikan kehadiran pihak berkuasa ketika terlibat dalam kejadian jenayah. Inisiatif ini kemudiannya telah dikembangkan kepada stesen-stesen minyak Petron terpilih dan Majlis Pelancaran telah diadakan pada 14 September 2013.



YB. Dato' Lee Chee Leong (dua dari kanan), Timbalan Menteri Dalam Negeri melancarkan Kempen 1AMAN – “Go-to-Safety-Points” 2013

Majlis Pelancaran Kempen 1AMAN - United Against Crime

Majlis Pelancaran Kempen 1AMAN – United Against Crime Negeri Kedah telah diadakan pada 19 Februari 2013 di Dewan Hock Teik Soon, Sungai Lalang, Bedong, Kedah dan Negeri Melaka pada 30 Mac 2013 di Dewan Japerun Lendu, Masjid Tanah, Melaka. Kedua-dua majlis tersebut dirasmikan oleh YB Datuk Wira Abu Seman bin Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri. Seramai 600 peserta mewakili agensi Kerajaan, pihak swasta, non-governmental organization (NGO), masyarakat setempat, penuntut institusi pengajian tinggi dan golongan belia telah mengambil bahagian.





YB. Datuk Wira Abu Seman bin Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri menyampaikan geran kepada wakil Persatuan Penduduk untuk pelaksanaan aktiviti pencegahan jenayah

Program United Against Crime – YAB Perdana Menteri Malaysia Bersama Unit Rondaan Bermotosikal

YAB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengadakan Program United Against Crime Bersama Unit Rondaan Bermotosikal (URB) pada 30 Mac 2013 di Subang Jaya, Selangor. Program ini merupakan kesinambungan daripada Majlis Pelancaran URB pada 19 Disember 2012. Atas kejayaan inisiatif ini dalam pengurangan kadar jenayah negara pada tahun 2013, YAB. Perdana Menteri mengumumkan tambahan 1,000 buah motosikal URB yang akan dibeli pada tahun 2014.



Anggota URB sedang melakukan demonstrasi rondaan di Program United Against Crime Bersama URB

Majlis Pelancaran Kempen Bersama Membanteras Jenayah (United Against Crime)

Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau United Against Crime (UAC) telah dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 8 Jun 2013, bertujuan menggalakkan lebih banyak penyertaan masyarakat serta meningkatkan kesedaran di kalangan beberapa kumpulan strategik seperti sekolah, persatuan penduduk, pasar malam, tempat letak kereta awam dan kedutaan asing bahawa membanteras jenayah adalah tanggungjawab bersama.



YAB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia menandatangani buku tetamu sempena Majlis Pelancaran Kempen Bersama Membanteras Jenayah.

Omnipresence (Kawalan Kejiranan)

Unit Rondaan Bermotosikal (URB) merupakan salah satu daripada program omnipresence, iaitu menunjukkan kehadiran anggota polis untuk mengurangkan jenayah khususnya pemantauan di kawasan perumahan dan meningkatkan persepsi masyarakat terhadap usaha PDRM menangani jenayah. Sejumlah 1,000 buah motosikal jenis Kawasaki Ninja 250 yang dilengkapi sistem lampu dan siren telah diagihkan untuk kegunaan URB di enam (6) negeri hotspot, iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang, Kedah dan Perak serta Sabah dan Sarawak. Antara kejayaan URB tahun 2013 adalah penangkapan kumpulan



samun bersenjatakan parang di Taman Bukit Indah, Johor dan Kepong, Kuala Lumpur serta penahanan seorang lelaki di Ledang, Johor atas kesalahan melakukan ugutan jenayah terhadap seorang lelaki warga Bangladesh dengan menggunakan pistol tiruan.



Anggota URB bersedia melakukan rondaan di kawasan kejiranan bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat

Rumah Perantaraan

Rumah Perantaraan (RP) disediakan bertujuan memberi peluang kepada bekas banduan untuk mencari tapak baru dalam meneruskan kehidupan selepas keluar dari penjara. RP disediakan dengan kemudahan asas yang lengkap kepada bekas banduan yang baru dibebaskan dan tiada tempat tinggal atau bagi mereka yang tiada keluarga dan keluarga enggan menerima mereka. Sebanyak 14 buah RP sedang beroperasi di seluruh negara dan seramai 862 orang residen telah menggunakan kemudahan ini. Jumlah semasa residen yang mendiami RP sehingga 31 Disember 2013 adalah seramai 56 orang di mana 85% daripadanya telah mendapat pekerjaan dan selebihnya bekerja sendiri.

Perintah Kehadiran Wajib

Perintah Kehadiran Wajib (PKW) ialah penggantian hukuman pemenjaraan kepada pesalah oleh mahkamah bagi kesalahan-

kesalahan ringan untuk hadir ke PKW tidak melebihi tiga (3) bulan dan melakukan kerja-kerja wajib tidak melebihi empat (4) jam sehari. Antara kerja-kerja yang dilakukan oleh pesalah ialah bekerja di masjid, rumah ibadat, rumah kebajikan, dan menghadiri kelas-kelas motivasi. Sejak program ini dilaksanakan pada 1 September 2010, seramai 5,367 orang pesalah telah menjalani perintah ini dan pada tahun 2013 jumlah pesalah adalah 1,439 orang. Sebanyak 51 buah PKW telah diwujudkan dan beroperasi di seluruh negara dan jumlah semasa pesalah yang sedang menjalani perintah ini sehingga 31 Disember 2013 adalah seramai 147 orang.

Program Penjara Industri

Industri Roti (Self Sufficient) diwujudkan di bawah Program Penjara Industri bertujuan menyediakan bekalan roti untuk Penjara Zon Tengah (Kajang Lelaki, Kajang Wanita, Seremban, Jelevu dan Sungai Buloh), iaitu untuk memenuhi keperluan 10,000 banduan sebanyak dua (2) kali sehari. Inisiatif ini dapat menjimatkan kos pembelian roti sebanyak RM3.65 juta setahun. Program ini secara tidak langsung telah melahirkan seramai 200 banduan yang berkemahiran membuat roti melalui persijilan SLDN. Kemajuan pembekalan roti adalah 100% di Penjara Kajang dan akan diperluaskan ke penjara-penjara lain menjelang Mac 2014.



Tempat dan peralatan untuk membuat roti di Penjara Kajang





Produk yang dihasilkan melalui Program Penjara Industri di Penjara Kajang

Pemasangan Kamera Litar Tertutup

Sebanyak 496 Kamera Litar Tertutup (CCTV) dipasang di 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan dihubungkan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) berkaitan untuk pemantauan kes berkaitan jenayah. Pemasangan CCTV Fasa II, iaitu tambahan 496 CCTV telah dimulakan pada 28 November 2013 dan dijangka siap sepenuhnya pada 28 November 2014. Kontrak penyewaan CCTV ini adalah selama lima (5) tahun. Kos keseluruhan projek adalah termasuk pemasangan, penyewaan dan penyelenggaraan.

Pemutihan Kawasan Hitam

Kejayaan Program Bandar Selamat diteruskan dengan perluasan kepada pelaksanaan inisiatif pemutihan kawasan hitam dengan melibatkan bantuan dan kerjasama pelbagai pihak termasuklah PBT, PDRM dan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan bermasalah, iaitu kawasan black spot dalam kawasan kejuruan mereka. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 20 pemutihan kawasan hitam telah dilaksanakan di seluruh negara.

Audit Keselamatan Tempat Letak Kereta

Audit Keselamatan Tempat Letak Kereta atau Car Park Safety Audit (CPSA) dilaksanakan bertujuan menggalakkan pemilik / pengendali

tempat letak kereta memperbaiki ciri-ciri keselamatan serta meningkatkan kesedaran pengguna. Audit Keselamatan Fasa 1 memberi tumpuan kepada 50 tempat letak kereta di pusat membeli-belah, bangunan komersil dan hotel di Lembah Klang. Manakala Audit Keselamatan Fasa 2 dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada 80 tempat letak kereta. Satu Garis Panduan Berkaitan Amalan Terbaik Pengurusan Tempat Letak Kereta telah dikeluarkan dan dikemukakan kepada Majlis Kerajaan Tempatan untuk disahkan, dan seterusnya dijadikan sebagai pekeliling untuk pelaksanaan di semua PBT di seluruh negara.

Kaunseling Triaj

Pewujudan bilik triaj di balai-balai polis seluruh negara adalah bertujuan membantu mangsa-mangsa yang mengalami trauma dengan memberikan ruang mengasingkan diri daripada orang ramai dalam persekitaran yang selamat. Di samping itu, ia juga memberikan keselesaan dan rawatan kepada mangsa trauma. Sehingga 31 Disember 2013, 111 bilik triaj telah berjaya disiapkan di negeri-negeri hotspot meliputi Negeri Sembilan, Terengganu, Perlis, Sabah dan Sarawak.



Pengubahsuaian Bilik Kaunseling Triaj di Balai Polis



Membuka Akses Rawatan Penagihan Dadah dan Pemulihan

Sehingga 30 November 2013, seramai 944 klien telah mendapatkan rawatan di Mini Klinik C&C 1Malaysia di kawasan blackspot; 56,033 klien telah mendapatkan rawatan di Cure & Care Rehabilitation Centre (CCSC) di kawasan blackspot; dan 3,632 klien telah mendapatkan rawatan melalui program Outreach di kawasan blackspot.



Kursus Pembuatan Rak Kayu yang telah dijalankan Oleh CCRC Raub, Pahang

Membuka Peluang Pekerjaan untuk Penagih Dadah yang Sedang Pulih

Sehingga 30 November 2013:

- Inisiatif membuka peluang pekerjaan untuk penagih dadah adalah 724 klien telah mendapat peluang pekerjaan di bawah program Cure and Care Vocational Centre (CCVC);

- 4,777 telah mendapat kerja di bawah Tambahan Program Latihan Kemahiran Vokasional di Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik C&C 1Malaysia;
- 295 klien ditawarkan kerja di bawah Program Karnival Kerjaya bagi 14 buah AADK Negeri; dan
- 1,007 klien mendapat pekerjaan di bawah program "Mewujudkan Hub Pekerjaan (V-Line)".



Program Karnival Kerjaya oleh AADK Negeri Pahang pada 14 September 2013.

Jadual Liga Balai

Majlis Anugerah Jadual Liga Balai atau Balai League Table (BLT) 2013 telah diadakan pada 10 Disember 2013 dan disempurnakan oleh YDH Tan Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara bertempat di Hotel Pullman Kuala Lumpur, Bangsar. BLT diwujudkan untuk memberi pengiktirafan dan ganjaran kepada balai polis terpilih yang mempunyai rekod pengurangan jenayah tertinggi dalam kawasan pentadbirannya dan usaha yang diambil dalam meningkatkan hubungan antara polis dengan orang ramai.



Kategori Balai	Tempat Pertama	Tempat Kedua	Tempat Ketiga	Tempat Keempat	Tempat Kelima
A	BP Kg. Rapat IPD Ipoh	BP Wangsa Maju IPD Sentul	BP Pelentong IPD Seri Alam	BP Petaling IPD Brickfield	BP Pantai IPD Brickfield
B	BP Bercham IPD Ipoh	BP Satok IPD Kuching	BP Tg. Kupang IPD Nusa Jaya	BP Air Itam IPD Timur Laut	BP Chukai IPD Kemaman
C	BP Air Bemban IPD Kulai Jaya	BP Pantai Remis IPD Manjung	BP Bestari Jaya IPD Kuala Selangor	BP Pokok Sena IPD Kota Setar	BP Serian IPD Serian
D	BP P.Redang IPD Kuala Terengganu	BP Baliangan IPD Mukah	BP Setapang IPD Dalat	BP Engkilili IPD Lubok Antu	BP Kabong IPD Saraton
E	BP Wallace Bay IPD Tawau	BP Pasir Hitam IPD Taiping	BP Kuala Jengai IPD Dungun	BP Kota Putra IPD Padang Terap	BP Skrang IPD Sri Aman

Senarai Pemenang Balai League Table Tahun 2013



YDH Ketua Polis Negara merasmikan Majlis Anugerah BLT 2013



YDH Ketua Polis Negara menyampaikan hadiah kepada pemenang BLT 2013.





Bahagian

Kepolisian & Keselamatan
Sempadan

PENGENALAN

Bahagian Kepolisian dan Keselamatan Sempadan (PS) telah diwujudkan melalui waran perjawatan Bil. K104 tahun 2008. Bahagian ini mempunyai 3 unit utama iaitu Unit Dasar Kepolisian, Unit Dasar Keselamatan Sempadan dan Unit Pencegah Penyeludupan dan diperkuatkan oleh Unit Pentadbiran yang menyelia segala urusan pentadbiran dan urusan yang berkaitan.

Bahagian ini diwujudkan bagi membantu bagi memperkemas urusan pindaan akta kepolisian dan pemantauannya, penyelarasan keselamatan sempadan dan membuat penyelarasan pelaksanaan program/aktiviti Unit Pencegah Penyeludupan(UPP). Misi untuk mentadbir urus dasar kepolisian dan keselamatan sempadan demi untuk menjamin keamanan negara dan kesejahteraan rakyat.

LAPORAN AKTIVITI

Sambutan Tahunan Hari UPP



Sambutan Hari UPP ke-37 telah diadakan pada 29-30 Jun 2013 di Kompleks UPP Bukit Kayu Hitam, Kedah sempena penubuhan UPP pada 28 Jun 1976. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Dr. Ahmad

Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri dan antara program yang diadakan adalah Majlis Bacaan Yasin, Hari Bertemu Pelanggan KDN dan Kaunter Pameran. Program tersebut dihadiri oleh lebih kurang 2,400 orang terdiri daripada warga UPP, pegawai dan kakitangan dari jabatan/agensi KDN di negeri Kedah, jabatan/agensi yang bertugas di sempadan, jemputan khas dari pihak berkuasa Thailand dan masyarakat setempat di sekitar Bukit Kayu Hitam, Kedah. Antara outcome program ini yang selaras dengan GTP adalah seperti berikut:

- Mendekatkan UPP dengan masyarakat setempat dan mengeratkan lagi interaksi bagi membentuk hubungan kukuh di antara masyarakat dan UPP. Hubungan kukuh ini menjadi asas bagi membentuk kerjasama dalam membanteras jenayah penyeludupan secara "pre-emptive" ;
- Mendedahkan masyarakat mengenai peranan dan fungsi UPP dalam membanteras penyeludupan serta aspek penguatkuasaan dan isu-isu semasa mengenai penyeludupan;
- Membudayakan perkhidmatan yang berorientasikan mesra pelanggan, namun tegas dalam menguatkuasakan undang-undang;
- Memantapkan semangat berpasukan dan jalinan kerjasama yang sekian lama wujud dalam UPP yang dianggotai oleh tiga (3) agensi; dan
- Memperkasakan peranan UPP sebagai peneraju dalam aktiviti membanteras penyeludupan.





Seminar Sasaran Penting Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 telah berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 26 September 2013. Seminar berkenaan merupakan anjuran bersama Kementerian Dalam Negeri dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

Seminar yang bertemakan "Transformasi Sasaran Penting Kesejahteraan Rakyat" tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi,

Menteri Dalam Negeri. Ianya dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku Pengerusi Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP), Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri (JSPN), Setiausaha-setiausaha JSPN dan Pemilik-pemilik instalasi Sasaran Penting seluruh negara.

Seminar berkenaan menjadi platform terbaik kepada para peserta untuk membincangkan isu-isu penambahbaikan dan transformasi pengurusan keselamatan di instalasi Sasaran Penting seluruh Negara. Di seminar tersebut, YBhg. Dato' Alwi bin Haji Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan) KDN

telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Isu dan Cabaran Mentransformasikan Sasaran Penting".

Malaysia kini mempunyai sejumlah 493 instalasi Sasaran Penting merangkumi 13 sektor utama iaitu elektrik, telekomunikasi, penyiaran, air, minyak, pengairan, pengangkutan (pintu masuk/pelabuhan), persenjataan, kimia, gas, percetakan, radiasi dan kewangan. Bagi mempertingkatkan tahap keselamatan terutama di instalasi Sasaran Penting, ia perlu melibatkan pendekatan bersepadu antara teknologi dan tenaga manusia.



Menurut YB Menteri Dalam Negeri, aspek teknologi perlu ditambahbaik dengan menggalakkan pemilik instalasi memasang kamera litar tertutup berdefinisi tinggi di instalasi masing-masing bagi memudahkan siasatan oleh pihak keselamatan sekiranya berlaku sebarang insiden yang tidak diinginkan. Selain itu, pemilik instalasi disarankan untuk mewujudkan satu Pasukan Keselamatan Dalaman terdiri daripada Polis Bantuan agar ia dapat bertindak sebagai satu pasukan khas yang berkawal menjaga keselamatan instalasi dengan lebih berkesan.

YB Menteri Dalam Negeri juga turut menggalakkan petugas keselamatan instalasi Sasaran Penting untuk menyertai Pasukan



Simpanan Askar Wataniah di bawah konsep Hanruh atau pertahanan menyeluruh sebagai latihan memperkasa fizikal dan kemahiran pertahanan diri. Selain itu, pihak instalasi juga disarankan supaya menguji sistem dan standard operating procedure (SOP) keselamatan sedia secara berkala bagi memastikan sistem dan SOP berkenaan berkesan dan berfungsi dengan baik.



Hubungan baik di antara pihak instalasi dan agensi keselamatan masa kini merupakan kekuatan dimensi keselamatan Sasaran Penting negara. Oleh yang demikian kesefahaman dan kerjasama strategik perlu terus diperkukuhkan di antara pihak instalasi dan agensi-agensi keselamatan agar segala usaha transformasi Sasaran Penting menjadi kenyataan.

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

General Police and Special Equipment Exhibition & Conference Asia 2013



Susulan daripada kejayaan General Police and Special Equipment Exhibition & Conference Asia (GPEC)2009 dan GPEC Asia 2011, Kementerian Dalam Negeri sekali lagi telah menjadi hos bagi penganjuran GPEC Asia 2013 pada 2 - 6 Oktober 2013 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Putrajaya. Ia telah dirasmikan oleh YB. Menteri dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

GPEC Asia 2013 ini melibatkan penyertaan daripada delegasi negara-negara ASEAN dan juga 17 buah negara-negara lain di samping penyertaan pameran oleh pemain-pemain industri melibatkan sebanyak 185 pempamer dari 21 buah negara. Ia juga berjaya menarik pengunjung berkepentingan dari pelbagai agensi-agensi keselamatan dalam dan luar negara seramai 9,301 orang sepanjang 3 hari penganjurannya. Keseluruhannya Program GPEC Asia 2013 meliputi aktiviti pameran, persidangan dan demonstrasi produk oleh para pempamer serta demonstrasi aset-aset sedia ada oleh pasukan keselamatan.

PENUTUP

Penganjuran GPEC Asia 2013 telah meningkatkan dan memantapkan perkembangan industri keselamatan dalam negeri dan hubungan erat dua hala dan pelbagai hala di antara Malaysia dengan negara-negara jempunan. Ia juga berjaya menjadi platform kepada Kerajaan dalam menjelaskan lagi usaha dan komitmen Kerajaan dalam membanteras jenayah rentas sempadan dan mengekalkan keselamatan serta kedaulatan negara.



Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Keselamatan Siber

PENGENALAN

Bahagian Keselamatan Siber (KS) ditubuhkan pada 13 Ogos 2012 atas inisiatif Pengurusan Tertinggi KDN hasil daripada visi mantan YB Menteri Dalam Negeri YB. Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein KDN selaku peneraju keselamatan dalam negeri memperluaskan skop pengurusan keselamatan dan ketenteramannya ke bidang keselamatan siber.

Pewujudan Bahagian KS adalah dengan cara penempatan semula pegawai/kakitangan sedia ada tanpa melibatkan pertambahan sumber termasuk peruntukan kewangan ataupun penggubalan undang-undang yang berkaitan.

INFRASTRUKTUR PERKHIDMATAN

Susulan kepada pewujudan, antara langkah awal KDN adalah dalam mengenalpasti niche yang relevan untuk menawarkan perkhidmatannya. Sistem Data-Leakage Prevention (D.L.P) menjadi produk utama dalam usaha menjadikan KDN relevan di kalangan pengurus-pengurus utama keselamatan siber tanahair. Manakala pendekatan penyampaian perkhidmatan adalah berbentuk penyelarasan dari beberapa aspek khususnya keselamatan dan ketenteraman awam.

SISTEM D.L.P

Perkembangan pesat era teknologi maklumat yang telah memudahkan kehidupan turut membuka ruang penyalahgunaan. Bagi memperkukuhkan lagi perlindungan data digital

Kementerian Dalam Negeri, maka aspek teknikal dan kempen kesedaran dijadikan sebagai teras utama dalam pengurusan keselamatan siber.

PENYELARASAN LUARAN

Jalinan kerjasama dalam bidang keselamatan siber telah diwujudkan dan ia membuka satu ruang baru kerjasama antara agensi yang telah mengukuhkan lagi pengurusan keselamatan siber negara secara keseluruhannya. KDN melalui Bahagian KS menjadi ahli tetap dalam gerak-kerja pengurusan keselamatan siber Negara, iaitu :

1. Mesyuarat Jawatankuasa e-kedaulatan
2. Mesyuarat Kumpulan Kerja e-kedaulatan
3. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Krisis Siber Negara
4. Inter-governmental Expert Group Meeting On Cyber Crimes, UN Office On Drugs and Crimes
5. ASEAN Regional Forum – Inter- Sessional Support Group Meeting On Confidence Building Measures and Preventive Diplomacy (ARF Work Plan on Cyber Security)

PENUTUP

Sepanjang tahun 2013 KDN juga terlibat dalam pemantauan maklumat-maklumat yang berisiko kepada keselamatan dan ketenteraman negara di media sosial, dan pada platform yang sama, turut menyalur maklumat-maklumat sebenar dan tepat untuk orang awam dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik.



A 3D rendered image of a silver padlock resting on a dark, detailed circuit board. The padlock is the central focus, with its handle and keyhole clearly visible. The circuit board is filled with intricate patterns of lines and various electronic components like capacitors and resistors, creating a complex, technical background. The lighting is dramatic, highlighting the metallic texture of the padlock against the dark, textured surface of the board.

Keselamatan Siber



Sektor Pengurusan

Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Kewangan

PENGENALAN

Bahagian Kewangan (KW) melaksanakan tanggungjawab merancang, melaksanakan dasar-dasar pengurusan belanjawan, mengkaji, menyedia anggaran perbelanjaan mengurus, memantau serta mengawal peruntukan dan prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan KDN. Bahagian ini juga melaksanakan urusan pentadbiran dan kewangan seperti pengurusan pinjaman komputer, khidmat nasihat kewangan, pengurusan pembayaran gaji/elaun, memproses tuntutan dan pembayaran-pembayaran lain.

Bahagian KW turut bertanggungjawab menganjurkan kursus-kursus berkaitan

pengurusan kewangan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di peringkat Kementerian dan Jabatan dalam usaha untuk menambahbaik pengurusan kewangan KDN secara berterusan. Ini adalah selaras dengan matlamat bagi memastikan pengurusan kewangan sentiasa berada di tahap yang cemerlang.

PENCAPAIAN

Prestasi Perbelanjaan Mengurus KDN Tahun 2013

Bagi tahun 2013, KDN telah membelanjakan 100% peruntukan yang diluluskan sebanyak RM11,109,728,700 seperti di Jadual 16.

AKTIVITI		PERUNTUKAN KEMASKINI		PERBELANJAAN
KOD	JABATAN	RM	RM	%
010000	Pentadbiran & Pengurusan Keselamatan Dalam Negeri	365,011,810.00	365,010,697.56	100
020000	PDRM	6,696,075,656.00	6,695,948,622.42	100
030000	Penjara	687,487,100.00	687,192,177.48	99.96
040000	Imigresen Malaysia	759,888,579.00	759,843,181.52	99.99
050000	AADK	288,819,030.00	288,738,413.17	99.97
060000	Pendaftaran Negara	459,209,702.00	459,209,312.12	100
070000	Pertahanan Awam	111,065,390.00	111,065,204.01	100
080000	Pendaftaran Pertubuhan	20,993,663.00	20,993,481.72	100
090000	Program Khusus	759,652,890.00	759,652,701.10	100
100000	Dasar Baru	407,247,389.00	407,246,884.71	100
110000	One-off	231,983,972.00	231,983,757.13	100
NKRA		322,293,519.00	322,293,481.29	100
JUMLAH KESELURUHAN		11,109,728,700.00	11,109,177,914.23	100

Jadual 16 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus KDN



Prestasi Perbelanjaan Pembangunan KDN

Bagi tempoh RMK 10, KDN telah diluluskan siling peruntukan sebanyak RM907 juta. Sehingga 31 Disember 2013, KDN telah membelanjakan sebanyak RM595 juta seperti di Jadual 17.

MAKSUD PEMBANGUNAN	SILING KESELURUHAN RMK-10	PERBELANJAAN RMK 10 (%)	BAKI SILING RMK 10 (%)
SEKTOR BANGUNAN (Projek Fizikal)	403,465,010.00	215,748,636.58 (53.47%)	187,716,373.42 (46.53%)
SEKTOR KELENGKAPAN (Projek Bukan Fizikal)	504,060,720.00	379,815,620.82 (75.35%)	124,245,099.18 (24.65%)
JUMLAH P.62	907,525,730.00	595,564,257.40 (65.63%)	311,961,472.60 (34.37%)

Jadual 17 : Prestasi Perbelanjaan Siling RMK 10


Peruntukan pembangunan berjumlah RM637.2 juta yang diluluskan telah dibelanjakan sebanyak RM595.5 juta (93.46%) seperti Jadual 18.

MAKSUD PEMBANGUNAN	PERUNTUKAN 2013 (RM)	PERBELANJAAN 2013 (RM)	BAKI PERUNTUKAN 2013 (RM)
SEKTOR BANGUNAN (Projek Fizikal)	252,208,494	215,748,636.58 (85.54%)	364,459,857.42 (14.46%)
SEKTOR KELENGKAPAN (Projek Bukan Fizikal)	384,997,276	379,815,620.82 (98.65%)	5,181,655.18 (1.35%)
JUMLAH P.62	637,205,770	595,564,257.40 (93.46%)	41,641,512.60 (6.54%)

Jadual 18 : Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Prestasi Pembayaran Bil 2013

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2013, KDN telah membuat berjaya pembayaran kesemua 30,109 bil dalam tempoh 1-14 hari seperti di Jadual 19.



Jadual 19 : Prestasi Pembayaran Bil 2013



Kutipan Hasil Di Kaunter One Stop Centre

Dalam usaha untuk menambahbaik kutipan hasil kerajaan dan memudahkan pelanggan, Kaunter One Stop Centre telah diperkenalkan mulai tahun 2011. Semua pembayaran bagi aktiviti di Kementerian telah dibuat di kaunter tersebut dan jumlah hasil yang telah dikutip adalah sebanyak RM19.76 juta seperti Jadual 20.

BULAN	JUMLAH HASIL (RM)
JANUARI	1,864,812.82
FEBRUARI	1,249,626.76
MAC	2,350,408.85
APRIL	2,152,455.67
MEI	1,394,376.63
JUN	1,127,748.61
JULAI	2,016,933.16
OGOS	1,282,870.45
SEPTEMBER	1,267,438.79
OKTOBER	1,745,441.33
NOVEMBER	1,816,030.22
DISEMBER	1,500,006.39
JUMLAH	19,768,149.68

Jadual 20: Kutipan Hasil di Kaunter One Stop Centre 2013

PEMERIKSAAN BAJET 2014 KDN

Penyediaan Cadangan Anggaran Belanja Mengurus KDN telah diselaraskan di Bahagian Kewangan, dan pemeriksaannya telah dijalankan bersama-sama pihak Perbendaharaan pada bulan April hingga Mei 2013. Tarikh aktiviti adalah seperti di Jadual 21:

TARIKH	AGENSI/JABATAN	TEMPAT
16 Mei 2013	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	Ibu Pejabat KDN, Putrajaya
17 – 18 Mei 2013	UNIT PENCEGAHAN PENYELUDUPAN (UPP) DAN RELA	Kota Baru, Kelantan
25 April 2013	JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)	Ibu Pejabat, KDN Putrajaya
07 Mei 2013	JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN)	Ibu Pejabat KDN, Putrajaya
10 Mei 2013	AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN (AADK)	Bilik Mesyuarat CC&C 1 Malaysia, AADK
30 April 2013	JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (JPAM)	Ibu Pejabat KDN, Putrajaya
26 – 27 April 2013	JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)	The Zon Regency, Johor Baru
20 Mei 2013	JABATAN PENJARA MALAYSIA (JPM)	Bilik Mesyuarat Penjara Kajang
13 – 15 Mei 2013	POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	Ibu Pejabat KDN, Putrajaya
21 – 22 Mei 2013	POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	IPK Pulau Pinang

Jadual 21: Butiran Aktiviti Pemeriksaan Bajet 2014



Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Akaun

PENGENALAN

Bahagian Akaun (AK) dan merupakan Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Sebagai Pejabat Perakaunan, Bahagian Akaun bertanggungjawab memperakaunkan kutipan hasil kerajaan dan menguruskan pembayaran bagi perbelanjaan Kementerian.

Selari dengan dasar terkini kerajaan supaya perakaunan kerajaan persekutuan akan diubah kepada Perakaunan Akruan sejajar dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi, KDN mengambil tindakan wajar memainkan usaha memastikan pelaksanaan perakaunan akruan berjaya dilaksanakan. Antaranya ialah penganjuran kursus-kursus, latihan dan bengkel yang berkaitan dengan kewangan dan perakaunan kepada Jabatan/ Agensi di bawah KDN.

TRASFORMASI KE ARAH PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

Dasar Perakaunan Kerajaan persekutuan akan berubah daripada Perakaunan Asas Tunai Ubah Suai kepada Perakaunan Akruan mulai 1 Januari 2015. YAB Perdana Menteri telah meluluskan pelaksanaan Perakaunan Akruan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SRI-PFR pada 11 Mei 2011. Pada masa ini Kerajaan Persekutuan mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai

iaitu satu kaedah perakaunan yang mengiktiraf dan merekod sesuatu urusan apabila tunai diterima atau dibayar dalam tempoh perakaunan tersebut. Di bawah kaedah ini, perbelanjaan aset tidak dipermodalkan dan liabiliti tidak dilaporkan di dalam penyata kewangan, segala perbelanjaan akan menggunakan peruntukan tahun semasa dan pembayaran dibuat sehingga bulan Januari tahun berikutnya.

Perakaunan Akruan akan dapat menyediakan maklumat kewangan kerajaan dengan lebih tepat dan telus kerana ia mengiktiraf dan merekodkan urusan pada masa urusan berlaku. Aset dan liabiliti akan diperakaunkan di bawah perakaunan akruan. Semua urusan tersebut dilaporkan di penyata kewangan bagi tempoh tahun kewangan yang sama. Untuk tujuan ini, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan mengeluarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang berasaskan International Public Sector Accounting Standard (IPSAS).

PRESTASI PEMBAYARAN BIL/ TUNTUTAN


Prestasi pengurusan bayaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan lengkap diterima adalah pada tahap 99.9% melibatkan sebanyak 647,761 tuntutan. Butiran mengikut bulan sepanjang Januari hingga Disember 2013 adalah seperti di Jadual 23:

Bulan	Bilangan	Dalam Tempoh 14 Hari	% Dalam Tempoh 14 Hari	> 14 Hari	% > 14 Hari
Januari	35,896	35,866	99.92	30	0.08
Februari	36,653	36,626	99.99	27	0.01
Mac	53,004	52,978	99.98	26	0.02
April	55,135	55,110	99.88	25	0.12
Mei	54,710	54,698	99.98	12	0.02
Jun	56,198	56,152	99.92	46	0.08



Bulan	Bilangan	Dalam Tempoh 14 Hari	% Dalam Tempoh 14 Hari	> 14 Hari	% > 14 Hari
Julai	67,055	66,860	99.71	195	0.29
Ogos	41,266	41,243	99.95	23	0.05
September	51,911	51,876	99.93	35	0.07
Oktober	50,782	50,734	99.91	48	0.09
November	61,485	61,461	99.96	24	0.04
Disember	80,666	80,633	99.96	33	0.04
Jumlah	644,761	644,237	99.90	524	0.10

Jadual 23 : Prestasi Pembayaran Bil / Tuntutan 2013



Bilangan Baucar Dalam Tempoh 4 Hari 2013

LAWATAN NAZIRAN

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 44 Lawatan Naziran ke atas PTJ yang melaksanakan sistem eSPKB telah dilaksanakan. Butiran seperti di Jadual 24 :

Jabatan	Bilangan PTJ Dilawati												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
Kementerian							2	1					3
PDRM				1	6	1		1			1		10
JIM		1	2								2		5
JPP		2								1			3
JPN				1				1					2
JPM						1			2	3			6
AADK			6	3									9
RELA						2							2
JPAM				1				1	2				4
Jumlah		3	8	6	6	4	2	4	4	4	3		44

Jadual 24 : Lawatan Naziran ke PTJ Sistem eSPKB 2013



LAWATAN MENGEJUT

Lawatan Mengejut ke atas Pejabat Pemungut diadakan bagi meningkatkan pengurusan terimaan KDN sejumlah 25 lawatan telah diadakan sepanjang tahun 2013 dan butiran seperti di Jadual 25 :

Jabatan	Bilangan Pejabat Pemungut Dilawati												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
PDRM	2	2	2	-	1	1	-	1	-	2	1	-	12
JIM	1	2	-	-	1	1	1	1	1	1	2	-	11
JPP	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JPN	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JPM	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1
AADK	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
RELA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JPAM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
KDN	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Jumlah	4	4	2	0	2	2	1	2	2	3	3	0	25

Jadual 25 : Bilangan Lawatan Mengejut Ke Atas Pejabat Pemungut 2013

PEMROSESAN PERMOHONAN PINJAMAN

Secara keseluruhan sejumlah 1,073 permohonan melibatkan Pinjaman-pinjaman Kenderaan, Komputer dan Pendahuluan Diri yang diproses oleh Bahagian Akaun bagi tempoh Januari hingga Disember 2013. Butiran adalah seperti di Jadual 26:

Jabatan	Bilangan Pejabat Pemungut Dilawati												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
PDRM	2	2	2	-	1	1	-	1	-	2	1	-	12
JIM	1	2	-	-	1	1	1	1	1	1	2	-	11
JPP	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JPN	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JPM	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1
AADK	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
RELA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JPAM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
KDN	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Jumlah	4	4	2	0	2	2	1	2	2	3	3	0	25

Jadual 26 : Bilangan Lawatan Mengejut Ke Atas Pejabat Pemungut 2013



PEMROSESAN PERMOHONAN PINJAMAN

Secara keseluruhan sejumlah 1,073 permohonan melibatkan Pinjaman-pinjaman Kenderaan, Komputer dan Pendahuluan Diri yang diproses oleh Bahagian Akaun bagi tempoh Januari hingga Disember 2013. Butiran adalah seperti di Jadual 27:

Bulan	Bilangan Pemohonan			Jumlah
	Pinjaman Kenderaan	Pinjaman Komputer	Pendahuluan Diri	
Januari	4	31	20	55
Februari	4	30	7	41
Mac	8	47	14	69
April	11	59	20	90
Mei	10	53	35	98
Jun	9	52	28	89
Julai	8	90	6	104
Ogos	4	46	33	83
September	10	83	26	119
Oktober	6	85	23	114
November	8	94	24	126
Disember	3	72	10	85
Jumlah	85	742	246	1073

Jadual 27 : Bilangan Permohonan Pinjaman Baru Yang Diproses 2013.

PENGURUSAN ADUAN

Sebanyak 125 aduan berkaitan Pengurusan Kewangan dan Perakaunan dan sebanyak 661 aduan mengenai masalah sistem yang diterima dan diselesaikan oleh Help Desk Bahagian Akaun. Butiran bagi tempoh Januari hingga Disember 2013 adalah seperti di Jadual 28 :

Bulan	Diselesaikan Oleh Bahagian Akaun		
	Prosedur Pengurusan Kewangan Dan Perakaunan :	Masalah Sistem :	Log Ke JANM
Januari	7	69	3
Februari	2	34	2
Mac	8	48	1
April	6	73	1
Mei	10	49	2
Jun	16	58	1
Julai	14	66	2
Ogos	6	43	1
September	14	70	0
Oktober	8	69	3
November	14	34	2
Disember	20	48	1
Jumlah	125	661	19

Jadual 28 : Bilangan Aduan Dari PTJ Yang Dilaporkan Di Help Desk KDN 2013.



PELAKSANAAN KURSUS

Sebanyak 24 siri kursus yang telah dilaksanakan dari bulan Januari hingga Disember 2013. Butiran adalah seperti di Jadual 29 :

Bil	Nama Kursus/Bengkel	Tarikh	Tempat
1.	Bengkel Pengurusan Gaji (POL)	21-23 Jan 2013	Hotel Seri Malaysia, Pulau Pinang
2.	Kursus eSPKB - Siri 1	6-8 Feb 2013	MAKMAL 4A JANM
3.	Bengkel Pengurusan Bayaran & Perolehan (POL)	25-28 Feb 2013	Hotel Suria City, Johor Bharu
4.	Latihan Penggunaan Sistem Unicenter	27-Feb-13	Bilik Latihan IT, D2 KDN
5.	Kursus GFMAS-HRPAY (POL)	11-13 Mac 2013	IPN Sabak Bernam
6.	Kursus Awarness dan Latihan eTerimaan - Siri 1	11-12 Mac 2013	Bilik Latihan IT, D2 KDN
7.	Perjumpaan Bersama PTJ Mengenai Penyata Penyesuaian Hasil (PPH)eTerimaan	24 Apr 2013	Dewan Gemilang, KDN
8.	Kursus Awareness dan Latihan eTerimaan Sesi 2	20-21 Mei 2013	Bilik Latihan IT, D2 KDN
9.	Bengkel Panjar Wang Runcit	22 Mei 2013	Dewan Gemilang, KDN
10.	Latihan Penggunaan Sistem unicenter	12-Jun-13	Bilik Latihan IT, D2 KDN
11.	Bengkel Akaun Amanah AADK	8-11 Jun 2013	Pusat Latihan AADK, Sg. Petani, Kedah
12.	Kursus eSPKB - Siri 2	19-21 Jun 2013	MAKMAL 2 JANM
13.	Bengkel Pementapan Pengurusan Perakaunan Bagi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, JPPM	21-24 Jun 2013	Felda Residence, Kuala Terengganu
14.	Bengkel Akaun Deposit Imigresen	27-28 Ogos 2013	Dewan Gemilang, KDN
15.	Bengkel Pengurusan Akaun Amanah Institusi-institusi Latihan PDRM	2-5 Sept 2013	Pulapol Dungun, Terengganu
16.	Kursus Pengurusan Kewangan Bagi JPPM Siri 11	4-7 Sept 2013	Kuching, Sarawak
17.	Kursus Perakaunan Akruan untuk Pegawai P&P	10-Sep-13	MayTower KL
18.	Kursus Pengurusan Terimaan Kerajaan untuk Pegawai P&P bagi PDRM	23-26 Sept 2013	Awana Genting
19.	Kursus Awarness dan Latihan eTerimaan siri 3	26-27 Sept 2013	Makmal Latihan IT, D2
20.	Bengkel Pengurusan Wang Polis Semenanjung (KWPS)	01-04 Okt 2013	Hotel New York, JB
21.	Seminar Perakaunan Akruan	07 Okt 2013	MayTower KL
22.	Kursus Perakaunan Akruan bagi Kumpulan Pelaksana	24-25 Okt 2013	Nouvelle Hotel, KL
23.	Kursus eSPKB - Siri 3	18-20 Nov 2013	Makmal 2 JANM
24.	Bengkel Pengurusan Wang Polis Semenanjung (KWPS) 2	25-27 Nov 2013	Dynasty Hotel, KL

Jadual 29 : Butiran Kursus Perakaunan 2013



SESI DIALONG TAHUNAN

Majlis Sesi Dialog Timbalan Ketua Akauntan KDN Bersama Pegawai Pejabat Perakaunan Di Bawah KDN telah diadakan di Hotel Maytower Kuala Lumpur pada 6 Oktober 2013. Sesi Dialog ini adalah program tahunan bagi mewujudkan komunikasi dua hala antara Ketua Akauntan / Timbalan Ketua Akauntan bersama pegawai-pegawai Pejabat Perakaunan di bawah KDN. Tujuan ini adalah untuk mengenalpasti dan menyelesaikan permasalahan pengurusan kewangan dan perakaunan bagi tiap-tiap Agensi/Jabatan di bawah KDN secara berkesan.



Majlis Sesi Dialog Tahunan Perakuanan pada 6 Oktober 2013.





Laporan Tahunan 2013

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Pembangunan

PENGENALAN

Objektif Bahagian Pembangunan, KDN adalah berdasarkan kepada fungsi-fungsi utama berikut :

- i) Merancang dan mengenalpasti projek-projek pembangunan bagi Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan/Agensi di bawahnya.
- ii) Menyedia, mengagih dan mengawal peruntukan Belanja Pembangunan di bawah Peruntukan P62 (Kementerian Dalam Negeri), P06 (Perumahan Polis Diraja Malaysia) dan S62 (Penswastaan).
- iii) Melaksana dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan/Agensi di bawahnya.
- iv) Menguruskan hal ehwal aset tanah Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan/Agensi di bawahnya.
- v) Memberi khidmat nasihat teknikal.

STATUS KESELURUHAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN

Di dalam tahun 2013, Kementerian Dalam Negeri telah dipertanggungjawabkan

untuk melaksanakan sejumlah 249 projek pembangunan. Projek-projek tersebut dibiayai melalui peruntukan di bawah Belanja Pembangunan (P.62), Private Finance Initiative (PFI – S.62), dan PBLT. Status keseluruhan pelaksanaan projek pembangunan KDN mengikut Jabatan/Agensi sehingga Disember 2013 adalah seperti dalam Jadual 30 di bawah:

LAPORAN AKTIVITI / INISIATIF BAHAGIAN

Pada tahun 2013, KDN melalui Bahagian PB telah menjalankan pelbagai aktiviti bagi memastikan projek-projek yang telah dirancang dapat dilaksanakan mengikut kualiti, kos dan tempoh yang ditetapkan. KDN juga telah berjaya meningkatkan keberkesanan pemantauan projek melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan dengan usahasama pelbagai pihak seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR). Hal ini adalah selaras dengan Program Transformasi Kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat.

Antara aktiviti dan inisiatif utama tahun 2013 yang dilaksanakan oleh Bahagian ini adalah:-

JABATAN/ AGENSI	DALAM PERCANGAN	BELUM MULA	DAHULU JADUAL	IKUT JADUAL	LEWAT JADUAL	SUDAH SIAP	TANGGUH/ BATAL	JUMLAH
AADK	3	1		3	4	18	9	38
PB				2		4	3	9
RELA	1							1
JIM		2	2	1	3	2		10
JPN	2		1		3			6
PENJARA	7	2		1	3	17	1	31
JPAM	3					6		9
PDRM	5	2	3	1	15	116	1	143
UPP						2		2
JUMLAH	21	7	6	6	26	165	14	249
	8.43%	2.81%	2.41%	3.21%	11.24%	66.27%	5.62%	100.00%

Jadual 30 : Status Pelaksanaan mengikut Jabatan/ Agensi



Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Peringkat Kementerian (JTPK)

Mesyuarat JTPK yang merupakan jentera utama penyelarasan pelaksanaan projek/program pembangunan di peringkat Kementerian telah diadakan setiap bulan (12 kali) di dalam tahun 2013; seiring dengan Arahan No. 1, Majlis Tindakan Negara Tahun 2010.

Program Turun Padang Ketua Setiausaha

Program Turun Padang Ketua Setiausaha (KSU) memainkan peranan penting di dalam pelaksanaan projek khususnya yang berimpak tinggi. Program ini telah membantu

pihak pengurusan tertinggi untuk memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan secara mikro. Sebanyak 36 lawatan telah diadakan sepanjang tahun 2013 dan berjaya memberi kesan positif terhadap kemajuan projek; serta mendekatkan pihak pengurusan tertinggi dengan isu-isu yang dihadapi oleh Jabatan / Agensi pengguna.

Penggunaan Komponen Industrialised Building System (IBS)

Semua 21 projek yang ditender di dalam tahun 2013 telah menggunakan komponen IBS melebihi 70% bagi meningkatkan kualiti projek pembangunan KDN. Senarai projek adalah seperti di Jadual 31.

BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1	IPD Sipitang, Sabah	20,000,000.00
2	IPD Pekan, Pahang	40,000,000.00
3	Pusat Latihan Polis Di Mukim Pelangai, Bentong, Pahang	150,000,000.00
4	Klinik Cure And Care 1 Malaysia Bukit Mertajam, P.Pinang	11,400,000.00
5	Pusat Pertahanan Awam Kedah	23,021,243.00
6	Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara, Johor Bahru	60,200,000.00
7	IPK Johor, Johor Bahru	130,000,000.00
8	Perumahan IPD Pekan	63,000,000.00
9	Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh, Pahang.	51,129,800.00
10	Balai Polis Sri Hartamas	37,000,000.00
11	Ibu Pejabat Polis Daerah Pendang, Kedah.	65,000,000.00
12	Ibu Pejabat Polis Daerah Yan, Kedah	70,500,000.00
13	Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai, Johor.	119,500,000.00
14	Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul, Kuala Lumpur.	77,000,000.00
15	Pusat Latihan Polis Zon Selatan, Jementah, Johor.	126,000,000.00
16	Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Kemayan, Pahang	37,707,000.00
17	Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Belantik	30,200,000.00
18	Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Lenggeng Fasa li	14,000,000.00
19	Naiktaraf Depot Tahanan Imigresen Langkap, Perak	17,500,00.00
20	Pembinaan Kuarters Kota Tinggi	68,000,000.00
21	Pembinaan Pejabat JPN Pasir Putih, Kelantan	4,911,000.00

Jadual 31 : Senarai Projek Tahun 2013 Yang MenggunakanKomponen IBS



Penilaian Outcome

Di dalam tahun 2013, sebanyak lima (5) projek yang telah siap dilaksanakan dinilai melalui program Penilaian Outcome. Tujuannya adalah untuk menilai tahap keberkesanan sesuatu projek kepada fungsi Jabatan/Agensi Pengguna seterusnya memastikan perancangan program pembangunan KDN yang lebih holistik. Senarai Penilaian Outcome tahun 2013 adalah seperti di Jadual 32.



Kursus Pengurusan Hartanah Persekutuan di Akademi Koreksional Langkawi

BIL	TAJUK PENILAIAN OUTCOME	JABATAN / AGENSI	KOS PROJEK (RM)
1	Balai Polis Bergerak Jenis Van Di Sabah Dan Sarawak	PDRM	2,310,000.00
2	Balai Polis Lubuk Temiang Dan Bebuluh Di Labuan	PDRM	1,200,000.00
3	Projek Pembinaan Tambahan Fasiliti Dan Infrastruktur Di Cure & Care Rehabilitation Centre Kampung Selamat	AADK	2,889,999.28
4	Projek Percetakan Teragih MyKad Fasa 1	JPN	27,000,000.00
5	Pembelian Peralatan Bagi Penambahbaikan Program Skim Rondaan Sukarela (SRS)	RELA	24,000,000.00

Jadual 32: Senarai Penilaian Outcome 2013

Mesyuarat Penyelarasan Projek

KDN memberi perhatian terhadap prestasi pelaksanaan setiap satu pembangunan projek KDN bagi tujuan mengurangkan bilangan projek yang lewat jadual. Mesyuarat Penyelarasan Projek bersama JKR diadakan sebanyak 12 kali, Mesyuarat Penyelarasan Projek bersama PBLT sebanyak 6 kali; dan Mesyuarat Penyelarasan Khas untuk projek sakit diadakan sepanjang tahun 2013.



Kursus Pengurusan Projek dan Kursus Pengurusan Hartanah Persekutuan

Bagi tujuan meningkatkan kemahiran kompetensi para pegawai telah dianjurkan Kursus Pengurusan Projek pada 6 hingga 8 September 2013 di Port Dickson, Negeri Sembilan dan Kursus Pengurusan Hartanah Persekutuan pada 19 hingga 22 Disember 2013 di Langkawi.



Kursus Pengurusan Projek di Port Dickson



Laporan Tahunan 2013

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Perolehan

PENGENALAN

Objektif Bahagian Perolehan (PL) adalah merancang serta mengurus perolehan bekalan dan perkhidmatan secara cekap dan berkesan mengikut tatacara perolehan dan kewangan semasa selaras dengan dasar dan prinsip perolehan Kerajaan.

PENCAPAIAN

Pelaksanaan Perolehan

Pencapaian pelaksanaan perolehan dari bulan Januari hingga Disember 2013 adalah sebanyak 224 tender, 61 sebut harga dan 61 rundingan terus yang melibatkan lapan (8) buah Jabatan

/ Agensi di bawah KDN . Butiran pelaksanaan perolehan mengikut Jabatan/Agensi bagi 2013 adalah seperti di Jadual 33:

Bengkel/Taklimat Perolehan

Sebanyak dua (2) siri Bengkel serta satu (1) Taklimat dari bulan Januari hingga Disember 2013.

Bengkel Sistem ePerolehan bagi Modul Kontrak, Kontrak Kementerian dan Pembelian Terus Untuk Jabatan/Agensi

Butiran pelaksanaan Bengkel ePerolehan 2013 adalah seperti di Jadual 34:

KEMENTERIAN / JAB / AGENSI	TENDER	SEBUT HARGA	RUNDINGAN TERUS
KDN	17	49	12
PDRM	148	9	25
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA	6	-	2
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA	18	1	10
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA	1	-	-
JABATAN PERTAHANAN AWAM	4	-	1
JABATAN PENJARA	2	1	8
RELA	11	1	1
AADK	17	-	2
JUMLAH	224	61	61

Jadual 33: Statistik perolehan mengikut Jabatan/ Agensi

BIL.	ZON	TARIKH	BIL. PESERTA		TEMPAT
			ANGGARAN	HADIR	
1.	Sabah	5 – 7 Mac 2013	30 orang	28 orang	UiTM Sabah
2.	Utara	11 – 13 Mac 2013	30 orang	29 orang	Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi, Kedah
3.	Sarawak	14 – 16 Mei 2013	30 orang	28 orang	ePerolehan Centre Kuching, Sarawak
4.	Timur	27 – 29 Mei 2013	30 orang	29 orang	Politeknik Kota, Kuala Terengganu, Terengganu
5.	Selatan	10 – 12 Jun 2013	30 orang	29 orang	UTHM Batu Pahat, Johor
6.	Tengah	24 – 26 Jun 2013	30 orang	22 orang	Bilik Latihan IT, KDN

Jadual 34 : Butiran Bengkel ePerolehan Mengikut Zon 2013.





Bengkel ePerolehan Zon Utara di Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi, Kedah pada 11 – 13 Mac 2013.



Bengkel ePerolehan Zon Sabah di Universiti Teknologi MARA Sabah pada 5 – 7 Mac 2013.



Bengkel ePerolehan Zon Sarawak di ePerolehan Centre Kuching, Sarawak pada 14 – 16 Mei 2013.

Bengkel Latihan Pengumpulan Maklumat Perolehan Kerajaan Melalui *Government Procurement Information System KDN*

Bengkel Latihan Pengumpulan Maklumat Perolehan Kerajaan Melalui *Government Procurement Information System (GPIS)* KDN telah diadakan pada 28 November 2013 (Khamis) bertempat di Bilik Latihan IT, Aras 5,

Blok D2, Kementerian Dalam Negeri (KDN). Bengkel sehari ini melibatkan dua (2) sesi, iaitu sesi pertama (pagi) melibatkan peserta dari Jabatan/Agensi manakala sesi kedua (petang) pula melibatkan peserta dari Kementerian. Kehadiran bagi kedua-dua sesi Bengkel GPIS adalah melibatkan seramai 31 orang peserta.



Bengkel GPIS pada 27 November 2013.



Penceramah Jemputan daripada Kementerian Kewangan Bagi Bengkel GPIS pada 27 November 2013.

Taklimat Penggunaan Sistem ePerolehan (eP) Kepada Syarikat/Pembekal

Satu Taklimat Penggunaan Sistem ePerolehan (eP) Kepada Syarikat / Pembekal Yang Berurusan Dengan Pihak Kementerian Dalam Negeri telah diadakan pada 5 Disember 2013 bertempat di Dewan Gemilang, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Daud bin Tahir, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pengurusan) KDN dan penganjuran adalah dengan kerjasama daripada Syarikat Commerce Dot Com (CDC) Sdn. Bhd. Seramai 158 orang mewakili sebanyak 117 buah syarikat/pembekal yang terdiri daripada 158 orang telah menghadirkan diri.





Sesi pendaftaran wakil Syarikat / Pembekal pada 5 Disember 2013.



Sesi semasa Taklimat sedang berlangsung

Bengkel Pengurusan Perolehan Kerajaan

Bengkel Pengurusan Perolehan Kerajaan Kementerian Dalam Negeri Bagi Tahun 2013 telah diadakan pada 10 hingga 13 Disember 2013 bertempat di Rainbow Paradise Beach Hotel, Pulau Pinang; dan melibatkan seramai 28 orang peserta dari pelbagai Jabatan / Agensi di bawah KDN. Penceramah bengkel aduan dari Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan juga penceramah daripada KDN.

Antara objektif bengkel adalah untuk memastikan:

- i. Peraturan dan tatacara perolehan yang telah ditetapkan sentiasa dipatuhi sepenuhnya

oleh setiap Jabatan/PTJ yang terlibat dengan pengurusan perolehan kerajaan;

- ii. Pengetahuan dan kemahiran pegawai yang menguruskan perolehan dipertingkatkan dari semasa ke semasa;
- iii. Setiap pegawai yang mengendalikan perolehan menjalankan tugas dengan nilai etika diri yang penuh integriti, akauntabiliti, suci hati dan bersih.



Bengkel Pengurusan Perolehan Kerajaan pada 10 hingga 13 Disember 2013.



Bengkel Pengurusan Perolehan Kerajaan pada 10 hingga 13 Disember 2013.

LAIN-LAIN AKTIVITI

Aktiviti Pelaksanaan Perolehan bagi tahun 2014 juga merangkumi daripada Projek Rancangan Malaysia Ke10 (RMK-10), *Private Financial Initiative* (PFI II), ESSCOM dan Projek Bajet Mengurus. Antara aktiviti perolehan bagi projek tersebut serta perolehan semasa yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 ialah:



Lawatan Kerja Pemantauan Kontrak Perkhidmatan Hubungkait Broad Band Fixed Wireless Access (BFWA) untuk Sistem C4i PDRM. (Projek RMK-10)




Sesi Taklimat oleh wakil Sapura Holding Bhd



Sesi lawatan pemeriksaan audit di IPD Lahad Datu, Sabah

Taklimat dan Lawatan kerja ke premis System Aviation Services, Subang Jaya.



Lawatan ke Malaysia Control Center (MCC) Bukit Aman



Sesi lawatan ke Bengkel System Aviation Services

Mesyuarat Pengauditan Barangan ESSCOM di IPD Lahad Datu, Sabah.



Sesi mesyuarat bersama wakil PDRM



Sesi bergambar bersama Jurutera System Aviation Services



Lawatan tapak dan sesi pengauditan barangan ESSCOM di SMS Shah Alam, Selangor.



Sesi pengauditan barangan am di Stor SMS Shah alam.



Sesi pemeriksaan item di Stor Senjata PDRM

Lawatan pemasangan dan pemantauan Mobile VHF Transceiver Station RMPNet di Semenyih, Negeri Sembilan.



Sesi pengauditan barangan senjata di Stor Senjata di SMS Shah Alam.



Sesi penerangan oleh wakil Motorola yang turut dihadiri oleh PDRM.

Lawatan tapak bagi Perolehan 4 laras Riffle Barrey untuk Unit Tindakan Khas (UTK), PDRM. (PFI-II)



Sesi pemeriksaan semasa penerimaan item Riffle Barrey



Sesi lawatan ke bengkel pemasangan Mobile VHF Transceiver Station RMPNet



Taklimat Pengauditan Unit Rondaan Bermotorsikal (URB), PDRM di IPD Shah Alam, Selangor.



Sesi pemeriksaan dan pengauditan motosikal Kawasaki URB.



Pemeriksaan dokumen penggunaan motosikal Kawasaki URB.

URUSAN PEROLEHAN

Bagi tempoh dari bulan Januari hingga Disember 2013 pelaksanaan urusan perolehan untuk Kementerian dan Jabatan/ Agensi yang melibatkan lima (5) aktiviti utama berikut:

- i. Mesyuarat Lembaga Perolehan A sebanyak 10 kali dan melibatkan 17 kertas tender.
- ii. Mesyuarat Lembaga Perolehan B sebanyak 63 kali dan melibatkan 344 kertas tender.
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga sebanyak 48 kali dan melibatkan 64 kertas sebut harga.
- iv. Iklan tender dalam portal sebanyak 55 urusan.
- v. Rundingan Terus sebanyak 61 urusan.

Urusan Tandatangan Integrity Pact

Pelaksanaan Integrity Pact yang diamalkan di Kementerian Dalam Negeri adalah merupakan salah satu (1) daripada tujuh (7) inisiatif di bawah NKRA – Fighting Corruption selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil 10 Tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan Kerajaan. Sejumlah enam (6) Integrity Pact yang ditandatangani mengikut pecahan kategori sepanjang tahun 2013 :

- i. 99 Surat Akuan Oleh Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan
- ii. 1,572 Surat Akuan Perlantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan
- iii. 1,572 Surat Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan
- iv. 44 Surat Akuan Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan
- v. 444 Surat Selesai Tugas Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan
- vi. 220 Surat Akuan Pembida Berjaya

Selain itu sesi bacaan Ikrar Integriti oleh para Penender/ Syarikat yang berjaya turut diadakan semasa Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST). Pelaksanaan adalah selaras dengan usaha Kerajaan dalam membenters jenayah rasuah serta bagi meningkatkan integriti dalam proses perolehan Kerajaan.



Wakil syarikat / penender yang berjaya sedang mengangkat Ikrar Integriti



Wakil syarikat / penender yang berjaya sedang mengangkat Ikrar Integriti.





Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Pengurusan Sumber Manusia

PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (SM) berperanan memberi perkhidmatan dalam bidang pengurusan manusia kepada semua Bahagian dan Jabatan / Agensi di dalam Kementerian Dalam Negeri, antaranya pembangunan organisasi, urusan perkhidmatan personel dan pembangunan sumber manusia serta kompetensi.

LAPORAN PENCAPAIAN

Pengukuhan dan Pembangunan Organisasi

Pengukuhan Fungsi PDRM Di *Eastern Sabah Safety Zone* (ESSZONE)

YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2013 telah mengisytiharkan penubuhan *Eastern Sabah Safety Zone* (ESSZONE) bagi menangani kejadian pencerobohan oleh kumpulan bersenjata dari Selatan Filipina di Lahad Datu, Sabah.

ESSZONE dilancarkan bagi memastikan kedaulatan negara terus terpelihara serta mengekalkan keamanan dan ketenteraman awam khususnya di bumi Sabah. Kawasan ESSZONE merangkumi sepuluh (10) daerah di Sabah iaitu Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau.

KDN, Bahagian SM dan PDRM terlibat secara langsung di dalam fasa pelaksanaan segera ESSZONE melalui aktiviti:

- a) Mewujudkan sebanyak empat (4) buah balai polis baru iaitu di Pulau Gaya (Kota Kinabalu), Pulau Bum-Bum dan Pulau Mabul (Semporna) dan Felda Sahabat (Lahad Datu);

- b) Menaik taraf tiga (3) buah balai polis sedia ada iaitu di Cenderawasih, Pulau Tambisan (Lahad Datu) dan Kerakit (Kudat)

Fasa pelaksanaan segera bagi ESSZONE melibatkan cadangan pewujudan perjawatan baru di mana kajian keperluan perjawatan telah dilaksanakan bersama pihak agensi pusat iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Pewujudan jawatan-jawatan baru ini telah diperakukan oleh JPA serta diluluskan oleh MOF melalui Waran Perjawatan Bil. K2 Tahun 2014 serta berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014.

Pengukuhan Agensi-Agensi Penguatkuasaan Di Dalam KDN

Selaras dengan misi KDN menjadi peneraju keselamatan dalam negeri dan untuk menjamin keamanan dan kesejahteraan rakyat, KDN telah diperuntukkan dengan 323 jawatan tambahan sepanjang tahun 2013. Perjawatan tambahan ini dibuat melalui kaedah tukar ganti (trade off) dengan jawatan-jawatan lain yang difikirkan sesuai dan pewujudan jawatan-jawatan baru. Pecahan jawatan mengikut Agensi yang berkaitan ditunjukkan di dalam Jadual 35:

Bil	Bahagian/Jabatan	Jumlah perjawatan tambahan
1	Jabatan Imegresen Malaysia (JIM)	193
2	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	119
3	Unit Integriti, KDN	11
	JUMLAH	323

Jadual 35: Butiran perjawatan tambahan di KDN dan Agensi sepanjang tahun 2013



Pengurusan Perkhidmatan

Bahagian SM juga bertanggungjawab dalam melaksanakan urusan perkhidmatan personel dari tarikh lantikan hingga ke persaraan.

Urusan ini termasuklah pengambilan, pengesahan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen, pemangkuan dan kenaikan pangkat, pertukaran, kelulusan pelbagai jenis cuti, kemudahan elaun dan segala bentuk perubahan emolumen. Kesemua maklumat ini direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai di mana sejumlah 2004 Buku Rekod Perkhidmatan telah diselenggara sepanjang tahun 2013.

Lain-lain aktiviti/urusan perkhidmatan yang diuruskan sepanjang tahun 2013 adalah seperti di Jadual 36:

Bil	Jenis Urusan	Jumlah
1	Pengambilan Jawatan Tertutup KDN	131
2	Pengesahan lantikan	84
3	Pengesahan dalam perkhidmatan	186
4	Kenaikan pangkat jawatan tertutup KDN	51
5	Kelulusan pelbagai jenis cuti	770
6	Kelulusan pelbagai jenis elaun	847
7	Kelulusan pelbagai jenis kemudahan	330

Jadual 36: Butiran urusan perkhidmatan yang diuruskan oleh Bahagian Sumber Manusia KDN sepanjang tahun 2013

Pengurusan Tatatertib, Naik Pangkat Dan Prestasi

Pengurusan Tatatertib

Sehingga 30 September 2013, pengurusan tatatertib pegawai KDN, RELA dan pegawai

awam di PDRM diuruskan oleh Bahagian SM. Selaras dengan penubuhan Unit Integriti di KDN berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013, pengurusan tatatertib pegawai tersebut dipindahkan di bawah tanggungan Unit Integriti KDN.

Pada tahun 2013, sejumlah 159 kes tatatertib telah diuruskan, 15 telah diselesaikan dengan pecahan 5 kes melibatkan pegawai di KDN, 1 (RELA) dan 9 (PDRM). Daripada 159 kes tersebut, 93 di peringkat penentuan kes, 8 di peringkat prima facie dan 43 di peringkat hukuman.

Pengurusan Naik Pangkat

Sepanjang tahun 2013 juga, Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) KDN telah bersidang sebanyak 2 kali. LKP KDN juga telah meluluskan kenaikan pangkat dan pemangkuan sejumlah 51 orang pegawai dalam pelbagai jawatan. Butiran adalah seperti di Jadual 37:

Bil	Jenis Urusan	Jumlah
1	Kenaikan Pangkat	26
2	Kenaikan Pangkat KUP 15 Tahun	6
3	Pemangkuan	19
JUMLAH		51

Jadual 37: Urusan kenaikan pangkat tahun 2013

Pengurusan Kelulusan Penanggungungan Kerja

Proses kelulusan permohonan penanggungungan kerja merupakan salah satu prosedur kualiti (operasi) Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 KDN. Objektif kualiti prosedur penanggungungan kerja ini adalah memastikan urusan penanggungungan kerja diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh maklumat lengkap diterima.

Pada tahun 2013, sejumlah 299 permohonan penanggungungan kerja telah diluluskan dan berjaya mencapai objektif kualiti yang ditetapkan.



Pengurusan Permohonan Kebenaran Memiliki Tanah Kerajaan

Sepanjang tahun 2013, sejumlah 63 urusan permohonan pemilikan tanah Kerajaan telah diluluskan.

Pengurusan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) KDN yang bersidang pada 10 Januari 2013 telah memperakukan seramai 267 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 199 orang penerima Sijil Kepujian atas perkhidmatan cemerlang yang diberikan pada tahun 2012. Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 diadakan pada 21 Januari 2013 di Auditorium Kompleks D, manakala Majlis Penyampaian Sijil Kepujian diadakan pada 11 Jun 2013 di Dewan Gemilang, KDN. Bahagian SM juga telah meluluskan pergerakan gaji ke atas 4,533 orang pegawai di KDN.



Majlis Penyampaian Sijil Kepujian

Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus

Mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) KDN telah diadakan sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 18 Jun 2013, 8 Oktober 2013 dan 17 Disember 2013.

Urusan Pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan / Negeri

Sepanjang tahun 2013, seramai 236 orang pegawai telah dicalonkan untuk menerima Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan / Negeri.

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan

Pada tahun 2013, Mesyuarat Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) KDN telah diadakan pada:

- i. 27 Mac 2013,
- ii. 18 Jun 2013,
- iii. 24 September 2013 dan
- iv. 23 Disember 2013.

Usul-usul daripada pihak pekerja yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian telah diambil tindakan sewajarnya. Mana-mana usul yang bukan berada di bawah bidang kuasa Kementerian telah dipanjangkan ke Agensi-agensi yang berkenaan.

Pengurusan Pembangunan Modal Insan

Sepanjang tahun 2013, sejumlah 95% kakitangan KDN telah menggenapkan sekurang-kurangnya tujuh hari latihan dalam tahun semasa. Latihan ini merangkumi kursus-kursus wajib untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan, kursus-kursus keagamaan serta program penerapan nilai-nilai murni. Butiran adalah di Jadual 38:

BIL	JENIS LATIHAN	BIL. LATIHAN	BIL. PESERTA	KOS (RM)
1	In House	192	11,052	2,659,795.00
2	Swasta	28	143	160,341.07
3	Agensi Pusat	13	71	12,000.00
4	Luar Negara	9	17	326,535.65
JUMLAH		242	11,283	3,158,669.72

Jadual 38: Butiran Latihan tahun 2013



Kursus ESQ untuk semua 185 peserta lain yang terdiri dari pegawai Pengurusan Tertinggi dan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) KDN dan Jabatan/ Agensi di Colmar Bukit Tinggi pada 21 hingga 23 Jun 2013. Turut serta ialah YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Kementerian Dalam Negeri.

Kursus ESQ siri seterusnya diadakan pada 7 hingga 9 November 2013 dan dihadiri oleh 145 orang peserta dari Kumpulan P&P KDN dan Jabatan/ Agensi.

Pengurusan Psikologi Dan Kaunseling

Pelbagai aktiviti pembangunan sumber manusia oleh Unit Psikologi dan Kaunseling ialah seperti di Jadual 39:

Bil	Program	Tempat	Tarikh
1	Suara Akrab dan Pembangunan Psikologi Bil. 1/ 2013	Dewan Gemilang, KDN	19 Februari 2013
2	Program Pementoran	Bilik Mesyuarat Jati	28 Februari 2013
3	Klinik Kaunseling	Klinik C&C Sungai Besi	setiap hari Jumaat sepanjang tahun 2013
4	Konvensyen AKRAB	Pulau Langkawi	29 hingga 31 Januari 2013

Jadual 39: Latihan yang dijalankan sepanjang tahun 2013

Bil	Program	Tarikh
1	Program Integrasi Kecemerlangan bagi pegawai Kumpulan P&P dan Sokongan	1 Februari -3 Februari 2013
2	Sambutan Hari Lahir	Sepanjang Tahun
3	Majlis Berbuka Puasa	24 Julai 2013
4	Jamuan Hari Raya	21 Ogos 2013
5	Kutipan derma	Sepanjang Tahun
6	Aktiviti Sukan Badminton	Setiap Hari Rabu

Jadual 40: Program-program sukan dan kebajikan Bahagian SM Tahun 2013

PENUTUP

Selain daripada melaksanakan fungsi teras Bahagian dan memberikan khidmat sokongan kepada Kementerian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KDN juga melaksanakan beberapa aktiviti dalaman bagi mewujudkan hubungan keharmonian. Antaranya seperti di Jadual 40:



Majlis berbuka puasa



Majlis Sambutan Hari Lahir





Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Pengurusan Teknologi Maklumat

PENCAPAIAN

Perkongsian Pintar : Penyerahan Sistem MyLatihan KDN Kepada JPN Ibu Pejabat

KDN melalui Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (IT) telah membangunkan Sistem MyLatihan KDN menggunakan kepakaran dalaman dan dilaksanakan pada Mei 2013.

Sesi perkongsian sistem MyLatihan KDN kepada Ibu Pejabat JPN diwakili oleh Timbalan Setiausaha Bahagian, Puan Latipah Binti Omar kepada wakil JPN iaitu Puan Hanisull Jalis Binti Mohd Yusof, Bahagian IT JPN telah diadakan pada 5 Julai 2013. Sesi tersebut turut dihadiri oleh pasukan pembangunan MyLatihan KDN dan pasukan pembangunan IT JPN.



Penyerahan softcopy sistem MyLatihan KDN kepada JPN



Pasukan Pembangunan Sistem MyLatihan KDN dan Pasukan Pembangunan ICT JPN

Sistem Permohonan Piroteknik

Sistem Permohonan Piroteknik (ePyro) telah dibina secara dalaman (*in-house*) bagi memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan serta semakan keputusan semakan keputusan piroteknik secara online oleh syarikat-syarikat yang berdaftar.

Sistem ini telah dianugerahkan tempat kedua dalam Anugerah Inovasi Kementerian Dalam Negeri 2013 yang telah berlangsung pada 22 November 2013 bertempat di Universiti Putera Malaysia (UPM) Serdang.



Pasukan Pembangunan Sistem ePYRO

Projek Semakan Semula Pelan Strategik ICT (PSICT) KDN

Semakan semula Pelan Strategik ICT KDN dengan membangunkan Pelan Tindakan ICT 2014 hingga 2015 dilaksanakan dengan kerjasama Pasukan Perunding Pelan Strategik ICT INTAN dan MAMPU. Projek ini turut melibatkan YBhg. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Dato' Wan Ali Bin Besar selaku CIO KDN serta wakil bahagian-bahagian di KDN.

Projek dimulakan dengan Mesyuarat *Kick-off* yang telah diadakan pada 20 September 2013, manakala Mesyuarat *Sign-off* pula telah diadakan pada 9 Disember 2013.





Bengkel Siri 1 PSICT KDN dirasmikan oleh YBhg. Dato' Wan Ali Bin Besar



Bengkel Siri 1 PSICT KDN dirasmikan oleh YBhg. Dato' Wan Ali Bin Besar



Mesyuarat Sign-Off Projek pada 9 Disember 2013

Penarafan 5 Bintang Terhadap Portal KDN

Hasil Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan bagi Tahun 2013 (MGPWA 2013) oleh *Multimedia Development Corporation* (MDec) dan MAMPU mendapati KDN berjaya mengekalkan penarafan 5 bintang dengan skor keseluruhan ialah 85 tahun ini merupakan tahun ketiga, di mana KDN mengekalkan penarafan 5 bintang untuk Portal KDN.

Portal KDN dibangunkan dan diselenggarakan secara *inhouse* bagi tujuan penjimatan kos. Kejayaan penarafan 5 Bintang adalah hasil kerjasama rentas sempadan bahagian khususnya Bahagian IT (pembangunan dan penyelenggaraan teknikal), Bahagian UKOM (penyelaras kandungan dan kemas kini) dan Bahagian-bahagian (*content manager*) bagi memastikan maklumat yang dipaparkan di Portal KDN adalah terkini dan tepat.



Laman Utama Portal KDN

Mesyuarat Perancangan Strategik Dan Sasaran Kerja Tahunan 2014

Mesyuarat Perancangan Strategik dan Sasaran Kerja Tahunan 2014 Bahagian IT telah diadakan pada 13 hingga 15 Disember 2013 bertempat di Kota Bharu, Kelantan. Tujuan mesyuarat adalah bagi membincangkan perancangan strategik dan SKT bagi tahun 2014.



Mesyuarat Perancangan Strategik dan SKT



Projek *Data Leakage Prevention*

Bahagian IT bersama Bahagian KS telah melaksanakan projek *Data Leakage Prevention* (DLP). Projek ini bertujuan untuk mencegah kebocoran dan ketirisan maklumat dalaman ke tahap minimum. Bahagian-bahagian yang dikenal pasti sebagai kritikal telah dipasang dengan perisian DLP mengikut polisi yang ditetapkan.

Tiga (3) siri bengkel telah diadakan bagi mengenal pasti keperluan penyediaan polisi iaitu pada 21 Mac 2013, 30 Julai 2013 dan 12 hingga 14 September 2013. *Standard Operating Procedure* (SOP) pengurusan Insiden DLP juga telah dibangunkan bagi pemantauan dan tindakan oleh pihak-pihak yang telah dilantik.



Bengkel Penyediaan Polisi DLP



Kursus dan Taklimat Standard Operating Procedure (SOP) DLP

Bagi memastikan kepatuhan kepada SOP yang telah disediakan, satu (1) siri Kursus dan Taklimat SOP telah diadakan pada 24 September 2013.

Projek Perpindahan Pusat Data

KDN mempunyai dua (2) Pusat Data di Aras 9 Blok D1 dan Aras 5 Blok D2 di Kompleks D. Perpindahan Pusat Data telah dilaksanakan pada 25 hingga 27 Oktober 2013 bagi mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan penyaman udara untuk menyahut seruan program Teknologi Hijau. Semua peralatan dan perisian ICT berserta peralatan sokongan telah dipindahkan dari Pusat Data di Aras 9 Blok D1 ke Pusat Data Aras 5 Blok D2, Kompleks D. *Outcome* pelaksanaan projek perpindahan Pusat Data ialah konsolidasi peralatan dan perisian ICT serta pengurusan yang lebih efisien.



Kerja-kerja Perpindahan Pusat Data

Kursus ICT

Sebanyak 20 kursus ICT kepada warga KDN telah diadakan sepanjang tahun 2013. Selain diadakan di Ibu Pejabat KDN di Putrajaya, kursus tersebut turut diadakan di Zon Utara (Pusat Latihan AADK Sungai Petani, Kedah), Zon Selatan (UiTM Johor Baru) dan Zon Timur [INTAN Wilayah Timur (INTIM)].

Antara program dan modul kursus adalah Microsoft Word, Microsoft Excel, Microsoft Powerpoint, Microsoft Publisher, Microsoft Visio, Microsoft Project, Adobe Photoshop, E-mel KDN (Zimbra), Statistical Package for Social Science (SPSS), Media Sosial dan Asas Baik Pulih Komputer.



Peserta kursus Asas Baik Pulih Komputer



Laporan Tahunan 2013

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Khidmat Pengurusan & Aset

LAPORAN PENCAPAIAN INOVASI DAN PENYELARASAN

Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 Kementerian Dalam Negeri

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2008 KDN telah dipersijilkan bagi tempoh 11 Disember 2009 sehingga 25 Disember 2012. Sehubungan itu, pensijilan semula telah dilaksanakan ke atas 25 Bahagian dan 13 Pejabat Cawangan Bahagian KF dan 11 Pejabat Cawangan Bahagian PQ. Penilaian pensijilan semula oleh pihak Lloyd's Register Quality Assurance Ltd. (LRQA) telah diadakan ke atas beberapa Bahagian dan Pejabat Cawangan Bahagian KF dan PQ pada 5 November hingga 29 November 2012. Hasil penilaian tersebut, KDN telah memperoleh pensijilan semula bagi tempoh tiga tahun bermula 25 Disember 2012 hingga 10 Disember 2015 dengan skop pelaksanaan ialah Penyediaan Bagi Penyampaian Perkhidmatan Dalam Pengurusan Hal Ehwal Keselamatan Dalam Negeri.



*Pensijilan semula Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008
Kementerian Dalam Negeri*

Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri

Perhimpunan Bulanan KDN merupakan program yang diadakan pada minggu pertama setiap bulan dan akan di sempurnakan oleh YB Menteri Dalam Negeri. Proram ini turut di

hadiri oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri, YBhg. Ketua Setiausaha, semua pengurusan tertinggi Kementerian dan Jabatan dan warga kerja. Perhimpunan bulanan telah diadakan sebanyak 6 kali sepanjang tahun 2013. Antara program / pengisian yang dimasukkan dalam perhimpunan bulanan ialah amanat YB Menteri Dalam Negeri, Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara, Tabung Wira Lahad Datu dan Tabung Kemanusiaan "SAVE FOR GAZA". Selain itu maklumat pencapaian semasa KDN turut dikongsi dalam majlis ini.



YB Menteri sedang menyampaikan amanat di Perhimpunan Bulanan bertarikh 9 Julai 2013



*Auditorium Aras 5, D8, Parcel D
Barisan Pegawai Kanan Kementerian / Jabatan
9 Disember 2013*

Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara (P.K.N.)

Pingat Kedaulatan Negara (P.K.N.) merupakan satu pingat penghargaan khas yang diwujudkan untuk anggota keselamatan dan kakitangan awam yang berjuang dan memberi khidmat sokongan dalam Ops Daulat di Sabah. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 April



2013 telah bersetuju meluluskan cadangan penganugerahan pingat khas kepada anggota keselamatan dan kakitangan awam yang terlibat dalam Op Daulat di Sabah. Pada 9 April 2013, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Muadzam Shah Ibnu Almarhum Sultan Badlishah telah memperkenankan penzahiran Pingat Kedaulatan Negara (P.K.N.). YB Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa dalam membuat peraturan-peraturan, cara pengurniaan pingat dan bagi pembatalan, pengungkaihan dan pengembalian semula pengurniaan pingat. KDN bertanggungjawab dalam menjaga daftar rekod senarai penerima pingat.

Pada 13 April 2013, Majlis Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara (P.K.N.) yang pertama telah diadakan di Dewan Semai Bakti, Desa Kencana, Felda Sahabat 16, Lahad Datu, Sabah. Majlis disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Duli Yang Maha Mulia Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah. Majlis Perhargaan Op Daulat ini merupakan hari bersejarah bagi anggota keselamatan dan kakitangan sokongan yang bertungkus-lumus mempertahankan kedaulatan negara dari pencerobohan musuh. Seramai 36 orang penerima daripada Polis Di-Raja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), FELDA, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), dan Jabatan Penerangan Malaysia telah dianugerahkan PKN. Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara (P.K.N.)



Majlis Penghargaan Op Daulat 13 April 2013



Penerima-penerima Pingat Kedaulatan Negara (P.K.N.) pada 13 April 2013



Dewan Semai Bakti, Desa Kencana, Felda Sahabat 16, Lahad Datu, Sabah YAB Perdana Menteri menganugerahkan Pingat Kedaulatan Negara (P.K.N.) kepada penerima. 13 April 2013



Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat KDN pada tahun 2013 telah berlangsung selama 4 hari bermula 26 hingga 29 September 2013 yang diadakan di Ibu Pejabat Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Sungai Merab, Kajang. Konvensyen KIK ini diadakan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka yang terlibat menghasilkan idea-idea baru dalam menyelesaikan masalah serta membuat penambahbaikan agar selari dengan program transformasi kerajaan.



Konvensyen tahun 2013 disertai oleh seramai 26 kumpulan dari semua jabatan/agensi di bawah KDN. Butiran penyertaan Konvensyen KIK KDN 2013 adalah seperti di Jadual 41:

BIL.	JABATAN/AGENSI / BAHAGIAN	PENYERTAAN
1.	Kementerian Dalam Negeri	1
2.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	6
3.	Jabatan Penjara Malaysia	6
4.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	3
5.	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	2
6.	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	3
7.	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)	1
8.	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)	4
JUMLAH		26
*projek KIK 2013 melibatkan Kategori Pengurusan (15) dan Teknikal (11)		

Jadual 41: Butiran Penyertaan Konvensyen KIK KDN 2013

Majlis Perasmian Pembukaan Konvensyen KIK telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah AADK, Puan Sri' Dato' Zuraidah binti Hj Mohamed pada 27 September 2013 manakala Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Pengurusan KDN, YBhg. Dato' Daud bin Tahir AADK pada 29 September 2013.

Sambutan Hari Inovasi Kementerian Dalam Negeri

KDN dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Inovasi KDN Tahun 2013 26 November 2013 bertempat di Dewan Besar UPM dengan membawa tema "Inovasi Teras Transformasi 1KDN".



Penganjuran majlis tahunan ini merupakan komitmen KDN terhadap usaha menyemarakkan lagi budaya inovasi di kalangan pegawai dan kakitangan. Ianya juga merupakan platform untuk mengiktiraf dan menghargai usaha Jabatan, Agensi dan Bahagian yang berjaya menghasilkan produk inovasi yang dapat meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan untuk rakyat dan Negara selari dengan konsep Cepat, Tepat dan Integriti (CTI), dan Produktif, Kreatif dan Inovatif (PCI) yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Dalam Negeri dan turut dihadiri barisan Pengurusan Tertinggi KDN dan UPM. Antara pengisian dalam majlis tersebut ialah penyampaian Anugerah Inovasi Kementerian Dalam Negeri (AIKDN), penyampaian hadiah



kepada pemenang Konvensyen KIK dan Piala Menteri Dalam Negeri. Butiran pemenang mengikut kategori bagi Tahun 2013 adalah seperti di Jadual 42:

telah dikategori sebagai Kementerian yang melaksanakan Pengurusan Rekod Terbaik hasil daripada pengauditan oleh pihak Arkib Negara Malaysia yang diadakan pada 25 November

BIL.	PROGRAM/ANUGERAH	TEMPAT	PEMENANG
1.	Piala Menteri Dalam Negeri		Jabatan Penjara Malaysia
2.	Kumpulan Inovatif Dan Kreatif	Kategori Teknikal	
		Pertama	Ibu Pejabat Briged Utara PGA, Ulu Kinta, Perak
		Kedua	Sekolah Henry Gurney, Keningau, Sabah
		Ketiga	Klinik Cure & Care 1Malaysia, Jerantut Pahang
		Kategori Pengurusan	
		Pertama	Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka
		Kedua	Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Johor
3.	Anugerah Inovasi KDN	Pertama	Penjara Sungai Buloh, Selangor
		Kedua	Penjara Sri Aman, Sarawak
		Ketiga	Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (KDN)
4 Pemenang Keseluruhan		Jabatan Penjara Malaysia	

Jadual 42 : Butiran Pemenang Anugerah Inovasi KDN 2013



YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyampaikan Piala Menteri Dalam Negeri kepada Jabatan Penjara Malaysia iaitu pemenang keseluruhan sempena Sambutan Hari Inovasi Kementerian Dalam Negeri Tahun 2013

Pentadbiran Korporat

Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Kementerian Tahun 2013

KDN telah dianugerahkan penerima tempat kedua daripada 10 Kementerian yang

2013. Majlis Penyampaian Anugerah telah berlangsung pada 5 Disember 2013 bertempat di Arkib Negara. YBhg. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Dato' Wan Ali bin Besar telah mewakili KDN menerima anugerah yang disampaikan oleh YBhg. Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Dato' Hajah Hj. Ismail



Sesi Ramah Mesra Sempena Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Kementerian Tahun 2013 Yang Dianjurkan Arkib Negara Malaysia Pada 5 Disember 2013





Wakil daripada Kementerian Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Dalam Negeri YBhg. Dato' Wan Ali Bin Besar Menerima Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik Tahun 2013 Peringkat Kementerian Oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia



Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Kementerian Tahun 2013 Anjuran Arkib Negara Malaysia Pada 5 Disember 2013

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi Bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Pada 31 Ogos 2013 bertempat di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Jalan Semarak, Kuala Lumpur telah berlangsungnya Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi Bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) Tahun 2013. Majlis turut dihadiri oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia. Penyediaan khemah dan juadah majlis telah dilaksanakan mengikut tema rumah sukan Kelab KDN iaitu rumah Merah, Biru, Hijau, Jingga dan Ungu. Majlis ini melibatkan kehadiran seramai lebih kurang 10,000 orang jemputan serta warga kerja KDN. Majlis juga telah diserikan dengan persembahan pembukaan oleh Briged Kesenian KDN serta artis terkemuka tanahair. Pertunjukan bunga api di pertengahan majlis menjadi tarikan utama

pada jemputan yang hadir dan di akhir majlis, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi telah menyampaikan sumbangan berupa duit raya kepada anak-anak warga KDN.



YAB Perdana Menteri Ditemani Oleh YB Menteri Dalam Negeri Dan Jemputan Lain Untuk Menjamu Juadah Hari Raya Yang Disediakan

Majlis Penerapan Nilai-Nilai Murni Ramadhan 2013

Majlis Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Bulan Ramadhan Bersama YB Menteri Dalam Negeri Tahun 2013 telah diadakan pada 12 Julai 2013 bertempat di Blok D8, Kompleks D, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Putrajaya. YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri bersama Pegawai-pegawai Tertinggi Kementerian serta seramai 1,000 orang warga Kementerian serta Jabatan/Agensi di bawah KDN telah hadir menyeronjok majlis.

Antara pengisian majlis ialah tazkirah Ramadhan oleh Tuan Haji Mohd Zamihan bin Haji Mat Zin, Pegawai Hal Ehwal Islam, acara berbuka puasa, solat Maghrib berjemaah, jamuan makan malam, solat Isyak dan Terawih berjemaah.



YB Menteri Dalam Negeri Duduk Bersama YBhg Dato' Sri KSU dan Jemputan Lain Untuk Menikmati Juadah Berbuka Puasa



Aset

Bengkel Peluasan SPA

KDN memberi penekanan kepada aspek pengurusan aset yang cekap dan berkesan. Dengan kerjasama Perbendaharaan Malaysia telah mengadakan sebanyak tujuh (7) siri bengkel sepanjang tahun 2013. Objektif Bengkel ini diadakan adalah:

- i. Melaksanakan peluasan SPA ke semua cawangan KDN;
- ii. Mendedahkan peserta kepada Sistem SPA; dan
- iii. Memberi latihan praktikal kepada peserta dalam melaksanakan Sistem SPA secara online.

Butiran pelaksanaan Bengkel Peluasan Sistem Pengurusan Aset KDN adalah seperti di Jadual 43:

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT KURSUS
1.	Bengkel Peluasan Sistem Pengurusan Aset KDN siri 1	30-31 Januari 2013	Bilik Latihan ICT Kementerian Kewangan
2.	Bengkel Peluasan Sistem Pengurusan Aset KDN siri 2	25-26 Februari 2013	Bilik Latihan ICT Kementerian Kewangan
3.	Bengkel Peluasan Sistem Pengurusan Aset KDN siri 3	7-8 Februari 2013	Bilik Latihan ICT Kementerian Kewangan
4.	Bengkel Peluasan Sistem Pengurusan Aset KDN siri 4	14-15 Februari 2013	Bilik Latihan ICT Kementerian Kewangan
5.	Bengkel Peluasan Sistem Pengurusan Aset KDN siri 5	19- 20 Februari 2013	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
6.	Bengkel Peluasan Sistem Pengurusan Aset KDN siri 6	21-22 Februari 2013	AKADEMI KASTAM SARAWAK
7.	Bengkel Peluasan Sistem Pengurusan Aset KDN siri 7	27-28 Februari 2013	Bilik Latihan ICT Kementerian Kewangan

Jadual 43 : Butiran pelaksanaan Bengkel Peluasan Sistem Pengurusan Aset KDN 2013

Status Pelupusan Dan Kehilangan Aset Alih

Jadual 44 berikut adalah status pelupusan aset alih dan kehilangan aset alih di Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan/Agensi di bawahnya bagi tahun 2013:

Tugas - Tugas Khas

Skuad Muda Kementerian Dalam Negeri

Program Menyemarakkan Gelombang Kesukarelawan Dan Kempen Penanaman Sejuta Pokok

Program Menyemarakkan Gelombang Kesukarelawan Dan Kempen Penanaman Sejuta Pokok adalah bertujuan untuk melestarikan alam sekitar, mengerakkan semangat sukarelawan dan kerjasama berterusan antara pelbagai Kementerian/Jabatan di seluruh peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah. Aktiviti ini disemarakkan di semua negeri di seluruh Malaysia.



YBhg. Dato' Sri KSU Kementerian Dalam Negeri Merasmikan Kempen Penanaman Sejuta Pokok.



PELUPUSAN ASET				KEHILANGAN ASET	
NILAI PEROLEHAN ASAL	HASIL PELUPUSAN	NILAI HAPUS KIRA	NILAI BAYARAN BALIK	SURCAJ	
(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	BIL. KES	AMAUN (RM)
60,429,043	28,260,350	131,140	12,896	96	5,075

Jadual 44 : Status Kehilangan Dan Pelupusan Aset Di Kementerian/Jabatan/Agensi

Majlis Himpunan Perpaduan Rakyat

Majlis Himpunan Perpaduan Rakyat telah berlangsung pada 3 Mei 2013. di Sutera Mall Skudai, Johor. Program ini diadakan bertujuan bagi memudahkan rakyat berinteraksi secara lebih dekat dengan agensi-agensi di bawah KDN. Pelbagai informasi dapat diperolehi oleh pengunjung yang berkunjung ke booth JPN. Dengan adanya program seperti ini, kakitangan di booth pameran juga dapat mengenalpasti permasalahan yang dihadapi oleh rakyat.

Program ini telah dirasmikan oleh YB. Dato` Seri Hishamuddin bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri dan turut dihadiri YAB. Menteri Besar Johor. Beliau juga berkesempatan mengunjungi booth pameran JPN bersama YBhg. Dato Jariah binti Mohd Said, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara untuk beramah mesra bersama kakitangan yang bertugas dan rakyat yang berkunjung.



YB Dato' Seri Hishamuddin Bin Tun Hussin Turut Beramah Mesra Bersama Rakyat



YB Dato' Seri Hishamuddin Bin Tun Hussin Melawat Booth-Booth Yang Disediakan Di Program Himpunan Perpaduan Rakyat



Tetamu-Tetamu Kehormat Yang Hadir Semasa Program Himpunan Perpaduan Rakyat Di Sutera Mall, Gelang Patah

Laporan Latihan Pengungsian Bangunan Kementerian Dalam Negeri Tahun

Latihan Pengungsian Bangunan KDN telah diadakan pada 30 Disember 2013 melibatkan Blok D1, D2, dan D9 Kompleks D. Latihan diadakan bertujuan mengetahui tatacara pelan pengungsian bangunan apabila berlaku kebakaran atau situasi bencana alam. Untuk tindakan pelaksanaan Latihan Pengungsian Bangunan, Pasukan Keselamatan Kebakaran KDN yang diwakili dari setiap Aras/Bahagian/ Blok telah dibentuk.



Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Parlimen & Kabinet

PENGENALAN

Bahagian Parlimen dan Kabinet (PK) bertanggungjawab menyelaras dan merancang perkara-perkara berkaitan Pengurusan Hal Ehwal Parlimen bagi KDN, Pengurusan Hal Ehwal Jemaah Menteri dan Mesyuarat-mesyuarat Utama.

PENCAPAIAN BAHAGIAN

Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil.1/2013

Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil.1/2013 telah diadakan dari 14 hingga 16 Jun 2013 bertempat di Damai Puri Resort & Spa, Sarawak. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyediakan jawapan bagi pertanyaan Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ke-13 yang berlangsung mulai 24 Jun hingga 18 Julai 2013. Bengkel ini telah dihadiri oleh 90 orang peserta yang merupakan pegawai penyelaras dari Jabatan/Agensi/Bahagian di bawah KDN.



Sesi taklimat Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil.1/2013



YB TMDN turut terlibat dalam menjayakan Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil.1/2013

Majlis Taklimat KDN kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional

Majlis Taklimat KDN kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional telah diadakan pada 30 Jun 2013 bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Majlis taklimat yang dihadiri seramai 200 orang ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri. Taklimat yang disampaikan adalah isu-isu berkaitan PDRM, pendaftaran dan imigresen.

Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil.2/2013

Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil.2/2013 telah diadakan pada 12 dan 13 September 2013 bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, KDN. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyediakan jawapan bagi pertanyaan Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Ke-13 yang berlangsung mulai 23 September hingga 3 Oktober 2013. Bengkel ini telah dihadiri oleh 90 orang peserta yang merupakan pegawai penyelaras dari Jabatan/Agensi/Bahagian di bawah KDN. Bengkel ini juga turut dihadiri oleh YB Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri.



Bengkel Pengurusan Parlimen Bil.2/2013 turut disertai oleh YB TMDN



Bengkel Pengurusan Dokumen Jemaah Menteri

Bahagian PK telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Dokumen Jemaah Menteri dari 27 hingga 29 September 2013 bertempat di Holiday Villa Resort, Cherating, Pahang. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan pengurusan dokumen jemaah menteri yang meliputi panduan penyediaan kertas jemaah menteri berkualiti dan juga maklum balas jemaah menteri. Bengkel ini telah dihadiri oleh 40 orang peserta dari Bahagian/Jabatan/ Agensi di bawah KDN. Taklimat telah disampaikan oleh penceramah dari JPM.



Peserta memberikan tumpuan ke atas ceramah yang disampaikan



Peserta Bengkel Pengurusan Dokumen Jemaah Menteri

Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil.3/2013

Bengkel Pengurusan Parlimen KDN Bil.3/2013 telah diadakan dari 9 hingga 11 Oktober 2013 bertempat di Dewan Gemilang, KDN. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyediakan

jawapan bagi pertanyaan Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Parlimen Ke-13 yang berlangsung mulai 21 Oktober hingga 5 Disember 2013. Bengkel ini telah dihadiri oleh 90 orang peserta yang merupakan pegawai penyelaras dari Jabatan/Agensi/ Bahagian di bawah KDN.



Sesi taklimat bengkel

Perhimpunan Agung UMNO

Perhimpunan Agung UMNO bagi tahun 2013 telah diadakan dari 3 hingga 7 Disember 2013 bertempat di PWTC, Kuala Lumpur. Bahagian Parlimen dan Kabinet (PK) telah dipertanggungjawabkan sebagai urus setia KDN bagi persidangan ini. Kelazimannya sepanjang persidangan ini, Kementerian perlu mengikuti perbahasan dalam perhimpunan tersebut dan seterusnya memaklumkan kepada pejabat YB MDN perkara-perkara yang dibangkitkan berhubung dengan KDN.



Pegawai Bertugas sedang membuat catatan persidangan



KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Urusan Parlimen

Bagi tahun 2013 secara purata Bahagian PK telah mencapai 99.7% bagi pematuhan kepada objektif kualiti ISO Bahagian iaitu 'Memastikan sekurang-kurangnya 95% jawapan-jawapan Parlimen dikemukakan kepada YB MDN dan YB TMDN selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum soalan berkenaan dijawab di Parlimen'.

Urusan Jemaah Menteri

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2013 Bahagian PK telah mengurus dan menyelaras urusan jemaah menteri seperti berikut:

- i) Menguruskan dan memantau penyediaan 209 ulasan Memorandum Jemaah Menteri dari kementerian-kementerian lain;

MESYUARAT	DEWAN RAKYAT			DEWAN NEGARA		
	LISAN	BUKAN LISAN	JUMLAH	LISAN	BUKAN LISAN	JUMLAH
MESYUARAT PERTAMA	149	70	219	68	9	77
MESYUARAT KEDUA	207	73	280	68	14	82
MESYUARAT KETIGA	142	68	210	71	4	75
JUMLAH	498	211	709	207	27	234

Jadual 45: Statistik Pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara Bagi Penggal Pertama, Parlimen Ke-13, Tahun 2013



Pegawai Bertugas sedang membuat catatan persidangan



Pegawai Bertugas sedang membuat catatan persidangan

- ii) Menguruskan dan memantau penyediaan 17 Memorandum Jemaah Menteri daripada Menteri Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri oleh semua bahagian di Kementerian Dalam Negeri;
- iii) Mengurus dan memantau penyediaan 18 Nota Jemaah Menteri daripada Menteri Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri oleh semua bahagian di Kementerian Dalam Negeri;
- iv) Menguruskan dan menyelia pengurusan bagi 13 kali Mesyuarat Pasca Kabinet KDN;
- v) Menguruskan penyediaan laporan maklumbalas 56 keputusan Mesyuarat-mesyuarat Jemaah Menteri yang memerlukan tindakan segera Kementerian Dalam Negeri;
- vi) Menguruskan penyediaan laporan maklumbalas 37 keputusan Mesyuarat-mesyuarat Jemaah Menteri yang memerlukan tindakan susulan Kementerian Dalam Negeri; dan
- vii) Menyelaraskan pengagihan 403 butir-butir keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang belum disahkan untuk makluman dan



tindakan bahagian/jabatan/agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.

vi) 15 usul bagi Perhimpunan Agung UMNO Tahun 2013.

Urusan Mesyuarat Utama

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2013 Bahagian PK telah mengurus dan menyelaras urusan mesyuarat utama seperti berikut:

- i) Menyelaras 182 maklum balas kepada Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan;
- ii) Menyelaras 3 maklum balas kepada Mesyuarat Majlis Raja-Raja;
- iii) Menyelaras 3 maklum balas kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri;
- iv) Menyelaras 1 maklum balas kepada Mesyuarat Majlis Ekonomi;
- v) Menyelaras 1 maklum balas kepada Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN); dan

Penilaian Star Rating bagi MS ISO 9001:2008 KDN

Bahagian PK mengekalkan pencapaian 5 bintang bagi penilaian Star Rating Tahun 2013 seperti berikut:

Sesi Audit	Markah	Kedudukan	Bintang
Stage 2/2013	95.02%	Ke-6	5 bintang
Stage 3/2013	93.78%	Ke-9	5 bintang

Jadual 46: Pencapaian Bahagian PK bagi Penilaian Star Rating MS ISO 9001:2008 KDN

Penilaian Pelaksanaan Amalan 5S

Bahagian PK mendapat tempat ke-5 dengan markah 97.62% bagi penilaian Pelaksanaan Amalan 5S KDN Stage 2.





Sektor Operasi

Bahagian

Hal Ehwal Imigresen

PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Hal Ehwal Imigresen (IM) berperanan memastikan dasar dan peraturan kemasukan orang asing ke negara ini bersesuaian dengan kepentingan negara di samping memastikan warganegara yang layak tidak dinafikan sebarang kemudahan imigresen. Antara perkhidmatanteras utama Bahagian IM adalah menggubal dasar imigresen dan Pasport, menggubal dasar Permit Masuk serta perkara yang berkaitan dengan sempadan atau lintas batas antara dua negara. Pelaksanaan adalah berteraskan Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan yang berkuatkuasa seperti berikut:

- Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002);
- Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- Akta Pasport 1966 (Akta 150);
- Pekeliling Jabatan Imigresen Malaysia (yang berkaitan); dan
- Perintah Am dan Arahan Pentadbiran

PENCAPAIAN

Semakan Dasar & Perundangan Permit Masuk Dan Pas Residen

Antaranya melibatkan penggubalan Dasar Baru di bawah Kategori Hubungan Kekeluargaan Dengan Warganegara, dan Kategori Sistem Mata. Sementara itu, Kategori Pakar, Profesional dan Pelabur dimansuhkan. Kategori-kategori tersebut disalurkan kepada Pas Residen-Talent dan telah dimasukkan ke dalam draf Pekeliling Pas Resident-Talent dan dijangka bakal dilaksanakan mulai 1 April 2014. Permit Masuk perlu diserahkan semula kepada JIM sebelum JPN mengeluarkan status kewarganegaraan.

- Antara kajian melibatkan Dasar Permit masuk selari dengan Keputusan YB MKDN:

Kajian fungsi Kad Hijau (MyKAS) sebagai medium membezakan di antara Permit Masuk dengan Pemastautin Tetap. MyKas akan berperanan sebagai perakam pergerakan warga asing dan berfungsi sebagai tempoh pemastautinan yang akan dikira dalam pertimbangan taraf Pemastautin Tetap;

Kajian perbandingan pelaksanaan Permit Masuk dan Pemastautin Tetap di United Kingdom, Singapura, Hong Kong, Australia dan Belanda. Ia dijadikan asas kepada perbincangan pembentukan Dasar Permit Masuk; dan

Dasar Pelajar Antarabangsa

Antara aktiviti 2013:

- Urusetia Mesyuarat Kumpulan Kerja Pengurusan dan Pemantauan Pelajar Antarabangsa (KKPPPA) sebanyak 10 kali sepanjang 2013;
- Urusetia Bengkel anjuran bersama *Education Malaysia Global Services* (EMGS) sebanyak 3 kali sepanjang 2013;
- Menyelaras penyediaan garis panduan pengurusan pelajar antarabangsa; dan
- Menyelaras penyediaan pekeliling pengurusan pelajar antarabangsa

Dasar Kemudahan Visa (Iran)

Kemasukan warga Iran masih tanpa visa. Walau bagaimanapun, Keberadaan dipendekkan dari 90 hari ke 14 hari kuatkuasa 1 Oktober 2013.



Passport Polycarbonate

Passport Polycarbonate telah mula dikeluarkan pada Mac 2013. Mekanisme Pemantauan adalah melalui Mesyuarat PEMANDU dan Teknikal Pelaksanaan Pasport Polycarbonate. Kajian bersama JIM dan KDN terhadap prestasi dan tahap kepuasan pelanggan

Rayuan

KDN memperakukan rayuan permohonan pas-pas dan Journey Performed Visa (JP Visa) yang ditolak oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 715 Kertas Perakuan rayuan telah disediakan dan butiran seperti di Jadual 47:

BIL.	PERKARA	PENCAPAIAN (Bilangan Permohonan)
1	Kes rayuan Pegawai Dagang	152
2	Kes rayuan Pembantu Rumah Asing (PRA)	222
3	Kes rayuan lanjutan Pas Lawatan Sosial (PLS)	90
4	Kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa	236
5	Kes rayuan Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK)	15
JUMLAH		715

Jadual 47 : Statistik Penyediaan Kertas Rayuan 2013

Program Khas Pengurusan PATI

Program Khas Pengurusan PATI (PKPP) diwujudkan untuk proses semakan dan pengesahan rekod PATI bermula pada 21 November 2013 dan telah tamat pada 20 Januari 2014. Outcome program ialah pendaftaran seramai 3,951 orang majikan di bawah program ini.

iKad

Fasa I dilaksana pada November 2013. Fasa II dan III melibatkan penambahbaikan kad dan ciri pelbagai guna seperti debit bank dan RFID akan bermula pada 2014. Manakala Fasa II iKad dijadualkan bermula pada 15 Januari 2014 yang mengandungi fungsi RFID.

LAIN-LAIN PENCAPAIAN

Antara pencapaian gemilang bagi aktiviti sokongan dalaman ialah:

Pensijilan 5S

Pengiktirafan Bilik Mesyuarat Terbaik, Bilik Simpanan / Stor Terbaik dan Sudut 5S Terbaik semasa program pengauditan bagi Stage 1 pada 18 – 19 Mac 2013; dan

Sudut 5S Terbaik dan Bilik Mesyuarat terbaik pada Pengauditan 5S bagi Stage 2 yang telah dijalankan pada 8 sehingga 9 Julai 2013. Pengiktirafan Star Rating

Tempat pertama dengan penarafan 5 Bintang (Cemerlang) iaitu dengan markah 97.62% yang telah dijalankan pada 1 hingga 3 Julai 2013

Anugerah Kaunter Terbaik

Anugerah Kaunter Terbaik di *One Stop Centre* (OSC) bagi Bulan Mei dan Jun 2013.

Anugerah Petugas Kaunter Terbaik

Anugerah Petugas Kaunter Terbaik di One Stop Centre (OSC) sebanyak 13 kali.

Juruhebah Saluran Informasi KDN Terbaik

Anugerah Juruhebah Terbaik sebanyak 9 kali bagi tahun 2013.





Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Pengurusan Pekerja Asing

PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Pekerja Asing (PA) diwujudkan pada 1 Ogos 2005 selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKK-PA) ke-33 Bil. 2/2005. Antara fungsi dan tanggungjawab utama adalah:

- 1.1 Menjadi Pusat Kelulusan Setempat (One-Stop Centre) bagi urusan pengambilan pekerja asing oleh majikan;
- 1.2 Mengkaji, merangka dan membantu perihal penggubalan dasar, undang-undang dan peraturan berkaitan pekerja asing;
- 1.3 Melaksanakan proses kawal selia ke atas majikan terus yang menggaji pekerja asing; dan
- 1.4 Memastikan proses kutipan dan pulangan balik bayaran levi dilaksanakan dengan cekap dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

PENCAPAIAN

Pelaksanaan Program Utama dan Pencapaian

Pengendalian Permohonan Pengambilan Pekerja Asing di Pusat Kelulusan Setempat

KDN melalui Bahagian PA merupakan Pusat Kelulusan Setempat yang mengendalikan

permohonan pengambilan pekerja asing oleh majikan dan syarikat outsourcing. Bagaimanapun, pada 20 Mei 2010, Kerajaan memutuskan supaya syarikat outsourcing diuruskan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (AAPS 1981). Sehubungan itu, pada masa ini semua permohonan pengambilan pekerja asing dibuat secara terus oleh pihak majikan. Manakala syarikat outsourcing sedia ada hanya membekal dan menguruskan pekerja asing yang telah diberikan kelulusan sebelum ini. Permohonan yang lengkap akan melalui proses temuduga oleh panel yang terdiri daripada wakil KDN/Agensi Kawal Selia mengikut sektor yang ditetapkan. Semua permohonan lengkap yang diterima di Pusat Kelulusan Setempat diberi keputusan pada hari yang sama.

Keseluruhannya sebanyak 17,154 permohonan pengambilan pekerja asing diproses di mana sebanyak 16,061 permohonan telah diberikan kelulusan melibatkan 375,589 orang pekerja asing. Daripada jumlah tersebut, 11,254 adalah permohonan yang diterima daripada majikan terus, 4,806 merupakan permohonan penggantian pekerja asing dan 1 permohonan yang diterima melalui saluran Fast Track – Unit Dasar.

Statistik keseluruhan permohonan pengambilan pekerja asing di Pusat Kelulusan Setempat bagi bulan Januari – Disember 2013 adalah seperti di Jadual 48:

SEKTOR BULAN	PERKILANGAN			PEMBINAAN			PERLADANGAN		
	LULUS	TOLAK	BIL. PEKERJA	LULUS	TOLAK	BIL. PEKERJA	LULUS	TOLAK	BIL. PEKERJA
JANUARI	650	60	14,937	67	23	5,502	111	4	2,647
FEBRUARI	420	55	9,442	47	16	2,384	98	12	2,316
MAC	718	67	17,631	69	13	7,389	127	1	5,067
APRIL	807	79	19,077	88	2	8,071	99	-	10,999
MEI	722	54	19,267	69	1	8,462	89	-	2,943
JUN	426	44	9,963	57	-	3,156	114	1	15,461
JULAI	538	86	21,207	49	-	5,180	106	-	5,277
OGOS	530	70	17,419	41	-	3,806	88	1	2,775



SEPTEMBER	608	84	15,401	42	1	3,379	108	-	3,678
OKTOBER	621	82	14,452	69	-	4,280	104	1	3,320
NOVEMBER	356	58	10,910	40	-	5,962	61	3	2,381
DISEMBER	332	99	11,370	32	-	3,550	55	8	1,427
JUMLAH	6,728	838	181,076	670	56	61,121	1,160	31	58,291

SEKTOR BULAN	PERTANIAN			PERKHIDMATAN			JUMLAH		
	LULUS	TOLAK	BIL. PEKERJA	LULUS	TOLAK	BIL. PEKERJA	LULUS	TOLAK	BIL. PEKERJA
JANUARI	293	-	3,386	418	6	3,006	1,539	93	29,478
FEBRUARI	142	-	1,740	372	4	4,454	1,079	87	20,336
MAC	146	-	2,352	503	13	4,073	1,563	94	36,512
APRIL	127	-	1,607	854	5	7,218	1,975	86	46,972
MEI	191	-	2,505	667	10	5,318	1,738	65	38,495
JUN	289	-	3,872	656	9	5,423	1,542	54	37,875
JULAI	322	6	4,297	549	8	4,403	1,564	100	40,364
OGOS	158	6	1,754	229	14	1,944	1,046	91	27,698
SEPTEMBER	149	8	1,679	381	21	2,971	1,288	114	27,108
OKTOBER	154	1	1,571	438	23	3,811	1,386	107	27,434
NOVEMBER	73	4	794	128	5	1,914	658	70	21,961
DISEMBER	80	9	772	184	16	4,237	683	132	21,356
JUMLAH	2,124	34	26,329	5,379	134	48,772	16,061	1,093	375,589

Jadual 48 : Statistik Permohonan Pengambilan Pekerja Asing 2013

Kutipan Levi Pekerja Asing Bagi Permohonan Baru

Bayaran levi pekerja asing yang telah diterima sepanjang tahun 2013 adalah berjumlah RM 2,423,003,405.28 sepertimana Jadual 49:

BULAN (2013)	KUTIPAN LEVI (RM)
Januari	24,278,910.00
Februari	26,328,470.00
Mac	44,677,040.00
April	54,691,830.00
Mei	48,605,740.00
Jun	38,067,440.00
Julai	43,329,890.00
Ogos	33,069,270.00
September	32,255,470.00
Oktober	33,676,585.00
November	27,280,020.00
Disember	28,718,590.00
Jumlah	434,979,255.00

Jadual 49 : Jumlah Kutipan Levi Bagi Permohonan Baru Pekerja Asing 2013

Program Khas Pengurusan PATI (PKPP)

KDN bertindak sebagai urusetia bagi Program Khas Pengurusan PATI (PKPP) yang telah dilaksanakan selama tiga (3) bulan sahaja mulai 21 Oktober 2013 sehingga 20 Januari 2014 bertempat di Pusat Kelulusan Setempat, Blok D1 Kompleks D, Putrajaya. Program ini diadakan bertujuan untuk menyelesaikan permohonan majikan yang tidak dapat memutihkan PATI disebabkan penipuan ejen atau orang tengah semasa Program 6P. Program ini hanya melibatkan majikan yang sah sahaja di mana tiada penglibatan agen atau orang tengah dalam menguruskan proses ini. Pelaksanaan program adalah secara Kerajaan kepada Kerajaan (G To G) di mana hanya melibatkan dokumen perjalanan PATI yang telah berdaftar di bawah Program 6P. Pertimbangan kelulusan PKPP adalah sepertimana di bawah Program 6P. Program ini juga, dilaksanakan secara serentak dengan Ops Bersepadu dan tiada lagi



Proses Pendaftaran. Bagi tempoh 21 Oktober 2013 sehingga suku tahun pertama 2014, seramai 18,573 orang PATI telah diluluskan dan dipituhkan di bawah PKPP. Butiran warganegara mengikut sektor adalah seperti Jadual 50:

Lawatan Naziran Ke Atas Majikan dan Syarikat Outsourcing Yang Menggaji Pekerja Asing

Naziran ke atas majikan dan syarikat outsourcing dijalankan bertujuan untuk:

Statistik Program Khas Pengurusan Pati (PKPP)

SEKTOR WARGANEGARA	PEMBINAAN	PERKHIDMATAN	PEMBANTU RUMAH	PENGAWAL KESELAMATAN	PERKILANGAN	PERLADANGAN	PERTANIAN	JUMLAH
BANGLADESH	8,395	1,429	0	0	864	101	288	11,077
INDIA	33	109	0	0	6	10	36	194
INDONESIA	2,956	1,167	0	0	251	609	610	5,593
THAILAND	0	1	0	0	0	0	1	2
VIETNAM	21	26	0	0	16	2	1	66
FILIPINA	11	18	0	0	0	0	0	29
MYANMAR	269	502	0	0	380	21	109	1,281
NEPAL	21	41	0	0	70	3	12	147
SRI LANKA	6	10	0	0	13	1	5	35
CAMBODIA	4	12	0	0	9	4	0	29
PAKISTAN	43	46	0	0	15	3	13	120
CHINA	0	0	0	0	0	0	0	0
LAOS	0	0	0	0	0	0	0	0
UZBEKISTAN	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	11,759	3,361	0	0	1,624	754	1,075	18,573

Jadual 50 : Butiran warganegara mengikut sektor

Kutipan Levi Pekerja Asing Bagi PKPP

Bayaran levi bagi permohonan pengambilan pekerja asing secara sah melalui PKPP yang telah diterima bagi tempoh 21 Oktober 2013 sehingga 14 Mac 2014 adalah sebanyak RM 19,171,180.00 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 51:

SEKTOR	KUTIPAN LEVI (RM)
Pembinaan	13,616,250.00
Perkhidmatan	5,973,650.00
Perkilangan	1,997,500.00
Perladangan	420,080.00
Pertanian	410,000.00
Jumlah	22,417,480.00

Jadual 51: Jumlah Kutipan Levi Tahun Pertama Bagi Permohonan Pekerja Asing Melalui PKPP Mengikut Sektor

- Memastikan majikan dan syarikat outsourcing yang menggaji pekerja asing sentiasa mematuhi syarat-syarat dan peraturan semasa penggajian pekerja asing;
- Memastikan kesahihan permohonan dan membuat siasatan terhadap aduan yang diterima;

Sehingga 23 Oktober 2013, sebanyak 429 lawatan naziran telah dijalankan oleh Bahagian PA ke atas majikan, syarikat outsourcing, permohonan meragukan dan aduan daripada orang awam. Lawatan naziran telah ditangguhkan buat sementara waktu bermula pada 23 Oktober 2013 bagi memberi tumpuan kepada pelaksanaan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP).



Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) Kali Ke-10 Bil. 1/2013

Mesyuarat JKKPA-PATI Kali Ke-10 Bil. 1/2013 telah diadakan pada 1 Julai 2013 bertempat di Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2, Aras 2, Bangunan Utama Parlimen Malaysia, dipengerusikan oleh YAB. Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Fokus utama mesyuarat ini adalah bagi membincangkan mengenai dasar penggajian pekerja asing susulan daripada pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012 mengenai tempoh percubaan tidak terpakai kepada pekerja asing, pelaksanaan memorandum persefahaman mengenai pekerja domestik Indonesia di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia 2011 dan cadangan pembukaan pengambilan pekerja asing bagi sektor Perkhidmatan Pelancongan (taman Tema).

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) Khas Mengenai Cadangan Pelaksanaan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP) dan Pelaksanaan Pilot Kad Pekerja Asing Bewarna Mengikut Sektor Pekerjaan (iKad)

Mesyuarat ini telah diadakan pada 2 Oktober 2013 bertempat di Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2, Aras 2, Bangunan Utama Parlimen dan dipengerusikan oleh YAB. Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Mesyuarat Khas ini diadakan khusus bagi membincangkan cadangan pelaksanaan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP) dan pelaksanaan pilot kad pekerja asing bewarna mengikut sektor pekerjaan (iKad).





Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan

Sukarelawan Malaysia

PENGENALAN

Dalam tahun 2013, Jabatan Sukarelawan Malaysia yang menerajui kempen kesukarelawanan di kalangan rakyat Malaysia secara keseluruhannya telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam usaha menarik lebih ramai golongan muda khususnya menyertai RELA. Usaha ini digembleng selaras dengan seruan dan kehendak pemimpin negara khususnya Menteri Dalam Negeri yang mahukan agar lebih ramai golongan muda terlibat dengan aktiviti sukarela.

Tahun 2013 juga menyaksikan RELA telah melalui pelbagai transformasi yang membanggakan, di mana kemuncaknya ialah pengumuman oleh YB. Menteri Dalam Negeri mengenai naik taraf RELA sebagai sebuah Jabatan Persekutuan.

PENCAPAIAN

Proklamasi RELA Sebagai Sebuah Jabatan Persekutuan

Pada 28 Ogos 2013, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan naik taraf RELA sebagai sebuah Jabatan Persekutuan. RELA yang sebelumnya disebut sebagai Pasukan Sukarelawan Malaysia, merupakan salah satu bahagian di dalam KDN, kini dikenali sebagai JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA). Pengumuman tersebut telah dibuat oleh YB Menteri Dalam Negeri ketika melancarkan Program Semarak Jalur Gemilang @relamalaysia di Dataran Kompleks D, Putrajaya.



Gelaran Dan Insignia Baru Pangkat

PAKAIAN KEPALA, GORGET, LENCANA INTEGRITI, TALI PINGGANG DAN TONGKAT MENGIKUT PANGKAT	
PEGAWAI RELA	
Ketua Pesuruhjaya RELA (KPR) Chief Commissioner of RELA (CCR)	
Timbalan Ketua Pesuruhjaya RELA (TKPR) Deputy Chief Commissioner of RELA (DCCR)	
Pesuruhjaya RELA (PR) Commissioner of RELA (CCR)	
Timbalan Pesuruhjaya RELA (TPR) Deputy Commissioner of RELA (DCR)	
Pendolong Pesuruhjaya Kanan RELA (PPKR) Senior Assistant Commissioner of RELA (SACR)	
Pendolong Pesuruhjaya RELA (PPR) Assistant Commissioner of RELA (ACR)	
Pengusaha RELA (Pgr) Superintendent of RELA (SR)	
ANGGOTA RELA	
Timbalan Pengusaha Kanan RELA (TPgKR) Senior Deputy Superintendent of RELA (SDSR)	
Timbalan Pengusaha RELA (TPgr) Deputy Superintendent of RELA (DSR)	
Pendolong Pengusaha Kanan RELA (PPgKR) Senior Assistant Superintendent of RELA (SASR)	
Pendolong Pengusaha RELA (PPgr) Assistant Superintendent 1 of RELA (ASR 1)	
Pendolong Pengusaha RELA 2 (PPgr 2) Assistant Superintendent 2 of RELA (ASR 2)	
Pegawai RELA Tinggi 1 (PRT 1) Superior Officer 1 of RELA (SpOR 1)	
Pegawai RELA Tinggi 2 (PRT 2) Superior Officer 2 of RELA (SpOR 2)	
Pegawai RELA Kanan 1 (PRK 1) Senior Officer 1 of RELA (SOA 1)	
Pegawai RELA Kanan 2 (PRK 2) Senior Officer 2 of RELA (SOA 2)	
Anggota RELA Biasa (ARB) Ordinary RELA Member (ORM)	

Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 telah berkuatkuasa pada 22 Jun 2012 bagi menggantikan Akta (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1964 Peraturan-Peraturan Perlu (Iktan Relawan Malaysia) yang telah dimansuhkan oleh Parlimen. Seksyen 22 (1) Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 yang menerangkan berkaitan penggunaan gelaran dan pangkat



yang digunapakai oleh pegawai serta anggota RELA telah dibuat pindaan berikutan terdapat bantahan daripada bekas pegawai angkatan tentera. Hal ini berlaku kerana gelaran dan lencana baru pangkat tersebut sama dengan pangkat yang digunakan oleh Tentera Darat Diraja Malaysia. Beberapa sesi Mesyuarat Penyelaras bagi membincangkan gelaran dan lencana baru pangkat telah diadakan bersama badan beruniform lain, antaranya Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia dan Bahagian Adat Istiadat Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan mendapatkan persetujuan semua pihak. Perintah Pasukan Sukarelawan Malaysia (Pindaan Jadual) 2013 telah diwartakan pada 18 September 2013 dan berkuat kuasa 22 September 2013.

Arahan Tetap Ketua Pengarah Dan Surat Pekeliling

Pada tahun 2013, sebanyak enam (6) Arahan Tetap Ketua Pengarah (ATKP) dan dua (2) Surat Pekeliling telah dikeluarkan bagi tujuan kawalan, tugas dan latihan am pegawai dan anggota RELA. ATKP dan Surat Pekeliling yang dikeluarkan adalah seperti berikut :

Arahan Tetap Ketua Pengarah (ATKP)

- i. Garis Panduan Prosedur Penyiasatan Salah laku Anggota Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA);
- ii. Pemakaian Tongkat Pegawai;
- iii. Persiapan dan Pelaksanaan Crisis Management Team (CMT) RELA Sebelum, Semasa dan Selepas Pilihan Raya Umum;
- iv. Pindaan Arahan Tetap Ketua Pengarah Bil.2/2013 - Pemakaian Tongkat Pegawai;
- v. Peraturan Pentadbiran Bagi Perkhidmatan Anggota RELA Pentadbiran (ARP); dan
- vi. Pemakaian Gelaran dan Lambang Lencana (Insignia) Baru Pangkat Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Surat Pekeliling

- i. Arahan Meletakkan Jawatan Ketua Perhubungan RELA Kawasan (KPRK) dan Ketua Platun RELA (KPR) Bagi Semua Isteri/ Suami Kepada Mana-mana Pegawai RELA Daerah (PRD), Timbalan Pegawai RELA Daerah (TPRD) dan Penolong Pegawai RELA Daerah (PPRD); dan
- ii. Arahan Larangan Pemakaian Pakaian Seragam RELA Jenis Istiadat, Mess Kit, Bush Jacket dan Pakaian Kerja (Walking Out) Bagi Ketua Perhubungan RELA Kawasan (KPRK) dan Ketua Platun RELA (KPR).

Bengkel Perancangan Strategik

Pada 28 November 2013 hingga 1 Disember 2013, Bengkel Perancangan Strategik RELA 2014 telah dilaksanakan di Arwana Inn, Tok Bali, Pasir Putih, Kelantan yang melibatkan Pengurusan Tertinggi RELA, Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah RELA Negeri, Komandan-komandan Pusat Latihan RELA dan Pegawai-pegawai Rela Daerah. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk membincangkan hala tuju 2014 meliputi perkara-perkara berikut :

- i. Perancangan aktiviti-aktiviti Jabatan yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2014;
- ii. Peruntukan kewangan;
- iii. Pemansuhan dan pemurnian Arahan Tetap Ketua Pengarah;



- iv. Cadangan latihan kepada Pegawai RELA dan anggota RELA;
- v. Peranan Dan Keberkesanan SMR Dalam United Against Crime (UAC);
- vi. Insurans Kelompok;
- vii. Sistem MyRELA;
- viii. Pewujudan Unit ICT Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA);
- ix. Latihan untuk Ketua Skwad Muda RELA (SMR) seluruh negeri;
- x. RELASIS; dan
- xi. Bayaran Elaun Penugasan Oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 IPRM 2013

Bagi melaksanakan Dasar Kualiti KDN yang sentiasa beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan cemerlang bagi memenuhi keperluan pelanggan, bermula tahun 2010 Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) telah menyahut cabaran dengan menyertai pensijilan MS ISO 9001:2008 KDN. Sebanyak empat (4) PK(O) KDN RELA telah dilaksanakan.

Dua (2) PK(O) yang digugurkan telah dibuat pindaan mengikut prosedur yang ditetapkan dan turut dilaporkan pencapaian objektif kualiti bagi tahun 2013 seperti di Jadual 52:

PROSUDER KERJA(OPERASI)	JUMLAH	PENCAPAIAN (%)
PK(O)KDN.RELA. 01 (baru) Prosedur Pengurusan Penganugerahan Pangkat Kehormat	11	100
PK(O)KDN. RELA.02 Prosedur Pengurusan Anggota RELA	12132	173
PK(O)KDN.RELA.03 Prosedur Operasi Pengurusan Perlesenan Senjata Api dan Pengagihan Peluru Bagi Anggota RELA	325	100

Jadual 52 : Prestasi Pelaksanaan SPK MS ISO 9001:2008

PEMANTAUAN BERTERUSAN

Urus Setia MS ISO 9001:2008 IPRM sentiasa memastikan 10 garis panduan dipantau secara berterusan agar maklumat penting tersebut dapat diselenggarakan secara sistematik dan mengambilkira moto "RELA Ke Arah Zero NCR"

PENGHARGAAN

Hasil Pengauditan Objektif Kualiti MS ISO 9001:2008 yang dijalankan di Ibu Pejabat RELA Malaysia pada tahun 2013, RELA telah berjaya mendapat "Five Star" bagi Pengauditan Stage 3 dan "Four Star" bagi Pengauditan Stage 4. Manakala bagi penyediaan Laporan Terbaik Juruaudit MS ISO 9001:2008 bagi Stage 1 hingga Stage 4, telah dianugerahkan sebanyak dua (2) kali kepada Puan Farah Sasha Rajahdin dan Cik Rohani Abdul Ghani.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR2020





Crisis Management Team

Satu produk baru telah dilancarkan oleh RELA Malaysia pada 10 April 2013 iaitu platon *Crisis Management Team* (CMT). Platon CMT ditubuhkan di semua 156 daerah seluruh negara dengan keanggotaan seramai 50 anggota satu platon yang terdiri daripada anggota berumur 18 hingga 45 tahun. Platon CMT ini ditubuhkan bertujuan membantu ketika negara menghadapi krisis dan bencana.

Selaras dengan penubuhan CMT, RELA telah mengambil langkah mengemaskini semua modul dan silibus latihan termasuklah merekabentuk modul Kursus Asas CMT RELA untuk dilaksanakan pada tahun 2014 di semua Pusat Latihan RELA Wilayah. Latihan intensif diberi tumpuan untuk mendedahkan anggota-anggota CMT ini dengan kepakaran pelbagai bidang bagi menyediakan mereka untuk bersiap siaga semasa krisis dan bencana melanda.

Sistem Pengurusan Aset

Bagi melaksanakan sepenuhnya Sistem Pengurusan Aset (SPA) di RELA, Jabatan Sukarelawan Malaysia telah menghantar wakil untuk menghadiri Bengkel Peluasan Sistem Pengurusan Aset (SPA) KDN Bagi Zon Tengah pada 22 hingga 24 Oktober 2012. Lanjutan daripada itu, RELA telah mengambil inisiatif melaksanakan sebanyak tujuh (7) siri Bengkel SPA yang melibatkan semua Pegawai RELA Daerah dan Negeri dari 30 Januari hingga 28 Februari 2013. Langkah tersebut diambil bagi memastikan pelaksanaan sepenuhnya SPA di semua Pejabat RELA seluruh negara.

Sasaran penggunaan Sistem SPA sepenuhnya telah ditetapkan pada 31 Ogos 2013. Bagi tujuan itu, Bengkel Pemantapan Penggunaan Sistem Pengurusan Aset (SPA) telah diadakan dari 15 hingga 31 Julai 2013 dan melibatkan semua Pegawai Aset, Pegawai Pengesah dan Pegawai Pendaftaran dari Pejabat RELA Negeri dan Pusat Latihan RELA Wilayah. RELA telah berjaya melaksanakan sepenuhnya Sistem SPA pada 28 Ogos 2013 dan dianugerahkan sijil Pencapaian 100% Pelaksanaan Sistem Pengurusan Aset (SPA).

Latihan Pegawai Baru

Seramai 46 orang Pegawai RELA lantikan baru telah melapor diri dan seterusnya menjalani Kursus Asas Pegawai RELA mulai 26 Ogos 2013 hingga 31 Oktober 2013 bertempat di Pusat Latihan RELA Wilayah Selatan, Sungai Udang Melaka dan Ibu Pejabat RELA Malaysia (IPRM) Putrajaya. Seramai 17 orang daripadanya merupakan pegawai Gred KP17 manakala 29 orang lagi terdiri daripada pegawai Gred KP27. Seramai tiga (3) orang pegawai sedang berkhidmat iaitu satu (1) orang Gred KP41, satu (1) orang Gred KP27 dan satu (1) orang Gred KP17 turut menyertai kursus tersebut, menjadikan jumlah keseluruhan peserta kursus seramai 49 orang peserta.

Sepanjang tempoh kursus tersebut, pegawai-pegawai lantikan baru ini telah melalui pelbagai bentuk disiplin termasuklah team building, aktiviti luar, aktiviti fizikal, pengisian rohani, ceramah, perkongsian pengalaman, LDK, aktiviti kemasyarakatan dan Program Transformasi Minda (PTM). Mereka juga didedahkan dengan fungsi serta tugas-tugas setiap Bahagian di Ibu Pejabat RELA Malaysia. Setelah tamat kursus dan latihan, semua pegawai lantikan baru ini telah diberikan penempatan masing-masing di Majlis Pemakaian Pangkat dan Penyerahan Surat Penempatan yang diadakan di Dewan Gemilang.





Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Bahagian

Pendaftaran Negara & Pertubuhan

PENGENALAN

KDN melalui Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan (PP) telah dipertanggungjawabkan secara langsung untuk memproses beberapa kategori permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan dan memproses rayuan mana-mana pertubuhan untuk didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Dalam usaha mendokong fungsi-fungsi tersebut, pelbagai usaha dilaksanakan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan antaranya adalah mengemaskini tafsiran undang-undang yang berkaitan dengan kewarganegaraan dalam Perlembagaan Persekutuan agar taraf kewarganegaraan hanya diberikan kepada individu yang benar-benar layak.

KDN sentiasa menambahbaik *Standard Operating Procedure* (SOP) antaranya dengan mengadakan bengkel penyelarasan undang-undang. Hasil bengkel dijadikan sebagai garis panduan dan dokumen kawalan dalaman untuk rujukan dalam memproses permohonan taraf kewarganegaraan.

PENCAPAIAN

Permohonan Taraf Kewarganegaraan Malaysia

Perkhidmatan pemprosesan permohonan taraf kewarganegaraan dalam tempoh satu (1) tahun

ditetapkan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri Dalam Negeri. Perkhidmatan ini meliputi pemprosesan permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15A, Perkara 15 (2), Perkara 19 (1) dan Perkara 30 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2013, KDN berjaya menyelesaikan sepenuhnya (100%) permohonan Taraf Kewarganegaraan Malaysia bagi tahun 2012 yang diterima daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) iaitu sebanyak 16,232 fail.

Permohonan Rayuan Kes-kes Pertubuhan

KDN bertanggungjawab untuk memproses rayuan pendaftaran pertubuhan yang antaranya terdiri daripada beberapa kategori rayuan seperti:

- i. Pembatalan Pendaftaran Pertubuhan;
- ii. Pembubaran Sementara Pertubuhan;
- iii. Penolakan Pendaftaran Baru; dan
- iv. Penolakan Permohonan Pindaan Undang-undang.

Sehingga akhir Disember 2013, sebanyak 119 kes rayuan pertubuhan telah diproses. Statistik berdasarkan kategori rayuan adalah seperti Jadual 53:

Bil.	Kategori Rayuan	Jumlah Rayuan Permohonan Pendaftaran Pertubuhan Yang Diterima Daripada JPPM
1.	Penolakan Pendaftaran Baru dan Penolakan Pindaan Undang-undang Pertubuhan	22
2.	Pembubaran Sementara	3
3.	Pembatalan	94
Jumlah Keseluruhan		119

Jadual 53 : Statistik Rayuan Permohonan Pendaftaran Pertubuhan Di Malaysia 2013



AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

Taklimat Pengendalian Dokumen-Dokumen Keselamatan Kerajaan

Taklimat Pengendalian Dokumen-dokumen Keselamatan Kerajaan oleh YBrs. Tuan Nik Azlan bin Abas selaku Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri diadakan pada 19 April 2013. Taklimat ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada warga Bahagian PP mengenai peraturan keselamatan, menanam sikap tanggungjawab di dalam mengendalikan dokumen terperingkat Kerajaan di samping memberi kesedaran akan kesan dan risiko keselamatan akibat kecuaihan.

Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah

Sesi Pendengaran Inkuiri bagi Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing (RCI) di Sabah berlangsung pada 14 Januari 2013 hingga 20 September 2013. Prosiding tersebut yang mengambil masa selama 9 bulan menyaksikan seramai 219 orang saksi dipanggil bagi memberi keterangan di Mahkamah Rayuan Kota Kinabalu, Sabah. Sehubungan itu, satu Pasukan Pemantau dan Penyelaras RCI (PPP-RCI), KDN telah dibentuk untuk memantau dan menyelaras isu-isu yang berbangkit sepanjang sesi pendengaran inkuiri tersebut.

Puan Siti Zauyah binti Osman selaku Setiausaha Bahagian PP mengetuai urus setia kepada PPP-RCI, KDN, dan telah menyediakan sebanyak 42 laporan berkala untuk dikemukakan kepada YB Menteri Dalam Negeri melalui Ketua Setiausaha, KDN. Syor-syor serta ulasan PPP-RCI yang diperoleh akan dijadikan sebagai rujukan bagi tujuan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan seterusnya menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

Bengkel Penyelarasan Undang-undang Di Bawah Jadual Kedua Dan Prosedur Perlucutan dan Pengembalian Semula Taraf Kewarganegaraan Malaysia

Bengkel Penyelarasan Undang-undang Di Bawah Jadual Kedua, Bahagian II, Prosedur Perlucutan dan Pengembalian Semula Taraf Kewarganegaraan Malaysia telah diadakan pada 3 hingga 6 Oktober 2013 bertempat di Hatten Hotel, Bandar Hilir, Melaka. Bengkel ini disertai seramai 53 orang yang terdiri daripada Pegawai/Kakitangan meliputi Bahagian PP serta wakil-wakil dari Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan yang lebih intensif kepada peserta terhadap aspek-aspek perundangan yang terlibat dalam pemrosesan permohonan dalam Perlembagaan Persekutuan termasuk tafsiran dan penggunaan tempoh kemastautinan, prosedur perlucutan dan pemberian semula taraf kewarganegaraan serta kaedah pelaksanaannya.

Hasil dari bengkel ini dijadikan garis panduan dan dokumen kawalan dalaman yang diperaku dan dirujuk oleh pegawai yang memproses permohonan Taraf Kewarganegaraan. Di samping itu ia juga memberi nilai integriti dan akauntabiliti serta ciri-ciri keselamatan kepada prosedur kerja sedia ada.



Sesi Perbincangan Penyelarasan Undang-Undang Berkaitan Pemberian Taraf Kewarganegaraan





Wakil JPN dan JIM Bersama Pihak Urus Setia Bengkel

LAIN-LAIN PENCAPAIAN

Penarafan 5 Bintang bagi Pelaksanaan MS ISO 9001:2008

Penilaian Audit Dalam KDN bagi pelaksanaan MS ISO 9001:2008 telah dijalankan sebanyak empat peringkat iaitu Stage 1, Stage 2, Stage 3 dan Stage 4 yang bermula pada bulan Januari 2013 dan penilaian terakhir pada bulan September 2013. Bahagian PP memperoleh penarafan 5 bintang bagi penilaian Stage 3 dan Stage 4 dengan purata markah sebanyak 93 peratus.





Pendaftaran Negara



Jabatan / Agensi

Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan

Polis Diraja Malaysia

PENGENALAN

Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasa yang telah berkhidmat kepada masyarakat sejak ditubuhkan pada 25 Mac 1807 bertanggungjawab untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan negara, ke arah kesejahteraan masyarakat seluruhnya. Peranan dan fungsi PDRM adalah seperti yang digariskan dalam Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967 iaitu:

- i. Memelihara undang-undang dan ketenteraman awam;
- ii. Mengekalkan keamanan dan keselamatan;
- iii. Mencegah dan mengesan jenayah;
- iv. Menangkap dan mendakwa penjenayah; dan
- v. Mengumpulkan risikan keselamatan.

PENCAPAIAN

Pembanterasannya Jenayah

Sepanjang tahun 2013 sebanyak 147,062 kes jenayah indeks telah direkodkan berbanding 153,669 kes pada tahun 2012. Ini menunjukkan penurunan kes jenayah indeks sebanyak 6,607 kes atau 4.3%. Bagi kes jenayah kekerasan, sepanjang tahun 2013 sebanyak 29,375 kes telah dilaporkan berbanding 29,950 kes pada tahun 2012 iaitu penurunan sebanyak 575 kes atau 1.9%. Manakala bagi kes jenayah harta benda pula, sebanyak 117,687 kes direkodkan sepanjang tahun 2013 berbanding 123,719 kes bagi tahun 2012, di mana penurunan sebanyak 6,032 kes (4.9%). Statistik pecahan jenayah indeks tahun 2012/2013 berbanding 2013 adalah seperti di Jadual 1:

JENAYAH INDEKS	PEMBANTERASAN JENAYAH			
	TAHUN (2012)	TAHUN (2013)	PRESTASI (+ / -)	PRESTASI (%)
A. JENAYAH KEKERASAN :				
BUNUH	602	627	25	4.2
ROGOL	2,964	2,718	-246	-8.3
SAMUN BERKAWAN BERS/API	110	98	-12	-10.9
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	16,738	16,647	-91	-0.5
SAMUN BERS/API	17	21	4	23.5
SAMUN TANPA S/API	3,275	3,565	290	8.9
MENCEDERAKAN	6,244	5,699	-545	-8.7
JUMLAH	29,950	29,375	-575	-1.9
B. JENAYAH HARTABENDA :				
CURI	24,299	21,405	-2,894	-11.9
CURI MOTOKAR	16,196	16,733	537	3.3
CURI MOTOSIKAL	51,259	49,133	-2,126	-4.1
CURI VAN / LORI / JENTERA BERAT	4,526	4,981	455	10.1
CURI RAGUT	2,500	2,118	-382	-15.3
C. PECAH RUMAH	24,939	23,317	-1,622	-6.5
JUMLAH	123,719	117,687	-6,032	-4.9
JUMLAH JENAYAH	153,669	147,062	-6,607	-4.3

Jadual 1: Statistik pecahan jenayah indeks 2012 VS 2013



PDRM juga terlibat dalam memerangi jenayah dadah. Sepanjang tahun 2013 Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) berjaya:

- i. Mengesan dan menangkap 33 ketua sindiket pengedaran dadah serta membongkar 34 lokasi makmal haram memproses dadah;
- ii. Merampas pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM402.73 juta;
- iii. Menyita pelbagai jenis harta yang disyaki hasil daripada aktiviti pengedaran dadah berjumlah RM94.96 juta; dan
- iv. Menangkap seramai 175,198 orang atas pelbagai kesalahan jenayah narkotik.

Keseluruhan tangkapan adalah meliputi seramai 175,198 orang dan rampasan dadah adalah 11.32 tan.

Bagi kes-kes yang melibatkan jenayah komersil, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) mencatatkan 4,778 tangkapan daripada 14,112 kes yang disiasat dari Januari hingga Oktober 2013. Pihak JSJK telah membuat pelbagai inisiatif untuk mempertingkatkan lagi kesedaran di kalangan masyarakat mengelakkan mereka menjadi mangsa sindiket.

AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

Sambutan Hari Polis Ke 206

Sambutan Hari Polis ke-206 telah diadakan pada 25 Mac 2013 di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Jalan Semarak, Kuala Lumpur bertemakan 'Komuniti Sejahtera, Komitmen Kami'. Majlis sambutan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak yang turut dihadiri oleh Menteri Dalam Negeri Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein ketika itu dan Mantan Ketua Polis Negara Tan Sri Datuk Seri Utama Hj. Ismail Bin Hj. Omar.



YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak bergambar bersama pejuang Op Daulat semasa Sambutan Hari Polis Ke-206

Pelantikan YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid Bin Abu Bakar sebagai Ketua Polis Negara ke-10

Majlis serah dan terima tugas bagi jawatan Ketua Polis Negara yang ke-10 telah berlangsung pada 16 Mei 2013 bertempat di PULAPOL, Kuala Lumpur. Dalam majlis tersebut, Mantan Ketua Polis Negara YDH Tan Sri Datuk Seri Utama Hj. Ismail bin Hj. Omar telah menyerahkan tugas Ketua Polis Negara kepada timbalannya YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid Bin Abu Bakar; dan disaksikan oleh YBhg. Dato' Alwi Bin Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Keselamatan) KDN.

Pada majlis yang sama turut berlangsung acara menandatangani surat serah dan terima jawatan Timbalan Ketua Polis Negara di antara YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid Bin Abu Bakar dan YDH Datuk Seri Mohd Bakri Bin Mohd Zinin, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, yang dilantik sebagai Timbalan Ketua Polis Negara.



YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar menerima tongkat tanda simbolik sebagai Ketua Polis Negara yang ke-10 daripada Mantan Ketua Polis Negara Tan Sri Datuk Seri Utama Hj. Ismail bin Hj. Omar pada 16 Mei 2013



Penubuhan Jabatan Pencegahan dan Pembanterasannya Jenayah

PDRM mencatat satu sejarah baru dengan penubuhan Jabatan Pencegahan dan Pembanterasannya Jenayah (JPPJ) dan dilancarkan pada 1 Julai 2013 bertempat di Kompleks Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Siput, Perak oleh YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid Bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara. Penubuhan JPPJ diluluskan kerajaan pada 16 Jun 2013 dengan tujuan untuk mengurangkan jenayah melalui sistem pencegahan dan pembanterasannya secara bersepadu di semua peringkat.



YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar menyampaikan watikah pelantikan Pengarah Jabatan Pencegahan dan Pembanterasannya Jenayah (JPPJ) kepada YDH Dato' Wira Ayub bin Haji Yaakob

Kempen 1Aman (United Against Crime) 'Go To Safety Points'

Majlis pelancaran Kempen 1Aman (United Against Crime) 'Go To Safety Point' melibatkan pihak swasta telah dilancarkan pada 18 Mac 2013 dengan tujuh (7) rangkaian kedai serbaneka 7-Eleven dan dua (2) buah cawangan Pos Malaysia Bhd di sekitar Bukit Bintang dipilih sebagai perintis projek. Majlis pelancaran disempurnakan oleh YB Datuk Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri

(TMDN). Kempen ini merupakan engagement kerajaan-swasta dalam mencegah jenayah di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Kempen ini diadakan untuk meningkatkan tahap keselamatan di kawasan bandar dan kawasan perumahan dengan kerjasama pihak swasta, pihak peniaga dan masyarakat. Ini adalah sebahagian usaha PDRM mencegah jenayah dan memberi bantuan awal kepada orang awam menerusi Kempen 1Aman, Pergi Ke Tempat Selamat. Satu lagi pelancaran Kempen 1Aman 'Go To Safety Point' bersama Petron Malaysia telah diadakan pada 14 September 2013 oleh YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid Bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara di perkarangan stesen minyak Petron di Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur.



YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar melancarkan Kempen 1Aman United Against Crime 'Go To Safety Points' bersama Stesen Minyak Petron, Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur

Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik Lima Tahun (PS5T) PDRM 2011 – 2015

Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik Lima Tahun (PS5T) PDRM 2011 – 2015 telah diadakan pada 03-07 Februari 2013 bertempat di Mes Pegawai Kanan, Pasir Hitam Beach Resort, Langkawi, Kedah. Bengkel dirasmikan oleh YDH SAC Dato' Zainal Abidin Bin Kasim, Ketua Urus Setia KPN (Penyelidikan dan Pembangunan) diadakan bertujuan untuk menyemak semula PS5T PDRM 2011 – 2015



bagi memastikan ianya adalah selaras dengan perubahan semasa dan keperluan stakeholders serta pelanggan PDRM. Hasil daripada bengkel ialah pembentuk lima (5) teras strategik iaitu:

- i. Penguatkuasaan undang-undang;
- ii. Keamanan dan keselamatan;
- iii. Pencegahan jenayah;
- iv. Siasatan dan pendakwaan; dan
- v. Pengukuhan organisasi.

isu-isu jenayah seperti jenayah berat, sindiket, gengsterisme, perjudian, pelacuran dan pemerdagangan manusia serta sindiket dadah, pasukan ini mempunyai perjawatan sebanyak 61 orang pegawai, 138 orang anggota dan seorang kakitangan awam diketuai oleh Timbalan Pengarah JSJ (Jenayah Terancang) berpangkat Deputy Commissioner Police (DCP). Pasukan ini juga mempunyai satu pasukan taktikal wanita yang terdiri dari 3 orang pegawai dan 4 orang anggota.



Jadual 2: Kerangka Pelan Strategik Lima Tahun PDRM 2011 – 2015 (Pindaan 2013)

Penubuhan Pasukan Petugas Khas Jenayah Terancang

Pasukan elit taktikal yang dikenali sebagai Pasukan Petugas Khas Jenayah Terancang [(*Special Task Force On Organised Crime - STAFOC*)] bagi menangani dan menguruskan kes-kes jenayah dengan efisien termasuk pembanteras kegiatan dadah telah dilancarkan pada 21 November 2013 dan mula beroperasi sepenuhnya mulai Januari 2014. Pasukan ini akan menguruskan dan menangani operasi yang bersifat pelbagai merangkumi



Pasukan elit taktikal JSJ STAFOC wanita semasa



Program “Engage Housewives In Neighbourhood Safety Through A Specially Designated Female Staff In Each Balai” melalui Peace Lady

Program “Engage Housewives In Neighbourhood Safety Through A Specially Designated Female Staff In Each Balai” melalui Peace Lady (AMANITA) adalah satu inisiatif yang dilaksanakan di bawah NBOS. Pendekatan program adalah ke arah melalui pendekatan menjadikan golongan suri rumah sebagai rakan polis dalam usaha mengurangkan jenayah di setiap daerah di seluruh negara melalui pelantikan seorang pegawai kanan polis wanita bagi menggerak dan menyelaraskan penglibatan wanita. Pelancaran AMANITA telah diadakan di Stesen Minyak Petron, Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur pada 14 September 2013 dan dirasmikan oleh YDH Tan Sri Dato’ Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara.

Keseluruhannya, sepanjang tahun 2013 sebanyak 621 aktiviti AMANITA telah dijalankan di mana 135 aktiviti dilaksanakan di peringkat Bukit Aman dan 486 aktiviti di peringkat kontinjen seluruh Negara. Antara aktiviti AMANITA adalah ceramah, program jahit-menjahit, masak-memasak, senamrobik, sukan, High Profile Policing, membantu mangsa semasa banjir dan melawat mangsa jenayah. Pada tahun 2013 seramai 55,339 orang suri rumah telah mendaftar sebagai ahli AMANITA.



Pelancaran AMANITA PDRM oleh YDH Tan Sri Dato’ Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara

Program Kepolisan Komuniti (Community Policing)

Pencegahan jenayah yang berasaskan community policing atau program polis bersama masyarakat merupakan satu jalinan kerjasama antara PDRM dengan masyarakat. Usaha dalam kepolisan komuniti bertujuan menggalakkan penyertaan yang lebih aktif oleh rakyat untuk bekerjasama dengan pegawai penguatkuasaan undang-undang bagi mengurangkan kejadian jenayah. Pengawasan dan rondaan kejiranan oleh Rukun Tetangga telah membantu meningkatkan keterlihatan rondaan sekaligus menurunkan kadar berlakunya jenayah.

Pendekatan yang diambil dalam pelaksanaan community policing adalah dengan secara lebih holistik di mana program-program yang dirancang adalah lebih menyeluruh dan melibatkan lebih ramai peringkat komuniti. Konsep *Outreach and Engagement* ditekankan selain daripada aspek Volunteerism yang mana telah diwujudkan inisiatif khas bagi tujuan ini di bawah NKRA iaitu *Coordinating Volunteerism Through Community Policing*.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 224,131 aktiviti *community policing* telah dijalankan berbanding dengan 213,180 aktiviti dalam tahun 2012 melibatkan pelbagai program/aktiviti seperti ceramah, dialog, pameran, mesyuarat, PDRM Bersama Pelanggan, lawatan pelajar-pelajar sekolah/IPTA/IPTS dan PDRM Bersama Radio dan Televisyen.



Program Community Policing YDH Pesuruhjaya Polis Sabah bersama penduduk Kg Tanjung Batu Tawau, Sabah pada 30 Ogos 2013





Program Temubual YDH Ketua Polis Kuala Lumpur di Stesen Radio KL fm



Program Community Policing sempena sambutan Thaipusam di perkarangan Kuil Batu Caves, Gombak pada 26 Januari 2013



Program Community Policing PDRM IPD Sik bersama penduduk Felda Teloi Timor, Sik, Kedah pada 24 Disember 2013

Seminar dan Majlis Anugerah Balai League Table (BLT) 2013

Seminar dan Majlis Anugerah Balai League Table (BLT) 2013 telah dilaksanakan pada 10 Disember 2013 bertempat di Kuala Lumpur, dan disempurnakan oleh YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid Bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara. BLT adalah salah satu inisiatif di bawah National Key Result Area (NKRA) GTP 1.0 yang diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2013 bagi memberi pengiktirafan kepada kesemua 753 Balai Polis di seluruh Malaysia ke arah menerapkan satu budaya yang didorong oleh prestasi di PDRM. Setiap balai dinilai berdasarkan kepada kadar jenayah per kapita dan penambahbaikan usaha menangani jenayah. Senarai pemenang BLT tahun 2013 mengikut kategori balai seperti di Jadual 5.

Kedudukan	Kategori A	Kategori B	Kategori C	Kategori D	Kategori E
Juara	Kg Rapat, Ipoh, Perak	Bercham, Ipoh, Perak	Air Bemban, Kulai Jaya, Johor	Pulau Redang, Kuala Terengganu	Wallace Bay, Tawau, Sabah
Tempat Kedua	Wangsa Maju, Sentul, Kuala Lumpur	Satok, Kuching, Sarawak	Pantai Remis, Manjung, Perak	Balingian, Mukah, Sarawak	Pasir Hitam, Taiping, Perak
Tempat Ketiga	Plentong, Seri Alam, Johor	Tanjung Kupang, Nusa Jaya, Johor	Bestari Jaya, Kuala selangor	Stapang, Dalat, Sabah	Kuala Jengai, Dungun, Terengganu

Jadual 3 : Senarai pemenang Jadual Liga Balai (BLT) 2013



KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Ops Daulat – Pencerobohan Di Lahad Datu, Sabah

Insiden pencerobohan di pantai timur Sabah telah bermula pada 9 Februari 2013 apabila sekumpulan penceroboh melebihi 200 orang berpakaian ala tentera dan bersenjata api memasuki perairan negara menggunakan bot pancung dan berkumpul secara berperingkat di Felda Sahabat 17, Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah. Kumpulan penceroboh ini dikenali sebagai Askar Diraja Kesultanan Sulu dari Selatan Filipina. Tujuan mereka adalah untuk menuntut Sabah dikembalikan ke wilayah kesultanan Sulu kerana mereka mendakwa sebelum Sabah diambil oleh British, ia di bawah kerajaan Sulu.

Beberapa siri rundingan telah dilakukan dengan tujuan untuk mengusir penceroboh secara berdiplomasi dan kegagalan mencapai kata sepakat menyebabkan insiden pencerobohan ini telah berlanjutan setelah semua siri rundingan yang dilakukan tidak berjaya. Pada 1 Mac 2013 telah berlaku tragedi berdarah di Kg Tanduo, Lahad Datu di mana pertempuran tercetus antara polis dan sekumpulan kecil kumpulan penceroboh, menyebabkan dua orang anggota polis terkorban serta tiga lagi cedera dan dua belas orang penceroboh bersenjata terbunuh. Pada 2 Mac 2013, bertempat di Kampung Sri Jaya, Siminul, Semporna,

Sabah berlaku pertempuran antara polis dan penceroboh menyebabkan dua belas kematian penceroboh, termasuk enam orang anggota polis. Jumlah anggota pasukan keselamatan yang terkorban adalah 10 orang terdiri daripada lapan (8) anggota PDRM dan dua (2) anggota ATM termasuk 12 anggota yang mengalami kecederaan, tujuh (7) anggota PDRM dan lima orang anggota ATM. Manakala di pihak penceroboh seramai 67 orang terbunuh dan tiga (3) orang cedera.

Dalam usaha menangani krisis pencerobohan ini kerjasama yang erat telah dilakukan oleh PDRM dan ATM demi mempertahankan kedaulatan negara. Kedua-dua pasukan telah bergabung dalam semua aspek termasuklah perancangan operasional. Kolaborasi ATM dan PDRM merupakan satu manifestasi bahawa pasukan keselamatan khususnya kerajaan akan menggunakan apa sahaja bagi menjaga maruah dan kedaulatan negara. Dengan kecekapan pasukan keselamatan seramai 111 orang pengganas berjaya ditangkap dan lapan orang daripadanya telah didakwa di Mahkamah Tinggi Tawau di bawah Seksyen 130 Kanun Keseksan kerana menjadi ahli kumpulan pengganas dan di bawah Seksyen 121 akta yang sama kerana melancarkan perang terhadap Yang Di-Pertuan Agong.

Kesemua lapan (8) pegawai/anggota PDRM yang terkorban diberi kenaikan pangkat secara Medan Posthumous di Majlis Sambutan Hari Polis ke 206 pada 25 Mac 2013.

Bil	Nama	Umur	Tempat Tugas
1.	Sjn Sabarudin Daud	46 tahun	Kem Ulu Kinta, Perak
2.	ASP Zulkifli Mamat	29 tahun	Kem Ulu Kinta, Perak
3.	Supt Ibrahim Lebar	52 tahun	Cawangan Khas Bukit Aman
4.	L/Kpl Mohd Azrul Tukiran	27 tahun	Batalion 14 PGA, Tawau
5.	Sjn Abdul Azis Sakirun,	48 tahun	Batalion 14 PGA, Tawau
6.	Kpl Salam Togiran	42 tahun	Cawangan Pengangkutan, Ibu Pejabat Polis Daerah Tawau.
7.	ASP Michael Padel	36 tahun	Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna
8.	Sjn Baharin Hamid	49 tahun	Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Sabah.





Pegawai dan Anggota PDRM Yang Terkorban Semasa Op. Daulat

Ops Cantas Khas

Operasi Cantas Khas atau Ops Cantas Khas untuk menahan penjenayah dan anggota kongsi gelap telah dilancarkan pada 17 Ogos 2013 melalui pendekatan Total Enforcement. Pendekatan ini sangat berkesan di mana kadar jenayah indeks telah menunjukkan penurunan yang agak signifikan terutamanya bagi kes-kes jenayah kekerasan seperti bunuh dan cubaan bunuh menggunakan senjata api.

PDRM sehingga 28 Disember 2013, telah memeriksa sebanyak 1.35 juta individu dalam Op Cantas Khas bagi membendung aktiviti jenayah yang mengancam keselamatan negara. Daripada jumlah itu sebanyak 43,733 individu yang terlibat dalam pelbagai kesalahan telah ditahan. Kejayaan paling ketara Op Cantas

Khas adalah penurunan kadar jenayah terutama kes melibatkan jenayah kekerasan. Antara rekod pencapaian Op Cantas Khas ialah:

- i. Kadar jenayah indeks telah menurun sebanyak 6.16%,
- ii. Kes jenayah kekerasan mencatatkan penurunan sebanyak 10.93% berbanding tempoh yang sama sebelum pelancaran Op Cantas Khas.
- iii. Pengurangan kadar jenayah harta benda sebanyak 4.47% bagi tempoh yang sama sebelum pelancaran Op Cantas Khas.

Butiran perbandingan jenayah indeks sebelum dan semasa pelaksanaan Op Cantas Khas dari 17 Ogos hingga 31 Disember 2013 adalah seperti di Jadual 6.

KATEGORI JENAYAH	02/04/13 – 16/08/13 (SEBELUM)	17/08/13 – 31/12/13 (SEMASA)	PERBEZAAN KES	PERATUSAN %
Jenayah Kekerasan	15,942	14,200	-1,742	-10.93
Jenayah Harta Benda	45,025	43,013	-2,012	-4.47
Jumlah Jenayah Indeks	60,967	57,213	-3,754	-6.16

Jadual 4 : Perbandingan jenayah indeks sebelum dan semasa pelaksanaan Ops Cantas Khas



Kes Jenayah Berprofil Tinggi

PDRM telah mencatat kejayaan menyaksikan banyak kes berprofil tinggi dan kompleks. Antaranya:

Kes Bunuh Pengasas AmBank

Pada 29 Julai 2013, pengasas AmBank, Hussain Ahmad Najadi, 75, bersama isterinya telah ditembak semasa keluar dari Tokong Cina Kuan Yin di Jalan Ceylon, Kuala Lumpur. Hussain meninggal dunia di tempat kejadian manakala isterinya cedera parah. Susulan itu, pada 22 September 2013, suspek utama kes berkenaan telah ditahan bersama-sama dua rakannya dalam serbuan di sebuah rumah di Taiping, Perak, dan pada 3 Oktober 2013, suspek penarik kereta Koong Swee Kwan, 44, dihadapkan di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur atas tuduhan membunuh mangsa dan cubaan membunuh isteri mangsa di bawah Seksyen 302 dan 307 Kanun Keseksaan dan Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.



Unit Forensik PDRM sedang menjalankan siasatan di tempat kejadian

Kes Bunuh Pegawai AmBank Dan Rompak AmBank

Pada 23 Oktober 2013, seorang pegawai operasi AmBank Norazita Abu Talib, 37, maut ditembak di muka oleh seorang Pengawal Keselamatan cawangan bank itu di Subang Jaya, Selangor ketika sedang memasukkan

sejumlah wang ke dalam peti besi dalam bilik kebal. Mangsa mati ditempat kejadian. Suspek turut melarikan wang tunai RM450,000.00. pada 11 November 2013 iaitu 20 hari selepas insiden itu, PDRM berjaya menyelesaikan kes berkenaan dengan suspek utama kes diberkas di Kampung Belungkor, Kota Tinggi, Johor dan masih memburu rakan suspek yang dikenali sebagai 'Joemar'. Pada 18 November 2013, suspek Laode Ardina Laude Rasila, 35, warga Indonesia telah didakwa di mahkamah atas dua (2) pertuduhan membunuh dan merompak di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan Seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971



Suspek kes rompakan dan bunuh pegawai AmBank Subang Jaya dikawal ketat oleh anggota polis ketika keluar dari Mahkamah Petaling Jaya selepas ditahan di Kota Tinggi pada 11 November 2013

Kes Bunuh Ketua Penolong Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)

Pada 10 November 2013, Ketua Penolong Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Ahmad Rafeli Bin Ab Malek, 49, telah ditembak di hadapan rumahnya di Indera Mahkota 2, Kuantan, Pahang berkaitan dengan kes ajaran sesat 'Tuhan Harun'. Pada 20 November 2013, polis berjaya menahan ketua kumpulan ajaran sesat itu, Harun Mat Saat dan dua pengikutnya di Tangkak, Johor. Susulan itu polis berjaya menahan 10 orang pengikut 'Tuhan Harun' dalam beberapa siri tangkapan di seluruh negara. Pada 16 Disember 2013, seorang pengikut ajaran sesat 'Tuhan Harun', Sumustapha Suradi, 39, dihadapkan ke



Mahkamah Majistret Kuantan atas tuduhan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. Manakala ketua ajaran sesat, Harun Mat Saat, 47, bersama isteri ketiganya, Azida Mohd Zol, 30, dan pengikutnya, Shaizral Eddie Nizam Shaari didakwa mengikut Seksyen 120B(1) Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama kerana melakukan konspirasi jenayah berkenaan.



Ketua kumpulan ajaran sesat 'Tuhan Harun', Harun Mat Saat (tengah) dan beberapa pengikutnya dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kuantan pada 16 Disember 2013

National Key Performance Indicator (NKPI) Bagi NKRA Mengurangkan Jenayah – GTP 2.0

Sejak Pelan Transformasi Kerajaan atau Government Transformation Plan (GTP 1.0) diperkenalkan pada tahun 2009 dan kemudian dilanjutkan ke fasa kedua GTP 2.0 pada tahun 2013, Bidang Keberhasilan Utama Negara atau National Key result Areas (NKRA) bagi NKRA mengurangkan jenayah bukan sahaja telah melakarkan banyak kejayaan, tetapi turut mempamerkan kejayaan yang ketara yang banyak membuah hasil yang positif. Bagi tahun 2013, PDRM telah berjaya mencatatkan penurunan jenayah indeks sebanyak 4.3% hampir mencapai sasaran penurunan 5% yang ditetapkan, begitu juga jenayah pecah rumah yang mencatatkan penurunan sebanyak 6.5% dicapai melebihi sasaran penurunan 5% yang ditetapkan. Manakala pertuduhan kertas siasatan JSJ, JSJN dan JSJK telah mencatatkan peningkatan sebanyak 38.2% melebihi sasaran 30% yang ditetapkan. Metrik pencapaian Penunjuk Prestasi Utama Negara NKPI 2013 bagi NKRA mengurangkan jenayah adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 7:

Bil	NKPI	Sasaran	Pencapaian	Catatan
1.	Penurunan Jenayah Indeks yang dilaporkan.	5%	4.3%	Penurunan sebanyak 6,607 kes atau 4.3% daripada 153,669 kes (2012) kepada 147,062 kes (2013)
2.	Penurunan Jenayah Pecah Rumah yang dilaporkan.	5%	6.5%	Penurunan sebanyak 1,622 kes atau 6.5% daripada 24,939 kes (2012) kepada 23,317 kes (2013)
3.	Meningkatkan Indeks Persepsi Keselamatan.	N.A	47.2%	Bermula 2013 kajian dijalankan oleh Frost & Sullivan dan USM
4.	Meningkatkan kadar pertuduhan.	30%	38.2%	JSJ: 33.9% JSJK: 21.6% JSJN: 48.3%
5.	Meningkatkan tahap kepuasan masyarakat terhadap prestasi PDRM.	75%	85.7%	65.7% (OKT. 2012) 85.7% (OKT. 2013)

Jadual 5 : Hasil NKPI 2013 bagi NKRA Mengurangkan Jenayah



Kejayaan PDRM Membanteras Penyeludupan Dadah

Sepanjang tahun 2013 terdapat beberapa kejayaan besar yang dicapai oleh PDRM membanteras penyeludupan dadah masuk atau keluar dari Malaysia. Antaranya ialah tangkapan seramai 58 orang kurier/keldai dadah menggunakan lapangan terbang antarabangsa dan domestik. Pecahan tangkapan keldai dadah mengikut lapangan terbang adalah seperti di Jadual 8.

LAPANGAN TERBANG	TANGKAPAN
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur	32
Terminal Penerbangan Tambang Murah Kuala Lumpur	11
Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu	1
Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	4
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching	3
Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang	3
Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kelantan	1
Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Terengganu	1
Lapangan Terbang Sibul, Sarawak	2
JUMLAH	58

Jadual 6 : Tangkapan Kurier/Keldai Dadah Di Lapangan Terbang Antarabangsa Dan Domestik Tahun 2013

Inisiatif menumpaskan sindiket pengedaran dadah antaranya melibatkan Sembilan (9) kejayaan besar berikut:

- 26 Januari 2013: JSJN Bukit Aman menangkap 3 orang warga Mongolia dan 8 orang warga Nigeria serta merampas dadah heroin yang bernilai RM3.024 juta.
- 5 Februari 2013: JSJN Bukit Aman dengan hasil kerjasama Narcotics Bureau Hong Kong berjaya menangkap 10 orang warga tempatan dan 3 orang warga Hong Kong di Sabah dan merampas dadah syabu dan serbuk disyaki dadah yang dianggarkan bernilai RM15 juta serta membongkar sebuah makmal haram memproses dadah.
- 26 Mac 2013: JSJN IPK Sarawak menangkap 2 orang warga tempatan di kawasan Kota Samarahan, Sarawak dan berjaya merampas dadah ketamin, pil erimin 5 dan pil ekstasi yang dianggarkan bernilai RM0.23 juta.
- 14 Mei 2013: Cawangan Trafik IPK Kedah telah menahan sebuah kereta sewaktu mengadakan rondaan di Lebuhraya Utara Selatan dan hasil pemeriksaan telah menemui dadah syabu yang bernilai RM5.7 juta.
- 16 Julai 2013: JSJN Bukit Aman menumpaskan sindiket pengedaran dadah di Johor dengan tertangkapnya 5 orang warga tempatan dan seorang warga China serta merampas pelbagai jenis dadah yang dianggarkan bernilai RM33 juta serta membongkar makmal haram memproses dadah.
- 17 Julai 2013: Unit Pencegah Penyeludupan Bukit Kayu Hitam telah menangkap seorang warga tempatan kerana menyeludup masuk 98 ketulan mampat dadah ganja dalam ruangan khas kenderaan yang telah diubah suai bernilai RM0.13 juta.
- 20 Julai 2013: JSJN Bukit Aman berjaya menumpaskan sindiket pengedaran dadah



Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor pada 03 April 2013, manakala di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak pada 26 Disember 2013. Hasil penilaian tersebut, IP Bukit Aman, IPK Kuala Lumpur dan IPK Selangor telah berjaya memperoleh pensijilan bagi tempoh setahun bermula 03 April 2013 hingga 02 April 2014. Kejayaan pensijilan ini menepati sasaran Pelan Pengurusan Inovasi PDRM 2012 – 2015 yang menyasarkan (4) lokasi Pelaksanaan QEMS/5S untuk Pensijilan bagi tahun 2013.



Sijil 5S yang telah diperolehi oleh IP Bukit Aman dan IPK Kuala Lumpur bagi tempoh setahun bermula 03 April 2013 hingga 02 April 2014

Sambutan Hari Inovasi

Sambutan Hari Inovasi PDRM Tahun 2013 telah diadakan pada 25 Jun 2013 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ibrahim, Sungai Petani, Kedah dengan bertemakan 'Inovasi Pemangkin Keselamatan dan Kesejahteraan Masyarakat'. Majlis perasmian

disempurnakan oleh YDH DIG Datuk Seri Mohd Bakri bin Mohd Zinin, Timbalan Ketua Polis Negara. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti Konvensyen KIK, pelancaran Program Pencegahan Jenayah dan Pemantauan Tingkah Laku Pelajar (SPPTP), aktiviti pertunjukan (Payung Terjun Kom 69, Pancaragam SMK Sultan Asma, Kawad Kaki Kadet Sekolah, pameran dan Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah acara sambutan Hari Inovasi 2013. Pelaksanaan Sambutan Hari Inovasi PDRM Tahun 2013 telah mencapai sasaran Pelan Pengurusan Inovasi PDRM 2012 – 2015 yang menyasarkan satu kali Sambutan Hari Inovasi bagi setiap tahun.

Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) PDRM

Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif PDRM tahun 2013 telah diadakan pada 24 Jun 2013 bertempat di Cinta Sayang Resort, Sungai Petani, Kedah; dan telah dirasmikan oleh YDH DCP Dato' Ahmad Bin Ibrahim, Ketua Polis Kedah. Tema konvensyen 2013 ialah 'Inovasi Efektif Mengukuh Transformasi' dan persembahan projek KIK PDRM melibatkan penyertaan lima (5) kumpulan bagi kategori pengurusan dan tujuh (7) kumpulan bagi kategori teknikal. Keputusan Konvensyen KIK PDRM tahun 2013 adalah seperti di Jadual 7.

KATEGORI	KEDUDUKAN	NAMA KUMPULAN	FORMASI
Pengurusan	Johan	Kiri Kanan Bukit (KKB)	Maktab PDRM Kuala Kubu Bahru, Selangor
	Naib Johan	Top Gear	Bahagian Pengangkutan, Jabatan Logistik, Bukit Aman
	Ketiga	Smart Cops	IPD Subang Jaya, Selangor
Teknikal	Johan	Target	Briged Utara PGA, Ulu Kinta, Perak
	Naib Johan	Bunga Api	Bahagian Persenjataan, Jabatan Logistik, Bukit Aman
	Ketiga	Sharktooth Shooter	Cawangan Persenjataan, Jabatan Logistik, IPK Kedah

Jadual 7 : Senarai pemenang Konvensyen KIK PDRM 2013



Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan

Penjara Malaysia

PENCAPAIAN KPI : KADAR RESIDIVIS BAWAH PARAS 10%

Jabatan Penjara Malaysia pada tahun 2013 mencapai sasaran KPI yang ditetapkan iaitu kadar residivis di bawah paras 10%. Selain pencapaian sasaran, kadar residivis juga berjaya dikawal pada kadar 7.61% berbanding 7.97% pada tahun 2012 sebelumnya. Pencapaian KPI tersebut menunjukkan keberkesanan program-program pemulihan yang dilaksanakan.

KEJAYAAN PROGRAM PERKHIDMATAN LUAR BERSAMA KOMUNITI

Pada tahun 2008 telah bermula transformasi kepenjaraan di mana program pemulihan tidak hanya dilaksanakan di dalam tembok penjara sahaja. Pelaksanaan Sistem Parol, Perkhidmatan Rumah Perantaraan, Pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib dan Program di bawah Strategi Lautan Biru (NBOS) iaitu Program Pemasarakatan Banduan bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM); Program Pemulihan Pemasarakatan bukan sahaja telah membantu pencapaian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu mengurangkan jenayah, tetapi pada masa yang sama membolehkan

kerajaan menjimatkan kos sekitar RM200 juta untuk membina kompleks penjara baru. Jumlah keseluruhan banduan dan pesalah yang terlibat dalam program-program tersebut dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seramai 15,183 orang penghuni yang telah menjalani program pemulihan di luar tembok penjara, hanya 0.34 % yang mengulang melakukan kesalahan dan kembali menjalani hukuman. Sekitar 90 % daripada penghuni yang telah selesai mengikuti program berkenaan pula berjaya mendapat pekerjaan dan ada juga yang menceburi bidang keusahawanan dengan bantuan pelbagai agensi seperti TEKUN NASIONAL, Program 1AZAM, GIATMARA dan Jabatan Pertanian Malaysia.

Program Pemasarakatan Banduan

Sejak pelaksanaan Program Pemasarakatan Banduan mulai Mac 2011 hingga 31 Disember 2013, seramai 5,305 Orang DiSelia (ODS) telah mengikuti program ini. Daripada jumlah tersebut seramai 2,997 ODS telah bebas, dan dengan kerjasama pihak NGOs, agensi kerajaan dan swasta, hampir semua ODS mempunyai pekerjaan di mana 61.7% bekerja sendiri, 16.03% bekerja dengan majikan dan 22.1% pula terlibat dalam perniagaan kecil. Butiran penyertaan Program Pemasarakatan Banduan bagi tahun 2011 – 2013 seperti di Jadual 8:

TAHUN	JALANI HUKUMAN	JALANI PAROL	TELAH BEBAS
2013	1,749	421	1,086
2012	1,725	338	1,188
2011	1,831	129	723
JUMLAH	5,305	880	2,997

Jadual 8 : Statistik Program Pemasarakatan Banduan 2011 - 2013



Perkhidmatan Rumah Perantaraan

Sejak pelaksanaan mulai Mei 2010 hingga akhir 2013, seramai 557 residen (Bekas Banduan) dan 305 Orang DiParol (ODP) telah mendapatkan perkhidmatan Rumah Perantaraan (RP) ini. Mulai tahun 2012 fungsi RP telah diperluaskan untuk menempatkan Orang Di Parol berbanding sebelum ini hanya menempatkan bekas banduan sahaja. Daripada jumlah tersebut tiada seorang pun yang kembali melakukan jenayah dan masuk semula ke penjara. Dengan kerjasama pihak NGOs sebanyak 100% residen telah mendapatkan pekerjaan.

Pelaksanaan hukuman di luar tembok penjara dilihat membawa kepada penjimatan wang kerajaan. Kos sara pesalah/ODP melalui program ini yang berjaya diijamatkan melibatkan 8,713 pesalah/ODP adalah sebanyak RM 304,955.00 sehari. Perkiraan penjimatan adalah seperti di Jadual 9:

PROGRAM	JUMLAH TERLIBAT	RESIDIVIS %	PENJIMATAN SEHARI
SISTEM PAROL	7,274	0.53%	RM 254,590
PERINTAH KEHADIRAN WAJIB	1,439	0 %	RM 50,365
JUMLAH	8,713	0.53%	RM 304,955

Nota : Kos sara pesalah/ODP : RM 35 / sehari x 8,713 orang = RM 304,955 sehari

Jadual 9 : Perincian Penjimatan



Lawatan rasmi TYT Masagos Zulkifli Masagos Mohamad Menteri Negara Kanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negara Dan Luar Negara Singapura ke Rumah Perantaraan Jabatan Penjara Malaysia

Latihan Vokasional Dan Industri

Kerajaan memainkan peranan besar dalam pembangunan modal insan termasuklah perhatian diberikan kepada penghuni-penghuni penjara. Sehubungan itu, kemahiran bersijil ini merupakan nilai tambah kepada bekas penghuni sebagai persediaan untuk menembusi alam pekerjaan setelah dibebaskan kelak. Sehingga akhir 2013, seramai 2,374 orang penghuni telah Berjaya mendapat pensijilan.

Program Sistem Latihan Dual Nasional

Jabatan Penjara Malaysia telah bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia mempersiapkan Sijil Kemahiran Malaysia (SLDN) kepada banduan/ tahanan bermula pada tahun 2012. Sijil ini dikeluarkan oleh pihak JPK kepada penghuni yang berjaya menepati piawaian JPK. Seramai 2,306 orang telah mengikuti kursus ini

pada tahun 2013 berbanding 3,657 orang pada 2012. Sehingga akhir 2013, jumlah penghuni yang layak dipersijilkan bagi kedua-dua tahun tersebut ialah 3,573 orang. Program latihan persijilan ini didapati membantu penghuni setelah selesai menjalani hukuman serta sebagai persediaan untuk membina kerjaya.

PENDAPATAN	TAHUN (RM)
2013	21,555,360.21
2012	17,166,309.58
2011	12,671,579.73
2010	8,106,136.18
2009	7,541,363.55
2008	6,406,663.78

Jadual 10 : Hasil Pendapatan daripada Jualan Produk Penjara



Pendapatan hasil daripada jualan produk-produk yang dihasilkan oleh penghuni melalui kerja-kerja kemahiran di penjara pada tahun 2013 adalah RM 21,555,360.21 juta dan melepasi sasaran jualan. Sebahagian daripada hasil tersebut dimasukkan ke dalam akaun amanah kerajaan.

Penghasilan Produk Berskala Besar

Bagi mencapai matlamat jabatan ke arah Organisasi Koreksional Bertaraf dunia menjelang tahun 2020, Pelan Induk Jabatan Penjara Malaysia 2009-2020 telah dilancarkan. Fokus ke-4 Pelan Induk berkenaan menekankan kepada penghasilan produk berskala besar yang memberi impak kepada penghuni dan hasil jabatan. Justeru itu, projek self-sufficient pertanian dan perternakan telah dilaksanakan bermula pada tahun 2012 dan diteruskan pada tahun 2013.



Produk Seni Ukiran banduan



Aktiviti pengeluaran roti di Penjara Kajang



Latihan Asas Perniagaan anjuran INSKEN dengan kerjasama TEKUN dan Jabatan Penjara Malaysia.



PROGRAM-PROGRAM LAIN

Program Inovasi dan KIK KDN

Jabatan Penjara Malaysia sempena sambutan Hari Inovasi KDN telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Menteri Dalam Negeri atas kejayaan dua institusi Jabatan Penjara Malaysia menjadi Johan dan Naib Johan Anugerah



BIL	ACARA	PENCAPAIAN	INSTITUSI/KUMPULAN	TAJUK
1	Anugerah Inovasi KDN	Johan	Penjara Sungai Buloh	AS-G3: Alat Pembakaran Gas
		Naib Johan	Penjara Sri Aman	Email-Prisoner Letter
2	Konvensyen KIK KDN	Johan	Kategori Pengurusan SHG Teluk Mas (Inspira)	Pencapaian Subjek Sains Kurang Memuaskan
3		Ketiga	Kategori Pengurusan Akademi Koreksional Malaysia (Mahogany)	Pengurusan Maklumat Kehadiran Peserta Kursus Tidak Sistemik
4		Kedua	Kategori Teknikal SHG Keningau (Kristal)	Limpahan Sisa Kumbahan Punca berbau Busuk

Jadual 11 : Penyertaan dan Kecemerlangan PENJARA 2013

Inovasi KDN 2013 dan menjuarai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KDN Tahun 2013 Kategori Pengurusan. Butiran acara penyertaan dan kecemerlangan adalah seperti di Jadual 3:

Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah Di Penjara Kluang

Pada 28 November 2013 satu lagi sejarah terukir dengan berlangsungnya majlis perasmian Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah di Penjara Kluang, Johor oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Seramai 40 banduan menjadi pelajar perintis sekolah agama tersebut yang merupakan satu-satunya sekolah aliran agama dalam penjara di negara ini.





Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Agensi

Antidadah Kebangsaan

PENGENALAN

Pewujudan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) adalah dengan visi untuk memastikan masyarakat Malaysia bebas dari dadah. Dengan berteraskan misi menjadikan AADK sebagai agensi utama memerangi dadah, maka pelaksanaan perkhidmatan teras utama dirancang ke arah pencapaian objektif yang ditetapkan seperti berikut:

- Mencegah Seseorang Dari Terlibat Dengan Dadah
- Merawat Dan Memulih Penagih Dadah
- Mencegah Penagihan Semula
- Membanteras Bekalan, Pengedaran Dan Penyalahgunaan Dadah

PENCAPAIAN

Program Rawatan Dan Pemulihan

Perkhidmatan pemulihan dalam permasalahan dadah di Malaysia yang disampaikan oleh AADK dilaksanakan melalui pelaksanaan klinik-klinik:

- Cure & Care 1Malaysia;
- Cure & Care Service Center (CCSC);
- Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC)
- Cure & Care Vocational Centre (CCVC); dan
- Caring Community House (CCH)

Amnya, AADK memberi perkhidmatan rawatan dan pemulihan secara sukarela dan terbuka berbanding sebelum ini yang hanya kepada mereka yang ditangkap melalui perundangan sahaja.

Klinik Cure & Care 1Malaysia

Pendekatan klinik ini adalah Rawatan, Perubatan dan Pemulihan. Ianya berdasarkan amalan terbaik dan prinsip-prinsip asas rawatan kepada penagih dadah. Sehingga 31 Disember 2014 terdapat sebanyak 12 Klinik C&C 1Malaysia.



Pencapaian *Cure&Care Rehabilitation Centre*

Berkuatkuasa 1 Jun 2012, penggunaan nama PUSPEN telah ditukar kepada *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC). Jumlah *Cure & Care Rehabilitation Centre* sehingga Disember tahun 2013 adalah sebanyak 18 buah. Jumlah penghuni CCRC pada tahun 2013 adalah seramai 4,594 orang berbanding dengan jumlah penghuni CCRC pada tahun 2012 iaitu seramai 5120 orang; justeru pengurangan seramai 526 orang. Butiran penghuni CCRC mengikut lokasi adalah seperti di Jadual 12:

Bil.	CCRC	2013
1	SERDANG	280
2	KG. SELAMAT	310
3	BATU KURAU	317
4	PERLOP	295
5	SERENDAH	257
6	GAMBANG	270
7	BENTA	272
8	KARAK	236
9	RAUB	277
10	JELEBU	313
11	MUAR	298
12	TIANG DUA	246
13	PAPAR	197
14	KUCHING	93
15	BACHOK	132
16	JELI	319
17	BKT. CHABANG	299
18	KOTA TINGGI	183
JUMLAH		4594

Jadual 12 : Jumlah Penghuni CCRC 2013



Cure&Care Service Centre

Jumlah *Cure & Care Service Centre* (CCSC) pada tahun 2013 adalah sebanyak 57 buah. CCSC dikendalikan dengan lebih terbuka bertujuan mempercepatkan proses kepulihan dan seterusnya membantu bekas-bekas penagih kembali berfungsi semula sebagai individu yang lebih produktif dalam masyarakat. Bilangan klien CCSC tahun 2013 ialah 156,477 (Daycare) dan 2,009 (Residensi) menjadikan jumlah keseluruhan ialah 158,486.

Caring Community House

Usaha untuk mempelbagaikan program rawatan dan pemulihan dalam komuniti telah membuahkan hasil menerusi pengaplikasian kepakaran sedia ada di dalam komuniti. Sokongan sosial dari komuniti setempat telah membantu bekas-bekas penagih dadah yang berada dalam komuniti tersebut kekal pulih. Sehingga 31 Disember 2013, perkhidmatan *Caring Community House* (CCH) diperluaskan ke 78 buah kawasan di seluruh Negara melibatkan pelaksanaan 2,963 program pemulihan dengan kehadiran seramai 117,588 orang.

Cure & Care Vocational Centre

Cure & Care Vocational Centre (CCVC) menyediakan Program Latihan Kemahiran Jangka Pendek di institusi – institusi pemulihan AADK dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan / badan berkanun. Program ini memberi manfaat kepada 5,456 orang klien di seluruh negara untuk mengikuti pelbagai bidang kemahiran mengikut minat dan kemampuan klien. Latihan kemahiran jangka panjang pula dilaksanakan di CCVC merangkumi pelbagai bidang yang direkabentuk sesuai dengan minat dan keperluan klien.

Sistem Latihan Dual Nasional

Satu program latihan di bawah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dilaksanakan dengan kerjasama pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JTK), Kementerian Sumber Manusia sebagai projek perintis dalam mempelbagaikan kaedah persijilan program latihan yang berjalan di institusi – institusi pemulihan AADK.

Penempatan Kerja

V-Line

V-Line yang beroperasi di Sepang bertindak sebagai hub kepada usaha menempatkan klien AADK dalam sektor pekerjaan. Pelantikan rasmi 107 orang V-Manager di peringkat daerah dan negeri telah dibuat pada 5 Jun 2013 sebagai tunjang utama kepada gerak kerja V-Line. Pencapaian V-Line sepanjang 2013 adalah melibatkan 159 majikan yang menawarkan pekerjaan kepada seramai 1,007 klien.

Karnival Kerjaya

Karnival kerjaya dilaksanakan menggunakan peruntukan NKRA Jenayah. Program dilaksanakan dengan kerjasama pihak Jobs Malaysia di seluruh negara bagi membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada klien-klien AADK. Program ini melibatkan 255 majikan dan jumlah klien AADK yang menyertai program ini adalah seramai 2,567 orang, manakala jumlah klien yang ditawarkan pekerjaan adalah seramai 295 orang.

National Blue Ocean Strategy

Pelaksanaan Projek di bawah National Blue Ocean Strategy (NBOS) diteruskan dan laporan pelaksanaan untuk dibentangkan



dalam Mesyuarat Mesyuarat National Strategy Execution Summit (NSES). Butiran projek AADK di bawah NBOS seperti di Jadual 13.

BIL	BUTIRAN	LOKASI	
		KLINIK C&C DENGKIL	KLINIK C&C KARANGAN
1	TARIKH DILANCARKAN	1 Disember 2011	26 Jun 2012
2	KELUASAN TANAH	5 ekar	2 ekar
3	AKTIVITI PERTANIAN	1.	Tanaman sayur berdaun.
2.	Tanaman ubi kayu	1.	Tanaman cili fertigasi
4	PENGLIBATAN KLIEN	10 orang	6 orang

Jadual 13 : Pelaksanaan Projek di bawah NBOS 2013

BIL	LOKASI	CADANGAN TANAMAN / PROJEK
1.	CCRC Muar Pertanian Intergrasi (80 ekar)	i) Kelapa Sawit • 4,800 pokok ii) Ternakan Lembu Pedaging • (32 ekor baka lembu) iii) Jambu ; (Menggantikan Cadangan Asal iaitu Tembikai) • 10 ekar tanah
2.	CCRC Jelebu : Pertanian Hiliran (50 ekar)	i) Nenas ii) tembikai iii) labu iv) timun hijau
3.	CCRC Gambang : Pertanian Komersial (50 ekar)	i) kelapa sawit ii) ternakan ikan keli dalam kolah konkrit iii) ternakan kambing
4.	CCVC Sepang : Projek Fabrik & Tekstil	• Cadar • Selimut • Sarung bantal

Jadual 14 : Butiran CCRC/CCVC dan aktiviti utama

Cottage Industry

Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan memberikan latihan kemahiran dan menjana pendapatan klien AADK. Projek ini dilaksanakan di empat (4) lokasi dengan jenis projek yang bersesuaian. Butiran CCRC/CCVC dan aktiviti utama adalah seperti di Jadual 14.

Azam Kerja Berkelompok AADK

Dilaksanakan di 7 negeri iaitu di Perak, Johor, Selangor, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelantan dan Negeri Sembilan telah memberi manfaat dan peluang menjana pendapatan kepada 231 orang klien.

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN

Operasi Bersepadu

Pelaksanaan penyertaan Operasi Bersepadu (OP) AADK Bagi Tahun 2013 adalah secara bersama dengan RELA, PDRM, JPAM, JIM, JPJ dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Sejumlah 441 operasi telah dilaksanakan bersama PDRM, 519 operasi bersama RELA, 58 operasi bersama PBT, 431 operasi bersama JPJ, 74 operasi bersama JKDM dan bersama lain-lain agensi berjumlah 245 operasi telah dilaksanakan.

Selain itu, sepanjang tahun 2013 AADK telah menyertai 1,718 Operasi Bersepadu bersama PDRM (441), JPJ (431), RELA (519), JKDM (74), PBT (58), JIM (16) dan lain-lain agensi (245).

Sasaran OP adalah untuk mengesan penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan dengan menggunakan pendekatan perundangan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Sepanjang Tahun 2013 sebanyak 1,472 operasi telah



dijalankan iaitu peningkatan sebanyak 467 berbanding tahun 2012 (1,005 operasi). Daripada jumlah operasi tersebut seramai 1,785 orang positif ujian patologi daripada jumlah saringan awal iaitu seramai 20,190 orang yang ditahan kerana disyaki (OYDS) penagih. Jumlah ini menunjukkan peningkatan peratus pengesanan penagih yang disahkan positif berbanding jumlah OYDS yang disaring berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2012 seramai 1,155 orang disahkan positif patologi dari sejumlah 26,393 orang OYDS yang disaring.



Operasi Bersepadu Bersama JPJ 2013



Pemeriksaan Urin Ke Atas Orang Yang Disyaki (OYDS) Ketika Operasi Bersepadu

Mengurus Orang Kena Pengawasan

Bagi memastikan agenda transformasi iaitu konsep Pulih dan Perihatin diterapkan di dalam penyampaian perkhidmatan kepada Orang Kena Pengawasan (OKP), AADK memastikan proses pengurusan OKP dilaksanakan secara berhemah tanpa membelakangkan fungsi teras

AADK iaitu merawat dan memulihkan penagih. Sepanjang tahun 2013 melalui Program Induksi Khas / Orientasi kepada OKP telah diperkenalkan bertujuan memberi pengetahuan dan pendedahan kepada OKP berkaitan syarat-syarat pengawasan yang perlu mereka patuhi di bawah seksyen 6 Akta APD(R&P)1983. Hasil daripada program tersebut seramai 47,637 orang OKP telah dilaporkan komplian kepada program yang telah ditetapkan. Jumlah ini merupakan 88.9% daripada jumlah keseluruhan OKP dalam pengawasan. Manakala jumlah selebihnya iaitu 5,284 orang (11.09%) adalah OKP Tidak Komplian. Bagi OKP yang tidak komplian, usaha-usaha masih diteruskan dengan melakukan program JEJAK melalui telefon, fax, pergi ke rumah dan pengesanan berterusan melalui OP. Jumlah OKP Komplian pada tahun 2013 menunjukkan peningkatan sebanyak 1.65% berbanding tahun 2012.



Program Induksi Khas / Orientasi OKP Baru di AADK Daerah

Penghargaan

AADK menerima ucapan penghargaan dan terima kasih daripada Leftenan Kolonel Mohammad Rosli bin Yaakob daripada Markas Tentera Udara, Jabatanarah Provos Marsyal, Pangkalan Udara Kuala Lumpur kerana membantu melaksanakan Operasi Ujian Saringan Awal Dadah ke atas Calon Pemilihan Akhir Bakal Perajurit Muda Lelaki Siri 50/14 yang menurut beliau telah dilaksanakan dengan jayanya. Ujian tersebut telah diadakan di pangkalan Udara Subang dan Pangkalan Udara Butterworth pada 19 Disember 2013.



AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

Lawatan Turun Padang YB Menteri Kementerian Dalam Negeri

YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri telah hadir ke CCSC Chow Kit bagi melihat sendiri pelaksanaan dan program yang dijalankan. YB Menteri Dalam Negeri turut turun padang bagi meninjau senario permasalahan penagihan dadah di sekitar Chow Kit terutamanya yang melibatkan golongan lelaki dan wanita serta golongan yang terkesan iaitu kanak-kanak.



Sukarelawan Antidadah (SKUAD 1MALAYSIA)

Ia diwujudkan pada 4 Julai 2011 sejajar dengan komitmen ke-7 Kementerian Dalam Negeri iaitu Menggerakkan Gelombang Kesukarelaan. Keahlian SKUAD 1Malaysia kini mencecah seramai 223,20 orang. Sepanjang tahun 2013 sebanyak 1,524 program telah dilaksanakan di seluruh negara dengan penglibatan peserta seramai 291,623 orang.

Pelan Media AADK 2013 – 2014

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah melancarkan Pelan Media 2013-2014 pada 7 Julai 2013 di Sambutan Peringatan Hari

Antidadah Antarabangsa 2013 dan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Ahmad Hamidi, Menteri Dalam Negeri. Antara medium yang digunakan adalah kempen di microsite (wecareweserve.org), televisyen, radio, surat khabar dan papan tanda seluruh negara. Mesej antidadah yang digunakan adalah Ambil Kisah. Ambil Tindakan. Mesej ini menyeru agar semua ahli keluarga terutama ibu bapa untuk memberikan kasih sayang, sokongan dan dorongan kepada anak-anak mereka untuk menjadi manusia yang mempunyai jati diri yang tinggi. Kempen antidadah ini merupakan usaha AADK terkini dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai masalah dadah yang semakin membimbangkan.

PENGLIBATAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Malaysia telah mengambil bahagian dalam membincangkan masalah dadah dengan negara-negara luar melalui mesyuarat tahunan, persidangan dan latihan di peringkat antarabangsa. Ini dilihat dapat mempertingkatkan profesionalisme pegawai serta menambahbaik kemahiran serta pengetahuan pegawai di dalam perkhidmatan teras AADK.



Ketua-ketua delegasi ASOD bergambar bersama selepas selesai sesi perasmian Mesyuarat ASOD Ke-34



The 34th Meeting of the ASEAN Senior Officials on Drug Matters (34th ASOD) telah berlangsung dengan jayanya pada 24 hingga 27 September 2013 di Yangon, Myanmar. Mesyuarat yang diadakan setiap tahun ini bertujuan untuk memudahkan negara anggota ASEAN membincangkan isu dan permasalahan berkaitan dadah meliputi bidang pencegahan, rawatan & pemulihan, penguatkuasaan serta penyelidikan (R&D). Mesyuarat ini juga membincangkan mengenai trend global dan serantau dalam pengedaran dan penyalahgunaan dadah serta berkongsi Amalan Terbaik terkini (Current Best Practices) dalam pelbagai bidang berkaitan dadah di kalangan negara anggota.



Sesi Working Group yang dibahagikan kepada lima (5) kumpulan merangkumi Pendidikan Pencegahan, Rawatan Pemulihan, Penguatkuasaan Undang-undang, Penyelidikan dan Pembangunan Alternatif

Mesyuarat kali ini menyaksikan penyerahan tugas pengerusi oleh YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah Hj. Mohamed, Ketua Pengarah AADK yang merupakan Pengerusi ASOD Ke-33 kepada Pol. Brig. Gen. Soe Myaing, Kementerian Dalam Negeri Myanmar sebagai Pengerusi ASOD Ke-34.



Penyertaan AADK Di Pameran Antarabangsa

Bersempena dengan Mesyuarat 56th Commission on Narcotic Drugs (56th CND), yang diadakan di Vienna International Centre, Austria pada 11 hingga 15 Mac 2013, AADK telah mendapat jemputan untuk melaksanakan Aktiviti Pameran Perkhidmatan AADK. Peluang ini telah digunakan untuk mempromosikan perkhidmatan baru AADK terutama perkhidmatan "Open Access" kepada masyarakat antarabangsa.

Lawatan Kerja Delegasi Singapura Ke Malaysia

Lawatan kerja T.Y.T Masagos Zulkifli Masagos Mohamed, Menteri Negara Kanan, Hal Ehwal Dalam Negeri dan Luar Negeri Singapura ke Malaysia telah berlangsung pada 2 hingga 4 Disember 2013. Lawatan ini merupakan timbal balas ke atas lawatan yang telah diadakan oleh YB Datuk Dr. Wan Junaidi Tunku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri ke Singapura pada 9 hingga 12 November 2013.



Lawatan ke Klinik C&C 1 Malaysia Sg. Besi

Delegasi Singapura memuji pendekatan yang dilaksanakan oleh AADK dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada klien. Selain itu, penyertaan komuniti setempat dalam membantu AADK amat dikagumi mereka.



Delegasi Singapura bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai AADK



PENCAPAIAN-PENCAPAIAN LAIN

Sistem MyAADK

Sistem Pengurusan Profil Klien AADK Secara Bersepadu yang dikenali sebagai MyAADK merupakan suatu transformasi ICT AADK ke arah pengurusan klien secara elektronik yang cekap dan efisien. Inisiatif ini selari dengan transformasi yang dilaksanakan di peringkat bahagian bisnes teras AADK. Sistem ini mengekalkan penggunaan teknologi biometrik untuk pengesahan kesahihan identiti klien. Ia mula beroperasi sejak 1 Februari 2013 dan telah digunakan oleh 1,000 pengguna melibatkan Ibu Pejabat, Negeri, Pejabat AADK Daerah, CCSC, CCRC dan CCVC.

Sepanjang 2013, sebanyak 38 sesi latihan pengguna telah diadakan bagi memberi kemahiran supaya penggunaan dan pelaksanaan sistem ini berjalan lancar. Sebagai langkah pemantauan pula, beberapa pasukan kecil yang dianggotai pegawai IT dan SME dibentuk untuk turun ke lapangan bagi melihat secara dekat kedudukan pelaksanaan di samping mendengar permasalahan pengguna sistem

ini turut mengendalikan rekod pengawasan, rawatan, perubahan dan pemulihan klien dan berkeupayaan menyediakan statistik secara realtime kepada semua klien AADK.

Penarafan Laman Web AADK

Laman Web AADK telah dibuat penilaian dalam Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2013 anjuran Multimedia Development Corporation (MDeC) dengan kerjasama pihak MAMPU dan JPA. Laman Web AADK telah diberi penarafan 5 bintang sekaligus mengekalkan kedudukan 5 bintang selama 3 tahun berturut-turut.

Konvensyen KIK Peringkat KDN Tahun 2013

AADK menjadi tuan rumah untuk Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat KDN Tahun 2013 pada 27 – 29 September 2013. AADK menghantar tiga Kumpulan KIK dan satu daripadanya iaitu Kumpulan Kerai, Klinik C&C 1Malaysia Jerantut, Pahang telah memenangi tempat ketiga Kategori Teknikal dengan membawa pulang wang tunai RM 2,000.00 dan piala.



Laporan Tahunan 2013

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan

Imigresen Malaysia

PENGENALAN

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada awalnya ditubuhkan bertujuan untuk mengawal pergerakan keluar masuk pekerja warga asing yang dibawa masuk oleh pihak British untuk bekerja. Namun tanggungjawab dan tugas Jabatan Imigresen Malaysia berkembang selaras dengan peredaran masa sehingga kini. Misi, visi dan objektif jabatan yang senada dengan Kementerian Dalam Negeri menunjukkan sokongan yang tidak berbelah bagi jabatan terhadap kementerian secara langsung dan terhadap Negara secara keseluruhannya. Akta-akta dan undang-undang yang diwujudkan adalah bagi menentukan punca kuasa jabatan bagi menjaga dan mengawal kesejahteraan negara.

Lima Teras strategik JIM :

- Kemudahan dan Kawalan Imigresen berpaksikan keselamatan negara
- Pemantapan modal insan yang kompeten berteraskan integriti
- ICT menjana transformasi Negara
- Sistem penyampaian yang efektif
- Memperkasakan struktur organisasi


AKTIVITI PERKHIDMATAN	JUMLAH
Pasport	2,689,151
Pas Penggajian	81,991
Pas Lawatan Sosial	103,881
Pas Pelajar	116,204
Pas Lawatan Ikhtisas	26,124
Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)	2,349,706
JUMLAH	5,367,057

AKTIVITI PENGUATKUASAAN	JUMLAH
Operasi	5,201
Tangkapan	46,349
Pendakwaan	14,398
Kompaun	83,958
Pengusiran	38,702
JUMLAH	188,608

Jadual 1 : Aktiviti perkhidmatan utama dan penguatkuasaan 2013

PENCAPAIAN

Perkhidmatan utama JIM adalah permohonan pasport, visa, pas, permit dan penguatkuasaan. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2013, statistik aktiviti Jabatan Imigresen Malaysia yang melibatkan bidang perkhidmatan utama dan penguatkuasaan adalah seperti di Jadual 15.



AKTIVITI – AKTIVITI LAIN

Kempen Penanaman Sejuta Pokok Bersama Jabatan Imigresen Malaysia

Aktiviti gotong royong ini adalah sebagai inisiatif oleh Skuad Muda JIM dalam mendokong agenda Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melalui My Beautiful Malaysia yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Aktiviti penanaman sejuta pokok ini telah dilaksanakan di seluruh negara melibatkan 3000 orang pegawai imigresen.

Kursus Asas Keimigresenan Dan Program Transformasi Minda

Kursus Asas Keimigresenan dan Program Transformasi Minda Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27 Siri 1/2013 yang bermula daripada 23 Ogos 2013 telah disertai seramai 108 orang Kadet Pegawai. Tujuan Kursus ini dilaksanakan adalah bagi memantapkan modal insan yang berdaya tahan dan kompetitif yang merupakan pra-syarat penting bagi menggerakkan agenda transformasi kerajaan dengan berkesan untuk mencapai agenda pembangunan negara. Justeru, modal insan sektor awam perlu dibangunkan di peringkat awal pelantikan secara optimum agar dapat



melahirkan pegawai awam yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif yang inginkan kecemerlangan serta memiliki etika dan nilai yang sejajar dengan budaya negara. Satu Majlis Perbarisan Tamat Latihan telah diadakan pada 22 September 2013 di Akademi Imigresen Malaysia (AIMM) sebagai acara rasmi berakhirnya kursus ini dengan julung kalinya Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Keimigresenan dan Program Transformasi Minda ini menggunakan Pakaian Istiadat Jabatan Imigresen Malaysia sebagai pakaian rasmi di majlis tersebut.

Memorandum Persefahaman Business Process Reengineering

JIM mengorak langkah dengan melaksanakan Business Process Reengineering (BPR) terhadap perkhidmatan perundangan iaitu perkhidmatan teras serta mencadangkan reka bentuk baru dalam Sistem Imigresen Bersepadu Malaysia dengan kerjasama MAMPU dalam melaksanakan BPR terhadap perkhidmatan teras Imigresen. Sekretariat Pra Taklimat MAMPU diwujudkan di JIM untuk mengkaji dan menyediakan kertas kerja dan seterusnya menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara kedua-dua pihak pada 17 September 2013 bagi tujuan menyelaraskan proses kerja sedia ada dan perekayasaan prosedur baru. Hasil penemuan dari Lab BPR dijadikan asas untuk penambahbaikan Sistem Perkomputeran JIM.



Operasi Bersepadu 2013

Operasi bersepadu 1 September 2013 yang melibatkan sebanyak 1,118 anggota penguatkuasa dari pelbagai agensi telah berjaya memeriksa seramai 8,904 orang warga asing dan 2,586 orang daripadanya telah ditangkap. Daripada jumlah itu sebanyak 771 orang yang ditangkap merupakan warganegara Indonesia, Myanmar (579 orang), Bangladesh (389 orang), Nepal (243 orang) dan selainnya rakyat Kemboja, Vietnam, India, Pakistan, Filipina, China, Nigeria dan Thailand. Manamana majikan yang didapati bersalah menggaji Pendatang Tanpa Izin (PATI) boleh didenda sebanyak RM 50,000 atau lima tahun penjara malah boleh disebat jika menggaji lebih daripada lima (5) orang PATI. Proses pengusiran sudah dimulakan dan PATI yang mempunyai dokumen perjalanan akan dihantar pulang dengan segera ke negara masing-masing.

KEJAYAAN

Pasport polikarbonat



Pasport polikarbonat merupakan penambahbaikan ciri-ciri keselamatan personalisasi passport menggunakan teknik tulisan laser di atas muka surat biodata berasaskan polikarbonat.

Perlaksanaan passport ini bermula pada April 2013 secara berperingkat di semua 64 pejabat pengeluar dan penerima passport termasuk UTC dan RTC, 32 pejabat penerima passport sahaja serta 30 pejabat atase di luar negara. Penambahbaikan ini bagi menepati standard oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).



Skytrax 2013

JIM telah menerima Anugerah Perkhidmatan Jabatan Imigresen Terbaik Dunia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari sebuah badan bebas, Skytrax dengan menewaskan 375 negara lain. Bagi mengekalkan kecemerlangan JIM telah menetapkan syarat setiap penumpang siap diperiksa dalam tempoh 10 minit di kaunter selain kemampuan mengendalikan transaksi 175 juta pengunjung ke negara ini sepanjang tahun lalu menerusi laluan udara, darat dan laut membuktikan sistem yang diguna pakai oleh JIM sangat efisien. Dengan kemampuan ini JIM dilihat dapat memberi kemudahan yang baik terutama kepada warga asing dari aspek industri pelancongan dan juga kepada pelabur asing. Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia yang menggunakan sistem biometrik di semua laluan pintu masuk negara bertujuan memastikan kemasukan warga asing adalah teratur tanpa mengabaikan aspek keselamatan negara.

Anugerah Agensi Sektor Awam Terbaik MIM 2013

Kejayaan JIM merangkul Anugerah Agensi Terbaik Sektor Awam pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Global (GEMA 2013) anjuran Institut Pengurusan Malaysia (MIM) memperlihatkan komitmen dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. JIM memperkenalkan konsep kaizen dan inovasi iaitu usaha penambahbaikan secara berterusan dan perlahan tetapi pada masa sama melakukan pendekatan secara mendadak dan cepat. Transformasi ini dilakukan bagi mewujudkan pendekatan bagi melaksanakan 50 inisiatif berasaskan tiga komponen utama iaitu perniagaan teras, kebajikan dan integriti serta memulihkan semula imej jabatan dan melakukan sebanyak mungkin penambahbaikan. Anugerah diterima daripada Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dalam satu majlis anjuran MIM di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur (KLCC) pada 5 Julai 2013.



Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan

Pendaftaran Negara

PENGENALAN

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ditubuhkan selepas Peraturan-peraturan Dharurat (Kawasan - kawasan Pendaftaran) 1948 dikuatkuasakan sebagai salah satu langkah untuk menentang ancaman keselamatan. Peraturan tersebut memerlukan semua penduduk supaya mendaftar dan memperolehi kad pengenalan apabila mencapai umur 12 tahun ke atas.

JPN bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen pengenalan individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

PENCAPAIAN

Urus niaga utama JPN adalah permohonan kad pengenalan, pendaftaran kelahiran, pendaftaran pengangkatan mahkamah, pendaftaran de facto, pendaftaran kematian, pendaftaran kelahiran, permohonan kewarganegaraan, permohonan pendaftaran perkahwinan, permohonan

pendaftaran perceraian dan pembatalan serta pendaftaran kes siasatan dan penguatkuasaan. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2013, urusan utama JPN bagi 10 bidang utama telah melibatkan sebanyak 5,389,945 transaksi dan butiran adalah seperti di Jadual 16.

AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

Majlis Penganugerahan Dokumen Pengenalan Diri

Majlis Penganugerahan Dokumen Pengenalan Diri telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 4 April 2013 bertempat di Pusat Komuniti Sentul Perdana, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Majlis turut dihadiri YB Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Sri Dr S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan dan YBhg. Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Seramai 120 orang telah dianugerahkan dokumen pengenalan diri seperti Sijil Kelahiran Daftar Lewat, Sijil Kewarganegaraan Malaysia dan MyKad serta Permit Masuk.

AKTIVITI	JUMLAH
Permohonan Kad Pengenalan	4,286,772
Pendaftaran Kelahiran	524,069
Pendaftaran Pengangkatan Mahkamah	3,588
Pendaftaran De Facto	5,363
Pendaftaran Kematian	140,304
Permohonan MyKid	368,065
Permohonan Kewarganegaraan	26,990
Permohonan Pendaftaran Perkahwinan	30,720
Permohonan Pendaftaran Perceraian dan Pembatalan	337
Pendaftaran Kes Siasatan	3,737
JUMLAH	5,389,945

Jadual 16 : Statistik transaksi utama JPN bagi tahun 2013



Penganugerahan dokumen pengenalan diri ini adalah mengikut kelayakan setiap individu yang memohon berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan, Akta Pendaftaran Negara 1959, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 serta Akta Imigresen 1959/63.



Pelancaran Program MyDaftar oleh YAB Perdana Menteri Malaysia

MyDaftar

Program MyDaftar yang telah dilaksanakan secara serentak pada 18 Februari hingga 2 Mac 2013 di seluruh negara merupakan kerjasama pintar di antara KDN, JPN dan Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India (SITF). Program ini dilaksanakan rentetan daripada dakwaan bahawa terdapat lebih daripada 300,000 orang India tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

Jumlah kehadiran kumpulan sasar adalah seramai 7,651 orang yang datang untuk mendapatkan khidmat nasihat dan membuat

permohonan seperti pendaftaran daftar lewat kelahiran, daftar lewat kad pengenalan dan kewarganegaraan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,998 adalah permohonan yang lengkap dan telah diambil tindakan sewajarnya. Butiran permohonan/transaksi adalah seperti di Jadual 17.

BIL	KATEGORI	JUMLAH PERMOHONAN
1	Daftar Lewat Kelahiran	443
2	Daftar Lewat Kad Pengenalan	55
3	Kewarganegaraan	2500

Jadual 17 : Statistik urus niaga utama JPN bagi tahun 2013



Pelaksanaan Program MyDaftar anjuran JPN di seluruh negara (fokus kepada kawasan luar bandar)



Urban Transformation Centre (UTC) dan Rural Transformation Centre (RTC)

Penglibatan JPN di UTC/RTC adalah untuk memberikan perkhidmatan yang berkaitan dokumen pengenalan diri seperti permohonan Sijil Lahir, Sijil Kematian, Pendaftaran Anak Angkat, Kad Pengenalan, Perkahwinan dan daftar perceraian untuk bukan Islam dan juga permohonan Kewarganegaraan. Senarai pejabat UTC/RTC serta waktu urus niaga adalah seperti Jadual 18.

BIL	PEJABAT UTC/RTC	WAKTU URUS NIAGA
1	UTC Melaka	8.30 pagi hingga 10.00 malam (7 Hari Seminggu)
2	UTC Pudu Central Kuala Lumpur	
3	Mini UTC Sentul, Kuala Lumpur	
4	UTC Ipoh, Perak	
5	UTC Kuantan, Pahang	
6	UTC Alor Setar ,Kedah	
7	UTC Kota Kinabalu, Sabah	
8	RTC Gopeng, Perak	8.00 pagi hingga 5.00 petang (Isnin hingga Jumaat)
9	RTC Bandar Baru Tunjong, Kelantan	
10	RTC Pekan, Pahang	

Jadual 18 : Senarai pejabat UTC/RTC

Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 420,756 jumlah permohonan diterima di Pejabat JPN Cawangan UTC dan RTC. Ini menunjukkan bahawa pengwujudan UTC/RTC disambut baik oleh rakyat dan mendapat kerjasama yang berterusan daripada semua pihak di samping menunjukkan komitmen yang tinggi daripada JPN dalam menjayakan gagasan 1 Malaysia.



Sesi menandatangani buku lawatan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di UTC Ipoh, Perak



Perasmian Mini UTC Sentul oleh YB Raja Nong Chik Bin Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan

Program My12 & My18

YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri telah melancarkan Program My12 dan My18 JPN pada 3 November 2013 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Limau, Daerah Yan, Kedah. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat mengenai kepentingan mendapatkan kad pengenalan ketika berumur 12 tahun selaras dengan sub peraturan 3, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 dan kewajipan untuk membuat penukaran kad pengenalan kad pengenalan kali kedua ketika berumur 18 hingga 25 tahun selaras dengan sub peraturan 18, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990. Ini memandangkan pengenalan diri yang sah



dapat memastikan seseorang individu tersebut layak untuk mendapatkan keistimewaan dari segi bantuan kerajaan seperti pendidikan, kesihatan, hak mengundi serta lain-lain lagi.



Penyerahan MyKad oleh YB Menteri Dalam Negeri kepada penerima-penerima

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif JPN 2013

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JPN telah diadakan pada 17 September 2013 bertempat di Auditorium Kompleks Kementerian Dalam Negeri, JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datin Seri Elena Chiang Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan).

Enam (6) kumpulan yang bertanding merupakan Johan Konvensyen KIK di peringkat zon. Berikut adalah senarai Kumpulan yang mewakili setiap zon :

Pada konvensyen kali ini, setiap pasukan KIK telah menunjukkan kepelbagaian transformasi kreativiti oleh setiap kumpulan dalam melakukan persembahan mengenai projek yang dilaksanakan.

Keputusan pada kali ini berpihak kepada Kumpulan Aspirasi dari JPN Negeri Terengganu manakala tempat kedua disandang oleh

BIL	JPN IBU PEJABAT/NEGERI	NAMA KUMPULAN	TAJUK PROJEK KIK
1	JPN Negeri Terengganu (Zon Pantai Timur)	Aspirasi	Kesukaran proses pengambilan gambar MyKad di luar pejabat
2	JPN Negeri Kedah (Zon Utara)	Pantera	Pemasangan perkakasan untuk memproses permohonan Kad Pengenalan tidak sistematik
3	JPN Negeri Sabah (Zon Sabah/Sarawak/ Labuan)	Crocker	Semakan permohonan pembetulan Butiran Kelahiran mengambil masa yang panjang
4	JPN Negeri Perak (Zon Tengah)	NRD	Kutipan MyKad siap oleh pelanggan adalah sederhana
5	JPN Negeri Johor (Zon Selatan)	Sfera	Cabutan Sijil Kelahiran yang belum naik aras cetakan lambat dikeluarkan di JPN Segamat, Johor
6	JPN Putrajaya (BKP) (Zon Ibu Pejabat)	Gema	Kelemahan Sistem Access Pindaan Butiran Kad Pengenalan

Jadual 19 : Senarai Nama Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Tahun 2013



Kumpulan Crocker, JPN Negeri Sabah dan pemenang tempat ketiga dari Kumpulan Pantera, JPN Negeri Kedah. Hadiah, cenderahati dan sijil penghargaan telah disampaikan oleh YBhg. Datin Seri Elena Chiang Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan).



Kumpulan Aspirasi (JPN Terengganu) dinobatkan sebagai Johan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2013



Pameran Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) 2013

Sambutan Hari Inovasi JPN 2013

Sambutan Hari Inovasi JPN 2013 dengan tema Inovasi Pemangkin Kecemerlangan buat pertama kalinya dianjurkan dengan kerjasama JPN WPKL, JPN Selangor dan JPN Negeri Sembilan. Sambutan ini telah diadakan di Auditorium Kompleks Kementerian Dalam Negeri, JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 18 September 2013. Majlis tersebut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah JPN, Pengarah Bahagian dan Negeri dan tetamu jemputan yang terdiri dari Panel Penilai Inovasi

dan Warga JPN. Acara bermula dengan sesi ceramah yang telah disampaikan oleh Encik Abszra A/L Davadason Peter, pegawai dari MAMPU dengan tajuk Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Sektor Awam. Sebanyak lima (5) Kategori Anugerah Inovasi telah dipertandingkan melibatkan sebanyak 114 penyertaan merangkumi :

- I. Anugerah Perkhidmatan Kaunter Terbaik;
- II. Anugerah Inovasi ;
- III. Anugerah Inovasi Kewangan;
- IV. Anugerah Amalan Persekitaran Berkualiti 5S 1JPN; dan
- V. Anugerah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif

Penyampaian hadiah kepada Pemenang Anugerah Inovasi JPNM 2013 telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Seri Elena Chiang Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan). Turut disampaikan pada hari tersebut adalah Sijil dan Cenderahati kepada Panel Penilai dan juga Sijil Penyertaan Hari Inovasi JPN.

Penerapan budaya inovasi di kalangan warga JPN adalah amat penting dalam menghasilkan warga kerja yang berfikiran kreatif serta mampu menjana idea-idea baru dan memberi impak positif kepada jabatan. Ianya dapat meningkatkan kualiti dan keberhasilan yang menjadikan perkhidmatan JPN akan terus unggul dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.



Perasmian Sambutan Hari Inovasi JPN 2013 oleh YBhg. Datin Seri Elena Chiang Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan)





Penyampaian Anugerah Inovasi kepada pemenang oleh YBhg. Datin Seri Elena Chiang Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Pengurusan)

Hari Pendaftaran Negara

1 Oktober 2013 merupakan tarikh keramat buat seluruh warga JPN khususnya dan rakyat Malaysia secara umumnya kerana pada tarikh ini terukir sejarah buat julung-julung kalinya JPN menyambut Hari Pendaftaran Negara. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri di Ibu Pejabat JPN Putrajaya. Hari Pendaftaran Negara ini ditujukan khas kepada seluruh rakyat Malaysia yang tanpa jemu memberi sokongan kepada agensi kerajaan selaras dengan slogan baru jabatan iaitu "Rakyat Di Hati JPN".

Signifikan tarikh 1 Oktober dipilih sebagai Hari Pendaftaran Negara adalah kerana pada 1 Oktober 1948, Kad Pengenalan Kertas yang pertama yang juga dikenali sebagai Kad Beras telah dikeluarkan secara sistematik dan teratur kepada orang awam sebagai dokumen pengenalan diri untuk tujuan keselamatan dan catuan barang keperluan harian terutamanya untuk catuan pemberian beras. Selain itu, ia juga sebagai satu pengiktirafan kepada JPN berdasarkan kepada peranan penting yang dimainkan oleh JPN dari segi pendaftaran dan pengeluaran dokumen pengenalan diri semenjak dari zaman dahulu lagi.

Antara program yang diadakan semasa Pelancaran Hari Pendaftaran Negara adalah Pelancaran Logo dan Slogan baru JPN, Pelancaran Pakaian Seragam Petugas Barisan Hadapan JPN, Pelancaran Perkhidmatan JPN Zoom! dan Penyerahan Cek Sumbangan Tabung Wira Negara Lahad Datu sebanyak RM18,400.00 kepada Ketua Polis Negara. Disamping itu juga, JPN telah menjemput seramai 77 orang yang lahir pada 1 Oktober untuk turut bersama-sama memeriahkan sambutan tersebut yang juga merupakan hari lahir mereka.

Majlis ini telah dijadikan sebagai acara tahunan JPN dan akan disambut pada 1 Oktober setiap tahun.



Pelancaran "JPN Zoom!" oleh YB Menteri Dalam Negeri



Pengisytiharan dan Pelancaran Hari Pendaftaran Negara Malaysia oleh YB Menteri Dalam Negeri



OPS ID

Kes pembunuhan serta rompakan oleh seorang pengawal keselamatan warga Indonesia di Ambank Subang Jaya yang dikaitkan dengan isu lebih dari 500,000 MyKad dilaporkan hilang memberi impak kepada JPN. Sehubungan itu, JPN telah melaksanakan tindakan segera bagi membanteras penggunaan MyKad palsu oleh warga asing.

OPS ID dilaksanakan bermula pada 29 Oktober 2013 bertujuan untuk membasmi penggunaan kad pengenalan palsu khususnya di kalangan pengawal keselamatan. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 87 operasi dilaksanakan dan seramai 2,880 pengawal keselamatan telah diperiksa di 758 buah premis dan dari jumlah tersebut, seramai 42 orang pengawal keselamatan telah didakwa atas kesalahan memiliki kad pengenalan orang lain serta menggunakan kad pengenalan palsu. Kesemua mereka dijatuhi hukuman 1 hingga 7 bulan penjara dan usir.

Selain itu, JPN juga melaksanakan operasi bersepadu bersama-sama agensi penguatkuasa seperti KDN, PDRM, JIM, KPDNKK dan RELA untuk membanteras penggunaan MyKad palsu.



Semakan dokumen oleh Pengarah Bahagian Siasatan & Penguatkuasaan semasa OPS ID dijalankan



Antara pesalah yang ditahan semasa OPS ID

Penilaian Penarafan Bintang oleh MAMPU

Penilaian Penarafan Bintang oleh MAMPU yang telah berlangsung pada 2 hingga 11 Disember 2013 adalah kesinambungan bagi mengekalkan penarafan lima (5) bintang yang telah diberi pengiktirafan kepada JPN pada tahun 2011. Penilaian pada kali ini dilaksanakan pada tiga (3) peringkat pejabat seperti berikut:

PERINGKAT	TARIKH PENILAIAN
Ibu Pejabat Putrajaya	2 dan 3 Disember
Ibu Negeri Sarawak	5 Disember
Cawangan Kota Samarahan, Sarawak	6 Disember

JPN juga menyambut baik pelaksanaan Penarafan Bintang ini di mana semua agensi Perkhidmatan Awam akan sentiasa berusaha ke arah peningkatan tadbir urus yang baik selaras dengan objektifnya iaitu:

- i. menilai dan mengukur prestasi agensi kerajaan berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan supaya berada pada tahap yang cemerlang;
- ii. menggalakkan persaingan yang sihat di antara agensi Perkhidmatan Awam;
- iii. mengiktiraf penarafan bintang secara rasmi kepada agensi yang cemerlang; dan



- iv. penemuan-penemuan amalan baik, dasar serta strategi yang dilakukan oleh agensi diberi publisiti yang meluas oleh pihak MAMPU.



Penyampaian cenderahati oleh YBhg. Dato' KPPN kepada Ketua Panel dan Ahli Panel Penilai MAMPU

OPS Banjir

JPN telah melaksanakan urusniaga permohonan gantian dokumen pengenalan diri secara percuma bagi membantu mangsa banjir yang menghadapi masalah kehilangan dan kemusnahan dokumen pengenalan diri.

Sebanyak tiga (3) program outreach Program Rakyat Di Hati JPN telah diadakan untuk mangsa banjir di Pahang dan Terengganu untuk menawarkan perkhidmatan seperti permohonan gantian Gantian Kad Pengenalan, Gantian Sijil Kelahiran/Kematian/Anak Angkat, Gantian Sijil

Perkahwinan (bagi yang bukan Islam sahaja) serta khidmat nasihat.

Sehingga 31 Disember 2013, sejumlah 1,504 permohonan penggantian dokumen pengenalan diri telah diterima dan diproses secara percuma kepada mangsa banjir di Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor dengan pecahan Mykad - 928, Sijil Kelahiran - 568, Sijil Kematian - 7 dan Sijil Perkahwinan - 1.



Majlis penyampaian sumbangan kepada pegawai JPN yang menjadi mangsa banjir



Proses mengambil gambar bagi permohonan Gantian MyKad kepada mangsa banjir dengan menggunakan mini studio bergerak

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Anugerah Best National ID Program Award 2013 Peringkat Asia

JPN sekali lagi menempa nama di peringkat antarabangsa dengan memperolehi Anugerah The Best National ID Program di peringkat Asia anjuran Persidangan Cards dan Payments Asia



di Singapura pada 24 April 2013. Kemenangan ini menjadi bukti nyata yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia kerana meskipun sudah lebih 13 tahun projek MyKad dilaksanakan di negara ini, impak pelaksanaannya masih unggul dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Program ini adalah anjuran kali ke-2 oleh Syarikat Terrapin Pte Ltd dengan penyertaan oleh pelbagai sektor seperti perbankan, kewangan, kesihatan, peruncitan dan Kerajaan merangkumi 57 buah negara yang memaparkan kepelbagaian teknologi baru serta strategi-strategi untuk menambahbaik perkhidmatan.

Melalui pertandingan ini, JPN telah mengetengahkan kepentingan MyKad sebagai kad pelbagai guna yang sangat unik. Ini adalah inisiatif bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sektor kerajaan mahupun swasta melalui platform teknologi canggih masa kini yang unggul, terjamin dan dipercayai. Perkhidmatan seperti agihan kebajikan, penjualan tiket, program kesetiaan kini dapat dijalankan dengan lebih cepat melalui MyKad. Pada masa kini terdapat 50 permohonan didapati menggunakan MyKad dan yang paling popular adalah seperti:

- i. Dokumen pengenalan diri - JPN
- ii. Lesen memandu - JPJ
- iii. Public Key Infrastructure (PKI) – Trustgate and DigiCert (Certification Authorities)
- iv. Touch'n Go – Rangkaian Segar
- v. Registration of Competent Person – Ministry of Human Resource (MOHR)
- vi. ePasartani – Federal Agriculture Marketing Authority (FAMA)
- vii. eNelayan – Fisheries Development Authority (FDA)
- viii. Subsidy Program - MyKasih -Petroleum Nasional Berhad (Petronas)
- ix. MyKad Authentication Mobile Systems (MyKAMS)



Tuan Hj. Zakaria Bin Awi mewakili JPN menerima Plaque Anugerah The Best National ID Program di Singapura pada 24 April 2013

Pensijilan 5S 1JPN Kali Ke-2

Majlis Penyampaian Sijil Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S kepada JPN telah disempurnakan semasa Perhimpunan Bulanan KDN pada 2 September 2013 bertempat di Auditorium Blok D8, Kompleks D, Putrajaya. Sijil berkenaan telah disampaikan oleh Encik Ab. Rahim bin Yusoff, Pengarah Kanan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) kepada YBhg. Dato' Jariah binti Mohd. Said, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara dengan disaksikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri.

Pensijilan tersebut adalah hasil kejayaan JPN dalam lawatan audit pematuhan oleh MPC pada 17 Jun 2013 di 10 buah pejabat di seluruh negara. Justeru, JPN sekali lagi telah diperakukan bagi memperoleh Pensijilan 5S 1JPN kali kedua yang berkuatkuasa bagi tempoh 17 Jun 2013 hingga 16 Jun 2014.

Skop pensijilan 5S di JPN dikenali sebagai "5S 1JPN" iaitu satu sijil kepada JPN Ibu Pejabat Putrajaya dan 15 buah JPN Ibu Negeri seluruh Malaysia. Pensijilan ini memberikan cabaran hebat buat JPN, iaitu sekiranya salah satu pejabat JPN tidak layak diberikan pensijilan maka keseluruhan JPN gagal untuk memperoleh sijil tersebut. Pelaksanaan 5S 1JPN adalah bertujuan seperti berikut:

- i. memastikan komitmen semua pejabat JPN mengamal, memperolehi dan mengekalkan Pensijilan 5S;



- ii. memartabatkan perkhidmatan JPN sebagai Agensi Barisan Hadapan yang bertaraf lima (5) bintang dalam menghadapi cabaran untuk memastikan Ibu Pejabat JPN Putrajaya dan 15 Ibu Pejabat di peringkat negeri bersama-sama memperoleh Pensijilan 5S; dan
- iii. menjadikan Amalan 5S yang lebih seragam dan membudayakannya di semua pejabat JPN seluruh Negara bagi mewujudkan perkhidmatan yang cekap, tepat, berintegriti disamping meningkat produktiviti, kreativiti dan inovasi selaras dengan transformasi perkhidmatan awam.



YBhg. Dato KPPN menerima sijil Amalan Persekitaran Berkualiti 5S 1JPN daripada Encik Ab. Rahim bin Yusoff, Pengarah Kanan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Pensijilan MS ISO 9001:2008

Lawatan audit Pensijilan semula MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS telah diadakan pada 3 hingga 25 Julai 2013 di 29 buah Pejabat JPN merangkumi JPN Ibu Pejabat Putrajaya, JPN Ibu Negeri dan Cawangan. Hasil penilaian audit tersebut, JPN telah diperakukan dan berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi tempoh tiga (3) tahun bermula pada 23 September 2013 hingga 23 September 2016. Manual Kualiti ini merupakan panduan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti (SPK) di empat (4) Bahagian Urusniaga Utama dan beberapa Bahagian Sokongan JPN di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah di seluruh Malaysia. Manual Kualiti ini mengandungi keperluan-keperluan untuk melaksanakan sistem pengurusan kualiti mengikut standard MS ISO 9001:2008 di JPN yang mana dengan pelaksanaannya JPN perlu membuktikan keupayaan menyediakan dan menyampaikan perkhidmatan supaya memenuhi kehendak pelanggan dan keperluan/kehendak perundangan dan peraturan-peraturan yang digunakan. JPN juga bertekad mencapai matlamat untuk meningkatkan tahap kepuasan pelanggannya melalui pelaksanaan sistem yang efektif termasuklah proses-proses untuk penambahbaikan secara berterusan ke atas sistem ini. Manual Kualiti ini disediakan untuk mencapai tujuan berikut:

- i. mendokumenkan dasar kualiti jabatan, objektif kualiti dan struktur organisasi bagi membantu pemahaman dan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti yang berkesan;
- ii. menjelaskan komitmen pihak pengurusan terhadap kualiti;
- iii. menjelaskan tanggungjawab utama kakitangan yang memberi kesan langsung ke atas kualiti;



- iv. memastikan hala tuju pengurusan diketahui dan difahami oleh setiap kakitangan JPN;
- v. mencapai objektif Jabatan melalui pelaksanaan sistem pengurusan kualiti yang berkesan;
- vi. menggariskan dasar dan prinsip bagi setiap urus niaga utama yang terlibat dengan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti bagi mencapai matlamat, objektif dan misi jabatan serta memenuhi keperluan MS ISO 9001:2008;
- vii. sebagai rujukan asas bagi tujuan semakan pengurusan dan tugas audit kualiti yang hendak dijalankan; dan
- viii. menjadi panduan untuk melatih pekerja baru.

Key Performance Indicator (KPI) Menteri Dalam Negeri

Petunjuk Prestasi Utama YB Menteri Dalam Negeri (MKPI) bagi tahun 2013 yang melibatkan JPN merupakan:

- i. Pengeluaran MyKad dalam tempoh 24 jam di:
 - a) UTC
 - b) 15 pejabat negeri
- ii. Pertambahan 15 pusat cetakan teragih di cawangan

Dengan pemantauan yang rapi dan berterusan, JPN telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan seperti di jadual 19 :

KPI	PROGRAM	SASARAN	PENCAPAIAN
1	Percetakan MyKad dalam tempoh 1 hari (24 jam) di UTC (Melaka, Pudu Sentral, Ipoh, Kuantan, Kedah dan Mini UTC Sentul)	100%	100%
2	Percetakan MyKad dalam tempoh 1 hari (24 jam) di Ibu Pejabat Negeri	Sebelum Ogos: 80%	98.50%
		Selepas Ogos: 100%	100%
3	Tambahan Pusat Percetakan Teragih di 15 buah Pejabat Cawangan yang terpilih: (15 Ibu Pejabat Negeri/Cawangan) <ul style="list-style-type: none"> • Dungun • Machang • Kulim • Sri Aman • Batu Pahat • Keningau • Manjung • Temerloh • Besut • Sandakan • Raub • Tawau • Gua Musang • Sibu • Petaling Jaya 	100%	100%

Jadual 20 : Butiran Pogram/Perkhidmatan dan Pencapaian 2013



MKPI kedua bagi JPN adalah mengenai percetakan MyKad di 15 buah pejabat JPN negeri. JPN telah berjaya memperolehi 98.50% melebihi sasaran asal iaitu 80%. Melihat kepada pencapaian cemerlang dan konsisten, Pemandu, Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada bulan Ogos 2013 telah menaikkan sasaran kepada 100% dan ini merupakan satu cabaran kepada JPN untuk terus memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.


Pelaksanaan KPI ke-3 telah memberi faedah kepada penduduk setempat memandangkan MyKad dapat dikeluarkan dalam tempoh 1 hari berbanding sebelumnya mengambil masa 10 hari.

JPN sentiasa komited untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatannya demi kesejahteraan rakyat dan kepentingan negara. Justeru, bagi menzahirkan komitmen Jabatan dan kerajaan, JPN akan terus memastikan pencapaian dan prestasi yang mantap demi memberikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan melangkaui ekspektasi rakyat dan stakeholders, selain memartabatkan JPN sebagai Agensi Barisan Hadapan dengan perkhidmatan bertaraf dunia.

Integrasi Daftar Kematian Hedjaz

JPN juga berjaya menempa kejayaan dengan mengadakan kolaborasi antara JPN dan Lembaga Tabung Haji melalui integrasi Sistem Pendaftaran Kematian JPN dengan Sistem Pendaftaran Jemaah di Pejabat Lembaga Tabung Haji di Mekah dan Madinah sepanjang musim Hedjaz. Kolaborasi ini dibangunkan secara bersama bertujuan untuk merekod dan mendaftar kematian yang berlaku di Mekah dan Madinah secara "online real time" ke Ibu Pejabat JPN. Setiap maklumat kematian akan diterima JPN sebaik sahaja kematian didaftarkan oleh Pegawai JPN yang bertugas di Pejabat

Lembaga Tabung Haji di Mekah dan Madinah. Kolaborasi ini juga membolehkan JPN mengeluarkan sijil kematian dengan serta merta untuk diserahkan kepada waris si mati di Malaysia tanpa menunggu waris si mati hadir mendaftar kematian berkenaan. Dalam hal ini, JPN telah mengambil inisiatif untuk menghantar terus sijil kematian berkenaan kepada waris si mati. Inisiatif ini bukan hanya memudahkan proses kerja Jabatan tetapi telah memudahkan keluarga di Malaysia mendapatkan pengesahan kematian.



Paparan Skrin Sistem Hedjaz

Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2013

Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) merupakan pengiktirafan secara formal kepada agensi-agensi Kerajaan yang telah menunjukkan pemahaman mendalam tentang pengurusan dan peningkatan budaya kualiti serta yang telah mencapai tahap unggul dalam kepimpinan kualiti. Pengiktirafan AKPANS diberikan sempena sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang telah diadakan pada 10 Disember 2013 bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BOCK). Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dirasmikan oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak yang turut dihadiri oleh Menteri-menteri Kabinet Sarawak, Setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha Persekutuan, Ketua-ketua Jabatan / Agensi bersama-sama dengan penjawat awam Negeri dan Persekutuan di Sarawak.



JPN Negeri Sarawak telah dianugerahkan Anugerah Gangsa, Setiausaha Persekutuan Sarawak 2013 (Kategori Negeri). Anugerah yang diterima merupakan sebentuk Trofi, Sijil berbentuk Plaque dan cek bernilai RM5,000.00. Kriteria Penilaian Anugerah Ketua Menteri Sarawak (Kategori Negeri) adalah terdiri daripada:

- i. Kepimpinan Organisasi;
- ii. Pengurusan Kewangan;
- iii. Pengurusan Sumber Manusia;
- iv. Pengurusan ICT;
- v. Pembudayaan Organisasi Cemerlang;
- vi. Pengurusan Pelanggan; dan
- vii. Pencapaian Organisasi.

Proses Penilaian bagi memperolehi anugerah ini meliputi proses seperti berikut:

- i. Penilaian Kendiri (Self-Rating) oleh Agensi;
- ii. Dokumen agensi disemak dan dianalisis bagi menentukan kedudukan (Rating);
- iii. Agensi yang berjaya dikehendaki membenteng laporan untuk tujuan disenarai tapis (saringan); dan
- iv. Calon-calon agensi yang berjaya dalam saringan akan dinilai secara terperinci dengan melakukan lawatan ke premis agensi.

Lima Bintang : Malaysia Government Portals And Website Assessment (MGPWA)

Portal Rasmi JPN telah berjaya mengekalkan penarafan lima (5) bintang bagi Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan 2013 (MGPWA 2013).

Penilaian ini telah dilaksanakan oleh Pihak Penilai yang terdiri daripada MDeC, MAMPU, MOSTI, PSD dan EPU bermula pada April hingga November 2013. Sebanyak 1, 285 portal dan laman web yang dinilai namun hanya 360 sahaja yang mendapat penarafan lima (5) bintang.

Empat (4) kriteria penilaian yang wajib dipatuhi tanpa gagal bagi membolehkan penarafan lima (5) bintang diberi adalah seperti berikut:

- i. Penetration Test;
- ii. ICT Security Incidents;
- iii. Public Complaints; dan
- iv. English Review.

Tempat Ke-2 Anugerah YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Sempena Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Ke-26 Peringkat Negeri Perak

Pada 2 September 2013, Kumpulan NRD telah berjaya melakar sejarah dengan meraih Anugerah YB Setiausaha Kerajaan Negeri bagi kategori pengurusan di Konvensyen KIK Sektor Awam Ke-26 Peringkat Negeri Perak Tahun 2013 yang diadakan di Dewan Bankuet, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Projek yang telah dilaksanakan oleh kumpulan di konvensyen pada kali ini adalah bertajuk "Kutipan MyKad Siap Oleh Pelanggan Adalah Sederhana". Walaupun MyKad dapat disiapkan dalam tempoh yang singkat, pelanggan masih lagi perlu membuat pilihan samada menunggu atau kembali semula bagi membuat kutipan. Pelanggan juga perlu melalui

Penyampaian Anugerah Gangsa, Setiausaha Persekutuan Sarawak 2013 (Kategori Negeri) oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud



proses pengambilan nombor giliran, dan ini mengakibatkan timbul rungutan dari pelanggan. Selari dengan kehendak inovasi yang memerlukan ciptaan atau perubahan proses kerja baru, Kumpulan NRD telah bersetuju untuk membina 'kaunter pandu lalu' bagi mempercepatkan urusan pengambilan MyKad siap. Perubahan ini dapat menjimatkan masa proses serahan, menjimatkan masa menunggu pelanggan dan meningkatkan kutipan MyKad siap di JPN Ipoh. Faktor keselamatan juga terjamin kerana pondok kaunter pandu lalu ini dibangunkan di dalam kawasan Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Cawangan Negeri Perak dan berhampiran dengan pondok pengawal dengan laluan dibuat berhampiran dengan pintu utama keluar dan masuk kompleks. Wujudnya pondok kaunter pandu lalu ini turut menyelesaikan masalah parkir kereta di Kompleks KDN tersebut.



Sesi bergambar Kumpulan NRD, JPN Perak bersama Ketua Panel Hakim KIK dan Sijil Penghargaan

Tempat Ke-2 Anugerah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Kementerian Dalam Negeri

Pada 26 November 2013 Kumpulan KIK Gerak Harmoni daripada Negeri Johor mewakili JPN telah memenangi tempat kedua di dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat KDN sempena Hari Inovasi KDN 2013 yang berlangsung di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abd Aziz di Universiti Putra Malaysia

(UPM) Serdang. YB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi merupakan tetamu kehormat pada majlis tersebut telah merasmikan dan menyampaikan hadiah kepada pemenang. Kemenangan ini membolehkan Kumpulan Gerak Harmoni menerima Piala, Sijil dan cek bernilai RM3,000.00.

Kumpulan Gerak Harmoni telah melaksanakan projek bertajuk 'Lambat Carian MyKad Ekspres Untuk Diserah Kepada Pemilik' yang bertujuan untuk mempercepatkan carian MyKad sebelum dapat diserahkan kepada pemilik sekaligus meningkatkan mutu perkhidmatan kaunter di Bahagian Kad Pengenalan JPN Negeri Johor. Projek telah memberi impak positif kepada Jabatan secara keseluruhan.



Penyampaian Hadiah, Sijil dan Cek bernilai RM3,000.00 oleh YB. Menteri Dalam Negeri Kepada Ketua Kumpulan Gerak Harmoni, JPN Johor



Sesi bergambar Kumpulan Gerak Harmoni bersama YBhg. Dato' KPPN & TKPPN (ICT)



Jaringan Kerjasama Dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Jaringan kerjasama JPN dengan agensi kerajaan yang lain merupakan langkah untuk meningkatkan faedah dan mengoptimalkan sumber dalam kalangan perkhidmatan awam. Pada 16 Disember 2013, JPN telah menandatangani MOU dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi pelaksanaan Sistem Semakan Maklumat Individu (SSMI). Sistem tersebut bertujuan untuk membolehkan semakan awal maklumat diri individu dilakukan dengan cepat, tepat dan berintegriti sebelum dilantik sebagai penjawat awam.

Usaha ini bukan sahaja menepati saranan kerajaan untuk menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), malah ia juga menjadi satu kebanggaan kerana mampu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan JPN dalam perkongsian maklumat dengan agensi lain. Pelaksanaan inisiatif ini telah memberikan impak besar dalam menambahbaik proses kerja dan kualiti perkhidmatan kerana semakan maklumat individu menggunakan sistem tersebut hanyalah mengambil masa selama empat (4) saat. Pendekatan seumpama ini akan terus dipergiatkan pada masa hadapan bagi memastikan perkhidmatan JPN kekal relevan dan dinamik selari dengan arus perubahan masa dan teknologi.

Pelaksanaan Program Latihan

Setiap anggota Jabatan perlu menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam setahun selaras dengan penguatkuasaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Sehingga 31 Disember 2013, semua anggota Jabatan telah menghadiri kursus pada tahun ini. Keseluruhan anggota Jabatan seramai 4,072 (100%) orang telah menghadiri kursus melebihi tujuh hari. Secara keseluruhannya, kursus-kursus yang dilaksanakan memberikan peningkatan dan perubahan yang positif pegawai terhadap sikap, pengetahuan, kemahiran, keyakinan diri dan semangat untuk bekerja. Perubahan yang positif ini akan memberikan impak terhadap produktiviti dan penyampaian perkhidmatan Jabatan. Melalui penilaian yang dibuat oleh pegawai/penyelia ke atas pegawainya yang menghadiri kursus ini, secara keseluruhannya bersetuju bahawa kursus yang dihadiri telah memberikan impak yang positif terhadap beberapa aspek seperti sikap, kreativiti, keyakinan diri, pengetahuan dan kemahiran pegawai. Segala pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi telah diaplikasikan dengan baik di dalam tugas dan tanggungjawab yang diberikan. Statistik kehadiran anggota mengikut kumpulan perjawatan adalah seperti Jadual 21:

BIL	GRED / KUMPULAN	BIL. ANGGOTA	KEHADIRAN KURSUS		
			BIL. ANGGOTA HADIR > 7 HARI	BIL. ANGGOTA HADIR < 7 HARI	BIL. ANGGOTA TIDAK HADIR BERKURSUS
1	JUSA	5	5	-	-
2	PENGURUSAN & PROFESIONAL	195	195	-	-
3	SOKONGAN 1	3,570	3,570	-	-
4	SOKONGAN 2	302	302	-	-
JUMLAH		4,072	4,072	-	-
PERATUS		100%	100%	0%	0%

Jadual 20 : Statistik Kehadiran Berkursus Kakitangan JPN Bagi Tahun 2013



Jabatan

Pendaftaran Pertubuhan

PENGENALAN

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) adalah bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasa Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984, yang mana memperuntukkan kuasa kepada JPPM untuk mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak negara Malaysia serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pendaftaran berkaitan dengan pertubuhan dan cawangan pertubuhan berdaftar. JPPM diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. JPPM mempunyai pejabat di 14 buah negeri dan sebuah cawangan kecil di Miri, Sarawak.

PENCAPAIAN

Aktiviti-Aktiviti Utama Pengurusan Pertubuhan Sehingga 31 Disember 2013, JPPM telah menerima permohonan pendaftaran pertubuhan baru sebanyak 8,034 permohonan. Ini merupakan jumlah permohonan tertinggi dalam sejarah JPPM iaitu meningkat sebanyak 200 permohonan berbanding tahun 2012 sebanyak 7,834. Peningkatan ini disebabkan oleh penggunaan Sistem eRoses bagi permohonan persatuan baru yang lebih memudahkan pengguna. Sepanjang tahun 2013 juga, seramai 42,145 orang telah berdaftar sebagai pengguna di dalam Sistem eRoses.

Berikut merupakan statistik pendaftaran pertubuhan baru dan pengguna Sistem eRoses mengikut bulan adalah seperti jadual 22 :

BULAN	PENDAFTARAN PERTUBUHAN BARU	PENDAFTARAN PENGGUNA
JAN	709	1,137
FEB	737	1,187
MAC	778	1,627
APR	634	4,421
MEI	413	4,394
JUN	719	5,624
JUL	768	4,524
OGOS	601	3,742
SEP	689	3,412
OKT	672	2,452
NOV	670	4,516
DIS	644	5,109
JUMLAH	8,034	42,145

Jadual 22 : Statistik Pendaftaran baru dan Penggunaan Sistem E-Roses

Di bawah Seksyen 18 Akta Pertubuhan 1966, sesebuah pertubuhan berhak mengemukakan rayuan kepada YB Menteri Dalam Negeri ke atas keputusan pembatalan atau penolakan pendaftaran, penolakan permohonan pindaan undang-undang atau Perintah Pembubaran Sementara yang telah dibuat oleh Pendaftar Pertubuhan.

Selain itu, JPPM juga menjalankan aktiviti pemeriksaan ke atas pertubuhan, siasatan ke atas aduan, risikan dan pendakwaan bagi memastikan pengurusan pertubuhan dan pelaksanaan program/aktiviti pertubuhan adalah sejajar dengan Akta Pertubuhan 1966 dan Undang-Undang Tubuh Pertubuhan. Aktiviti penguatkuasaan Akta ini dijalankan oleh pegawai-pegawai Polis DiRaja Malaysia yang berkhidmat di JPPM dengan kerjasama Cawangan Penguatkuasaan JPPM Negeri.



Terdapat dua (2) kaedah pemeriksaan yang dilakukan iaitu pemeriksaan bernotis yang memfokuskan kepada pertubuhan bermasalah serta bagi menyiasat aduan mengenai sesuatu kesalahan yang telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan; dan pemeriksaan tanpa notis (mengejut) akan dibuat secara rambang dan berdasarkan aduan awam yang diterima.

JPPM akan menjalankan aktiviti siasatan berdasarkan aduan yang diterima terhadap sesuatu pertubuhan samada ia telah melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Perlembagaan Pertubuhan yang berkuatkuasa. Seterusnya, JPPM akan memperakukan kepada Timbalan Pendakwa Raya Negeri berkenaan untuk tindakan pendakwaan di mahkamah sekiranya hasil siasatan mendapati sesebuah pertubuhan itu telah melanggar Akta Pertubuhan 1966.

AKTIVITI-AKTIVITI SOKONGAN

Peruntukan Belanjawan Mengurus

Secara keseluruhan, Peruntukan Belanjawan Mengurus Jabatan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM21,277,918.00. Daripada jumlah ini, sebanyak 99% iaitu RM21,064,730.66 telah dibelanjakan. Sepanjang tahun 2013, jumlah kutipan hasil Jabatan adalah sebanyak RM452,548.25, iaitu peningkatan sebanyak 3.19% berbanding tahun 2012. Kutipan hasil yang diperolehi adalah daripada hasil kutipan fi yang dikenakan untuk yuran pendaftaran pertubuhan, yuran carian maklumat pertubuhan dan yuran rayuan terhadap penolakan atau pembatalan pendaftaran pertubuhan serta jualan panduan/ccontoh Perlembagaan Pertubuhan.

Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Dan Sambutan Hari Inovasi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia 2013

JPPM telah mengadakan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2013 bersekali dengan

sambutan Hari Inovasi JPPM 2013 bertempat di KSL Hotel & Resort, Johor Bahru, Johor. Konvensyen KIK yang diadakan pada 2 dan 3 Julai 2013 ini disertai oleh 15 pasukan yang mewakili Ibu Pejabat JPPM dan JPPM Negeri. Kemuncak Konvensyen KIK adalah sambutan Hari Inovasi JPPM yang diadakan pada 4 Julai 2013 di tempat yang sama. Keputusan Anugerah KIK dan Anugerah Inovasi adalah seperti di Jadual 23.

PERTANDINGAN	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA
Anugerah KIK	Kijang (JPPM Kelantan)	MyROS (JPPM Sabah)	ROSKED (JPPM Kedah)
Anugerah Inovasi	Transtech (JPPM Selangor)	e-Arahan (JPPM Terengganu)	Inspire (JPPM Johor)

Jadual 23 :Kumpulan Kijang (JPPM Kelantan) yang telah menjadi juara Anugerah KIK JPPM 2013.

Johan bagi setiap kategori menerima sijil penghargaan, wang tunai RM5,000 dan trofi. Naib Johan pula menerima sijil penghargaan dan wang tunai RM3,000 manakala tempat ketiga menerima sijil penghargaan dan wang tunai RM2,000.

Majlis Perasmian Sambutan Hari Inovasi telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Abdul Rahman bin Othman, Ketua Pengarah JPPM. Syabas dan tahniah diucapkan kepada kumpulan-kumpulan yang telah menang dalam setiap kategori dan sekalung penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan majlis ini.



Kumpulan Kijang (JPPM Kelantan) yang telah menjadi juara Anugerah KIK JPPM 2013.





Kumpulan ROSKED (JPPM Kedah) yang memenangi tempat ketiga dalam Anugerah KIK JPPM 2013.



Dato' Abdul Rahman bin Othman, Ketua Pengarah JPPM memberikan ucapan dan merasmikan Sambutan Hari Inovasi JPPM 2013.

Laporan Sesi Taklimat Dan Majlis Iftar Yb Menteri Dalam Negeri Bersama Keluarga Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (Jppm) 2013

Pada 29 Julai 2013, julung-julung kalinya Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Putrajaya telah menerima kunjungan daripada YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri. Kehadiran YB Menteri adalah untuk membuat lawatan rasmi ke semua jabatan/agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Program lawatan YB Menteri dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Abdul Rahman bin Othman, Ketua Pengarah JPPM. Seterusnya, YB Menteri dibawa ke galeri JPPM untuk membuat lawatan ringkas.

Program diteruskan dengan Majlis Iftar YB Menteri bersama keluarga JPPM di Dewan Seri Seroja, Presint Diplomatik, Putrajaya. Seramai 250 orang jemputan hadir pada majlis tersebut. Antara tetamu jemputan yang hadir ialah Y.Bhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha KDN, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/Agensi dan anak-anak dari Rumah Bakti Nur Syaheera. Sebelum berbuka puasa, semua hadirin disajikan dengan tazkirah ringkas yang disampaikan oleh Al-Fadhil Dr Ustaz Zamihan Mat Zin, Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam KDN, diikuti dengan majlis penyampaian sumbangan kepada anak-anak Rumah Bakti Nur Syaheera oleh YB Menteri. Majlis bersurai pada jam 10.30 malam selepas tetamu menikmati hidangan moreh.



Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan

Pertahanan Awam Malaysia



YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri bersama Pengurusan Tertinggi JPAM

PENGENALAN

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) ditubuhkan di bawah Akta Pertahanan Awam 1951 (Akta 221) dan bertanggungjawab secara langsung dalam aktiviti menyelamatkan dan kecemasan di seluruh negara. Aktiviti Pertahanan Awam di Malaysia telah dimulakan oleh pihak British pada tahun 1939 sebagai Passive Defence yang dibentuk di bawah Emergency Regulation Enactment Chapter 41 untuk mengadakan langkah-langkah bagi menghadapi Peperangan Dunia Kedua. Pada tahun 1951, The Civil Defence Ordinance 1951 digubal secara rasmi sebagai satu undang-undang dalam sistem keselamatan Tanah Melayu. Justeru itu, pada 24 Mac 1952, Jabatan ini telah ditubuhkan secara rasmi bagi melaksanakan peruntukan ordinan dan pada tahun 1972, Akta 221 dipinda bagi melaksanakan tugas dan peranan semasa aman dengan menjalankan perkhidmatan bantuan bencana. Kini, setelah 61 tahun penubuhannya, JPAM telah memperluaskan peranan dan melaksanakan pelbagai perkhidmatan dan program-program dalam usaha memastikan keselamatan nyawa dan harta benda orang awam terjamin.

PENCAPAIAN

Perkhidmatan Talian Kecemasan 999

Pada Mei 1995, Talian Kecemasan 999 telah dilancarkan sebagai tanda komitmen Jabatan Pertahanan Awam dalam memberikan khidmat bantuan kecemasan secara 24 jam. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan '999' sebagai talian kecemasan tunggal bagi menyatukan talian kecemasan yang membabitkan JPAM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Antara kes-kes yang dipertanggungjawabkan kepada JPAM ialah kemalangan jalan raya, kemalangan di tempat kerja, kes bunuh diri, kes pergaduhan, mangsa terperangkap, mangsa lemas, kebakaran, menangkap ular, memusnahkan sarang serangga dan juga perkhidmatan ambulans. Bagi tahun 2013, sebanyak 119,701 kes melibatkan 58,235 orang mangsa telah dikendalikan oleh JPAM. Statistik perbandingan kes talian kecemasan 999 bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti jadual berikut :



BIL	JENIS KES	2009	2010	2011	2012	2013
1	Kemalangan jalan raya	13,837	14,328	20,753	23,911	22,098
2	Kemalangan tempat kerja	201	144	242	261	164
3	Kes bunuh diri	100	89	170	125	97
4	Kes pergaduhan	470	361	676	646	505
5	Sakit	15,402	14,465	19,879	22,138	21,803
6	Mangsa Terperangkap	123	82	75	42	53
7	Mangsa lemas	102	98	188	180	146
8	Kes menangkap ular	9,276	17,788	25,233	33,761	39,106
9	Memusnahkan sarang serangga	6,366	9,369	15,627	16,831	19,014
10	Kes kebakaran	LLK	LLK	269	364	287
11	Lain-lain kes	6,693	8,877	12,817	15,340	16,428
Jumlah		52,570	65,601	95,929	113,599	119,701

Jadual 24 : Statistik bilangan kes dari tahun 2009 hingga 2013



Kemalangan jalan raya di Lebuhraya Lingkaran Tengah II menghala ke Ampang dari Gombak berdekatan Kg. Klang Gates pada 5 September 2013

Perkhidmatan Pengurusan Bencana dan Kecemasan

Dari sudut pengurusan bencana, terutamanya bencana banjir besar yang melanda Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan yang terbaru di Negeri Sarawak, JPAM dilihat begitu aktif, bukan sahaja menyelamatkan dan memindahkan mangsa, tetapi juga menjaga kebajikan mangsa di pusat-pusat pemindahan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selain banjir, JPAM juga turut terlibat dalam operasi pengurusan bencana lain seperti tanah runtuh, ribut, kebakaran dan sebagainya. Analisis penglibatan JPAM dalam perkhidmatan pengurusan bencana dan kecemasan bagi tahun 2013 adalah seperti di Jadual 25.

Bencana	Banjir	Ribut	Tanah Runtuh	Kebakaran Hutan	Kebakaran	Bot Karam	Runtuhan struktur	Bas jatuh Gaung
Jumlah kes	81	10	5	4	2	1	1	1
Mangsa	57,219	297	228	0	734	213	1	53

Jadual 25 : Butiran Perkhidmatan Pengurusan Bencana dan Kecemasan





Pada 5 Jun 2013, Pasukan Khas Pertahanan Awam telah menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan mangsa runtuhannya Jambatan Kedua Pulau Pinang



Pasukan JPAM membantu memindahkan mangsa banjir di Kampung Iran Niah, Miri, Sarawak pada 29 Disember 2013



Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal bersalaman dengan petugas banjir JPAM semasa lawatan beliau ke Kuantan, Pahang sambil diiringi YBhg Dato' Sulaiman Bin Haji Keling, Ketua Pengarah Pertahanan Awam Malaysia pada 12 Disember 2013



YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Kemaman, Terengganu

Perkhidmatan Kemanusiaan (Peperangan atau Ancaman Penganas)

Menurut Akta Pertahanan Awam 1951 (Akta 221), Jabatan ini bertanggungjawab untuk melaksanakan apa-apa langkah yang tidak melibatkan penggunaan senjata bagi menghadapi serangan musuh sama ada langkah itu diambil sebelum, semasa dan selepas serangan musuh. Sehubungan ini, dalam insiden pencerobohan Lahad Datu oleh kumpulan penganas, Kementerian Dalam Negeri telah melantik JPAM sebagai Lead Agency untuk memainkan peranan penting dalam usaha membantu mangsa pencerobohan penganas dengan mengambil langkah menyelamatkan, melindungi dan mengurangkan kehilangan nyawa serta mententeramkan situasi masyarakat dari kampung yang terlibat dengan pencerobohan tersebut. Rentetan itu, JPAM telah mewujudkan "Forward Command Base JPAM" di Felda Sahabat 16 yang bertindak bagi menyediakan pasukan medik yang terdiri daripada dua (2) buah ambulans dan 10 orang anggota yang bersedia memberi rawatan awal sekiranya berlaku kes kecemasan dan kecederaan.

Sementara itu, bagi menjaga keselamatan masyarakat awam bagi kawasan kampung-kampung yang terlibat, JPAM telah menyediakan



pusat pemindahan yang melibatkan sembilan (9) buah kampung. Empat (4) buah pusat pemindahan dibuka bagi menampung seramai 1,520 orang mangsa dengan menggunakan kekuatan logistik sebanyak dua (2) buah lori 5 tan, tiga (3) buah lori 3 tan dan tujuh (7) buah kenderaan pacuan 4 roda. Peranan JPAM semasa mengurus pusat pemindahan adalah menguruskan keperluan asas, menyediakan makanan bermasak, memberi bantuan rawatan awal kepada orang ramai dan aktiviti pemulihan serta motivasi kepada mangsa melalui sesi kaunseling dan ceramah.



Komander Operasi JPAM Ops Daulat, Kol. (PA) Abdul Wahab bin Hj. Rahim, menerima Pingat Kedaulatan Negara yang disampaikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia



Anggota JPAM menjalankan operasi memindahkan mangsa di Lahad Datu, Sabah



Proses pendaftaran mangsa di pusat-pusat pemindahan

Perkhidmatan Kawal Selia Pantai

Pasukan Penyelamat Pantai merupakan satu inisiatif JPAM untuk memberi perkhidmatan kepada pengunjung-pengunjung pantai yang sudah pasti terdedah kepada pelbagai bentuk kecemasan seperti lemas, serangan binatang berbisa, dan tsunami. Pada hari ini, JPAM mempunyai 32 menara penyelamat pantai di pantai-pantai peranginan utama di seluruh negara yang lengkap dengan peralatan menyelamat kecemasan di air termasuk jet ski dan peralatan menyelam. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 1,279 kes melibatkan 1,310 mangsa telah berjaya ditangani oleh Pasukan Penyelamat Pantai JPAM.

Gelombang Kesukarelaan

Aktiviti Jabatan Pertahanan Awam Malaysia secara amnya banyak ditunjangi oleh anggota-anggota yang terdiri daripada orang awam yang berkhidmat sebagai anggota sukarela. Dari tahun ke tahun, jumlah keanggotaan sukarelawan ini semakin meningkat selaras dengan peranan Jabatan ini yang semakin luas dan berkembang. Sepanjang tahun 2013 yang lalu, JPAM telah berjaya mendaftarkan sebanyak 106,343 anggota sukarelawan baru dan menjadikan jumlah keanggotaan terkini sebanyak 728,635 anggota di seluruh negara.



Memperkasa Kesiapsiagaan Awam

HANRUH atau pertahanan menyeluruh didefinisikan sebagai suatu bentuk pertahanan yang melibatkan secara menyeluruh agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan dan rakyat jelata dalam mempertahankan kedaulatan negara. HANRUH dibahagikan kepada lima (5) komponen iaitu keutuhan psikologi, penyatuan dan perpaduan rakyat, kesiapsiagaan awam, keutuhan ekonomi dan kesiapsiagaan keselamatan. JPAM merupakan agensi yang bertanggungjawab mengkoordinasikan aktiviti dan program bagi komponen kesiapsiagaan awam. Antara program yang telah dilaksanakan dalam membudayakan serta memperkasa kesiapsiagaan awam ini adalah Kadet Pertahanan Awam (KAPA), Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA), Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA), Civil Defence Emergency Response Team (CDERT), Latihan Kesiapsiagaan Awam Menghadapi Kecemasan (LKAMK), Program Awalan Kesedaran Keselamatan Pertahanan Awam (PROKSPA). Jadual dibawah menunjukkan pencapaian program-program tersebut:

Program	Pencapaian
KAPA	50,474 anggota kadet
Kor SISPA	4,678 pegawai kadet SISPA
CDERT	61 organisasi
PISPA	11,061 pelatih
LKAMK	412,169 orang awam dilatih
PROKSPA	102,437 orang murid dilatih



YB Datuk Dr. Hj. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan kemahiran di Majlis Pentauliahkan dan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA 2013 di UTHM, Alor Gajah.



Ujian Kemahiran menyelamat yang dilaksanakan pada Perkhemahan Integrasi Kadet Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan 2013 Di Pulau Pinang



Latihan Pertolongan Cemas kepada pelajar IKBN Alor Gajah pada 11 November 2013

PROGRAM & AKTIVITI JPAM

Ops Bantu

Tanpa mengira musim perayaan yang disambut, JPAM telah mengambil inisiatif melancarkan Ops Bantu yang secara umumnya memberi bantuan khidmat kemanusiaan musim perayaan di jalan persekutuan dan jalan negeri yang mempunyai statistik jumlah kemalangan yang tinggi. Antara tugas-tugas yang dijalankan adalah lanjutan dari perkhidmatan yang sedia ada, iaitu bantuan kecemasan serta ditambah dengan bantuan kepada pengguna jalan raya yang mempunyai kesulitan semasa perjalanan balik ke kampung untuk menyambut perayaan. Pada tahun 2013, Ops Bantu 6 dilancarkan pada perayaan Tahun Baru Cina dan kemudiannya disusuli dengan



Ops Bantu 7 sempena Hari Raya Aidilfitri. Bagi Ops Bantu 6, sebanyak 1,319 kes yang melibatkan 2,129 mangsa telah ditangani, manakala sebanyak 1,951 kes yang melibatkan 3,057 mangsa, dilaporkan dalam pelaksanaan Ops Bantu 7.



Anggota JPAM Melaka membuat rawatan awal kepada mangsa kemalangan jalan raya semasa membuat rondaan Ops Bantu 7 yang lalu



Ops Bantu 7 - Kes kemalangan jalan raya di Johor

Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Malaysia Kali Ke-61

Pada 24 Mac 2013, JPAM telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Malaysia Kali Ke-61 bertempat di Dataran Sejarah Ayer Keroh, Melaka. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Wira Abu Seman bin Abu, Timbalan Menteri Dalam Negeri.



Perbarisan Kehormat JPAM semasa Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Malaysia Kali Ke-61



Persembahan demonstrasi menyelamatkan daripada Pasukan CDERT JPAM Melaka

Lawatan Kerja YB Menteri Dalam Negeri ke JPAM

Pada 28 Mei 2014, Ibu Pejabat Pertahanan Awam Malaysia telah menerima lawatan kerja Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi. Antara pengisian lawatan tersebut ialah sesi taklimat oleh Ketua Pengarah Pertahanan Awam Malaysia, YBhg. Dato' Sulaiman Bin Haji Keling. YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi turut menyampaikan hasrat beliau untuk memperkasakan JPAM dari segi peranan, keupayaan logistik dan sumber manusia.





YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri memeriksa Perbarisan Kehormat JPAM



YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri melawat pameran JPAM



Di dalam ambulans JPAM semasa lawatan ke tapak pameran

Majlis Pentauliah dan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA kali ke-4

Pada 23 hingga 27 Ogos 2013, telah berlangsung Majlis Pentauliah dan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA kali ke-4

bertempat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Hj. Wan Junaidi Tuanku Jaafar. Seramai 217 orang pegawai kadet SISPA telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda Pertahanan Awam. Selain majlis pentauliah, program ini bertujuan untuk menilai tahap kemahiran Kor SISPA melalui acara pertandingan kemahiran.



YB Datuk Dr. Hj. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri memeriksa Perbarisan Kehormat Kor SISPA



Pertandingan Kemahiran Menyelamat



Pertandingan Kemahiran Pengurusan Kemalangan Jalan Raya





Sesi bergambar peserta seminar bersama YB Timbalan Menteri Dalam Negeri

Seminar Kesiapsiagaan Awam HANRUH

Pada 10 hingga 13 September 2013, JPAM telah mengadakan Seminar Kesiapsiagaan Awam HANRUH - 'Misi Kemanusiaan Semasa Peperangan' bertempat di Akademi Latihan Pertahanan Awam (ALPHA), Bangi, Selangor. Seramai 180 orang peserta yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta dan NGO telah hadir. Seminar ini bertujuan untuk memberi persediaan awal jika berlaku peperangan atau bencana di samping menjalin jaringan kerjasama antara

agensi-agensi terlibat. Seminar ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Dr. Hj. Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Pada 28 hingga 29 September 2013, JPAM sekali lagi melaksanakan Seminar Kesiapsiagaan Awam HANRUH - 'Perlindungan Awam Tanggungjawab Bersama' bertempat di Akademi Percukaian Malaysia, Kuching, Sarawak. Penyertaan kali ini melibatkan hampir 200 orang peserta dari pelbagai agensi kerajaan, swasta dan NGO di Sarawak dan Sabah.



Gimik Perasmian Seminar Kesiapsiagaan Awam HANRUH di ALPHA, Bangi



Majlis Perasmian Seminar Kesiapsiagaan Awam HANRUH di Kuching, Sarawak



Himpunan Pertahanan Awam Malaysia Ke-19

Pada 7 hingga 10 November 2013, JPAM telah menganjurkan Himpunan Pertahanan Awam Malaysia Ke-19 bertempat di Batu 1, Port Dickson, Negeri Sembilan. Ia merupakan

medan memperkasakan kemahiran dan kerja berpasukan yang utuh dan profesional di samping menguji tahap kecekapan anggota dalam menjalankan tugas-tugas operasi.



Antara acara kemahiran yang dilaksanakan sepanjang perhimpunan

Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Perkhidmatan Pertahanan Awam

Pada 24 Disember 2013, satu Majlis Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Perkhidmatan Pertahanan Awam telah diadakan di Akademi

Latihan Pertahanan Awam (ALPHA), Bangi, Selangor dan seramai 62 orang pegawai telah ditauliahkan. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Sulaiman bin Haji Keling, Ketua Pengarah Pertahanan Awam Malaysia.



YBhg. Dato' Sulaiman bin Hj. Keling, Ketua Pengarah JPAM memeriksa Perbarisan

Pegawai Perkhidmatan Pertahanan Awam yang diraikan



Laporan Tahunan 2013
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Percetakan

Nasional Malaysia Berhad

PENGENALAN

Percetakan Malaysia Nasional Berhad (PNMB) merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Di Perbadankan (MKD) dan merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri. PNMB tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965 dan akta-akta yang berkaitan dalam operasi perniagaan syarikat. Struktur PNMB terbahagi kepada Bahagian Operasi dan Bahagian Perkhidmatan dan diterajui oleh Pengarah Urusan yang dipantau oleh Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat.

PENCAPAIAN

PNMB telah mencapai peningkatan 39% dalam perniagaan sektor swasta dan berjaya mendapatkan projek dari Institut Penterjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Maxis, Astro, Petronas, CIMB dan Bursa Malaysia. PNMB juga telah memeterai perjanjian pengimejan digital pertama dengan menyediakan pengimbasan dokumen dan memfailkan penyelesaian kepada DIGI Johor. Selain itu, PNMB telah dianugerahkan kontrak untuk mencetak baucer bagi program Bucer Buku 1Malaysia (BB1M) dan program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Projek yang dilaksanakan melibatkan teknologi terkini dan mempamerkan keupayaan PNMB untuk menghasilkan dokumen keselamatan yang tinggi kualitinya. PNMB juga telah menaik taraf kapasiti pengeluaran dan kemudahan bagi outlet di Kuantan dan Kota Kinabalu bagi menampung permintaan percetakan yang semakin meningkat.

PRODUK DAN PERKHIDMATAN

PNMB bertanggungjawab dalam memenuhi pelbagai kehendak dan keperluan percetakan selain menawarkan khidmat konsultasi, reka

bentuk, pisah-warna, atur huruf, proses filem, kerja percetakan, penjilidan, kerja-kerja penyudahan, laminasi, pembungkusan dan juga penghantaran ke semua destinasi pelanggan.

PNMB juga dapat memenuhi keperluan pelanggan termasuklah penerbitan percetakan buku, risalah, laporan, borang, banner, bunting dan kad pintar menggunakan peralatan mesin percetakan dengan teknologi terkini.

PELAKSANAAN AKTIVITI

- Kunjungan muhibbah ke Yayasan Chow Kit Malaysia, KUALA LUMPUR pada 29 April 2013.
- Menyumbang prasarana dan bahan bacaan untuk Pusat Sumber SK Kangkong, Alor Setar, KEDAH
- Menyumbang prasarana dan bahan bacaan untuk Pusat Sumber SK Tibabar, Ranau, SABAH
- Bantuan Zakat Merangkumi Csr Dalam Program "Hajat" Edisi Ramadan Usahasama PNMB dan Astro Prima – PPRT Kampung Keda Sadek, Baling, KEDAH
- Lawatan semula ke projek tahun 2012 – SK Titi Gantung, Baling, KEDAH
- Pemuliharaan Batu Karang di Pulau Tenggol (Bahagian 2), Dungun, Terengganu
- Majlis Berbuka Puasa dan Penyerahan Zakat Perniagaan bersama Menteri Dalam Negeri, YB. Dato' Seri Dr Zahid B. Hamidi 25/7/2014
- 8. Majlis Pelancaran Pusat Percetakan Al-Quran Mushaf Malaysia bersama Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak 5/8/14





PNMB DI DADA AKHBAR

JULAI

Perasmian Pusat Sumber SK Tibabar Ranau Sabah (Projek CSR PNMB) dan Pelancaran Buku 'Sipadan Splendor' pada 27 Jun 2013

- Daily Express, 3 July 2013
- New Sabah Times, 3 July 2013
- The Borneo Post, 3 July 2013
- See Hua Daily News, 2 July 2013
- Utusan Borneo, 2 July 2013
- New Straits Times, 2 July 2013

Majlis Berbuka Puasa dan Penyerahan Zakat Perniagaan with Menteri Dalam Negeri, YB. Dato' Seri Dr Zahid B. Hamidi

- Bernama, 26 July 2013
- Bernama , 26 July 2013
- Utusan Online, 26 July 2013
- Utusan Malaysia, 26 July 2013
- Berita Harian, 26 July 2013
- Harian Metro, 26 July 2013



OGOS

Majlis Pelancaran Pusat Percetakan Al-Quran Mushaf Malaysia with Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak

- Pengeluar Al-Quran Kedua Terbesar, Berita Harian - 6 Ogos 2013
- Malaysia Kedua Terbesar cetak Al-Quran , Kosmo - 6 Ogos 2013
- Pusat percetakan Al-Quran terbesar selepas Arab Saudi, Harian Metro - 6 Ogos 2013
- Malaysia to be second biggest Quran printer in Asia, The Star - 6 August 2013
- We can be No. 2 Quran producer, News Straits Times - 6 August 2013
- Pencetak Al-Quran terbesar, Utusan Malaysia - 6 Ogos 2013

Projek Csr Pnmb – Pemuliharaan Semula Batu Karang, Pulau Tenggol, Dungun, Terengganu

- New lease of life for coral reefs (Page 1), News Straits Times - 16 Ogos 2013
- New lease of life for coral reefs (Page 2), News Straits Times - 16 Ogos 2013

Ucapan Terima Kasih YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia) kerana sudi melancarkan Pusat

Percetakan Al-Quran Mushaf Malaysia pada 5 Ogos 2013 di Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur

- Utusan Malaysia - 10 Ogos 2013

NOVEMBER

- Fokus Kepada Percetakan Keselamatan, Rakyat News.my - 15 November 2013
- Govt agencies urged to print security documents with PNMB, News Straits Times- 15 November 2013
- Majlis Menandatangani Perjanjian antara Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), myMetro - 15 November 2013
- Majlis Menandatangani Kontrak antara LHDN dan PNMB, FMT News - 15 November 2013
- Majlis Menandatangani MOU LHDN-PNMB, e-press: Jabatan Penerangan Malaysia - 15 November 2013
- Agensi Kerajaan Digesa Guna Khidmat PNMB, Keselamatan Dokumen Terjamin, BERNAMA - 15 November 2013
- Gov agencies urged to print security documents with PNMB, The Edged - 15 November 2013

